

UNSUR ISLAM DALAM CERPEN ANTOLOGI SEJADAH
IBADAH KARYA RADZEMAH BOLHASSAN
SATU PENGAPLIKASIAN TEORI
PENGKAEDAHAAN MELAYU

SITI MUNIRAH BINTI SAYUTI

UNIVERSITI

MALAYSIA

IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN

KELANTAN



**UNSUR ISLAM DALAM CERPEN ANTOLOGI
SEJADAH IBADAH KARYA RADZEMAH BOLHASSAN
SATU PENGAPLIKASIAN TEORI
PENGKAEDAHAAN MELAYU**

SITI MUNIRAH BINTI SAYUTI

**TESISINI DIKEMUKAKAN SEBAGAI MEMENUHI
KEPERLUAN UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA
PENGAJIAN WARISAN**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

PENGESAHAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau Institusi.



TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)



SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam talian (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____



SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah hak milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Tandatangan

Siti Munirah Binti Sayuti
C19A0754
Tarikh:

Tandatangan Penyelia

Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob
Tarikh:

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah dan Maha Penyayang

Alhamdulillah setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT di atas limpah dan kurnia-Nya menganugerahkan nikmat kehidupan dan kekuatan diri bagi menyelesaikan tugas ini. Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, sahabat serta keluarga baginda.

Segala puji bagi Allah atas keizinan-Nya, maka telah sempurna kajian ini dengan jayanya. In sha'Allah, kajian ini akan memberi manfaat kepada saya dari segi pengetahuan dan juga pengalaman yang diperoleh sepanjang pelaksanaan kajian dan pada masa akan datang.

Saya, Siti Munirah Binti Sayuti mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia saya iaitu Dr. Mohd Firdaus Bin Che Yaacob di atas kesabaran, sokongan, nasihat, bimbingan yang diberikan banyak membantu sejak kajian ini bermula sehingga kajian ini disudahkan dengan baik yang yang telah banyak membimbung dan berkongsi ilmu Selain itu, banyak-banyak terima kasih juga diucapkan kerana tidak jemu-jemu memberi sokongan moral serta mempercayai akan keupayaan saya untuk menjalankan kajian ini.

Tidak dilupakan juga rasa syukur dikurniakan ibu dan ayah yang hebat di samping sentiasa menyokong dari sudut fizikal serta mental sepanjang menjayakan kajian. Tanpa kata-kata dorongan yang sering dibisikkan sebagai pemangkin semangat mana mampu kajian ini disempurnakan dengan sempurna. Turut menghargai dengan ucapan terima kasih kepada rakan-rakan kerana setia di sisi dengan memberi semangat sesekali turut menyumbang buah fikiran serta cadangan ketika diperlukan.

Akhir kata, ucapan terima kasih juga kepada semua yang telibat secara langsung dan tidak langsung amat saya hargai dalam memberi sumbangan cadangan dan bantuan dalam menyiapkan tugas ini. Semoga Allah SWT membala jasa kalian dengan sebaik-baik balasan dan saya berharap penyelidikan ini dijadikan sebagai wadah ilmu yang berguna untuk tatapan generasi akan datang.

Sekian, terima kasih.

Nama	: Siti Munirah Binti Sayuti
Alamat	: Kampung Rekang Hulu, 16310 Bachok, Kelantan.
No. Tel	: 0133595923
Email	: munirahc19a0754@siswa.umk.edu.my

JADUAL KANDUNGAN		HALAMAN
	KANDUNGAN	
PENGESAHAN TESIS		i
PENGHARGAAN		ii
JADUAL KANDUNGAN		iii
SENARAI JADUAL		vi
SENARAI RAJAH		vii
ABSTRAK		viii
ABSTRACT		ix
BAB 1 PENDAHULUAN		
1.1 Pengenalan		1
1.2 Pernyataan Masalah		5
1.3 Persoalan Kajian		7
1.4 Objektif Kajian		8
1.5 Batasan Kajian		9
1.6 Kepentingan Kajian		14
1.7 Definisi Operasional		16
1.7.1 Unsur Islam		16
1.7.2 Cerpen		17
1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu		18
1.8 Organisasi Kajian		19
1.9 Penutup		22
BAB 2 SOROTAN KAJIAN LITERATUR		
2.1 Pengenalan		23
2.2 Pengkajian Terhadap Cerpen Di Malaysia		24
2.3 Pengkajian Terhadap Teori Pengkaedahan Melayu		55
2.4 Penutup		79
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN		
3.1 Pengenalan		80
3.2 Rekabentuk Kajian		81
3.3 Kaedah Kajian		82
3.3.1 Kaedah Kepustakaan		82
3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual		83
3.4 Pendekatan Teori		84
3.4.1 Latar Belakang Teori Pengkaedahan Melayu		84
3.4.2 Teori Pengkaedahan Melayu		86
3.4.2.1 Pendekatan Dakwah		87
3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan		87
3.4.2.3 Pendekatan Seni		88
3.4.3 Kerangka Konseptual		89
3.5 Penutup		90
BAB 4 ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN		
4.1 Pengenalan		91
4.2 Unsur Islam Yang Terdapat Dalam Cerpen Antologi Sejadaht Ibadah Karya Radzemah Bolhassan		92

4.2.1	Pendekatan Dakwah	92
4.2.1.1	Konsep Bersalam	92
4.2.1.2	Konsep Patuh Kepada Agama	96
4.2.1.3	Konsep Solat Jumaat	98
4.2.1.4	Konsep Dua Kalimah Syahadat	101
4.2.1.5	Konsep Kesyukuran	103
4.2.1.6	Konsep Sedekah	106
4.2.1.7	Konsep Takbiratulihram	108
4.2.1.8	Konsep Taat Kepada Orang Tua	111
4.2.2	Pendekatan Kemasyarakatan	114
4.2.2.1	Konsep Bertudung	114
4.2.2.2	Konsep Isteri Yang Taat	117
4.2.2.3	Konsep Perkahwinan	119
4.2.2.4	Konsep Rezeki	122
4.2.2.5	Konsep al-Quran dan Hadis	125
4.2.2.6	Konsep Menziarahi Jenazah	127
4.2.3	Pendekatan Seni	130
4.2.3.1	Konsep Berzikir	130
4.2.3.2	Konsep Dosa	132
4.2.3.3	Konsep Doa	134
3.2.3.4	Konsep Hari Kiamat	137
4.3	Masalah Sosial Yang Dihadapi Oleh Rentetan Kehidupan Dapat Mewujudkan Rasa Kecintaan Kepada Allah SWT	140
4.3.1	Pendekatan Dakwah	140
4.3.1.1	Melafazkan Kesyukuran	140
4.3.1.2	Menikmati Rezeki	144
4.3.2	Pendekatan Kemasyarakatan	146
4.3.2.1	Bertawakal Kepada Allah SWT	146
4.3.2.2	Menerima Takdir Allah SWT	148
4.3.2.3	Menzahirkan Keinsafan	150
4.3.3	Pendekatan Seni	153
4.3.3.1	Sentiasa Bersyukur	153
4.3.3.2	Sentiasa Beristigfar	155
4.3.3.3	Menzahirkan Keinsafan	157
4.3.3.4	Mensyukuri Hidayah Allah	159
4.4	Mengetengahkan Kaedah Dalam Mempertingkatkan Nilai Ketakwaan Kepada Allah SWT Melalui Cerpen Antologi Sejadah Ibadah Karya Radzemah Bolhassan	162
4.4.1	Pendekatan Dakwah	162
4.4.1.1	Nilai Taubat	162
4.4.1.2	Nilai Bersyukur	167
4.4.1.3	Nilai Bertafakur	170
4.4.1.4	Nilai-Nilai Moral Dalam al-Quran	172
4.4.1.5	Nilai Menggerjakan Solat	175
4.4.1.6	Nilai Keampunan	179

4.4.2	Pendekatan Kemasyarakatan	181
4.4.2.1	Nilai Keinsafan	181
4.4.2.2	Nilai Mengabdikan Diri Kepada Allah SWT	183
4.4.2.3	Nilai Keimanan Kepada Qada dan Qadar Allah SWT	188
4.4.3	Pendekatan Seni	191
4.4.3.1	Nilai Keikhlasan	191
4.4.3.2	Nilai Kesyukuran	193
4.4.3.3	Nilai Berdosa	196
4.5	Penutup	199
BAB 5	KESIMPULAN	
5.1	Pengenalan	200
5.2	Rumusan	201
5.3	Perbincangan	204
5.4	Cadangan	206
5.5	Penutup	208
BIBLIOGRAFI		209
BIODATA PENULIS		217

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI JADUAL

HALAMAN

Jadual 1.5: Senarai Unsur Islam Dalam Cerpen *Antologi Sejadah Ibadah*
Karya Radzemah Bolhassan

10

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

SENARAI RAJAH	HALAMAN
Rajah 3.4.1: Teori Pengkaedahan Melayu	85
Rajah 3.4.2: Pengkaedahan Keagamaan	86
Rajah 3.4.3: Kerangka Konseptual	89

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

Unsur Islam dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan
Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu.

ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian tentang cerpen antologi yang memaparkan tentang kehidupan masyarakat. Kajian ini dijalankan berdasarkan sebuah cerpen iaitu *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Kajian ini bertujuan untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Ekoran daripada itu, pernyataan masalah membuktikan bahawa terdapat segelintir masyarakat yang mengalami masalah sosial yang menyebabkan kurang memberikan penghayatan terhadap agama menyebabkan timbulnya masalah yang tidak diingini. Oleh itu, objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti, unsur Islam yang terdapat dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan dan untuk menganalisis masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan sehingga mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT serta untuk mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT melalui cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Sehubungan dengan itu, metodologi kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu memaparkan kaedah kepustakaan, analisis tekstual dan sumber internet. Dalam pada itu, pengkaji menggunakan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu berdasarkan pendekatan keagamaan. Justeru itu, dapatan kajian yang diperolehi ialah sikap masyarakat itu sendiri dapat membentuk dirinya. Oleh itu, bagi mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT kita hendaklah sentiasa menyucikan diri dengan mengikut segala tuntutan yang diperintahkan dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Kata Kunci: Unsur Islam, Masalah Sosial, Teori Pengkaedahan Melayu

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Islamic elements in the short story *Anthology Sejадah Ibadah* by Radzemah Bolhassan
An Application of Malay Methodology Theory.

ABSTRACT

This study is a study of anthology short stories that show about community life. This study was conducted based on a short story, the *Anthology Sejадah Ibadah* by Radzemah Bolhassan. This study aims to improve the value of piety to Allah SWT. As a result of that, the statement of the problem proves that there are a few communities that suffer from social problems that cause less appreciation of religion and cause unwanted problems. Therefore, the objective of this study is to identify the Islamic elements found in the short story *Anthology Sejادah Ibadah* by Radzemah Bolhassan and to analyze the social problems faced by the chain of life so as to create a sense of love for Allah SWT as well as to highlight methods in enhancing the value of piety to Allah SWT through the short story *Anthology Sejادah Ibadah* by Radzemah Bolhassan. In relation to that, the methodology of this study uses a qualitative design which displays library methods, textual analysis and internet sources. In the meantime, the researcher used the application of Malay Method theory based on a religious approach. Therefore, the findings of the study obtained is that the attitude of the community itself can shape itself. Therefore, in order to increase the value of piety to Allah SWT we must always purify ourselves by following all the demands that are commanded and abandoning all His prohibitions.

Keywords: Islamic Elements, Social Problems, Malay Methodological Theory

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pada dasarnya, kesusasteraan adalah ciptaan sebuah hasil kreatif hanya bukan semata-mata sebuah mitasi ataupun peniruan. Hal ini kerana kesusasteraan terbentuk sebagai sebuah hasil pekerjaan yang kreatif. Kebiasaannya, kesusasteraan dibahagikan mengikut daerah geografi atau bahasa dan latar bahasa penulis. Menurut (*Kamus Dewan*, 2007) bahasa sastera bukan dijadikan sebagai bahasa basahan malah menggunakan melalui kitab-kitab. Lantaran itu, kesusasteraan merujuk kepada hasil seni ataupun karya tulisan yang mengandungi bentuk prosa atau puisi yang mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tersendiri. Menurut Hashim Awang (1987) kesusasteraan merupakan sebagai alat penyampaian. Hal ini demikian kerana sesbuah karya kesusasteraan dihasilkan melalui daripada pengalaman hidup yang memaparkan tentang sesuatu kejadian yang berlaku.

Jika diteliti dengan lebih mendalam bidang kesusasteraan pada mulanya sebelum kedatangan Islam kebanyakkan dipengaruhi oleh agama Hindu. Hal ini bermakna menyebabkan wujudnya karya kesusasteraan Melayu asli dalam kalangan masyarakat. Karya kesusasteraan Melayu asli banyak dipengaruhi oleh karya-karya epik Hindu. Misalnya, epik Ramayana dan Mahabaratta yang mengandungi unsur dewa-dewi yang bersifat manusia dan Tuhan. Sehubungan dengan itu, menurut Abd. Rahim Ismail & Khairuddin Mohamad (2017) ada menyatakan bahawa karya kesusasteraan Melayu asli terdiri daripada dua bentuk iaitu sastera lisan dan sastera tulisan. Dalam konteks ini sastera yang tertua merupakan sastera lisan kerana penyampaiannya

melalui lisan dan ia diturunkan daripada satu generasi kepada generasi lain yang merangkumi segala penghasilan sastera yang dinikmati atau disampaikan, baik melalui tulisan dan pembacaan maupun pendengaran (Zalila Sharif, 1993: 5). Tambahan pula, sastera lisan ini mengandungi unsur tokok tambah dan unsur khayalan yang bertujuan sebagai alat hiburan dan pengajaran kepada masyarakat. Manakala, menurut kajian daripada Ani Omar (2012) ada menyatakan bahawa sastera tulisan bermula apabila masyarakat menguasai skrip Arab dan mencipta tulisan jawi. Rentetan itu, berlaku zaman peralihan iaitu selepas kedatangan Islam dan pengaruh Hindu semakin terhakis sedikit demi sedikit. Zaman ini merupakan zaman yang mengalami perubahan dalam bentuk karya daripada Hindu kepada unsur-unsur Islam.

Sehubungan dengan itu, cerpen merupakan sebuah bentuk prosa moden yang popular dalam sastera berbanding dengan novel atau drama (Nor Azah Abd Aziz, 2018). Prosa Melayu moden terdiri daripada tiga komponen utama iaitu cerpen, drama, dan novel. Dengan perkataan lain kata “cerpen” sebenarnya merupakan akronim bagi rangkai kata “cerita pendek” iaitu cer-pen yang merupakan salah satu daripada ragam kesusasteraan iaitu karya fiksyen atau cereka yang menggunakan wahana bahasa kreatif dan imaginatif untuk menghantar pengucapan pengarangnya kepada khayalak atau pembaca sasaran (Othman Puteh, 2001). Hal ini dapat digambarkan bahawa cerpen berdasarkan kisah-kisah kehidupan yang dilalui oleh masyarakat sama ada benar berlaku atau sekadar rekaan semata-mata. Umumnya, sesebuah karya dapat dikategorikan sebagai cerpen jika mengandungi kurang daripada 10 000 patah perkataan. Tambahan pula, cerpen mudah untuk didapati dalam pelbagai media berkala seperti majalah dan akhbar. Lantaran itu sehingga kini cerpen mengandungi kesatuan yang dapat dicapai terutamanya melalui plot di samping beberapa unsur lain seperti tema, latar, watak, gaya, dan sebagainya.

Pada tahun 1960-an, merupakan perkembangan penulisan cerpen dan lahirnya penulis baharu. Antaranya ialah Edrus, Mansor Sanusi serta Kembang Gemala. Selain itu, menurut Hashim Awang (1987) berpendapat bahawa cerpen merujuk kepada bentuk cereka pendek yang memaparkan satu persoalan yang membawa kesan yang indah. Di samping itu, ia berdasarkan fakta yang mengandungi imaginasi seorang pengarang serta gabungan antara pengalaman dengan rekaan pengarang. Sehubungan dengan itu, sebuah cerpen yang baik mengandungi mesej yang ingin disampaikan dengan jelas, menggunakan bahasa yang indah serta mudah untuk difahami oleh khayalak pembaca. Tambahan pula, cerpen menarik untuk dibaca kerana mempunyai isu semasa tentang alam kehidupan.

Seterusnya, menurut Ab Aziz Omar (2012) ada menyatakan bahawa unsur Islam merupakan amalan, tindakan, perlakuan, tingkah laku, ucapan, niat watak-watak, nama-nama watak ataupun tokoh, nama-nama tempat, peristiwa kebesaran, gelaran tarikh, hukum hakam, konsep dosa pahala, peralatan, hadis, ayat-ayat al-Quran dan sebagainya yang berkait langsung dan tidak langsung dengan agama Islam yang terdapat dalam sesebuah cerita. Rentetan itu, unsur Islam memaparkan tentang ketaatan seorang hamba kepada penciptanya dengan menerapkan ilmu tauhid dalam dirinya. Pada masa yang sama dapat membentuk masyarakat yang taat dan patuh kepada agama dan mengenal akan dosa dan pahala. Di samping itu, masyarakat dapat mengaplikasikan unsur Islam dalam kehidupan mereka seharian. Antaranya seperti mengabdikan diri kepada jalan Allah SWT, taat dan patuh pada perintah Allah SWT, berjuang menegakkan agama Islam dan sebagainya. Oleh itu, unsur Islam sangat penting untuk diterapkan dalam kalangan masyarakat kerana ia dapat membentuk masyarakat yang taat dan patuh kepada suruhan agama. Jika diteliti dengan lebih mendalam pengaruh Islam telah wujud sejak abad ke-14 Masihi lagi. Dalam hal ini pengaruh Islam telah membuktikan bahawa terdapat unsur-unsur Islam yang dapat

membentuk serta mendidik masyarakat melalui al-Quran dan Sunnah. Oleh itu, unsur Islam memainkan peranan penting dalam mengisi kekosongan jiwa masyarakat.

Pendek kata, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti dan menganalisis unsur Islam yang terdapat dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan yang dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Antologi cerpen yang dipilih oleh pengkaji ini menghimpunkan dua belas buah cerpen yang terdiri daripada *Adam Menari*, *Bening Cahaya Maulid*, *Cahaya Kasih*, *Di Ambang Kepasrahan*, *Fajar Yang Suram*, *Galang Ganti*, *Meniti Batas Waktu*, *Mengkal*, *Sampan Hanyut*, *Sejadah Ibadah*, *Selangkah Menuju Syurga*, dan *Utusan Memori*. Melalui antologi cerpen ini banyak maklumat yang dapat diperolehi oleh pengkaji dalam menyiapkan projek penyelidikan ini. Dalam pada itu, pengkaji mengaplikasikan satu teori iaitu teori pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang 1989. Dalam hal ini menurut Siti Haliza Yusop (2016) ada menyatakan bahawa teori Pengkaedahan Melayu menjadi penggerak ke arah pembinaan yang berkesan dalam menggilap dan membangunkan aspek intelektual dan emosi malah spiritual manusia. Namun begitu hanya teori pengkaedahan Melayu pengkaedahan keagamaan diaplikasikan oleh pengkaji melalui cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* ini.

1.2 Pernyataan Masalah

Menyentuh tentang pernyataan masalah pengkaji mendapati terdapat kelompongan dalam kajian melalui pengamatan awal terhadap kajian-kajian sedia ada berdasarkan sorotan kajian lepas. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas terdapat sejumlah kajian yang telah diteliti oleh pengkaji iaitu *Pemikiran Kerohanian Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Mutakhir dan Kesan Positif Kepada Kanak-Kanak* oleh Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016), *Alam dan Perlembagaan Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih S. Othman Kelantan* oleh Tuan Rusmawati Raja Hassan (2017), *Psikologi Kanak-Kanak Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Zaharah Nawawi* oleh Rosanita Hussin (2018), *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Wan Khairul Faiz Wan Kamarull Arifin (2019), *Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani* oleh Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Hanafiah (2019), *Analisis Cerpen Terpilih A. Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Wan Nurzafirah Wan Zin (2019), *Kepercayaan Agama Dalam Karya Penulis Pelbagai Etnik Sabah: Satu Kajian Terhadap Cerpen WADAH* oleh Asmiaty Amat & Norsuhaila Sulaiman (2019), dan *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntaian Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu* oleh Nur Safiah Mohamed Zakir (2020).

Menyedari hakikat di atas hasil daripada pengamatan terhadap kajian-kajian lepas, pengkaji mendapati bahawa kajian mengenai unsur Islam dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* masih belum diberi perhatian secara khusus oleh para pengkaji. Oleh hal yang demikian menyebabkan penerapan unsur-unsur agama Islam tidak dapat memberikan sebarang penghayatan dalam diri masyarakat dalam mencari jalan keredhaan Allah SWT. Sehubungan dengan itu, masyarakat hendaklah sentiasa

diingatkan agar tidak melupakan tanggungjawab dan amanah sebagai hamba Allah. Penerapan unsur-unsur Islam memainkan peranan penting dalam sesebuah institusi kekeluargaan kerana dapat membentuk sebuah keluarga yang beriman dan bertakwa pada jalan Allah SWT. Justeru itu, masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat dapat dibendung dengan mudah dengan menerapkan unsur-unsur Islam dalam diri kalangan masyarakat.

Pendek kata, kajian-kajian lepas jelas menunjukkan bahawa pengkajian terhadap unsur Islam masih belum dilakukan secara meluas dan menyeluruh. Justeru itu, wujud rasa tanggungjawab dalam diri pengkaji untuk mengisi kelomongan kajian-kajian sebelum ini dan berhasrat untuk mengisi ruang tersebut dengan melakukan satu penelitian terhadap unsur Islam dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Hal ini demikian kerana pengkaji berhasrat untuk mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dengan mendorong seseorang kearah kebaikan yang mana menghindari penyebab kepada kelalaian manusia daripada menunaikan kewajipan agama dan juga penyebab kepada hilangnya usaha untuk meningkatkan ibadah kepada Allah SWT.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.3 Persoalan Kajian

Melalui kajian ini terdapat beberapa persoalan yang cuba dirungkaikan oleh pengkaji antaranya:

- 1.3.1 Apakah unsur Islam yang terdapat dalam cerpen *Antologi Sejадah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan?
- 1.3.2 Adakah masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan dapat mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT?
- 1.3.3 Bagaimanakah untuk mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT melalui cerpen *Antologi Sejادah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan?

1.4 Objektif Kajian

Tujuan objektif dilakukan adalah untuk memperincikan kajian yang akan dilaksanakan berdasarkan antologi cerpen pilihan. Bagi memperincikan kajian ini terdapat tiga objektif kajian:

- 1.4.1 Mengenalpasti unsur Islam yang terdapat dalam cerpen *Antologi Sejadaah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan.
- 1.4.2 Menganalisis masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan sehingga mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT.
- 1.4.3 Mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT melalui *Antologi Sejadaah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan.

1.5 Batasan Kajian

Pengkaji membataskan kajian dengan menggunakan sebuah buku iaitu cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* ini mengandungi 149 halaman bercetak dan diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia Berhad (ITBM). Dalam pada itu, cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* ini merupakan terbitan pada tahun 2013. Cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* ini memaparkan dua belas buah cerpen yang terdiri daripada *Adam Menari, Bening Cahaya Maulid, Cahaya Kasih, Di Ambang Kepasrahan, Fajar Yang Suram, Galang Ganti, Meniti Batas Waktu, Mengkal, Sampan Hanyut, Sejadah Ibadah, Selangkah Menuju Syurga, dan Utusan Memori*. Antologi cerpen ini mengisahkan tentang permasalahan sosial, penerapan unsur-unsur Islam, nilai-nilai persahabatan, dan kemanusiaan serta penelitian sudut sosiobudaya setempat.

Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas pengkaji menggunakan satu pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu iaitu pengkaedahan keagamaan. Teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan keagamaan terdiri daripada tiga iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Tambahan pula, teori pengkaedahan keagamaan melengkapkan teori Pengkaedahan Melayu. Oleh itu, pengkaji mengaplikasikan ketiga-tiga pendekatan tersebut melalui kajian ini. Hal ini demikian kerana agama merupakan tunjang bagi sesuatu kaum terutamanya agama Islam. Oleh hal demikian pegkaedahan keagamaan didasarkan pada keimanan dan bersendikan akidah agama yang bersumberkan al-Quran dan hadis. Pendek kata pendekatan ini bertujuan untuk menonjolkan dan membesarakan sifat-sifat keagungan Allah SWT serta mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa pendekatan-pendekatan yang dikemukakan melalui teori Pengkaedahan Melayu sangat bersesuaian dengan masyarakat dan budaya Melayu. Hal ini menggambarkan bahawa sifat yang dipertonjolkan memaparkan nilai-nilai keperibadian masyarakat Melayu dengan daya kreativitinya yang tersendiri. Dalam pada itu, teori Pengkaedahan Melayu berjaya dalam memaparkan maksud tersurat dan tersirat melalui sebuah karya. Pendek kata ia memenuhi kriteria dalam melaksanakan kritikan ke atas teks-teks sastera Melayu.

Unsur Islam Dalam Cerpen Antologi Sejadah Ibadah

Karya Radzemah Bolhassan

Bil.	Unsur Islam	Cerpen Antologi Sejadah Ibadah
1	Konsep Bersalam	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Utusan Memori</i> • <i>Selangkah Menuju Syurga</i>
2	Konsep Patuh Kepada Agama	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Bening Cahaya Maulid</i>
3	Konsep Solat Jumaat	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Bening Cahaya Maulid</i>
4	Konsep Dua Khalimah Syahadat	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Utusan Memori</i>
5	Konsep Kesukuran	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Galang Ganti</i> • <i>Meniti Batas Waktu</i> • <i>Mengkal</i>
6	Konsep Sedekah	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Meniti Batas Waktu</i>
7	Konsep Takbiratulihram	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Mengkal</i>
8	Konsep Taat Kepada Orang Tua	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Sampan Hanyut</i>
9	Konsep Bertudung	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Adam Menari</i>
10	Konsep Isteri Yang Taat	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Adam Menari</i>
11	Konsep Perkahwinan	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Sampan Hanyut</i>
12	Konsep Rezeki	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Galang Ganti</i> • <i>Meniti Batas Waktu</i>
13	Konsep al-Quran dan Hadis	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Bening Cahaya Maulid</i>
14	Konsep Menziarahi Jenazah	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Di Ambang Kepasrahan</i>

15	Konsep Zikir	<ul style="list-style-type: none"> <i>Bening Cahaya Maulid</i>
16	Konsep Dosa	<ul style="list-style-type: none"> <i>Utusan Memori</i>
17	Konsep Doa	<ul style="list-style-type: none"> <i>Utusan Memori</i> <i>Meniti Batas Waktu</i>
18	Konsep Hari Kiamat	<ul style="list-style-type: none"> <i>Adam Menari</i>
19	Melafazkan Kesyukuran	<ul style="list-style-type: none"> <i>Utusan Memori</i> <i>Sejadah Ibadah</i>
20	Menikmati Rezeki	<ul style="list-style-type: none"> <i>Utusan Memori</i>
21	Bertawakal Kepada Allah SWT	<ul style="list-style-type: none"> <i>Adam Menari</i>
22	Menerima Takdir Allah SWT	<ul style="list-style-type: none"> <i>Utusan Memori</i>
23	Menzahirkan Keinsafan	<ul style="list-style-type: none"> <i>Utusan Memori</i> <i>Sejadah Ibadah</i>
24	Sentiasa Beristigfar	<ul style="list-style-type: none"> <i>Sejadah Ibadah</i>
25	Mensyukuri Hidayah Allah	<ul style="list-style-type: none"> <i>Sejadah Ibadah</i>
26	Nilai Taubat	<ul style="list-style-type: none"> <i>Bening Cahaya Maulid</i> <i>Sejadah Ibadah</i>
27	Nilai Bersyukur	<ul style="list-style-type: none"> <i>Mengkal</i> <i>Fajar Yang Suram</i> <i>Meniti Batas Waktu</i>
28	Nilai Bertafakur	<ul style="list-style-type: none"> <i>Sejadah Ibadah</i>
29	Nilai-Nilai Moral Dalam al-Quran	<ul style="list-style-type: none"> <i>Utusan Memori</i> <i>Bening Cahaya Maulid</i>
30	Nilai Mengerjakan Solat	<ul style="list-style-type: none"> <i>Sejadah Ibadah</i> <i>Fajar Yang Suram</i>
31	Nilai Keampunan	<ul style="list-style-type: none"> <i>Utusan Memori</i>
32	Nilai Keinsafan	<ul style="list-style-type: none"> <i>Utusan Memori</i>
33	Nilai Mengabdikan Diri Kepada Allah SWT	<ul style="list-style-type: none"> <i>Fajar Yang Suram</i> <i>Utusan Memori</i>
34	Nilai Keimanan Kepada Qada dan Qadar Allah	<ul style="list-style-type: none"> <i>Selangkah Menuju Syurga</i>
35	Nilai Keikhlasan	<ul style="list-style-type: none"> <i>Cahaya Kasih</i>
36	Nilai Insan Berdosa	<ul style="list-style-type: none"> <i>Di Ambang Kepasrahan</i>

Jadual 1.5: Senarai Unsur Islam Dalam Cerpen Antologi Sejadah Ibadah

Karya Radzemah Bolhassan

1.5.1 Justifikasi Kajian

Jika diteliti dengan lebih mendalam pemikiran penulis dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan yang cuba disampaikan kepada pembaca mengenai sebuah kehidupan yang mempunyai pelbagai latar belakang yang mengamit pengkaji untuk menerokai secara lebih mendalam mengenai cerpen ini. Cerpen ini meliputi dua belas cerpen yang terdiri daripada *Adam Menari*, *Bening Cahaya Maulid*, *Cahaya Kasih*, *Di Ambang kepasrahan*, *Fajar Yang Suram*, *Galang Ganti*, *Meniti Batas Waktu*, *Mengkal*, *Sampan Hanyut*, *Sejadah Ibadah*, *Selangkah Menuju Syurga*, dan *Utusan Memori*. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* menghimpunkan garapan cerpen yang menyeluruhi permasalahan sosial, penerapan unsur-unsur Islam, nilai-nilai persahabatan, dan kemanusiaan serta penelitian sudut sosiobudaya setempat yang menarik penulis untuk menghayati cerpen ini. Di samping itu, berdasarkan cerpen ini juga membuka minda masyarakat untuk menghayati dan menerapkan unsur-unsur Islam dalam kehidupan seharian. Sebagai contoh, bersyukur, bertawakal, bertaubat, beriman kepada hari kiamat, beristigfar kehadrat Ilahi dan sebagainya.

Seterusnya, justifikasi kajian dapat dilihat menerusi watak dan perwatakan yang dipertonjolkan dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah*. Hal ini dikatakan demikian kerana watak merupakan pendukung atau pelakon yang memainkan peranan bagi menggerakkan atau menghidupkan sesebuah cerita dalam sesebuah karya. Oleh itu, menerusi cerpen ini dapat dilihat menerusi cerpen *Adam Menari* yang memaparkan kehidupan yang penuh dengan pancaroba. Misalnya, dapat dilihat menerusi watak Puan Rabiah yang penyabar dalam mengharungi kepahitan kehidupan berumah tangga yang terpaksa menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga.

Selanjutnya, justifikasi kajian berdasarkan cerpen *Antologi Sejadaah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan dapat dilihat dari segi plot. Disingkapkan disini plot merupakan rentetan peristiwa yang menimbulkan kesan daripada sebab dan akibat. Dalam pada itu, plot terdiri daripada permulaan, perkembangan, perumitan, puncak (klimaks) dan peleraian. Hal ini memaparkan keseluruhan mengenai sesebuah jalan cerita yang mengamit pembaca untuk menghayatinya. Berdasarkan plot ini dapat dilihat menerusi cerpen *Sampan Hanyut* yang memaparkan mengenai sebuah kehidupan masyarakat yang berhijrah daripada miskin kepada kaya.

Selain itu, justifikasi kajian dapat dilihat menerusi penggunaan gaya bahasa dalam cerpen *Antologi Sejadaah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Penggunaan gaya bahasa sangat penting dalam sesebuah karya. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap gaya bahasa yang dipertonjolkan mempunyai makna yang tersurat dan tersirat. Gaya bahasa juga meliputi metafora, anafora, simile, apifora, repitasi, asonasi, aliterasi, sinkope, personafikasi dan sebagainya. Di samping itu, gaya bahasa juga digunakan bagi tujuan sindiran kepada masyarakat. Hal ini dapat dilihat menerusi cerpen *Sejadaah Ibadah*.

Justifikasi kajian yang terakhir mengenai ilustrasi. Hal ini dikatakan demikian kerana ilustrasi pada sesebuah cerpen memainkan peranan penting untuk mempengaruhi pemikiran pembaca untuk menghayati karya tersebut. Disingkapkan disini ilustrasi pada cerpen *Antologi Sejadaah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan sangat menarik untuk dihayati kerana ia mempunyai saiz teks yang bersesuaian dengan karya cerpen dan juga ilustrasi pada bahagian depan cerpen tersebut yang minima. Tambahan pula, warna pada cerpen ini berwarna lembut dan bertepatan dengan kandungan cerpennya.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini memberikan kepentingan dalam kalangan masyarakat terutamanya di Malaysia kerana dapat membangun dan mengembangkan karya sastera ke seluruh persada dunia. Melalui kesedaran tentang cerita pendek atau dikenali sebagai cerpen ini, masyarakat dapat mengenal pasti serta memahami isi yang terkandung dalam cerita tersebut. Tambahan pula, melalui cerpen ini dapat mewujudkan serta melahirkan perasaan keinsafan terhadap kalangan pembaca. Lebih-lebih lagi dapat memberikan pengajaran kepada masyarakat serta kalangan pembaca. Hal ini secara tak langsung akan memberikan semangat serta dorongan kepada masyarakat untuk berubah ke arah yang lebih baik.

Seterusnya, cerpen juga boleh dijadikan sebagai alat hiburan kepada masyarakat dahulu dan kini. Hal ini memang sejajar dengan masyarakat pada zaman dahulu kerana tidak mempunyai media hiburan oleh itu cerpen atau cerita pendek ini dijadikan medium perantaraan sebagai alat hiburan. Dalam zaman yang serba canggih ini pelbagai alat hiburan dipamerkan bagi menarik minat masyarakat juga tidak ketinggalan cerpen diaplikasikan dalam pelbagai bentuk bagi menarik minat golongan pembaca untuk memartabatkan prosa Melayu moden hingga persada dunia. Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa cerpen dijadikan sebagai alat hiburan yang terkandung dengan pelbagai motivasi yang dapat mendidik dan memberikan pengajaran kepada masyarakat untuk terus melakukan kebaikan.

Sehubungan dengan itu, cerpen juga banyak memberikan pengajaran serta ia dijadikan sebagai alat perantaraan dalam mendidik masyarakat. Ekoran daripada itu, pendidikan moral ditekankan kepada pelajar bagi melahirkan masyarakat yang cinta akan karya-karya sastera serta dapat mengembangkan karya sastera agar tidak lapuk ditelan zaman. Menyentuh tentang karya sastera sesuatu bentuk penulisan memainkan

peranan penting bagi menyampaikan maklumat yang tepat dan sahih kepada para pembacanya. Hal ini demikian kerana sesuatu karya yang disampaikan dalam bentuk penulisan dapat dijadikan sebagai panduan oleh masyarakat dalam meneruskan kehidupan mereka.

Akhirnya saya menegaskan bahawa cerpen juga mengandungi unsur-unsur Islam yang dapat menginsafi masyarakat dalam mencari keredhaan Allah SWT. Misalnya, bagi umat Islam dibekalkan dengan panduan daripada al-Quran dan Hadis bagi melahirkan umat Islam yang bertakwa dan yakin dengan kebesaran Allah SWT. Di samping itu, dapat mendekatkan diri dan beramal dengan ajaran Islam dengan memperbanyak sedekah, membaca al-Quran, berselawat dan sebagainya. Lantaran itu, dapat mewujudkan suasana yang aman dan harmoni dalam menuju jalan keredhaan Allah SWT. Pendek kata cerpen dapat menyebarkan dakwah Rasulullah SAW bagi melahirkan masyarakat yang beriman kepada Allah SWT.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.7 Definisi Operasional

Menyentuh tentang definisi operasional pada kajian ini pengkaji mengkaji tentang unsur Islam dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan dengan menggunakan satu pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu.

1.7.1 Unsur Islam

Unsur Islam merupakan asaskan tentang agama yang dianuti misalnya agama Islam. Hal ini bertepatan dengan pandangan Ab. Aziz Omar (2012) ada menyatakan bahawa unsur Islam bermaksud segala perbuatan, amalan, tindakan, perlakuan, tingkah laku dan sebagainya. Dalam pada itu, menurut Atira Nor (2015) ada menyatakan mengenai unsur Islam memberi pengaruh yang besar kepada masyarakat dan tamadun Melayu. Tambahan pula, unsur Islam berkaitan dengan definisi kehidupan beragama iaitu merujuk kepada perihal hidup yang mematuhi ajaran agama, taat agama, dan beribadat (Khairunnisa Syazwani, 2022).

Seterusnya, menurut Ma'amor Yusoff (2016) ada menyatakan bahawa unsur-unsur sastera Islam itu merangkumi aspek aqidah, syariah dan tasawwuf. Rentetan daripada itu, ia adalah merupakan gambaran yang ditimba daripada masyarakat dan bertujuan untuk memberi didikan serta bimbingan ke arah menghayati nilai-nilai yang lebih sempurna. Melalui agama Islam manusia haruslah mengamalkan ajaran yang telah diperintahkan oleh Allah SWT dan menjauhi larangan-Nya. Secara ringkasnya, kita hendaklah mengabdikan diri dengan menyerahkan diri sepenuhnya kepada Allah SWT.

KELANTAN

Pendek kata, unsur Islam mempengaruhi kehidupan sehari-hari. Dalam konteks ini, kita sebagai umat Islam hendak mempraktikkan dalam kehidupan sehari-hari dengan mengikuti landasan yang telah ditetapkan iaitu berlandaskan al-Quran dan hadis. Lanjutnya itu, ia dapat dijadikan wadah dalam melakukan sesbuah kebaikan demi mencari keredhaan Allah SWT. Sehubungan dengan itu, dengan mempraktikkan unsur Islam dalam kehidupan dapat mendekatkan diri kepada Maha Pencipta. Jelaslah bahawa unsur Islam bertujuan untuk mendidik masyarakat agar taat kepada agama dengan mengerjakan segalan perintah yang telah ditetapkan dan menjauhi segala larangan yang diperintahkan.

1.7.2 Cerpen

Cerpen merupakan sebuah bentuk prosa moden yang mengandungi tiga komponen utama iaitu cerpen, drama, dan novel. Dengan perkataan lain “cerpen” sebenarnya merupakan akronim bagi rangkai kata “cerita pendek” iaitu cer·pen (Othman Puteh, 2001: 79). Di samping itu, menurut Hashim Awang (1987), menyatakan bahawa cerpen merupakan bentuk cereka yang pendek yang membawa satu persoalan bagi menghasilkan satu kesan yang indah. Cerpen yang berkesan biasanya mengandungi satu atau sekumpulan watak yang dikemukakan pada satu latar. Watak-watak tersebut sentiasa terlibat, sama ada secara fizikal maupun mental. Tambahan pula, cerpen mudah untuk didapati dalam pelbagai media berkala seperti majalah dan akhbar. Disingkapkan disini bahawa perkembangan cerpen Melayu bermula apabila kegiatan persuratkhabaran Melayu mencapai era kegemilangannya sekitar tahun 1930-an (Siti Hajar Abdul Aziz, 2011).

Lanjutan daripada itu, menurut Arena Wati (1995: 112) ada menyatakan bahawa cerpen merupakan cerita pendek yang menentukan tentang dirinya sendiri atau orang yang meneliti cerpen itu memberikan batas lingkungan untuk dunia cerita pendek. Dalam hal ini juga Hussain (1988: 54) ada menyatakan bahawa sesebuah cerpen biasanya mengandungi antara 500 hingga 15,000 patah perkataan. Pendek kata, cerpen mempunyai kesatuan terutamanya dalam plot disamping unsur lain seperti tema, kesan, watak, gaya dan sebagainya.

1.7.3 Teori Pengkaedahan Melayu

Dalam konteks ini pengkaji menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang (1989), iaitu pengkaedahan keagamaan. Menerusi pengkaedahan keagamaan ini pengkaji menggunakan ketiga-tiga pendekatan ini iaitu yang terdiri daripada pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan juga pendekatan seni. Sehubungan dengan itu, kajian ini banyak memerihalkan unsur-unsur Islam yang terdapat dalam cerpen *Antologi Sejадah Ibadah*. Di samping itu, cerpen *Antologi Sejادah Ibadah* ini banyak memberikan teladan dan tauladan kepada para pembaca. Cerpen *Antologi Sejادah Ibadah* ini sangat menarik untuk dibaca kerana mengandungi pelbagai cerita dan peristiwa hidup yang memberikan pengajaran kepada para pembacanya.

1.8 Organisasi Kajian

Penulisan organisasi kajian ini bertujuan untuk memberikan penjelasan tentang pentingnya pada bahagian ini. Hal ini kerana dengan wujudnya subtopik ini, pembaca akan lebih memahami tentang susun atur kajian yang dilaksanakan. Di samping itu, wujudnya organisasi kajian ini untuk menampakkan penjelasan secara lebih terperinci dan huraiannya lebih teratur. Lebih-lebih lagi, organisasi kajian mengandungi huriahan ringkas tentang kandungan setiap bab. Setiap bab pada kajian ini, dijelaskan dalam perenggan yang baharu secara lebih terperinci untuk mudah difahami.

Bab Satu

Pada bahagian bab satu ini mengandungi tentang pengenalan yang menjelaskan tentang kajian yang akan dilaksanakan. Dalam pada itu, bab ini membincangkan pernyataan masalah kajian, persoalan, objektif kajian yang berkait rapat antara satu sama lain. Seterusnya, bab ini juga menjelaskan kepentingan kajian terhadap pelbagai golongan masyarakat, batasan kajian dari aspek metodologi, definisi operasional serta organisasi kajian. Akhir sekali, bab satu ini akan merumuskan tentang kesimpulan. Bahagian ini juga disertakan dengan ayat yang berkait dengan bab dua. Oleh itu, ayat akhir ini merupakan ayat yang penting dalam menunjukkan kesinambungan di antara bab satu dan bab dua.

Bab Dua

Pada bahagian bab dua ini pula menerangkan tentang kajian literatur. Kajian literatur memerlukan pengenalan. Bahagian literatur ini meliputi kajian yang telah dijalankan yang memerlukan sokongan dengan kajian lain yang hampir sama dengan hasil kajian tersebut. Malah, kajian yang disokong boleh sehingga beberapa kajian yang

lain. Kajian literatur ini, kajian berkaitan dengan tokoh pemilihan teks kajian manakala kajian Sarjana lain terdiri daripada pemilihan teori. Melalui kajian ini pengkaji menggunakan sebuah prosa moden iaitu cerpen dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Selain itu, kajian literatur ini mengandungi kajian bidang lain iaitu kajian selain sastera namun ia berkaitan dengan budaya masyarakat Melayu. Dalam pada itu, kajian literatur juga memerlukan kesimpulan bagi merumuskan kajian pada bab ini.

Bab Tiga

Pada bahagian bab tiga ini membincangkan tentang metodologi kajian yang dijalankan. Bab ini meliputi pengenalan yang ringkas. Selanjutnya ialah meliputi reka bentuk kajian sama ada kajian berbentuk kualitatif atau kuantitatif. Hal ini demikian kerana untuk memastikan kajian ini dijalankan dengan lebih teratur. Oleh itu, reka bentuk kajian merujuk kepada satu tatacara pengolahan data bagi memperolehi data yang tepat dan benar. Melalui kajian ini pengkaji menggunakan kaedah kajian kualitatif yang menggunakan sumber rujukan kepustakaan dan analisis tekstual. Manakala pemilihan teori pengkaji menggunakan teori Pengkaedahan Melayu iaitu pengkaedahan keagamaan. Akhir sekali, pada bahagian bab tiga ini turut mengandungi kesimpulan bagi merumuskan bab ini.

Bab Empat

Pada bahagian bab empat ini melibatkan keputusan dan perbincangan yang mengandungi pengenalan, analisis objektif satu, analisis objektif dua, analisis objektif tiga, rumusan dan kesimpulan. Sehubungan dengan itu, hasil keputusan dan perbincangan mengandungi contoh atau bukti daripada dapatan kajian. Hal ini kerana ia menyokong keputusan kajian dengan kajian yang terkini serta berkaitan. Tambahan

lagi, ia disokong oleh keputusan kajian dengan teori yang berkaitan. Secara ringkasnya, pada bab ini akan merumuskan setiap keputusan dan perbincangan mengikut objektif kajian. Dalam pada itu, pengenalan dalam bab ini membincangkan ringkasan yang terkandung dalam bab supaya lebih memahami keputusan atau hasil dapatan dan perbincangan bagi setiap objektif.

Bab Lima

Pada bahagian bab lima ini merupakan kesimpulan. Bahagian ini memerlukan penjelasan yang ringkas dan padat. Kesimpulan yang disimpulkan memberikan pengakhiran pada kajian ini yang diikuti dengan harapan terhadap kajian ini. Dalam pada itu, bahagian ini juga penting kerana ia merupakan bab terakhir dalam projek penyelidikan ini. Maka, penyusunan ayat dalam bahagian ini seharusnya teratur supaya pembaca lebih memahami dengan jelas. Antara perkara yang terkandung pada bab lima ini ialah pengenalan, rumusan, perbincangan, cadangan dan penutup. Jelaslah menunjukkan bahawa setiap bab dalam kajian ini saling berkaitan antara satu sama lain.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

1.9 Penutup

Kesimpulannya, pada bab ini membincangkan mengenai *Sejadah Ibadah* merupakan sebuah antologi cerpen yang memaparkan kisah kehidupan masyarakat yang datang daripada pelbagai latar belakang yang berpandukan kepada satu pegagan agama iaitu agama Islam. Dalam meniti kehidupan sehari-hari antologi cerpen ini banyak memberikan pengajaran kepada masyarakat sehingga menerbitkan rasa kecintaan kepada Allah SWT. Oleh yang demikian dapat menerbitkan perasaan keinsafan dalam diri kalangan pembaca. Selain itu, para pembaca dapat menzahirkan perasaan kecintaan kepada Allah SWT dengan patuh pada segala suruhan-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya.



BAB 2

SOROTAN KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, mengumpulkan mengenai kajian lepas yang telah dilaksanakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Dalam pada itu, sorotan kajian merupakan sebuah pernyataan atau fakta yang telah dikemukakan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu bagi menyokong sesuatu kajian yang dijalankan. Pada bahagian ini juga menyimpulkan kesimpulan kecil berkaitan kajian lepas yang terpilih. Setiap kajian-kajian lepas yang diambil adalah merupakan satu kajian yang telah disahkan serta merupakan sumber daripada artikel-artikel yang telah dibuat oleh pengkaji-pengkaji penulisan ilmiah. Hal ini demikian kerana tinjauan kajian lepas, sangat penting bagi membantu pengkaji dalam mendapat maklumat tambahan bagi menyiapkan projek penyelidikan. Sehubungan dengan itu, sorotan kajian banyak membantu pengkaji dalam mencari sumber maklumat tambahan. Dalam pada itu, dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang sedia ada. Pendek kata, aspek yang ditinjau terhadap kajian lepas ialah merangkumi aspek yang berasaskan cerpen dan teori Pengkaedahan Melayu.

2.2 Pengkajian Terhadap Cerpen Di Malaysia

Kajian daripada Shamsudin Abu Bakar (2006) mengenai analisis takmilah cerpen pemenang hadiah sastera Islam. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk melahirkan lebih ramai penulis cerpen yang berbakat agar muncul lebih banyak koleksi cerpen-cerpen yang berunsurkan Islam. Hal ini secara tidak langsung dapat melahirkan beberapa teori sastera Islam, misalnya teori takmilah. Sehubungan dengan itu, kajian ini mampu menganalisis sama ada sebuah karya itu benar-benar menepati kriteria-kriteria kehendak sastera Islam atau tidak. Justeru itu, kajian cerpen ini memenuhi tujuh prinsip teori yang dibincangkan dengan mendukung unsur-unsur Islam yang perlu dihayati dalam kehidupan individu Islam. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa cerpen-cerpen yang mengaplikasikan tujuh-tujuh prinsip teori takmilah sememangnya mendukung ajaran tauhid dan ini bersesuaian dengan konsep sastera Islam.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Ariff Mohamad (2009) tentang analisis kesesuaian pemilihan teks bagi genre cerpen dan novel komponen sastera dalam pendidikan Bahasa Melayu. Kajian ini dilakukan dengan tujuan untuk mengenalpasti kesesuaian pemilihan teks cerpen dan novel Komsas dalam pengajaran Bahasa Melayu seterusnya menyenaraikan ciri-ciri pemilihan teks tersebut yang sesuai digunakan sebagai bahan pengajaran. Lanjutan itu, kajian ini dilakukan di tujuh buah sekolah yang terletak di daerah Kuantan, Pahang dan seramai 55 orang responden telah dipilih untuk memberi maklumat kajian ini. Sehubungan dengan itu, berdasarkan kajian yang telah dijalankan, majoriti pelajar mempunyai minat dan persepsi yang positif terhadap pemilihan teks cerpen dan novel Komsas dalam pengajaran Bahasa Melayu. Di samping itu, guru dan pelajar juga setuju dengan kaedah pelaksanaan Komsas dalam pengajaran Bahasa Melayu. Manakala dari segi pemilihan teks pula, pelajar lebih cenderung menggemari ciri-ciri teks yang mudah dan menarik, bermutu, mengandungi nilai murni

dan popular. Pendek kata, dalam kajian ini pengkaji telah mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pelajar, guru, pihak sekolah, penerbit atau penulis dan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam usaha meningkatkan pelaksanaan Komsas di dalam bilik darjah terutamanya dari segi pemilihan teks cerpen dan novel yang sesuai.

Selain itu, kajian oleh Lau Yoke Lian (2009) berkenaan kajian metafora kata nama dan kata sifat dalam cerpen Bahasa Mandarin. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengenalpasti jenis metafora dalam kelas kata nama dan kata sifat yang wujud dalam cerpen-cerpen. Dalam pada itu, pengkaji akan mengkaji makna metafora yang dibawa oleh kelas kata dan juga tema cerpen-cerpen. Di samping itu, kajian ini menggunakan metodologi yang terdiri daripada temubual, analisis dokumen dan analisis data. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa metafora paling banyak terdapat dalam kelas kata nama berbanding dengan kata sifat. Antara metafora yang terdapat dalam cerpen bahasa Mandarin yang dikaji ialah menjana kesan kesedihan, kesan keejekan dan kesan kejenakaan. Secara ringkasnya, tema yang terdapat dalam cerpen yang dikaji adalah berkaitan dengan kasih sayang, politik, keselamatan dan kesulitan kehidupan. Pendek kata, metafora dijadikan satu teknik dalam penulisan cerpen kerana cerpen merupakan satu genre yang ringkas yang perlu menyampaikan makna dalam jumlah perkataan yang terhad.

Selanjutnya, kajian yang dilakukan oleh A. Wahab Ali (2009) mengenai perkembangan cerpen Melayu dari awal kumunculannya hingga ke zaman kegemilangan majalah Dewan Sastera 1985. Dalam pada itu, ia turut disentuh dengan krisis mengenai konsep cerpen dan sifat cerpen yang muncul, faktor yang mendorong perkembangan serta tokoh-tokoh cerpen penting yang telah menyumbangkan karya mereka. Justeru itu, struktur cerpen Melayu pada zaman awal ini berbentuk agak kacau dan bercampur aduk dengan unsur-unsur lama. Terlihat seolah-olah wujud sebarang

teknik yang diambil terus dari pola cerita yang biasa terdapat di dalam hasil-hasil sastera lama, disamping mengemukakan pembaharuan. Oleh itu, melalui cara inilah maka bentuk cerpen Melayu baru di Malaysia seperti yang kita ketahui sekarang ini tercipta (Hashim Awang 1988: XIV).

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Abdul Rasid Jamian, Shamsudin Othman & Norzila Md. Yusof (2011) berkenaan keberkesanan cerpen dalam mempertingkatkan prestasi penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid. Dalam konteks ini, kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar diajarkan dan dikuasai oleh seseorang murid. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis keberkesanan penggunaan teks KOMSAS terhadap prestasi penulisan karangan 64 orang murid tingkatan dua berpencapaian sederhana. Dalam pada itu, kajian ini berbentuk eksperimental ini dijalankan untuk membandingkan keberkesanan menggunakan teks KOMSAS dengan kaedah pengajaran konvensional dalam pengajaran penulisan karangan. Justeru itu, kedua-dua kumpulan telah diberikan dua ujian, iaitu ujian pra-ujian dan pasca-ujian untuk membandingkan prestasi penulisan karangan dalam aspek karangan keseluruhan, aspek pembahagian isi karangan dan aspek penggunaan jenis ayat. Hasil ujian menunjukkan terdapat perbezaan yang sangat signifikan antara kumpulan murid ini dalam aspek karangan keseluruhan. Sebagai kesimpulannya, kaedah pengajaran penulisan karangan menggunakan teks KOMSAS terbukti lebih berkesan berbanding kaedah pengajaran konvensional terhadap prestasi penulisan karangan murid. Oleh itu, diharapkan hasil kajian ini dapat memberi galakan kepada guru-guru Bahasa Melayu supaya menggunakan teks KOMSAS dengan lebih berkesan untuk membantu murid menjana idea bagi menghasilkan karangan yang baik.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Mior Muhammad Saiful Nizan Muhd Saali, Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi & Arba' ie Sujud (2012) tentang refleksi penyataan psikologi abnormal dalam cerpen-cerpen remaja. Menurut Kohlbergh dan Gilligan peringkat zaman remaja dikatakan suatu tempoh 'kemuncak keemosian'. Pendapat ini sesuai dengan Stanley Hall yang mengatakan zaman remaja sebagai zaman *storm and stress*. Huru-hara yang berlaku pada zaman ini katanya adalah hasil daripada perubahan-perubahan horman dan fizikal yang dialami oleh remaja yang kemudiannya menghasilkan tekanan-tekanan emosi dan konflik psikologi. Oleh itu, fenomena dunia remaja tersebut banyak dirakamkan oleh pengarang karya sastera remaja. Justeru itu, pelbagai tingkah laku remaja dicerminkan baik positif maupun negatif. Ekoran gagal mengawal diri maka lahirlah pelbagai penyataan psikologi abnormal.

Selanjutnya, kajian daripada Boh Phaik Ean & Goh Sang Seong (2013) berkenaan kehilangan makna dalam penterjemahan chengyu ke dalam Bahasa Melayu. Terjemahan chengyu yang dikutip secara manual daripada tiga buah antologi cerpen berjudul *Mala Adan* (1988), *Dalam Hujan Renyai* (2000), *Impian di Pelabuhan* (2004), dan sebuah novel berjudul *Keluarga* (1995). Dalam pada itu, kajian ini menggunakan kaedah perbandingan teks untuk meneliti persamaan dan perbezaan makna dalam teks sumber dan teks sasaran. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa fenomena kehilangan makna sememangnya berlaku dalam penterjemahan chengyu ke dalam Bahasa Melayu. Justeru itu, keadaan ini menghasilkan pelbagai jenis kesan terjemahan iaitu, terjemahan berkurangan, terjemahan berlebihan, terjemahan salah dan terjemahan kosong. Oleh itu, untuk memastikan ketepatan terjemahan makna chengyu dalam teks sasaran, penelitian yang menyeluruh tentang makna leksikal dan makna hakiki chengyu perlu dilakukan ke dalam Bahasa Melayu.

Kajian daripada Yau Chee Theng (2015) mengenai realisme dalam cerpen-cerpen dua penulis Mahua di Malaysia. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran penulis karya Mahua berdasarkan tentang penelitian persoalan dan realiti hidup masyarakat Cina di Malaysia. Sehubungan dengan itu, sebanyak 75 buah cerpen telah dianalisiskan melalui karya Tuo Ling dan karya Yun Lifeng. Seterusnya, analisis teks bercirikan teori cerminan Lukacs yang dilaksanakan bagi mengupas dan menganalisis plot perwatakan pada cerpen yang terdiri daripada aspek budaya, pendidikan, ekonomi dan politik. Di samping itu, dapatan kajian yang diperolehi dilaporkan secara deskriptif. Melalui dapatan kajian ini, data yang diperolehi menunjukkan aspek budaya yang paling kerap dibincangkan berbanding aspek politik oleh kedua-dua penulis. Hal ini demikian kerana dalam aspek budaya diberikan penekanan kepada pendidikan kerana ia melibatkan dunia kewanitaan dan pengaruh nilai konfusianisme dalam masyarakat Cina. Hal ini juga disebabkan kerana gejala sosial yang dipaparkan terdiri daripada perjudian, pelacuran, dan amalan rasuah yang melibatkan kaum wanita.

Aspek ekonomi pula, mengisahkan tentang persoalan golongan wanita terhadap kerjaya dan terhadap penindasan golongan buruh dalam masyarakat Cina yang menyebabkan berlakunya amalan rasuah dalam kempen pilihan raya dan masalah perkauman akibat peristiwa 13 Mei yang melibatkan aspek politik. Secara ringkasnya, berdasarkan kajian ini Tuo Ling dan Yun Lifeng boleh dianggap sebagai penulis Mahua realis kerana ia berkonsepkan cerminan Lukacs. Oleh itu, cerpen karya kedua-dua penulis Mahua tersebut mempunyai unsur-unsur realisme yang melibatkan isu-isu sebenar yang dihadapi oleh masyarakat Cina. Sebagai analoginya, implikasi kajian ini telah memberikan pengetahuan dan kefahaman kepada masyarakat tentang keprihatinan penulis cerpen Mahua di Malaysia.

Seterusnya, kajian dilakukan oleh Segar Narayanan (2015) mengkaji satu tinjauan mengenai tema dan persoalan cerpen Tamil Malaysia tahun 1960-an hingga 1970-an. Dalam hal ini, menurut Segar Narayanan (2015), telah meneliti mengenai sejarah perkembangan cerpen Tamil di Malaysia serta tema dan persoalan pada tahun 1960an-1970an. Pada tahun 1930an, cerpen Tamil mula muncul di Malaysia. Dalam pada itu, batasan bagi kajian ini adalah untuk melihat sejarah perkembangan cerpen Tamil Malaysia tahun 1960an dan 1970an mengenai tema dan persoalan yang wujud pada tahun tersebut. Sehubungan dengan itu, daptan bagi kajian ini adalah dapat dilihat dari segi tema dan persoalan yang sering digunakan penulis pada tahun tersebut seperti tema cinta dan perkahwinan, masalah keluarga, keruntuhan moral dan kebebasan sosial, kemiskinan dan pemecahan ladang dan masalah di ladang. Sebagai kesimpulannya, tema dan persoalan dalam cerita Tamil juga berdasarkan peristiwa harian yang berlaku.

Selanjutnya, kajian dijalankan oleh Latha Marugusu (2015) mengenai nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen *Mu.Anbuchelvan* dari perspektif teori moral. Berdasarkan kajian ini pengkaji membincangkan mengenai nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Mu.Anbuchelvan* seperti *Thavathin Valimai*, *Thi:pangkal*, dan *Mu.Anpucelvan Citukathaikal* yang berjumlah empat belas buah cerpen. Seterusnya, teori yang digunakan oleh pengkaji adalah teori Moral untuk diaplikasikan dengan lapan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen tersebut. Pendek kata, pengkaji telah menekankan bahawa nilai kemanusiaan merupakan nilai yang perlu diaplikasikan dalam kehidupan sehari-hari seseorang dan menerapkan kesan positif dalam cerpen sebagai satu teladan.

Lanjutan daripada itu, kajian dilakukan oleh Abdul Razak Panaemala (2015) iaitu mengkaji perwatakan Abdulkadir dalam dua cerpen Thai, satu perbandingan. Beliau telah membuat perbandingan terhadap dua cerpen Thai. Cerpen pertama berjudul *Maew Haeng Bukit Krueso* (Kucing Bukit Krueso) oleh Kanokpong Songsompant. Cerpen yang kedua pula berjudul *Tawan Chon Saeng* (Mentari Memancar Sinar) oleh Narongrit Sagdaronnarong. Dalam pada itu, ia bertemakan mengenai konflik keganasan yang berlaku di daerah penempatan masyarakat Melayu Muslim Selatan Thailand. Oleh itu, kedua-dua buah cerpen ini menampilkan watak Abdulkadir sebagai watak utama. Seterusnya, objektif kajian ini pula adalah untuk menganalisis perwatakan Abdulkadir secara perbandingan dalam kedua-dua buah cerpen. Tambahan pula, dapatan kajian yang dikaji adalah sekelumit tentang figura Abdulkadir dalam sejarah perjuangan politik Melayu Patani dan perbandingan dua perwatakan Abdulkadir ciptaan Kanokpong sangat berbeza. Watak yang satu ditakuti sementara yang satu lagi disanjungi. Namun, watak ini mempunyai persamaan iaitu dari segi peranan sebagai ketua satu gerakan pemisah yang berjuang membela tanah air. Sebagai analoginya, watak Abdulkadir yang merupakan figura yang mewakili pejuang atau pembela tanah air namun setelah diberi ukuran yang berlainan maka hasilnya bergantung kepada mata yang memandang.

Kemudian, kajian daripada Ponniamah M. Muniandy (2016) iaitu kajian tentang kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia dalam antologi cerpen *Re. Karthigesu*. Kajian ini dijalankan berdasarkan aspek kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia dalam antologi cerpen *Re. Karthigesu*. Objektif utama kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis budaya kebendaan dan bukan kebendaan dalam antologi cerpen *Re. Karthigesu* manakala objektif kedua untuk menganalisis aspek kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia yang dipaparkan dalam antologi cerpen *Re. Karthigesu* dan menjelaskan perubahan aspek kebudayaan masyarakat Tamil Malaysia dalam antologi cerpen *Re. Karthigesu* dengan menggunakan pendekatan tafsiran autoriti dan tafsiran harian Shamsul Amri Baharuddin (1996) dan teori akulterasi yang dipelopori oleh Berry (1997).

dijadikan sebagai landasan bagi kajian ini. Kajian Ponniyah M. Muniandy (2016) ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu dengan menggunakan kaedah analisis teks dan dapatan kajian ini menunjukkan aspek kebudayaan dalam antologi cerpen *Re. Karthigesu* dapat dikategorikan kepada kebendaan dan bukan kebendaan. Sehubungan dengan itu, analisis dapatan yang diperolehi menunjukkan bahawa nilai hormat dan taat, bertanggungjawab, kasih sayang dan personaliti dan status wanita merupakan nilai yang banyak diterapkan dalam antologi cerpen *Re. Karthigesu*.

Selain itu, kajian daripada Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) kajian tentang pemikiran kerohanian dalam cerpen kanak-kanak pilihan mutakhir dan kesan positif kepada kanak-kanak. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengumpulkan tentang pemikiran kerohanian yang terdapat melalui cerpen kanak-kanak mutakhir terpilih. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif iaitu bersumberkan analisis teks. Dalam pada itu, kajian ini mengandungi objektif kajian iaitu mengenal pasti dan menganalisis pemikiran kerohanian yang diungkapkan oleh pengarang dalam setiap karya yang dihasilkan mampu memberi kesan positif kepada kanak-kanak ataupun sebaliknya. Di samping itu, melalui kajian Farra Humairah Mohd & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2016) terdapat persoalan iaitu adakah kumpulan cerpen kanak-kanak ini tidak memaparkan teladan yang baik kepada khayalak pembacanya dan benarkah pengarang penulis tanpa memasukkan psikologi kanak-kanak dan tidak memenuhi konsep sastera kanak-kanak dalam karya mereka.

Lanjutan daripada itu, melalui cerpen kanak-kanak mutakhir yang dipilih ini sememangnya mempunyai unsur pemikiran kerohanian yang diterapkan oleh pengarang dalam karya yang dihasilkan bagi menyampaikan kesan positif kepada kanak-kanak. Namun begitu, konsep sastera kanak-kanak dan psikologi kanak-kanak kurang dititikberatkan. Hal ini demikian kerana terdapat sesetengah individu

beranggapan bahawa cerpen kanak-kanak ini ditulis mengikut cara penulis dewasa dan ia tidak memenuhi konsep sastera kanak-kanak serta psikologi kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur kesepaduan pemikiran tersebut kepada khayalak pembaca khasnya kanak-kanak. Justeru itu, kajian ini mengambil satu unsur pemikiran daripada teori tempatan, iaitu Teori Sistem Bersepadu 4K (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan yang berteraskan falsafah kesepaduan pemikiran.

Selain itu, kajian yang dilaksanakan oleh Tuan Rusmawati Raja Hassan (2017) mengenai alam dan perlambangan dalam cerpen-cerpen terpilih S. Othman Kelantan. Dalam konteks ini masyarakat Melayu melihat alam sebagai suatu yang akrab dengan jiwa manusia. Sehubungan dengan itu, alam dianalogikan sebagai perlambangan untuk membersihkan hati dan jiwa. Penggunaan unsur alam sebagai perumpamaan, kiasan, tamsilan, perlambangan dalam membersihkan hati dan jiwa memperlihatkan bahawa unsur alam masih mempunyai erti yang begitu tinggi dalam masyarakat Melayu. Justeru, fokus utama penelitian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis simbol flora dan fauna yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya S.Othman Kelantan. Dalam kajian ini menggunakan sebanyak lima buah cerpen digunakan sebagai data bagi menganalisis unsur alam dan perlambangan iaitu cerpen *Dedalu* (1970), *Angin Timur Laut* (1967), *Pahlawan Lembu* (1969), *Riang Bagaikan Burung-Burung* (1970) dan *Bintang Kemilau* (2001). Kesemua cerpen ini termuat dalam *Kumpulan Cerpen Berjalan-Jalan Di Sini* (2004). Pendek kata, penelitian ini memanfaatkan kerangka semiotik Charles Sander Pierce.

Selanjutnya, kajian yang dijalankan oleh Siti Noorisa Abdul Khilil & Saiful Bahri Md Razi (2018) mengenai kasih sayang dalam *Inspirasi Cinta*, penciptaan karya berdasarkan Teori Paradigma Naratif. Disingkapkan disini bahawa pengkaji telah membincangkan mengenai kumpulan cerpen remaja *Inspirasi Cinta* karya Rozninah

Abd. Azib yang dikaji dari sudut kasih sayang. Penghasilan karya yang menggunakan tema kasih sayang ini adalah sebagai cara atau kaedah dalam menyuburkan perasaan ini dalam kalangan pembaca. Seterusnya, objektif kajian pula adalah untuk menganalisis daya ungkap yang digunakan oleh pengarang berlandaskan Teori Paradigma Naratif. Dapatan kajian ini telah menunjukkan bahawa pengkaji mengkaji kumpulan cerpen remaja yang mengisahkan mengenai remaja dan orang dewasa disekeliling mereka. Segala rasa, impian dan mesej disalurkan kepada pembaca melalui pelbagai cara, antaranya suara hati remaja sendiri yang menjadi watak utama dalam cerpen dan suara hati orang dewasa, melalui watak nenek, datuk, ibu dan bapa serta guru. Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa tema kasih sayang menjadi pilihan Rozninah Abd. Azib dalam *Inspirasi Cinta*. Pendek kata, peristiwa yang dipaparkan dalam kumpulan cerpen remaja ini turut berlaku dalam masyarakat pada hari ini dan menyebabkan cerpen ini diterima oleh masyarakat pembaca.

Selanjutnya, kajian daripada Rosanita Hussin (2018) berkenaan psikologi kanak-kanak dalam cerpen-cerpen terpilih Zaharah Nawawi. Berdasarkan kajian ini cerpen-cerpen yang dipilih banyak melakar tentang tingkah laku kanak-kanak dengan mengaplikasikan teori psikologi yang menjurus kepada teori Psikoanalisis Sigmund Frued. Rentetan itu, kajian ini memberi tumpuan terhadap tiga antologi cerpen Zaharah Nawawi iaitu *Komputer Baru Untuk Mama* (1998), *Wangian Bukit Peranginan* (2002) dan *Di Hujung Penantian* (1993). Seterusnya, kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu yang pertama adalah untuk mengenalpasti cerpen-cerpen Zaharah Nawawi yang memaparkan psikologi kanak-kanak. Objektif kedua pula, adalah mengkategorikan tingkah laku kanak-kanak yang diketengahkan oleh Zaharah Nawawi. Didapati cerpen-cerpen ini boleh dikategorikan kepada lima tingkah laku iaitu naluri berani, naluri kasih sayang, naluri ingin tahu, naluri tanggungjawab dan naluri mengikut emosi. Manakala objektif yang ketiga pula, adalah menganalisis tingkah laku kanak-kanak yang cenderung positif dan negatif dalam cerpen-cerpen Zaharah Nawawi. Oleh itu, kajian ini

mendapati Zaharah Nawawi banyak menonjolkan perlakuan positif kanak-kanak berbanding dengan negatif.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Thiar Fajarin Mujahidin (2018) tentang analisis *Kumpulan Cerpen Cerita Buat Para Kekasih* Karya Agus Noor iaitu dengan menggunakan pendekatan psikologi pengarang. Psikologi pengarang dimaksudkan sebagai penelitian terhadap pengarang dan karyanya. Penelitian ini menggunakan kaedah kajian kualitatif. Manakala, objektif dalam penelitian ini adalah kejiwaan pengarang dan pengaruh kejiwaan pengarang terhadap watak tokoh dalam cerpen *Cerita Buat Para Kekasih* karya Agus Noor. Pendek kata, aspek yang diberi perhatian ialah terdiri daripada latar belakang pendidikan, pengalaman hidup, ideologi, motivasi kepengarangan, proses penciptaan, konsep sastera, dan lain-lain lagi.

Lanjutan daripada itu, kajian yang dilaksanakan oleh Ahmad Azwadie Azman & Mawar Safei (2018) mengenai avant-garde dalam cerpen Marsli N.O. Dalam hal ini ia melibatkan gerak plot yang tidak konvensi, latar yang tidak konkret serta watak yang tidak jelas. Maka karya ini lebih cenderung untuk dikenali sebagai avant garde. Antara cerpen yang sering digunakan menghasilkan karya avant garde adalah Marsli N.O. Sehubungan dengan itu, terdapat beberapa kumpulan cerpennya seperti *Biduan* (1994), *Demi* (1998), *Badut dan Sebuah Cermin* (2009), *Gunting* (2012), *Penipu* (1997) dan *Menanti Buraq* (2008) menampilkan gaya yang sedemikian. Tulisan ini juga memperlihatkan corak kecenderungan Marsli N.O. dengan gaya avant garde berdasarkan himpunan cerpennya. Pendek kata, antara perutusan yang dibawakan Marsli N.O adalah berhubungan dengan politik dan sosial semasa.

Seterusnya, kajian Wan Khairul Faiz Wan Kamarull Ariffin (2019) membincangkan mengenai analisis cerpen-cerpen terpilih di dalam kumpulan cerpen *Bidadari Burung* dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Berdasarkan analisis kajian cerpen-cerpen tersebut, dua buah cerpen telah dikupas iaitu cerpen *Moluska* serta cerpen *Bidadari Burung* karya Syed Mohd Zakir. Kajian ini menggunakan satu pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang yang melibatkan pengkaedahan keagamaan iaitu dengan menggunakan pendekatan masyarakat. Dalam pada itu, menurut kajian Wan Khairul Faiz Wan Kamarull Ariffin (2019) membincangkan dua objektif iaitu mengenal pasti serta membahaskan kepincangan-kepincangan yang berlaku di dalam masyarakat melalui cerpen-cerpen terpilih yang memaparkan kehidupan yang penuh dengan kemungkaran yang memfokuskan kepada masalah keganasan dan salah guna kuasa serta fahaman liberal dengan menganalisis serta menonjolkan nilai-nilai dan ajaran Islam yang terdapat di dalam cerpen-cerpen yang dipilih melalui watak-wataknya. Hal ini dikatakan demikian kerana bertujuan untuk menegakkkan ajaran Islam bagi membina sebuah kehidupan yang sejahtera agar dapat melahirkan masyarakat yang beriman serta berbakti kepada jalan Allah SWT. Di samping itu, kajian ini juga menonjolkan watak-watak yang beriman dan beramal soleh.

Seterusnya, kajian tentang pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dalam kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani* oleh Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Hanafiah (2019). Kajian ini menggunakan kumpulan cerpen *Cahaya Pelita Nurani* (2015) karya Nazri Hussien yang memperjelaskan tentang aspek pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi. Dalam pada itu, kajian Normaizatul Anis Ahmad & Halis Azhan Hanafiah (2019) ini memfokuskan kepada mengklasifikasikan pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi dan menganalisis pemikiran Islam dalam konteks sosioekonomi untuk melihat perkaitannya dengan masyarakat yang terdapat dalam enam buah cerita yang dipilih. Dalam pada itu, kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan,

menganalisis kandungan teks dan pengaplikasian pendekatan kemasyarakatan. Hal ini demikian kerana bagi memperkuuhkan lagi hujah yang disampaikan. Tambahan pula, pendekatan ini menghubungkan masyarakat dengan tuntutan agama yang selaras dengan dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji.

Selain itu, kajian tentang analisis cerpen terpilih A. Samad Said menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini merupakan kajian oleh Wan Nurzafirah Wan Zin (2019). Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk memupuk dan mendidik nilai moral dalam kalangan masyarakat dalam menuju ke arah kebaikan dan kemakmuran masyarakat sejagat. Dalam pada itu, objektif pada kajian ini adalah untuk mengemukakan permasalahan yang terkandung dalam kehidupan masyarakat dalam *cerpen Saat Terakhir* dan cerpen *Dari Tanah Ke Tanah* dan menganalisis unsur-unsur atau nilai moral dalam teks untuk panduan masyarakat. Sehubungan itu, dapatan kajian yang diperolehi melalui cerpen ini seperti nilai moral iaitu kasih sayang, baik hati, hormat-menghormati, keberanian, kerjasama, kesyukuran, kejujuran dan berdikari. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dijadikan sebagai medium perantaraan dalam mendidik moral masyarakat menuju ke arah kebaikan.

Selanjutnya ialah kajian daripada Naizalaila Mustapha (2019) iaitu kajian tentang analisis cerpen terpilih karya Zurinah Hassan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Berdasarkan kajian ini menggunakan cerpen *Dari Hari Ke Hari* dan *Pulangnya Pemuja Ombak* karya Zurinah Hassan. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk dijadikan sebagai teladan serta dapat memberikan pengajaran kepada masyarakat dalam menjalani sesebuah kehidupan. Sebagai lanjutan daripada itu, terdapat dua objektif utama dalam kajian ini iaitu mengenal pasti nilai-nilai kemasyarakatan yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya Zurinah Hassan dan untuk menganalisis cabaran-cabaran yang berlaku dalam cerpen-cerpen terpilih demi mencapai sesebuah matlamat. Tambahan pula, kajian yang dijalankan oleh Naizalaila Mustapha (2019) ini dapat

memberikan semangat, kesabaran dan ketabahan kepada masyarakat dalam menempuh dugaan hidup demi mencapai sesebuah tujuan dan matlamat kehidupan. Pendek kata, teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan kemasyarakatan yang digunakan ini sesuai diterapkan kepada masyarakat kerana ia mengandungi banyak mengenai nilai-nilai kemasyarakatan yang dapat membentuk serta melahirkan masyarakat yang seiring dengan tuntutan agama. Jelaslah bahawa kajian yang dijalankan oleh Naizalaila Mustapha (2019) dapat membentuk masyarakat yang kuat dan gigih dalam menempuh cabaran demi mendapatkan sesebuah matlamat kehidupan sekaligus ia mendatangkan banyak faedah kepada diri sendiri ataupun masyarakat.

Seterusnya, kajian oleh Hamdani & Syaheeda (2019) adalah kajian tentang ruang peribadi wanita dalam cerpen terpilih Oka Rusmini iaitu satu bacaan ginokritik. Kajian ini bertujuan untuk mengupas tentang ruang peribadi wanita yang merujuk kepada kepunyaan wanita dari sudut pengalaman, kehidupan sosial, kesusasteraan dan pilihan yang bersifat politikal tanpa ada unsur campur tangan lelaki. Kajian ini membataskan kepada dua buah cerpen iaitu cerpen *Ketika Perkahwinan Harus Dimulai* dan *Sepotong Kaki* bagi tujuan untuk memaparkan watak wanita yang pelbagai. Penelitian ini dilakukan berdasarkan teori feminism khususnya teori ginokritik yang dipelopori oleh Elaine Showalter dari sudut konteks budaya dan psikologi. Dalam kes ini contoh sesuai boleh diambil berdasarkan analisis kajian pemikiran yang disampaikan oleh Oka Rusmini sebagai wanita Bali. Hal ini demikian kerana ia banyak dipengaruhi oleh budaya persekitarannya terutamanya budaya Bali yang mementingkan tradisi kasta. Tradisi ini merupakan tradisi yang mempengaruhi kehidupan wanita dan cara wanita tersebut membebaskan dirinya daripada sistem patriarkal. Hal ini juga berkaitan dengan sudut psikologi kerana pengalaman dan latar belakang pengarang akan berhubungkait antara satu sama lain menjadikan karya Oka Rusmini berbeza dengan penulis wanita lain. Oleh hal yang demikian ruang wanita dijadikan suatu objek utama dalam melawan kepada sistem patriarkal. Hal ini demikian kerana suara wanita yang seimbang

menyebabkan wanita bangkit daripada ditindas. Tegasnya, karya penulisan oleh Oka Rusmini memaparkan keunikannya tersendiri.

Selanjutnya, kajian dijalankan oleh Mawar Shafie (2019) berkenaan memanfaatkan kumpulan cerpen *Catatan Cinta Anakanda Bonda* karya Kamariah Kamaruddin, memperihalkan unsur pendidikan dengan memanfaatkan prinsip takmilah yang dijana Shafie Abu Bakar, khasnya yang melibatkan aspek keilmuan yang ditumpukan dalam kajian ini. Bagi beliau, acuan takmilah rata-rata bersifat menyeluruh dengan melibatkan hubungan manusia pengkarya, pembaca dan ketuhanan. Kajian berkenaan cerpen Sabah dilakukan terutama oleh Norsuhaila Sulaiman & Asmiaty Amat (2019) yang mengkaji berkenaan kepercayaan dan budaya hidup masyarakat Kadazandusun dalam cerpen *Wilter Gunik*, cerpen-cerpen yang terbit dalam majalah WADAH (2019) dan juga antologi cerpen *Tangon* (2019). Pendek kata, cerpen-cerpen yang dikaji lebih memperihalkan berkenaan kepercayaan dan budaya hidup masyarakat peribumi khususnya Kadazandusun di Sabah dan kesemua karya yang dikaji memperlihatkan karya yang membawa tema realiti dan bukannya membawa aliran realisme magis.

Seterusnya, kajian dilaksanakan oleh Asmiaty Amat & Norsuhaila Sulaiman (2019) berkaitan kepercayaan agama dalam karya penulis pelbagai etnik sabah iaitu satu kajian terhadap cerpen WADAH. Dalam konteks ini, kajian ini menggunakan pendekatan antropologi budaya. Berdasarkan pengumpulan data cerpen dalam WADAH, terdapat sepuluh orang penulis Sabah yang mula menghasilkan karya dalam WADAH pada tahun 1980-an sehingga 2000-an. Terdiri daripada, A. Saifuddin, Amil Jaya, Harun Salleh, Sitti Rahmah G. Ibrahim (Intan Sitti Azierah G.), Suzita Janaun, Jonathan Kandok, dan Mad Sakiran Sulaiman. Kepelbagaiannya latar belakang mereka memberikan impak tersendiri dalam penulisan cerpen. Justeru itu, terdapat 11 buah cerpen memaparkan kepercayaan dan agama walaupun mempunyai latar yang berbeza.

Pendek kata, pembicaraan karya sastera yang mengaitkan dengan unsur budaya sebagai warisan memperlihatkan satu keunikan dan kelainan yang cuba digambarkan oleh penulis. Sehubungan dengan itu, kehadiran antropologi sastera membantu penelitian perlakuan manusia sesbuah zaman untuk melihat corak perbezaan dan sastera yang menjadi faktor penghubung dalam dunia realiti. Pendek kata, kajian teks cerpen dipadankan dengan teori antropologi sastera untuk melihat gambaran persekitaran budaya kehidupan watak dalam cerita. Antara ciri-ciri budaya ialah agama, sumber ekonomi, sistem peralatan dan kelengkapan hidup, ilmu pengetahuan, organisasi sosial, kesenian dan bahasa. Rentetan itu, aspek budaya berkenaan telah diaplikasikan oleh penulis-penulis Sabah yang hadir atau mewakili kelompok tersendiri dalam penulisan cerpen.

Selanjutnya, kajian oleh Aizan Sofia Amin, Jamiah Manap, Siti Fardaniah Abdul Aziz, Chong Tseau Tsuey, Arena Che Kasim, Mohd Nasir Selamat, Noordeyana Tambi & Fazilah Idris (2019) mengenai cerpen mikro iaitu wacana kreatif dalam P&P Pembangunan Belia (SPKM 2023). Kursus Pembangunan Belia (SKPM 2023) mulai dibuka kepada semua pelajar UKM pada tahun 2012 dan dijadikan kursus CITRA rentas ilmu pada tahun 2013. Pelbagai kaedah P&P digunakan untuk memastikan pelajar yang terdiri daripada generasi Y dan Z dapat menghayati dan menguasai kursus ini dengan baik. Satu daripada pendekatan P&P yang digunakan adalah cerpen mikro. Cerpen mikro dalam konteks ini merupakan cerita pendek yang kurang daripada 250 patah perkataan. Ia diinspirasikan daripada kaedah penceritaan di dalam al-Quran bagi menyampaikan mesej dengan lebih berkesan dan mendalam. Pendekatan cerpen mikro digunakan untuk membolehkan pelajar menghayati isu-isu pembangunan belia dan menyampaikan mesej khusus berkenaan dengan pembangunan belia dengan baik.

Sehubungan itu, dalam kajian tindakan ini, 160 pelajar diminta untuk menghasilkan sebuah cerpen mikro yang bertemakan pembangunan belia dan membentangkan cerpen tersebut mengikut kreativiti masing-masing. Sebahagiannya telah dibentangkan dan dikompilasikan menjadi sebuah antologi cerpen mikro pembangunan belia. Pendekatan P&P ini didapati telah berjaya meningkatkan penghayatan mahasiswa terhadap isu-isu pembangunan belia, menyampaikan mesej yang membina kepada belia, meningkatkan kreativiti dan memberikan pengalaman baru yang bermakna kepada mahasiswa terutamanya bagi pelajar aliran sains dan kejuruteraan. Terdapat juga cerpen mikro yang telah diadaptasikan oleh pelajar kepada filem pendek. Kesimpulannya, cerpen mikro merupakan kaedah P&P yang berkesan dan bersesuaian dengan citra pelajar generasi Y dan Z di institusi pengajian tinggi.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Norsuhaida Ismail (2019) mengenai pengaruh pendidikan formal dalam cerpen Nisah Haron dan Aidil Khalid berdasarkan kerangka konseptual kata kunci. Antara cerpen yang dijadikan sebagai bahan kajian ialah *Impian Tsu-Ryi* (2002), *Afidavit Emosi* (2002) karya Nisah Haron manakala *Bila Adik Dinie Melatah* (2008) dan *Res Judicata* (2011) karya Aidil Khalid. Kajian ini memfokuskan kepada dua objektif iaitu yang pertama untuk menganalisis pengaruh pendidikan formal dalam cerpen-cerpen karya Nisah Haron dan Aidil Khalid manakala objektif kedua untuk merumuskan soal pengaruh pendidikan formal sebagai sumber penulisan kreatif dalam cerpen-cerpen karya Nisah Haron dan Aidil Khalid yang dikaji berdasarkan kerangka konseptual kata kunci.

Justeru itu, untuk merealisasikan kedua-dua objektif tersebut, kajian ini menerapkan konseptual kata kunci yang dicetuskan oleh Mohammad Mokhtar Hassan sebagai kerangka analisis. Dalam pada itu, pemilihan konseptual kata kunci diasaskan kepada tiga prinsip yang ditawarkannya, iaitu prinsip “Kepengaruan”, prinsip “Pemilihan Kata” dan prinsip “Kesan”. Analisis juga mendapati bahawa kedua-dua

penulis telah menghadirkan istilah-istilah yang secara khusus merujuk kepada bidang undang-undang. Lantaran itu, dengan adanya dapatan kajian yang diperoleh daripada analisis ini, kajian ini berhasil dalam merumuskan bahawa cerpen-cerpen yang dikaji rata-rata dipengaruhi oleh pendidikan formal yang dimiliki oleh Nisah Haron dan Aidil Khalid. Pendek kata, dengan adanya penemuan-penemuannya diharapkan dapat memberikan sumbangan dalam memperkayakan lagi korpus penyelidikan dan sekali gus memperluaskan lagi sempadan penyelidikan berkaitan penulisan kreatif dalam kesusasteraan Melayu.

Selanjutnya, kajian oleh Mohd Zikri Ihsan Mohamad Zabhi, Shamsudin Othman, Abdul Rasid Jamian, & Azhar Md. Sabil (2019) tentang penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen KOMSAS tingkatan lima. Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk mengkaji penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen KOMSAS tingkatan lima di sebuah sekolah menengah kebangsaan di Kuala Lumpur. Sehubungan dengan itu, objektif kajian pada kajian ini adalah untuk mengkaji persepsi murid terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen, dan untuk mengenalpasti penggunaan peta pemikiran dalam meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran. Dalam pada itu, kajian ini telah dilaksanakan kepada 118 orang murid tingkatan lima yang mempunyai pencapaian tahap sederhana. Justeru itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa persepsi murid terhadap penggunaan peta pemikiran dalam pembelajaran cerpen semua adalah baik serta dapat meningkatkan kefahaman terhadap teks KOMSAS dan meningkatkan penguasaan unsur KOMSAS dalam pembelajaran.

Selain itu, kajian daripada Zul Fadli Mohd Kamal & Shaiful Bahri Md Radzi (2020) adalah kajian mengenai patriotisme dan sejarah dalam cerpen Nazel Hashim dan Ismail Sarbini iaitu satu perbandingan. Dalam pada itu, peristiwa tersebut secara tidak langsung telah memberikan kesedaran kepada rakyat negara ini agar mereka

menghargai perpaduan yang telah dikecapi. Lantaran itu, sebagai anak jati Malaysia hendaklah berpengetahuan dan mempunyai pendidikan asas mengenai perpaduan serta terhadap tokoh-tokoh pejuang yang terdahulu agar nilai perjuangan itu tidak hilang ditelan zaman. Di samping itu, tokoh-tokoh perjuangan tersebut haruslah diangkat sebagai hero dan wira negara untuk dijadikan idola. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk membangkitkan semangat cinta akan negara. Oleh itu, bagi memastikan semangat tersebut sentiasa terpahat dalam diri, platform ‘Rukun Negara’ telah dijadikan sebagai satu simbolik bagi menyampaikan elemen berkaitan dengan sejarah. Salah satu contoh yang boleh diambil ialah Kesetiaan Kepada Raja dan Negara ia merupakan elemen penting dalam mengaitkan semangat patriotisme dan perpaduan. Lebih-lebih lagi, berdasarkan ‘Rukun Negara’ tersebut, pelbagai pendekatan telah dilakukan bagi memperkasakannya antaranya melalui dengan penulisan cerpen. Nazel Hashim dan Ismail Sarbini merupakan pelopor cerpen yang popular bagi menonjolkan unsur perpaduan. Oleh hal yang demikian, kajian daripada Zul Fadli Mohd Kamal & Shaiful Bahri Md Radzi (2020) ini telah memfokuskan kepada perbezaan simbol patriotik bagi menunjukkan nilai perpaduan yang dipertontonkan melalui karya masing-masing terutamanya ialah melalui Rukun Negara yang Kedua. Sebagai analoginya, unsur perpaduan yang disampaikan oleh kedua-dua penulis melalui cerpennya mampu untuk membentuk sahsiah para remaja berdasarkan cerita sejarah dan patriotisme.

Seterusnya, kajian daripada Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) iaitu kajian tentang aplikasi teori pengkaedahan Melayu dalam kumpulan cerpen *Melamar Rindu* oleh Osman Ayob melalui dakwah Islamiah. Melalui kumpulan cerpen Melamar Rindu mengumpulkan 18 buah cerpen yang memaparkan pelbagai persoalan antaranya seperti pertemuan dan perpisahan, kasih sayang, kerinduan, pembangunan, pertentangan di antara dua generasi dan perjuangan mempertahankan warisan bangsa. Di samping itu, melalui kajian ini melihat keupayaan penulis iaitu Osman Ayob dalam mencipta dan mengetengahkan isu-isu semasa yang

berkaitan pengalaman hidup yang dirasai oleh individu dan masyarakat sehingga dijadikan sebuah cerpen yang menarik dengan keindahan gaya bahasanya serta ia dapat memperkaya minda pembacanya. Oleh itu, kajian ini memaparkan objektif bagi mengenal pasti dan menganalisis unsur dakwah menerusi kumpulan cerpen *Melamar Rindu*. Justeru itu, kaedah analisis kandungan bertujuan untuk memfokuskan persoalan dakwah dalam kumpulan cerpen *Melamar Rindu*. Dalam pada itu, kajian ini membincangkan berpandukan pendekatan dakwah melalui teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang. Teori Pengkaedahan Melayu yang diaplikasikan melalui kajian ini sesuai digunakan kerana penulis lebih cenderung merakamkan aspek-aspek kehidupan masyarakat sekeliling menerusi gaya hidup, agama dan kepercayaan dan nilai-nilai murni dalam masyarakat. Hal ini demikian sesuai untuk penulis menerapkan pengkaedahan keagamaan dalam kajian ini. Seterusnya, Hadijah Johari, Nor Shahida Mohd Shaker & Farra Humairah Mohd (2020) membataskan kajian ini kepada tiga buah cerpen dalam kumpulan cerpen *Melamar Rindu* iaitu cerpen *Gangguan*, cerpen *Doanya Termakbul*, dan cerpen *Menimba Penawar*. Tegasnya, melalui cerpen ini sarat dengan unsur dakwah Islamiah dan nilai keagamaan yang berfokuskan kepada keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Selanjutnya, kajian tentang nilai-nilai keislaman menerusi cerpen-cerpen terpilih dalam Seuntaian *Rindu Firdaus* karya Ana Balqis iaitu satu pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu yang dilakukan oleh Nur Safiah Mohamad Zakir (2020). Berdasarkan kajian ini telah mengemukakan dua objektif utama iaitu untuk mengenal pasti nilai-nilai keislaman yang terkandung menerusi cerpen-cerpen terpilih dalam seuntaian *Rindu Firdaus* karya Ana Balqis dan untuk membincangkan nilai-nilai keislaman tersebut serta pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu menerusi nilai-nilai keislaman yang terkandung dalam cerpen-cerpen terpilih dalam seuntaian *Rindu Firdaus* karya Ana Balqis. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Nur Safiah Mohamad Zakir (2020), membataskan kepada kumpulan cerpen *Rindu Firdaus* karya Ana Balqis.

Dalam pada itu, kajian ini menggunakan pendekatan analisis reka bentuk secara kualitatif bertujuan sebagai kerangka panduan dalam kajian ini. Umumnya mengetahui bahawa analisis dan dapatan kajian dapat membuktikan bahawa terdapat banyak nilai-nilai keislaman yang dipamerkan melalui lima buah cerpen pilihan. Antaranya yang terdiri daripada cerpen pilihan pengkaji iaitu cerpen *Dialog Dua Perempuan, Mencari Syawal, Telur, Rindu Firdaus dan Rindu Berkampung*. Jelaslah bahawa melalui penemuan nilai-nilai keislaman melalui kelima-lima buah cerpen ini sememang dapat memberikan pengajaran dan kesedaran kepada para pembaca serta sebagai satu wadah bagi meningkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT.

Seterusnya, kajian tentang analisis dakwah dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I oleh Osman Ayob, Roslan Chin, & Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020). Kajian ini dijalankan bertujuan untuk membincangkan persoalan tentang dakwah yang berpaksikan kehidupan orang-orang Melayu yang kaya dengan akal budi dan tata susila hidup. Justeru itu, analisis kajian ini digunakan dengan memfokuskan terhadap persoalan dakwah dalam kumpulan cerpen *Papaverine* oleh Rejab F.I. Sehubungan dengan itu, kajian ini dibincangkan berpandukan teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang melalui pendekatan dakwah. Dalam pada itu, hasil analisis kajian yang dipaparkan menunjukkan cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I berkait rapat dengan aspek kemanusiaan. Secara ringkasnya, melalui cerpen-cerpen Rejab F.I ini dapat menyimpulkan yang terungkap melalui analisis kajian iaitu daripada segi watak dan perwatakan serta penemuan temanya. Oleh itu, mendapati empat penemuan tema melalui teori Pengkaedahan Melayu dalam cerpen-cerpen terpilih Rejab F.I iaitu takwa, keadilan, ilmu dan juga taubat. Tegasnya, penemuan tema tersebut berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu merupakan satu gambaran pemikiran masyarakat Melayu yang terjalin mengikut prinsip kehidupan dan juga berpandukan kepada pegangan teguh kepada ajaran agama.

Selain daripada itu, kajian daripada Yumilayati Yunos (2020), kajian tentang wanita dan cinta dalam kumpulan cerpen *Masitah*. Kajian ini membataskan kepada tiga buah cerpen iaitu cerpen *Antara Rindu Xiang Si Dou, Kesuma Cinta Meigue* dan *Cerita Si Kembang Cina*. Dalam pada itu, dapatkan kajian yang diperolehi iaitu nilai persahabatan, perpaduan kaum dan kasih sayang dapat dilihat menerusi cerpen berkenaan kerana ia memperlihatkan hubungan erat budaya masyarakat Cina dan Melayu. Di samping itu, wanita dan cinta merupakan gandingan yang begitu mengasyikan dan sering mendapat tempat di hati penulis. Oleh itu, kecantikan wanita dan kemanisan cinta seakan tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain. Namun begitu, kecantikan dan kemanisan cinta tidak selalu berpanjangan kerana mereka turut menjadi mangsa dalam pelbagai konflik percintaan, pertaruhan dalam perjudian dan adakalanya berakhir dengan kematian.

Selanjutnya, kajian yang dijalankan oleh Nor Fazila Mimie (2020) mengenai aspek pemikiran kreatif dalam *Kumpulan Cerpen-Cerpen Monyet, Anjing, Dan Pohon Ginkgo* karya Jani Mat Lani. Kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti aspek pemikiran kreatif serta mengaplikasikan pemikiran kreatif berdasarkan teori SPB4L. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan teori *Sistem Pemikiran Bersepadu 4 L* (*luhur, lahir, logik, dan lateral*) oleh Yusof Hassan. Berdasarkan teori ini, pemikiran luhur serta pemikiran logik merupakan sebuah pemikiran yang sering dikaitkan dalam penceritaan jalan cerita. Pemikiran luhur merupakan aspek kerohanian dalam kehidupan. Manakala pemikiran logik pula, mementingkan fakta serta sesbuah peristiwa yang berlaku untuk membentuk sejarah dalam sesbuah kehidupan tersebut. Selain itu, pengkaji membataskan kajian dengan mengkaji sebanyak 5 buah cerpen dalam kumpulan cerpen tersebut. Justeru itu, karya ini dipilih sebagai bahan kajian kerana dalamnya terkandung unsur-unsur jati diri, nilai-nilai murni, dan kehidupan masyarakat yang digambarkan kepada bukan manusia. Analisis kajian ini mendapatkan bahawa aspek pemikiran kreatif digunakan sebaik yang mungkin oleh penulis. Dalam pada itu, kajian

ini berkisarkan tentang corak peribadi masyarakat itu sendiri dan diperlihatkan melalui watak-watak yang bukan manusia serta sejarah melalui cerpen dalam *Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing Dan Pohon Gingko*. Pendek kata, kajian ini bukan sahaja memperlihatkan kekreatifan dan kegigihan pengkarya malah dapat melihat pengadaptasian di antara nilai-nilai kemanusiaan dengan pendekatan teori SPB4L.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Norazimah Zakaria & Mazarul Hasan Mohamad Hanapi (2020) mengenai citra emosi wanita dalam cerpen dan rasa kepada khayalak. Hal ini bertujuan untuk mengenal pasti kepelbagaian emosi watak wanita dan rasa kepada khalayak dalam *Kumpulan Cerpen Kurung* karya Norazimah Zakaria. Justeru itu, kajian ini menghuraikan bagaimana watak-watak wanita tersebut yang mempunyai emosi peranan tersendiri namun mempunyai emosi yang mungkin tidak dapat dirungkaikan. Makalah ini akan memanfaatkan teori rasa fenomenologi oleh Sohaimi Abdul Aziz. Teori ini digunakan bagi mengesan emosi dan kesan rasa watak dalam karya. Dalam pada itu, kaedah kepustakaan dan analisis textual deskriptif dilakukan berlandaskan teori yang digunakan. Dalam *Kumpulan Cerpen Kurung*, emosi ini lebih berfokus kepada watak-watak terpilih yang sentiasa berkonflik di antara tuntutan nilai dan norma hidup dalam masyarakat. Walaupun banyak berlaku emosi terhadap watak-watak wanitanya sehingga menimbulkan konflik terhadap watak-watak terpilih tersebut namun akhirnya mereka tetap teguh dengan pendirian masing-masing. Oleh itu, perbincangan ini melibatkan beberapa emosi yang mendominasi watak-watak wanita sehingga ia dapat memberi kesan rasa kepada pembaca.

Selanjutnya, kajian daripada Nurul Nuraina Anuar & Nur Nafisah Azmi (2020) berkenaan merungkai sindrom mediokriti dalam cerpen popular karya Nadia Khan. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk memahami konsep mediokriti dalam cerpen Nadia Khan. Dalam pada itu, kajian ini berteraskan perspektif ilmu yang digariskan oleh Syed Naquib Al-attas (1995) dan berhubungkait dengan teori evolusi ketamadunan yang

diperkenalkan oleh Malik Bennabi (2001). Rentetan itu, masyarakat hari ini diandaikan sebagai masyarakat pasca-tamadun yang dipupuk oleh pelbagai sumber hiburan yang turut mendominasi karya sastera popular khususnya. Sehubungan dengan itu, kajian ini menganalisis ciri-ciri mendiokriti dalam cerpen di atas berkonsep ilmu sebagai bersifat intelektual. Kesemua ini akan dihubungkaitkan bagi menerokai hubungan antara ilmu yang diperoleh daripada pengalaman. Oleh itu, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa ilmu memainkan peranan penting bagi mengekang pengaruh mediokriti baik dari segi pemikiran maupun dalam penulisan sastera. Justeru itu, hasil kajian ini diharapkan agar dapat memberi manfaat dan kepentingan bagi pengkaji akan datang dalam memperkasakan kualiti dan nilai tamadun manusia.

Selain itu, kajian oleh Veno A/L Supaya & Manonmani Devi A/P M.A.R Annamalai (2020) berkaitan nilai kemanusiaan dalam kumpulan cerpen *Tamarai Ilaikal* karya Paavi mengikut perspektif teori *Tirukkural*. Pendekatan teori *Tirukkural* digunakan sebagai penganalisis nilai kemanusiaan yang terdapat dalam kumpulan cerpen *Tamarai Ilaikal* karya Paavi. Justeru itu, kaedah yang digunakan dalam kajian ini ialah berbentuk kaedah kepustakaan, kaedah analisis teks dan kaedah kajian lapangan. Data dianalisis dengan menggunakan analisis deskriptif berlandaskan nilai kemanusiaan teori *Tirukkural*. Hasil dapat kajian ini menunjukkan nilai kemanusiaan yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Tamarai Ilaikal* karya Paavi berdasarkan perspektif teori *Tirukkural*, analisis nilai kemanusiaan dalam konteks cerpen *Tamarai Ilaikal* karya Paavi berdasarkan perspektif teori *Tirukkural*, dan menjelaskan unsur-unsur pengajaran yang terkandung dalam kumpulan cerpen *Tamarai Ilaikal* karya Paavi berdasarkan perspektif teori *Tirukkural*. Secara ringkasnya, dapatan kajian ini telah membuktikan kumpulan cerpen *Tamarai Ilaikal* karya Paavi mengandungi nilai kemanusiaan yang berdasarkan perspektif teori *Tirukkural*.

Lanjutan daripada itu, kajian yang dijalankan oleh Nurhaziqah Ambri (2020) berkenaan pemikiran dalam *Kumpulan Cerpen Rindu Seorang Rafik*. Kajian ini menganalisis cerpen-cerpen yang terdapat menerusi *Kumpulan Cerpen Rindu Seorang Rafik* (2011) karya Nisah Haron melalui pemikiran yang dibawa oleh pengarang. Antara tajuk cerpen yang terdapat berdasarkan kumpulan cerpen ialah seperti *Sayap-sayap Kecil di Graha Jentayu*, *Impian Tsu-Ryi*, *Impian Tsu-Ryi 2*, *Minta Secawan Kopi Tenom*, *Sepaun Daging Hutang*, *Di Bawah Lindungan Hudaibiyah*, *Rindu Seorang Rafik*, *Ziarah Izrail*, *Pusaka Cendana*, *Antara Dua Pusara*, *Citra Mukhlisah*, *Fatamorgana Akhir Musim Yuda*, *Resepi Dari Istana 1*, *Resepi Dari Istana 2*, *Resepi Dari Istana 3*, dan *Lemang Nan Sebatang*. Analisis tersebut menggunakan beberapa jenis pendekatan pemikiran seperti pemikiran mengenai undang-undang, pemikiran keagamaan, pemikiran tentang budaya, pemikiran kasih sayang, pemikiran tentang satira atau sindiran dan pemikiran kesusasteraan.

Sehubungan dengan itu, permasalahan kajian bermula apabila masyarakat khususnya kurang peka dengan maksud sebenar pemikiran yang dinyatakan oleh pengarang dalam karyanya. Pemikiran merupakan sebuah proses yang luas dan mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri. Pemikiran juga turut terdiri daripada konsep, jenis dan pelbagai aspek yang boleh dikaji dan diketahui. Tambahan pula, bidang sastera pada masa kini kurang mendapat perhatian dan sambutan daripada golongan masyarakat. Bagi mereka, bidang sastera ini merupakan sesuatu bidang yang mudah. Namun begitu, bidang sastera juga mempunyai beberapa cabang yang tersendiri sama ada dari segi sastera moden dan sastera tradisional. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis pemikiran yang terdapat dalam *Kumpulan Cerpen Rindu Seorang Rafik* karya Nisah Haron. Pemikiran yang diterapkan oleh Nisah Haron dalam setiap cerpennya adalah berbeza. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa setiap objektif kajian telah berjaya dicapai. Secara rumusannya, pemikiran yang terdapat dalam setiap cerpen mempunyai mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang kepada

pembacanya. Tambahan pula, konsep pemikiran yang diketengahkan oleh pengarang juga bersifat bebas di mana pembaca boleh mentafsir sendiri setiap cerpen hasil penulisan beliau itu.

Kajian yang seterusnya, tentang realiti sosial watak wanita dalam cerpen *Ka-manakah Terbangnya Si Burong Senja* daripada Lensa Taklif merupakan kajian yang dilakukan oleh Ros Anita Karini Mohamed & Abdul Halim Ali (2021). Kajian ini bertujuan untuk mengetengahkan karya kreatif iaitu *Ka-mana Terbangnya Si Burong Senja* karya A. Samad Said yang memaparkan isu keruntuhan moral dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan kajian tentang cerpen ini dapat memberikan kesedaran kepada masyarakat mengenai hak-hak asasi manusia dalam pembentukan dinamik sosial dan budaya melalui gambaran watak dan perwatakan masyarakat yang tidak bermoral penuh dengan signifikan. Oleh itu, melalui karya A. Samad Said ini masyarakat perlu menghayati setiap pembacaan kerana ia mengandungi pemaknaan dalam setiap ayat yang cuba disampaikan. Sehubungan dengan itu, kerangka *Taklif* akan digunakan bagi memperincikan hasil dapatan kajian mengenai pandangan Islam pada prinsipnya alam semesta milik Tuhan yang Maha Esa. Lantaran itu, kajian ini menggunakan pendekatan analisis teks. Secara ringkasnya, jelaslah bahawa kajian Ros Anita Karini Mohamed & Abdul Halim Ali (2021), bertujuan untuk menarik minat para pembaca untuk lebih terbuka mindanya melalui pembacaan mesej daripada pengarang iaitu dari lensa keislaman yang yakni kembali kepada pencipta dalam proses pembentukan sahsiah masyarakat agar masyarakat terhindar daripada berlakunya keruntuhan moral.

Kajian yang selanjutnya ialah berkaitan tentang alam dan perlambangan dalam cerpen-cerpen pilihan S. Othman Kelantan. Kajian ini dijalankan oleh Tuan Rusmawati Raja Hassan (2021). Kajian ini berdasarkan tentang alam kerana ia merupakan jati diri masyarakat Melayu yang melambangkan perlambangan dalam membersihkan hati dan jiwa serta ia memperlihatkan bahawa unsur alam masih mempunyai erti yang begitu

tinggi dalam masyarakat Melayu. Lantaran itu, objektif kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis simbol flora dan fauna yang terdapat dalam cerpen-cerpen terpilih karya S. Othman Kelantan. Dalam pada itu, Tuan Rusmawati Raja Hassan (2021) telah membantaskan sebanyak lima buah cerpen untuk digunakan sebagai data bagi menganalisis unsur alam dan perlambangan. Antara cerpennya ialah *Dedalu* (1970), *Angin Timur Laut* (1967), *Pahlawan Lembu* (1969), *Riang Bagaikan Burung-Burung* (1970), dan *Bintang Kemilau* (2001).

Seterusnya, kajian tentang impak perintah kawalan pergerakan terhadap golongan miskin iaitu satu analisis cerpen *Kuncintara*, kajian yang dilakukan oleh Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali & Muhammad Wafi Ramli (2021). Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengkaji impak perintah kawalan pergerakan terhadap golongan miskin berdasarkan cerpen *Kuncintara*. Dalam pada itu, cerpen ini dianalisiskan berdasarkan tekstual yang berpandukan kepada konsep sosiologi sastera. Dapatkan kajian yang diperolehi daripada Mohamed Nazreen Shahul Hamid, Rohaya Md Ali & Muhammad Wafi Ramli (2021), menunjukkan bahawa terdapat enam isu permasalahan yang dihadapi golongan miskin ketika perintah kawalan pergerakan melalui cerpen *Kuncitara* iaitu berdasarkan ketidakstabilan emosi, tekanan hidup, keganasan tingkah laku, masalah sosial, ancaman kesihatan dan pegingkaran norma. Oleh hal yang demikian kajian ini dilakukan oleh penulis bagi memahami isu-isu yang dihadapi oleh golongan miskin semasa perintah kawalan pergerakan. Justeru itu, kajian ini membuktikan karya kesusasteraan mampu dijadikan saluran yang baik dalam memberikan kefahaman kepada masyarakat berkaitan dengan isu-isu tersebut.

Selanjutnya ialah kajian daripada Asmiaty Amat (2021) berdasarkan kajian tentang hubungan etnik di Sabah iaitu satu kajian terhadap cerpen-cerpen terpilih penulis Sabah. Kajian ini merupakan kajian tekstual tematik yang menggunakan sosiologi sastera dalam penelitian cerpen-cerpen yang diterbitkan dalam majalah WADAH sejak tahun 1980-an sehingga 2017. Selain itu, terdapat dalam kumpulan cerpen *Pugai Balabak*, kumpulan cerpen *Singkowoton* oleh Azmah Nordin, *Pangkot* dan *Selamat Tinggal Sabah* oleh Raymond Majumah, Hering oleh Faridah Abdul Halim, dan Tangis Buliga oleh Kathirina Tati. Dalam pada itu, dapatan kajian yang diperolehi oleh Asmiaty Amat (2021), menunjukkan bahawa hubungan etnik bukan menjadi isu yang seringkali diperbesarkan tetapi ia tetap wujud sebagai satu gambaran realiti sosial yang perlu diberi perhatian.

Di samping itu, masyarakat peribumi di Sabah dikategorikan kepada Dusunkadazan, Bajau, Murut dan sebagainya. Namun, kelompok bumiputera lain seperti Jawa, Bugis dan Suluk, dinamakan dengan etnik-etnik lain. Tambahan pula, hubungan antara kaum atau etnik di Sabah bersifat mikro, iaitu antara etnik dan juga intra-etnik, iaitu hubungan antara etnik peribumi atau bumiputera Sabah dengan orang Melayu di Sabah atau dari Semenanjung, Cina, atau orang Eropah. Sehubungan dengan itu, Asmiaty Amat (2021) menyatakan hubungan antara etnik di Sabah dikatakan pelbagai pihak sebagai harmoni. Namun, persepsi sosial antara etnik-etnik tersebut wujud walaupun dalam bentuk yang tidak serupa seperti di Semenanjung Malaysia.

Seterusnya, kajian berkaitan analisis karakteristik realisme dalam antologi cerpen *Sewangi-Wangi Tulang* karya Muhd. Mansur Abdullah. Kajian ini dilakukan oleh Roslan Chin (2021). Tujuan kajian ini dihasilkan adalah untuk menganalisis karakteristik realisme dalam antologi cerpen karya Muhd. Mansur Abdullah. Melalui kajian ini mendapati reka bentuk secara kualitatif digunakan. Dalam pada itu, data penelitian yang dilakukan dalam penulisan ini ialah berkaitan dengan kata-kata, frasa, ayat dan wacana

yang terdapat dalam cerpen *Sewangi-Wangi Tulang*. Sehubungan dengan itu, dapatan kajian yang diperolehi ialah berdasarkan penemuan dua tema yang memberikan pengajaran kepada masyarakat iaitu gaya realis dan dimensi waktu dalam cerpen *Sewangi-Wangi Tulang*.

Selain daripada itu, kajian tentang analisis elemen menjana minda falsafah pendidikan kesusasteraan Melayu dalam teks cerpen moden *Kesusasteraan Melayu Komunikatif*, telah dilakukan oleh Elavarassan M. Suppiah & Nordiana Hamzah (2021). Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk melahirkan pelajar yang holistik. Sehubungan dengan itu, terdapat dua objektif yang dikemukakan iaitu untuk mengenal pasti elemen menjana minda dan menganalisis kerelevanannya teks moden cerpen mata pelajaran *Kesusasteraan Melayu Komunikatif* tingkatan empat dan lima menggunakan Teori Sistem Pemikiran Bersepadu.

Lantaran itu, data kualitatif kajian diperolehi menggunakan kaedah kepustakaan dengan mengaplikasikan tiga aspek daripada teori tersebut dalam mengkaji kebitaraan, kesaintifikan, dan kekreatifan teks-teks cerpen *Kesusasteraan Melayu Komunikatif*. Keadaan analisis teks digunakan adalah untuk menganalisis watak dan perwatakan yang terkandung dalam sepuluh buah teks cerpen moden mata pelajaran *Kesusasteraan Melayu Komunikatif* tingkatan empat dan lima. Di samping itu, dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan elemen menjana minda khususnya pemikiran kebitaraan lebih banyak diterapkan dalam teks cerpen berbanding pemikiran kesaintifikan dan kekreatifan. Oleh itu, Elavarassan M. Suppiah & Nordiana Hamzah (2021), telah mencadangkan beberapa usaha yang dapat membantu pihak yang terlibat dalam penyediaan teks bagi mempertingkatkan dan mempelbagaikan elemen menjana minda untuk kegunaan masa hadapan.

Selanjutnya, kajian oleh Asmiaty Amat & Roziah Adama (2021) berkenaan dunia hampir bergabung dalam *Kumpulan Cerpen Laron* oleh Jasni Matlani iaitu satu bacaan realisme Magis. Dalam penulisan karya realisme magis, wujud unsur-unsur penggabungan dunia yang merujuk kepada kewujudan dunia realiti dan dunia magis yang hampir bergabung. Dalam hal ini, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis ciri-ciri realisme magis yang terdapat dalam *Kumpulan Cerpen Laron* karya Jasni Matlani (2010) yang menghimpunkan 30 buah cerpen karya Jasni Matlani. Walau bagaimanapun kajian ini hanya meneliti tiga cerpen dalam *Kumpulan Cerpen Laron*, iaitu *Laron*, *Dua Helai Daun*, dan *Perempuan Berbau Harum*. Manakala, skop kajian ini hanya mengaplikasikan satu daripada lima ciri realisme magis mengikut aliran Wendy B. Faris (2004), iaitu dua dunia yang hampir bergabung atau *merging realms*. *Merging realms* dalam buku *Wendy B. Faris Ordinary Enchantments Magical Realism and Remystification of Narratives* bermaksud wujudnya dua dunia yang hampir bergabung dalam karya realisme magis. Oleh itu, bagi menganalisis cerpen yang mengandungi elemen dunia yang hampir bergabung, analisis memfokuskan pada penggabungan dunia realiti dan dunia lain dalam cerpen-cerpen yang dikaji. Pendek kata hasil kajian menunjukkan cerpen-cerpen Jasni Matlani memenuhi konsep elemen dunia yang hampir bergabung dan dikategorikan sebagai karya realisme magis.

Akhir sekali, kajian daripada Komathy Vayapuri (2021) kajian tentang tanda dalam cerpen-cerpen terpilih karya M. Ramaiah. Berdasarkan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tanda serta untuk menganalisis kesan penggunaannya yang mempunyai hubungan korelasi objek-objek kepada pembaca dan menginterpretasikan kaitannya dengan budaya masyarakat Tamil dalam 40 buah cerpen terpilih M. Ramaiah. Dalam pada itu, kajian ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan dan kaedah analisis kandungan secara deskriptif. Seterusnya, analisis dan perbincangan berpandukan kepada teori semiotik Charles Sanders Peirce. Manakala, dapatan kajian pula menunjukkan sebanyak 66 jenis tanda yang dapat dikenal pasti serta mempunyai

hubungan dengan 38 jenis objek melalui 40 buah cerita terpilih karya M. Ramaiah. Secara ringkasnya, hasil penelitian daripada Komathy Vayapuri (2021) adalah menunjukkan bahawa kesemua tanda ini sarat dengan mesej dan amanat yang unik, istimewa dan mendalam yang dapat membuka minda para pembaca. Implikasinya, kajian semiotik ini bukan sahaja memaparkan kepentingan menganalisis tanda-tanda dalam sesebuah teks cerpen, bahkan cuba menginterpretasikan kaitannya dengan sesuatu di luar teks, iaitu budaya sesuatu masyarakat.



2.3 Pengkajian Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Karya Sastera Di Malaysia

Kajian tentang pantun peribahasa Melayu iaitu analisis daripada perspektif teori Pengkaedahan Melayu, dilakukan oleh Johari Yahaya (2015). Dalam konteks ini, keindahan pantun peribahasa Melayu dijadikan bertujuan untuk membincangkan makna disebalik tersirat di samping wujudnya maksud tersurat. Hal ini demikian kerana ia dapat dijadikan sebagai alat komunikasi antara masyarakat bagi mengelakkan menyingungkan perasaan orang lain. Dalam pada itu, Johari Yahaya (2015), mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu iaitu melalui pendekatan gunaan dan moral. Hal ini dikatakan demikian kerana mendapat nilai-nilai kemelayuan menjadi tunjang utama masyarakat Melayu kerana ia bersandarkan kepada keindahan pantun. Keindahan pantun pula, merujuk kepada struktur bahasa yang digunakan bagi menggambarkan keindahan sesuatu budaya melalui penulisan. Hal ini demikian kerana keindahan pantun Melayu seiring dengan perlambangan masyarakat Melayu yang mempunyai nilai keperibadian yang tinggi.

Seterusnya, kajian tentang nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu suatu aplikasi teori Pengkaedahan Melayu, yang telah dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob & Normaliza Abd Rahim (2016). Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai baik hati berdasarkan cerita rakyat Melayu, khususnya kepada masyarakat Melayu. Menyedari hakikat di atas nilai murni dijadikan sebagai medium perantaraan bagi mendidik masyarakat mengamalkan nilai baik hati dalam meneruskan kehidupan seharian mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap penceritaan yang disampaikan melalui medium pembacaan atau pendengaran mampu menjana idea pemikiran serta menjadi ingatan dalam kalangan masyarakat. Oleh sebab itu, cerita rakyat sarat dengan nilai-nilai yang dipamerkan yang bertujuan untuk dijadikan sebagai nasihat dan pengajaran bagi membentuk nilai moral yang tinggi dalam diri masyarakat. Hasil dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan

bahawa cerita rakyat Melayu kaya dengan nilai baik hati yang dapat mewujudkan keharmonian masyarakat. Oleh hal yang demikian, teori Pengkaedahan Melayu yang diaplikasikan dalam kajian ini bagi memantapkan kajian ini.

Lanjutan daripada itu, kajian oleh Noraini Abdul Shukor & Tengku Intan Marlina Tengku Mohd Ali (2016) mengenai padi sebagai tanda dalam peribahasa Melayu. Hal ini dikatakan demikian kerana orang Melayu menggunakan kebijaksanaan mereka seperti menggunakan unsur alam bagi menyampaikan maksud disebaliknya dengan menggunakan ungkapan yang indah dari segi peribahasanya. Rentetan itu, unsur alam seperti padi digunakan bagi mengkaji unsur alam iaitu padi sebagai salah satu tanda yang kemudiannya ia banyak dipindahkan dalam peribahasa. Dalam pada itu, kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan firasat. Justeru itu, padi dipilih kerana ia merupakan sumber ekonomi dan juga merupakan sumber makanan bagi masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, padi berperanan sebagai tanda hubungan persaudaraan dan juga kekeluargaan serta dari segi pembinaan akhlak yang baik mahupun sumber rezeki dalam beberapa peribahasa Melayu yang dijadikan sebagai rujukan dan panduan. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tanda padi dalam buku peribahasa Melayu iaitu penelitian makna dan nilai. Seterusnya untuk menganalisis makna tanda padi tersebut dengan menggunakan pendekatan firasat dalam teori Pengkaedahan Melayu. Pendek kata, unsur padi yang dipilih merujuk kepada unsur yang memberikan tanda-tanda tertentu dan mencapai matlamat yang terdapat dalam teori Pengkaedahan Melayu, iaitu berdasarkan kebajikan, ketakwaan, dan kesusilaan di samping membincangkan unsur padi dalam peribahasa Melayu.

Selain daripada itu, kajian yang dihasilkan oleh Roslina Abu Bakar & Aone Van Engelenhovem (2016) mengenai alam dan budaya masyarakat Melayu dalam *Hikayat Pelanduk Jenaka*. Kajian yang dijalankan ini bertujuan untuk memperlihatkan cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* iaitu proses

interaksi sosial dan untuk menganalisis cara hidup dan kebudayaan masyarakat Melayu menerusi *Hikayat Pelanduk Jenaka* berdasarkan pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan menerusi teori Pengkaedahan Melayu. Dalam hal ini, *Hikayat Pelanduk Jenaka* mengisahkan tentang kehidupan binatang di rimba dan lautan yang dipersonafikasikan oleh pengarangnya serta penulisan ini juga telah mengaplikasikan teknik kualitatif, analisis kandungan dan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang sebagai tulang belakang dan panduan dalam kajian ini. Berdasarkan pernyataan di atas, jelaslah bahawa sesebuah teori adalah amat penting dalam sesebuah kajian kerana ia merupakan tulang belakang kajian yang menjadikan panduan dan perkara utama yang perlu ada dalam kajian ini.

Lanjutan daripada itu, kajian yang dijalankan oleh Hashim Awang & Hashim Ismail (2016) yang bertajuk minda pengarang Melayu, melestarikan hubungan antar-budaya Melayu-Jawa dalam *Sulalat al-Salatin*. Berdasarkan kajian ini telah menjawab bagaimana sesebuah jati diri melalui minda pengkarya di dalam menonjolkan imej antar budaya. Dalam hal ini teks *Sulalat al Salatin* digunakan agar dapat menimbulkan imej antar budaya. Di samping itu, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis aspek jati diri kepengarangan Melayu yang terdapat di dalam *Sulalat al-Salatin* menerusi suatu bentuk dan puitika minda pengarang Melayu sebagai tujuan untuk melestarikan hubungan antar-budaya. Sehubungan dengan itu, batasan pada kajian ini turut memfokuskan hubungan antar-budaya serumpun yang dilestarikan melalui teks *Sulalat al-Salatin*. Disingkapkan disini teori yang digunakan merupakan teori Pengkaedahan Melayu yang dapat menyimpulkan mengenai kehalusan minda pengkarya yang menunjukkan kepada kiasan dan sopan menggambarkan sesuatu hubungan antar budaya yang semestinya diluhurkan secara harmoni tanpa mengira latar belakang asal teks ini.

Selanjutnya, kajian dijalankan oleh Yusmilayati Yunos, Muammar Ghaddafi Hanafiah, Muhd Norizam Jamian, & Zubir Idris (2016) mengenai komunikasi bukan lisan iaitu alamat kedutan (denyutan) berdasarkan *Mujarrobat*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti bahagian badan yang mengalami kedutan (denyutan) dan menghadirkan maksud kepada kedutan (denyutan) yang mempunyai arah atau petunjuk sesebuah perkara atau peristiwa yang mungkin terjadi. Di samping itu, batasan kajian ini menggunakan kaedah analisis tekstual terhadap kitab *Mujarrobat* versi Jawa bertulis Pegon (tulisan Jawi dan berbahasa Jawa). Dalam pada itu, kedutan (denyutan) merupakan perkara yang membawa kepada bahagian tubuh yang cukup sempurna dimana pergerakan tubuh atau dalam erti kata lain pergerakan tubuh yang bergerak secara sendiri tanpa mempunyai sebab yang jelas. Justeru itu, kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan firasat kerana ia bermotifkan kejadian alam semesta yang merujuk kepada pengalaman hidup. Sebagai analoginya, kedutan (denyutan) ini terjadi kepada semua lapisan masyarakat dan pernah mengalaminya secara langsung atau secara tidak langsung.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Muhammad Fadzil Yusoff (2016) berkenaan pemaknaan kosmologi biotik dalam *Kumpulan Puisi Salasilah* karya Zurinah Hassan dari perspektif teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini menggambarkan mengenai alam semesta yang saling memerlukan antara satu sama lain. Misalnya, dapat dilihat dari sudut proses kehidupan flora, fauna dan juga melibatkan persekitaran sosial (alam kemanusiaan dan alam budaya). Dalam pada itu, berdasarkan *Kumpulan Puisi Salasilah* (2005) karya Zurinah Hassan ini, di analisis dengan menggunakan kaedah analisis teks. Menurut Muhammad Fadzil Yusoff (2016) ada menyatakan bahawa penganalisisan ini dilakukan menerusi alam flora yang melibatkan tumbuh-tumbuhan seperti pokok, bunga, dan buah. Manakala, alam fauna pula terdiri daripada haiwan seperti ikan, singa, pelanduk, rusa, ayam, dan juga kambing. Rentetan itu, dapat menyerapkan persekitaran sosial dan memaknakan unsur-unsur biotik ini dengan pemikiran dan falsafah yang

terdapat dalam puisi-puisi yang dikaji. Sebagai analoginya, pemaknaan yang dijalankan ini turut membicarakan tentang kemiskinan, pendidikan, akhlak, kasih sayang, kesetiaan, jati diri dan juga pertelaghanan ideologi serta kemanusiaan dari sudut perspektif teori Pengkaedahan Melayu.

Seterusnya, kajian oleh Syaidul Azam Kamarudin & Arbai'e Sujud (2017) mengenai jati diri Melayu dalam kumpulan puisi terpilih A. Aziz Deraman iaitu analisis teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini memfokuskan tentang jati diri Melayu dalam kumpulan puisi A. Aziz Deraman iaitu *Suara Gunung Kehidupan* dan *Gelora Nurani*. Dalam konteks ini, jati diri Melayu adalah elemen penting yang dipamerkan kerana ia mempertahankan khazanah bangsa Melayu. Tambahan pula, melalui kajian ini pemantapan jati diri menggambarkan ketatasusilaan, kebijaksanaan dan pekerti bangsa Melayu yang telah diwarisi sejak zaman berzaman. Dalam pada itu, kajian ini dilaksanakan secara analisis kandungan dengan mengaplikasikan pendekatan yang diperkenalkan oleh Hashim Awang dalam teori Pengkaedahan Melayu. Sehubungan dengan itu, aspek jati diri Melayu dalam puisi A. Aziz Deraman akan dianalisiskan berdasarkan tiga aspek iaitu jati diri dalam aspek bahasa Melayu, jati diri dalam aspek agama dan jati diri dalam aspek budaya. Hal ini dikatakan demikian kerana jati diri memainkan peranan penting bagi menonjolkan perwatakan masyarakat yang dapat kita jadikan ia sebagai iktibar. Di samping itu, ia memberikan nasihat dan peringat kepada masyarakat dalam melahirkan kemuafakatan antara masyarakat.

Seterusnya, kajian mengenai penerapan nilai murni dalam cerita rakyat Melayu suatu aplikasi teori Pengkaedahan Melayu iaitu analisis nilai kasih sayang dan nilai keadilan dalam masyarakat Melayu oleh kajian Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017). Berdasarkan kajian ini memperjelaskan nilai kasih sayang dan keadilan yang terkandung dalam cerita rakyat Melayu. Selain itu, kajian ini memaparkan kaedah analisis tekstual dengan mengaplikasikan teori pengkaedahan Melayu bagi

memantapkan lagi kajian yang dijalankan ini. Dalam pada itu, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai murni yang diterapkan menggambarkan sesebuah masyarakat Melayu yang kaya dengan amalan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan sebagai pengajaran dan pendidikan kepada masyarakat. Oleh itu, melalui karya Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2017) telah membuktikan bahawa cerita rakyat merupakan suatu cerita yang karya dengan nilai adat istiadat masyarakat Melayu.

Seterusnya, kajian yang ditulis oleh Mohd Firdaus Che Yaacob, Nasirin Abdillah, Muhammad Izani Ab. Ghani, Shahariah Norain Shaharuddin, & Siti Nur Anis Muhammad Apandi (2017) mengenai cerminan moral positif dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis cerminan moral positif masyarakat Melayu yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu. Dalam pada itu, kajian ini juga akan membawa pembaca untuk memahami mengenai nilai murni iaitu seperti nilai kejujuran yang seperti makna termaktub di bawah lembayung kata amanah, bercakap benar dan ikhlas yang terkandung dalam cerita-cerita rakyat Melayu. Oleh itu, jelaslah bahawa cerita-cerita rakyat Melayu yang terkandung dalam cerminan moral positif membawa manfaat kepada masyarakat untuk dihayati menerusi kehidupan seharian.

Selain itu, kajian yang dilakukan oleh Siti Murni Mohd Abdul Hamid (2017) berkenaan imej manusia dalam *Kumpulan Puisi Salasilah* Zurinah Hassan. Tujuan kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti keberadaan teori Pengkaedahan Melayu dalam *Kumpulan Puisi Salasilah* melalui imej manusia dan mengenalpasti kewujudan dan perkaitan nilai kemanusiaan dalam imej manusia alam. Dalam pada itu, kajian ini dilakukan berlandaskan teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang. Di samping itu, kajian ini dianalisis secara deskriptif iaitu kaedah pemerhatian dan tinjauan kepustakaan. Oleh itu, hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perkaitan nilai kemanusiaan dalam imej manusia dengan alam dan tuhan.

Seterusnya, kajian dijalankan oleh Nur Syuhada Md Ariffin, Kamariah & Kamaruddin (2017) berkenaan personaliti Islam menurut perspektif Al-Ghazali dalam novel *Tuhan Lebih Saintifik* karya Farhan Hadi. Objektif pada kajian ini adalah untuk mengenalpasti dan menganalisis personaliti Islam yang terdapat dalam novel *Tuhan Lebih Saintifik* karya Farhan Hadi. Dalam pada itu, kajian ini menggunakan pendekatan sosiologi dan teori Pengkaedahan Melayu untuk menganalisis kajian ini. Oleh itu, kajian ini juga membincangkan tentang personaliti Al-Ghazali dari perwatakan terpuji dan personaliti tidak terpuji. Perwatakan terpuji terbahagi kepada empat iaitu sabar, syukur, tafakur, reda manakala perwatakan tidak terpuji pula seperti marah, hasad dengki dan takbur.

Selanjutnya, kajian oleh Che Abdullah Che Ya (2018) mengenai *Bedar Sukma Bisu* daripada perspektif Pengkaedahan Melayu. *Bedar Sukma Bisu* merupakan sebuah karya oleh Faisal Tehrani yang telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka iaitu pada tahun 2007. Dalam konteks ini, analisis kajian digunakan berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang yang memaparkan cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat iaitu masyarakat Melayu yang melahirkan karya-karya tersebut. Justeru itu, melalui kajian ini menggunakan kedua-dua teori Pengkaedahan Melayu. Hasil penelitian yang telah dilakukan telah membuktikan bahawa novel ini banyak mengolah tentang realiti kehidupan masyarakat Melayu. Pendek kata, perspektif Pengkaedahan Melayu mentafsirkan tentang maksud tersurat ataupun tersirat yang ingin disampaikan oleh pengarang.

Selanjutnya ialah kajian oleh Nurul Nasuha Mohd Rosle & Zubir Idris (2018) mengenai hikayat Nabi Adam iaitu satu kajian teks dan analisis berdasarkan pengkaedahan keagamaan. Kajian ini menggunakan naskah Hikayat Nabi Adam yang memaparkan nilai-nilai Islam dan sejarah asal-usul nabi Adam yang terkandung dalam teks yang berlandaskan al-Quran dan hadis. Dalam pada itu, kajian ini mengaplikasikan

teori Pengkaedahan Melayu yang digagaskan oleh Hashim Awang. Oleh itu, kajian ini membincangkan mengenai Pengkaedahan Keagamaan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa naskah *Hikayat Nabi Adam* ini dapat dijadikan sebagai pendoman serta panduan hidup. Di samping itu, ia dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan dan ketaatan insan terhadap Allah SWT.

Seterusnya, kajian menurut Che Abdullah Che Ya (2018) mengenai manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam *Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*. *Bedar Sukma Bisu* merupakan karya Faisal Tehrani (2007), ia memaparkan tentang kehidupan masyarakat Melayu sejak zaman sebelum Perang Dunia Kedua sehingga dekad mutakhir di Malaysia. Kajian ini berpandukan kepada reka bentuk kajian kualitatif iaitu dengan menganalisis kandungan sebagai instrumen kajian utama. Di samping itu, kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Hasil penelitian yang diperolehi oleh Che Abdullah Che Ya (2018) mendapati novel ini banyak memaparkan tentang realiti kehidupan masyarakat Melayu. Hal ini disebabkan masyarakat Melayu yang bergantung kepada alam sebagai sumber inspirasi mereka. Jika diteliti dengan lebih mendalam sastera Melayu sangat mementingkan pembentukan insan dan pendidikan. Namun begitu, ia tidak mengabaikan nilai keindahan karya, di samping berpegang teguh kepada ajaran Islam tetapi masih terikat dengan kepercayaan dan amalan tradisi khususnya tentang firasat, tanda dan juga mimpi. Secara ringkasnya, teori Pengkaedahan Melayu dapat dijadikan sebagai sandaran bagi membuktikan manifestasi kehidupan masyarakat Melayu dalam karya sastera.

Selain daripada itu, kajian yang dijalankan oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2018) mengenai nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan, satu penelitian Pengkaedahan Melayu. Dalam hal ini naratif lisan adalah urutan kronologi penceritaan yang berasal daripada masyarakat yang berkembang dalam sesuatu komuniti pada masa lampau, menjadi ciri khas oleh setiap bangsa yang memiliki budaya yang beraneka ragam, mencakupi kekayaan budaya dan sejarah milik bangsa secara bersama. Sehubungan dengan itu, menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2018), ada menyatakan bahawa kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui bahawa masyarakat pendukung masih menganggap naratif lisan sebagai bahan yang tidak berfaedah, penuh dengan kepincangan, rekaan semata-mata dan sekadar memaparkan hiburan kepada pembaca. Rentetan daripada itu, objektif pada kajian ini untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai murni yang terkandung dalam naratif lisan di Lembangan Sungai pengkalan Datu, Kelantan. Dalam pada itu, kajian ini turut diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan yang terdapat dalam teori Pengkaedahan Melayu.

Di samping itu, kajian ini membataskan 43 naratif lisan yang diperoleh daripada informan di Lembangan Sungai Pengakalan Datu, kelantan sebagai data kajian. Seterusnya, terdapat 22 naratif lisan daripada teks verbatim yang lain turut dianalisis untuk memastikan kajian ini lebih mantap. Pendek kata, kajian ini berhasil membuktikan beberapa penemuan melalui penelitian terperinci terhadap nilai-nilai murni dalam naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan yang menjadi sandaran bagi menonjolkan norma-norma kebudayaan Melayu. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini membuktikan bahawa naratif lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan memiliki garapan nilai-nilai murni yang dapat dijadikan sebagai medium pendidikan kepada masyarakat tempatan.

Selanjutnya, kajian yang dijalankan oleh Wan Nor Hawiah Wan Dollah (2018) mengenai konflik dalam novel *Ayahku*, satu analisis pendekatan kemasyarakatan. Berdasarkan kajian ini penggunaan teori bertujuan untuk menganalisis aspek konflik politik, konflik sosial, konflik agama, konflik budaya dan konflik ekonomi seperti yang digambarkan dalam novel tersebut. Oleh itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai panduan untuk melaksanakan penyelidikan. Pendek kata, hasil daripada kajian ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan kemasyarakatan amat sesuai terhadap aspek yang dikaji.

Kajian yang seterusnya, dilakukan oleh Yakup Ahmad & Mohamad Mokhtar Abu Hassan (2018) berkaitan Sajak-Sajak Badaruddin H.O. bertemakan ketuhanan melalui analisis pendekatan dakwah. Dalam pada itu, objektif pada kajian ini adalah untuk menyeru umat manusia dalam menyedari kebesaran Allah SWT. Di samping itu, kajian ini adalah supaya mengambil iktibar dan mendekatkan diri dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Berdasarkan kajian ini pemilihan tujuh buah sajak yang berunsurkan ketuhanan dan seterusnya diaplikasikan dengan pendekatan dakwah yang merupakan salah satu pendekatan dari Pengkaedahan Keagamaan dalam cabang teori Pengkaedahan Melayu. Justeru itu, metodologi kajian ini ialah kaedah kualitatif. Oleh itu, sajak-sajak yang terpilih mengandungi unsur dakwah dan memaparkan kebesaran dan keagungan Allah SWT. Secara ringkasnya, sajak-sajak tersebut disampaikan dengan menggunakan gaya bahasa yang halus dan lembut dalam menyampaikan dakwah.

Selain itu, kajian yang dijalankan oleh Chong Ah Fok (2018) mengenai prinsip moral dan konsep teori moral alamiah. Dalam pada itu, kajian ini membincangkan penerapan prinsip dan konsep teori moral alamiah terhadap novel *Sa.ba!*. Justeru itu, naratif di dalamnya dapat disamakan dengan mimpi yang mengandungi peristiwa yang bersifat misteri, namun terkandung pengalaman dan ilmu di dalamnya. Oleh itu, hasil

dapatkan kajian menurut Chong Ah Fok (2018) menunjukkan bahawa novel hasil ciptaan pengarang tercipta dengan adanya restu Tuhan.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Nadia Ishak (2019) berkaitan aspek dakwah dalam novel *Suriati* berdasarkan pendekatan dakwah teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk untuk menyebarkan ajaran agama Islam serta untuk meningkatkan ketakwaan terhadap jalan Allah SWT. Malah pergolakan dan konflik yang berlaku dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Sehubungan dengan itu, hasil dapatan kajian ini memberikan kekuatan pendekatan dakwah bagi mencorakkan kehidupan manusia menuju kearah kebaikan. Dalam pada itu, kajian yang dijalankan oleh Nadia Ishak (2019) ini dapat menyimpulkan bahawa penerapan ini banyak memberikan pengajaran kepada masyarakat melalui penerapan dakwah menerusi teori Pengkaedahan Melayu.

Selanjutnya, kajian daripada Abu Hassan Shaari & Nor'ain (2019) tentang peleraian konflik melalui pendekatan dakwah dalam drama terpilih Noordin Hassan. Disingkapkan di sini bahawa kajian ini tertumpu terhadap drama terpilih iaitu drama *1400* dan *Jangan Bunuh Rama-Rama* yang memaparkan mengenai kehidupan manusia dan lingkungan sosialnya serta ketakwaannya kepada Allah SWT. Dalam hal ini boleh dinyatakan bahawa analisis berdasarkan drama berjudul *1400* dan *Jangan Bunuh Rama-Rama* karya Noordin Hassan menerusi teori Pengkaedahan Melayu iaitu pendekatan dakwah. Justeru itu, pendekatan ini digunakan bertujuan untuk melihat sastera sebagai wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan seseorang insan terhadap Allah SWT. Sehubungan dengan itu, hasil kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa persoalan yang diperolehi berkaitan dengan kebesaran Allah SWT dan mengenai Islam. Oleh itu, hasil kajian mendapati persoalan agama seperti kebebasan beragama, penerapan aspek nilai-nilai Islam, dakwah Islamiah dan kebenaran Islam terpancar dalam karya serta konflik masyarakat yang berlaku. Pendek kata, drama ini

mampu menjadi alat untuk mengembangkan nilai Islam yang berlandaskan al-Quran dan hadis yang membawa kebaikan kepada pembangunan manusia.

Seterusnya ialah kajian oleh Tuan Siti Nurul Suhadah Tuan Adnan & Mohd Firdaus Che Yaacob (2020) mengenai akal budi dalam naratif lisan penduduk Kota Bharu, Kelantan iaitu satu penelitian kemasyarakatan. Objektif pada kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam naratif lisan di Kota Bharu, Kelantan. Kajian ini mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu yang menggunakan reka bentuk kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan lapangan bagi mendapat kesahihan pada kajian ini. Di samping itu, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa akal budi dalam naratif lisan, dapat melambangkan keperibadian masyarakat setempat yang masih wujud dan dipraktikkan sehingga kini. Selain itu, kajian ini memberikan pengajaran kepada masyarakat mengenai adat resam, kebudayaan dan pantang larang masyarakat Melayu.

Selain itu, kajian daripada Qurratul 'Ain Abdul Rahim & Mawar Safei (2020) berkaitan perenung diri dari sisi pendekatan seni dalam *77 Tuju Siri Ingatan Kepada Kawan* karya Zaen Kasturi. Kajian ini merungkaikan kecederungan Zaen Kasturi yang memaparkan perihal perenungan diri tentang persahabatan yang memerihalkan pertanyaan dan persoalan. Selain itu, Zaen Kasturi (2020) menggunakan teori Pengkaedahan Melayu menerusi kajiannya yang memaparkan penggunaan aspek diksi dan gaya bahasa metafora dalam karyanya. Di samping itu, ia juga mengaplikasikan pendekatan seni dalam kajian ini. Jelaslah bahawa kajian ini menimbulkan kesan estetika dan “warna bahasa” yang bagi menandakan identiti Zaen Kasturi sebagai seorang penyair.

Seterusnya, kajian terhadap nilai-nilai kepahlawanan menerusi sajak-sajak terpilih dalam *Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa* karya Ramli Abdul Halim iaitu satu pengaplikasian teori pengkaedahan Melayu, oleh Nurul Safiah Ab. Rahim (2020). Penyelidikan ini bertujuan untuk menyediakan pembaca dengan pengajaran yang diperolehi. Puncanya adalah kerana pantun tersebut mengandungi nilai-nilai kepahlawanan yang kaya dan dapat membentuk masyarakat yang cintakan negara dan kampung halaman. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti, menganalisis, merumus dan membincangkan nilai-nilai kepahlawanan melalui puisi pilihan *Suara Wirawan Negara Bangsa*, kumpulan puisi Ramli Abdul Halim. Sehubungan itu, pantun ini mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu serta menggunakan reka bentuk kualitatif sebagai kerangka panduan penyelidikan ini. Bagi mengukuhkan analisis kajian pengkaji menggunakan penerapan yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989), iaitu berkaitan dengan pendekatan keagamaan. Oleh itu, dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa nilai-nilai kepahlawanan banyak memberikan pengajaran kepada masyarakat dan khalak pembaca untuk diteladani.

Di samping itu, kajian oleh Nur Shahirah Othman (2020) kajian berdasarkan akal budi orang Melayu dalam cerita rakyat *Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* iaitu satu pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Kajian ini bertujuan untuk memahami sejauh mana orang Melayu mempunyai nilai murni melalui cerita rakyat terpilih. Pada masa yang sama, kajian ini mencadangkan dua matlamat iaitu mengenal pasti dan menganalisis akal budi Melayu dalam cerita rakyat dan matlamat kedua merumus dan membincangkan aplikasi teori Melayu Pengkaedahan dalam cerita rakyat. Oleh itu, melalui kajian ini mengaplikasikan kedua-dua teori pengkaedahan Melayu iaitu pengkaedahan alamiah dan juga pengkaedahan keagamaan. Di samping itu, reka bentuk kualitatif dijadikan sebagai panduan dalam kajian ini. Manakala, dapatan kajian membuktikan bahawa *Seuntai Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia* karya Zainariah Abdul Wahab memaparkan nilai akal budi yang murni melibatkan warisan kebudayaan

yang menjadi pengukur kepada pembangunan masyarakat Melayu serta menjadi medium perantaraan bagi memberikan kesan yang positif terhadap kehidupan orang Melayu. Pendek kata, cerita rakyat bertujuan memberikan pengetahuan yang meluas berkenaan dari segi alam, persoalan tentang kehidupan dan pengalaman yang mampu membentuk jasmani, emosi, rohani dan intelek manusia.

Selanjutnya, kajian yang dijalankan oleh Nurul Syazwani Bederohisam (2020) berkenaan *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* iaitu satu analisis pengkaedahan keagamaan. Kajian ini bertujuan untuk menjadi wadah pengarang dalam menyampaikan dakwah kepada khayalak pembaca. Dalam pada itu, kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang. Justeru itu, kajian ini memfokuskan kepada teori pengkaedahan keagamaan dengan penjurusan kepada pendekatan dakwah yang terdapat di dalam pecahannya, untuk meneliti nilai-nilai Islam yang terdapat dalam naskah syair. Rentetan itu, dapatan kajian ini memperlihatkan bagaimana naskah syair ini dapat berperanan sebagai wadah untuk meningkatkan “kehambaan”, keimanan, ketakwaan dan ketaatan seseorang hamba kepada Pencipta-Nya. Hal ini dapat dilihat berdasarkan pengisian syair berunsur dakwah yang diterapkan pengarang seperti mengagungkan sifat-sifat Allah, menyeru umat manusia kepada amar makruf dan nahi mungkar, menekankan kebesaran doa selain memperlihatkan keindahan Baitullah. Pendek kata, nilai-nilai dakwah yang terkandung di dalam *Syair Suka Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah* ini secara langsung menyerlahkan hasrat pengarang menyebarkan dakwah dan fahaman tentang Islam kepada khayalak pembaca, dan sekaligus menggambarkan keagungan Allah serta kebesaran Islam.

Selain daripada itu, kajian yang dilakukan oleh Norzatul Iqmal & Mohd Noor (2020) mengenai nilai kemelayuan dalam himpunan drama Melayu popular di Malaysia satu pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Dalam hal ini drama membawa maksud kepada gerak atau sesuatu yang dilakukan yang merujuk kepada aksi yang mengandungi unsur-unsur kesenian yang dapat memberi keseronokan dan keindahan. Sehubungan dengan itu, kajian ini dijalankan untuk menganalisis nilai-nilai kemelayuan yang dipaparkan dalam drama-drama Melayu popular terpilih. Dalam pada itu, kajian ini bertujuan untuk merumus dan membincangkan kesan nilai-nilai kemelayuan yang terdapat dalam drama-drama Melayu popular terpilih dan akhir sekali adalah untuk mengkaji jalinan antara nilai-nilai kemelayuan dalam drama-drama Melayu popular terpilih dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Secara ringkasnya, terdapat dua drama yang dipilih secara rawak menurut Norzatul Iqma & Mohd Noor (2020) bagi melengkapkan kajian ini iaitu drama *Setia Hujung Nyawa* dan *Teduhan Kasih* dengan menggunakan rekabentuk kualitatif yang merujuk kepada kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Oleh itu, hasil kajian mendapati bahawa terdapat beberapa nilai kemelayuan yang dipaparkan melalui kedua-dua buah drama Melayu popular iaitu nilai tabah menanggung penderitaan, nilai kepimpinan, menjaga maruah, berbaik sangka, ketakwaan kepada Allah SWT, nilai memelihara adat dan budaya, nilai merendah diri, nilai kasih sayang, nilai belas kasihan dan penggunaan bahasa Melayu.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Nur Samsiah Mazlan, Mohd Firdaus Che Yaacob & Nasirin Abdillah (2021) berkaitan citra masyarakat dalam naratif lisan iaitu satu pendekatan teori pengkaedahan Melayu. Kajian ini merupakan kajian terhadap masyarakat kerana melalui penceritaan ini penulis dapat memahaminya dengan jelas. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menitikberatkan nilai-nilai moral yang mampu membentuk sahsiah diri dalam kalangan masyarakat. Dalam pada itu, sesetengah masyarakat beranggapan bahawa naratif lisan ini sekadar rekaan semata-

mata. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat kurang pendedahan terhadap kajian ini. Ekoran daripada itu, kajian ini dijalankan bagi mengenal pasti dan menganalisis citra masyarakat Melayu yang terkandung dalam naratif lisan. Dalam pada itu, kajian ini merujuk kepada teks *Koleksi 366 Cerita Rakyat Malaysia* bagi dijadikan panduan bagi menyempurnakan kajian ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini menggunakan reka bentuk secara kualitatif iaitu dengan menggunakan pendekatan kepustakaan dan teks sebagai kerangka panduan untuk kajian ini. Secara ringkasnya, hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa naratif lisan sememangnya sarat dengan citra masyarakat yang dapat membentuk adat, nilai dan kebudayaan yang bertamadun dalam kalangan masyarakat Melayu.

Selanjutnya ialah kajian daripada Nur Samsiah Mazlan & Firdaus Che Yaacob (2021) berdasarkan adat teromba masyarakat Melayu di Negeri Sembilan iaitu satu penelitian Teori Pengkaedahan Melayu. Objektif pada kajian ini ialah untuk mengenal pasti dan menganalisis adat dalam teromba masyarakat Melayu di Negeri Sembilan. Lantaran itu, kajian ini membataskan kepada teks Teromba sebagai alat komunikasi dalam kepimpinan adat pepatih oleh Mohd Rosli Saludin. Kajian ini juga menggunakan reka bentuk kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan dan analisis teks. Dalam hal ini dapatan kajian yang diperolehi ialah dapat membuktikan adat teromba dapat melahirkan masyarakat yang mengamalkannya serta menerapkan amalan tersebut dalam kehidupannya sehari-hari mereka. Di samping itu, dapat menyebarkan kebudayaan masyarakat Minangkabau di Negeri Sembilan secara meluas. Oleh itu, melalui kajian ini adat teromba berfungsi dalam pembentukan jati diri individu dan masyarakat selaras dengan pegangan agama Islam dan kebudayaan Melayu.

Selain itu, kajian daripada Muhammad Izzat Farhan Mohamad Asri (2021) berdasarkan kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih iaitu satu penelitian pendekatan kemasyarakatan. Kajian ini bertujuan untuk mengungkapkan permasalahan remaja seperti krisis identiti bukannya hanya tertumpu pada soal cinta semata-mata. Dalam pada itu, objektif kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti, menganalisis dan merumuskan kedinamikan citra masyarakat dalam novel-novel remaja terpilih. Kajian ini membataskan kepada tiga buah novel-novel remaja terpilih iaitu *Atukku Pejuang* karya Faizal Jailani, *Bening Mata Seorang Dia* karya Adnie Bahiah dan *Melakar Sinar* karya Sunita Sahidin. Dalam pada itu, kajian ini menggunakan reka bentuk kualitatif sebagai kerangka panduan bagi menyempurnakan kajian ini. Sehubungan dengan itu, kajian ini mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dengan kedinamikan citra masyarakat yang terdapat dalam novel-novel remaja terpilih. Pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu merangkumi aspek pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Oleh itu, dapatkan kajian yang diperoleh dalam novel-novel remaja terpilih sememangnya sarat dengan nilai-nilai murni di samping kaya dengan nilai kebudayaan Melayu dan kedinamikan citra masyarakat yang mampu memberi pengajaran dan pendidikan khususnya kepada generasi remaja.

Lanjutan daripada itu, kajian daripada Ainul Wahida Radzuan, Farrah Atikah Saari, Nordiana Ab Jabar, Siti Nur Anis Muhammad Apandi, Sudirman Kiffl & Suraya Sukri (2021) mengenai nilai kemanusiaan dalam novel *Atas Lantai Takdir* karya Fida Rohani. Berdasarkan kajian ini merupakan sebuah karya yang sarat dengan mesej murni dalam kehidupan umat manusia untuk dijadikan teladan dan mampu membawa manusia kearah perilaku terpuji dalam dunia nyata. Sehubungan dengan itu, objektif pada kajian ini adalah untuk mengemukakan dan menganalisis elemen nilai kemanusiaan yang terdapat dalam novel kajian. Dalam konteks ini, kehidupan sebenar manusia tidak boleh lari daripada melatih diri untuk mengamalkan nilai kemanusiaan yang terpuji kerana perkara ini bukan sahaja memenuhi prasyarat kebahagian hidup

tetapi turut menjadi bukti dakwah dari seorang individu kepada individu lain. Hal ini kerana dakwah tidak semestinya disampaikan melalui bait-bait kata sahaja tetapi boleh juga ditonjolkan melalui perilaku terpuji seperti yang terdapat pada nilai kemanusiaan menerusi novel *Atas Lantai Takdir*. Justeru itu, pendekatan dakwah menerusi teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang (1994) telah digunakan bagi memurnikan lagi kajian ini. Oleh itu, hasil kajian mendapati teks ini telah mengangkat nilai kemanusiaan seperti nilai kemaafan, nilai kasih sayang, nilai baik hati dan nilai ketaatan terhadap ajaran agama dalam menjalani kehidupan di muka bumi ini. Setelah diamati, watak-watak yang ditonjolkan berjaya mempraktikkan nilai kemanusiaan dalam diri mereka meskipun terpaksa berhadapan dengan pelbagai konflik hidup. Secara analoginya, kajian ini diyakini mampu memberi lebih pendedahan dan kefahaman kepada khayalak tentang erti kemanusiaan yang sebenar khususnya dalam konteks dakwah.

Di samping itu, kajian Maizatul Akma Shamsuddin (2022) adalah kajian berdasarkan unsur budaya dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan* iaitu satu pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji dan menganalisis unsur budaya dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*. Pada masa yang sama, faktor budaya juga memerlukan perhatian, kerana ia juga menyumbang kepada pembangunan identiti peribadi. Oleh itu, kajian ini dihadkan kepada 20 buah cerita rakyat yang dipilih melalui cerita tokoh dan cerita bintang melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan*. Dalam kes ini, reka bentuk kualitatif digunakan sebagai garis panduan yang melibatkan kaedah perpustakaan rujukan dan teks. Di samping itu, dapatan kajian yang diperolehi oleh Maizatul Akma Shamsuddin (2022) membuktikan bahawa cerita rakyat yang terkandung dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*, mempunyai pelbagai unsur budaya yang dapat memberikan pengajaran serta dapat membentuk keperibadian

dan jati diri masyarakat. Tegaslah, bahawa cerita rakyat menerusi teori Pengkaedahan Melayu menerusi pendekatan moral, dakwah dan kemasyarakatan sememangnya dapat memaparkan banyak nilai murni yang dapat memberikan teladan kepada masyarakat.

Lanjutan itu, kajian oleh Mastura Othman (2022) tentang nilai-nilai kemanusiaan dalam novel *Srengenge* karya Shahnon Ahmad iaitu aplikasi teori pengkaedahan Melayu. Kajian ini dilakukan disebabkan kaya dengan nilai kemanusiaan yang dapat memberikan sumber teladan dan ilmu pengetahuan yang berguna kepada khayalak pembaca. Di samping itu, objektif kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai-nilai kemanusiaan dalam novel *Srengenge* dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Lebih-lebih lagi, kajian ini membataskan hanya sebuah novel sahaja iaitu novel *Srengenge* karya Shahnon Ahmad. Daripada penerangan diatas jelaslah bahawa kajian ini mampu membantu membuka minda golongan remaja untuk membaca novel fiksyen yang banyak memberikan teladan dan pengajaran kepada masyarakat. Sehubungan dengan itu, reka bentuk kualitatif diaplikasikan melalui kajian ini. Dalam pada itu, penerapan teori Pengkaedahan Melayu turut diaplikasikan bagi mengukuhkan lagi analisis kajian ini. Oleh itu, dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan bahawa novel *Srengenge* karya Shahnon Ahmad ini, mempunyai nilai-nilai kemanusiaan yang dapat memberikan penghayatan dan kefahaman kepada khayalak pembaca mengenai nilai-nilai kemanusiaan yang cuba diketengahkan oleh penulis. Dalam erti kata lain, melalui nilai-nilai kemanusiaan dalam novel *Srengenge* mampu memberikan contoh teladan yang baik bagi membentuk masyarakat yang memiliki nilai moral yang tinggi.

Seterusnya, kajian berkaitan transkripsi lagu rakyat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* iaitu satu analisis nilai-nilai murni berdasarkan teori Pengkaedahan Melayu, yang dijalankan oleh Muhammad Syauqi Mat Zawawi (2022). Berdasarkan kajian ini memutuskan hanya sebuah buku *Naratif Lisan*

Di Pengkalan Datu, Kelantan untuk dijadikan sebagai sumber penelitian. Seterusnya, kajian ini berfokuskan mengenai nilai-nilai murni dalam lirik lagu rakyat berdasarkan teks lisan Dato' Sungai Pengaran, Kelantan. Oleh itu, kajian ini mengaplikasikan reka bentuk kualitatif sebagai pencarian maklumat yang meliputi kaedah kepustakaan dan teks. Dalam pada itu, kajian ini mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu bagi membincangkan hasil dapatan kajian. Dalam erti kata lain, hasil dapatan kajian membuktikan bahawa lirik lagu ini dapat memaparkan nilai murni yang dapat dijadikan ikutan oleh masyarakat.

Selanjutnya ialah kajian menurut Eiffa Yuhanis Roslan (2022) berdasarkan unsur nilai dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* iaitu satu pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu oleh Hashim Awang (1989). Kajian ini berfokuskan bagi mengisi kelompongan kajian-kajian lepas yang lebih tertumpu kepada aspek nilai dan moral dalam cerita-cerita rakyat tanpa mengetengahkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Dalam pada itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur nilai berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* terdapat kebudayaan masyarakat Melayu. Oleh itu, Eifa Yuhanis Roslan (2022) telah membataskan kepada 20 cerita rakyat yang terpilih. Selain itu, kajian ini memaparkan reka bentuk kajian berbentuk kualitatif iaitu melibatkan kaedah kajian kepustakaan dan analisis teks. Teori pengkaedahan Melayu turut diaplikasikan dalam kajian ini bertujuan untuk mengukuhkan lagi kajian ini, iaitu dengan menerapkan pendekatan moral, pendekatan kemasyarakatan dan juga pendekatan dakwah. Dalam konteks ini, hasil analisis kajian telah membuktikan bahawa cerita rakyat Melayu sarat dengan pengajaran serta dengan nilai-nilai kebudayaan masyarakat Melayu.

Kajian yang seterusnya ialah berkaitan tentang *unsur didaktik dalam teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* iaitu satu penelitian pendekatan moral, melalui kajian Siti Norsyahira Md Sabri (2022). Dengan adanya, objektif kajian dapat memperjelaskan unsur didaktik dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* dan menganalisis unsur didaktik dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan* sebagai suatu pendekatan moral. Dalam pada itu, kajian ini membataskan kepada 24 buah cerita rakyat Melayu yang terdapat pada teks ini. Di samping itu, pengkaji mengaplikasikan reka bentuk kualitatif yang meliputi kaedah kepustakaan dan rujukan teks. Justeru itu, kajian ini meneliti mengenai teori Pengkaedahan Melayu yang melibatkan pendekatan moral yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Oleh itu, hasil dapatan kajian yang diperoleh memaparkan bahawa unsur didaktik yang terkandung pada teks kajian dapat diperbaiki serta dapat meningkatkan lagi nilai moral dalam kalangan masyarakat.

Selanjutnya, kajian oleh Mohd Firdaus Che Yaacob (2022) berkenaan akal budi dalam cerita rakyat di Tumpat, Kelantan iaitu satu penelitian terhadap pengkaedahan alamiah. Dalam konteks ini akal budi merupakan sesuatu yang terdapat dalam karya sastera seperti cerita rakyat yang bertujuan untuk mengajar disiplin kendiri kepada golongan muda. Justeru itu, akal budi sering kali diterapkan dalam penceritaan cerita rakyat oleh seorang penutur amatur bagi mendidik anak-anak muda akan adat resam, kebudayaan setempat dan undang-undang peradaban masyarakat Melayu. Dalam pada itu, pegkajian terhadap cerita rakyat mempunyai kelompongan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu. Hal ini dikatakan demikian kerana pengkaji terdahulu kurang menekankan aspek akal budi dalam pengkajian mereka. Oleh hal yang demikian, kajian ini dilaksanakan bagi tujuan untuk mengenalpasti dan menganalisis akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan. Dengan itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dan kaedah kajian lapangan.

Di samping itu, kajian ini menggunakan teori Pengkaedahan Melayu sebagai deduktif kajian. Oleh itu, hasil dapatan kajian ini mendapat bahawa terdapat beberapa akal budi yang terkandung dalam cerita rakyat di daerah Tumpat, Kelantan yang seharusnya diketengahkan untuk memberi pengetahuan kepada masyarakat Melayu.

Seterunsa, kajian yang dijalankan oleh Norazilah Buhari, Nor Azlili Hassan, Nik Norazira Abd Aziz, & Mohd Syuja Saedin (2022) mengenai manifestasi budaya peradaban Melayu dalam novel *Kasyaf Ain* iaitu suatu aplikasi teori Pengkaedahan Melayu. Dalam hal ini novel *Kasyaf Ain* (2018) karya Ramlee Awang Murshid dipilih sebagai bahan kerana memaparkan tradisi budaya peradaban masyarakat Melayu dengan persekitarannya. Kepelbagai etnik seperti dialog, imbas kembali dan perlambangan telah digunakan oleh pengarang secara kreatif untuk mengolah dan mengetengahkan persoalan kepercayaan, konsep keimanan, amalan nilai-nilai murni dan tradisi masyarakat Melayu dalam novel ini. Rentetan itu, kajian ini bertujuan untuk melihat bagaimana faktor persekitaran digarap bagi mengetengahkan persoalan kepercayaan dan nilai-nilai tradisi dalam karya ini berlandaskan teori Pengkaedahan Melayu yang dicetuskan oleh Hashim Awang (2002). Sehubungan dengan itu, dapatan kajian ini mendapat novel *Kasyaf Ain* memperlihatkan faktor persekitaran seperti alam sekitar. Kepercayaan dan nilai-nilai tradisi dalam kehidupan membentuk kepada cara hidup dan budaya peradaban masyarakat Melayu. Oleh itu, masyarakat Melayu berpegang teguh kepada ajaran Islam tetapi tetap terikat dengan kepercayaan dan amalan tradisi yang menentukan corak kehidupan mereka. Pendek kata, novel ini mampu menjadi alat untuk mengembangkan pengetahuan dan pendidikan kepada masyarakat Melayu secara intelektual dan pratikal.

KELANTAN

Selanjutnya, kajian yang dilakukan oleh Nor Muhammad Shahir Nordin (2022) mengenai unsur mitos dalam teks *Seuntaian Naratif Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Dalam konteks ini, naratif lisan bertujuan untuk memberikan pendidikan kepada anak-anak. Pendidikan yang diberikan adalah berkaitan dengan pantang larang, adat, prinsip hidup dan kepercayaan. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis unsur mitos yang terdapat dalam teks *Seuntaian Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Di samping itu, kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui dua cara iaitu kepustakaan dan rujukan teks. Dalam hal ini penggunaan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan firasat adalah sebagai tunjang utama untuk memantapkan lagi analisis dan dapatan kajian. Oleh itu, hasil daripada analisis dan dapatan kajian menunjukkan bahawa sesetengah cerita rakyat Melayu terdapat mitos. Hal ini dikatakan demikian kerana mitos bukan sahaja menarik dan dijadikan sebagai hiburan tetapi juga memiliki pemikiran kreatif yang boleh dijadikan medium pendidikan kepada masyarakat.

Akhir sekali, kajian tentang nilai budi dalam cerita asal usul melalui teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengakalan Datu, Kelantan* yang dijalankan oleh Nur Anis Izzatti Noridzulhata (2022). Dalam hal ini cerita asal usul adalah cerita rakyat paling tua dalam masyarakat Melayu kerana cerita asal usul menceritakan tentang asal kejadian alam semesta, haiwan serta sesuatu tempat. Hal ini dapat dilihat menerusi objektif kajian yang dijalankan oleh Nur Anis Izzatti Noridzulhata (2022) iaitu untuk mengenal pasti dan menganalisis nilai budi yang terdapat dalam cerita asal usul berdasarkan teks *Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Seterusnya, bahan kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada 20 cerita asal usul antaranya adalah *Asal Usul Datu, Musibah Di Kampung Pulau Gajah, Tenggelamnya Masjid Pengakalan Datu, Simbolik Rebana* serta *Pokok Tanjung Dan Alat Muzik Yang Bisu*. Disingkapkan di sini kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu. Sebagai lanjutan daripada

itu, hasil dapatan kajian menemukan beberapa nilai budi seperti nilai baik hati, nilai berdikari, nilai hemah tinggi, nilai hormat-menghormati, nilai kasih sayang, nilai keadilan, nilai keberanian, nilai kerajinan, nilai kerjasama dan nilai kesyukuran. Oleh itu, nilai-nilai budi yang terkandung dalam cerita asal usul dapat membantu dalam membentuk akhlak dan keperibadian dalam kalangan masyarakat Melayu serta mewujudkan kehidupan yang aman dan sejahtera.



2.4 Penutup

Kesimpulannya, pengkaji telah menyimpulkan data yang diperolehi melalui sorotan kajian lepas oleh para sarjana. Kajian terhadap genre sastera Melayu sangat meluas kerana terdapat pelbagai bentuk sama ada terdiri daripada puisi atau prosa Melayu. Oleh itu, adanya rujukan-rujukan ini dapat membantu pengkaji dalam menyempurnakan projek penyelidikan di samping dapat menambahkan ilmu pengetahuan. Melalui tinjauan kajian lepas pengkaji mendapati bahawa para sarjana menggunakan metodologi kajian melalui reka bentuk kajian secara kualitatif. Sehubungan dengan itu, pengkaji juga menggunakan metodologi kajian yang berdasarkan reka bentuk kajian secara kualitatif. Hal ini demikian kerana melalui reka bentuk ini pengkaji dapat membuat penilitian terhadap teori Pengkaedahan Melayu yang diperkenalkan oleh Hashim Awang pada tahun (1989). Dalam erti kata yang lain kaedah yang dipertonjolkan dalam reka bentuk kajian secara kualitatif sesuai dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan dan memperincikan gambaran secara terperinci mengenai kajian yang akan dilaksanakan. Bab ini merupakan bahagian metodologi kajian yang mana mengumpul segala maklumat data mengenai kajian yang dilakukan. Metodologi kajian yang dijalankan pada kajian ini menunjukkan satu pendekatan yang menyeluruh dalam proses penyelidikan iaitu daripada asas teori yang digunakan sehingga kepada pengumpulan dan menganalisis data. Menurut *Kamus Dewan edisi keempat* (2015), metodologi merupakan sesuatu kegiatan yang merangkumi prinsip disiplin yang menghuraikan perkara-perkara penting tentang bentuk kajian dan rujukan yang dilaksanakan. Pada bahagian bab ini juga menerangkan metodologi dan pendekatan-pendekatan yang berhubung kait dengan kajian yang dijalankan. Di samping itu, bab ini juga meliputi reka bentuk kajian yang berbentuk kualitatif dan mengandungi dua kerangka akan dibincangkan iaitu kerangka teori dan kerangka konseptual. Hal ini demikian kerana untuk memastikan kajian yang dijalankan lebih teratur dan sistematik. Antara perkara penting yang dijelaskan dalam bab ini adalah reka bentuk kajian, kaedah kajian, teori, kerangka koseptual, serta penutup.

3.2 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian memerlukan kepada sebuah kerangka yang diaplikasikan dalam satu pengkajian untuk memperoleh dan menganalisis data. Dalam pada itu, menurut Kerlinger (1970), ada mengatakan reka bentuk kajian tertumpu kepada tatacara pengolahan data yang dipungut berdasarkan perancangan khusus dan sistematik terhadap konsep pembentukan rangkaian hubungan antara pemboleh ubah terlibat dalam sesuatu kajian. Di samping itu, ia berkaitan dengan cara penyelidik mengendalikan kajian dan prosedur atau teknik yang digunakan bagi menjawab soalan kajian. Tujuan reka bentuk kajian adalah kerana untuk mengawal punca bias atau tidak adil yang boleh mengganggu dapatan kajian.

Reka bentuk kajian kualitatif merupakan data yang diperoleh adalah melalui teks, tulisan, ujaran dan interaksi. Kajian berbentuk kualitatif seharusnya mempunyai data yang mencukupi supaya kebolehpercayaan dan kesahannya tinggi. Data melalui teks ataupun tulisan boleh diambil kerana terdapat bukti yang kukuh. Oleh itu, pada kajian ini pengkaji menggunakan menggunakan reka bentuk penyelidikan kualitatif. Hal ini demikian kerana reka bentuk ini merupakan kaedah yang bertujuan untuk mengenalpasti sesuatu kajian dan cara pengumpulan data. Seterusnya, melalui reka bentuk kualitatif ini ia tidak melibatkan bilangan serta memudahkan pengkaji dalam mencari bahan dan maklumat secara lebih terperinci. Dalam pada itu, pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif yang terdiri daripada kaedah kepustakaan dan kaedah rujukan teks. Tegasnya, melalui reka bentuk kajian ini pengkaji dapat memperolehi banyak maklumat berkaitan dengan kajian pengkaji iaitu mengenai unsur Islam dalam cerpen antologi *Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan.

3.3 Kaedah Kajian

Kaedah kajian dilaksanakan bertujuan untuk menjelaskan tatacara kajian yang digunakan bagi menyempurnakan penyelidikan. Dalam pada itu, ia mengandungi banyak subtopik dalam bahagian ini yang meliputi kaedah kepustakaan, analisis teks dan dokumen yang berkaitan dengan pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Hal ini demikian kerana ia dapat membantu pengkaji bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan tepat. Dalam konteks ini, pengkaji mengaplikasikan reka bentuk kualitatif kerana bagi tujuan untuk melihat dan menganalisis dengan lebih mendalam serta lebih sistematik berkenaan dengan unsur Islam melalui cerpen antologi *Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Antara kaedah kajiannya ialah:-

3.3.1 Kaedah Kepustakaan

Kaedah kepustakaan merupakan sumber penting kepada pengkaji untuk mendapatkan maklumat tambahan bagi mencapai tujuan objektif kajian ini. Dengan erti kata yang lain kaedah kepustakaan merupakan hasil kajian yang diperolehi melalui pembacaan bahan bercetak. Oleh itu, pengkaji telah mengunjungi perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok bagi mencari bahan-bahan yang berkaitan dengan tajuk kajian. Antara bahan yang dijadikan rujukan oleh pengkaji ialah berkaitan dengan buku ilmiah, jurnal, artikel, tesis para sarjana dan doktor falsafah dan lain-lain lagi. Rujukan bahan-bahan tersebut telah banyak memberikan panduan serta dapat membantu pengkaji dalam menyiapkan kajian ini. Di samping itu, kemudahan teknologi yang disediakan oleh pihak perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan, dapat membantu pengkaji untuk mencari bahan bacaan dengan lebih cepat dan mudah. Secara ringkasnya, kajian kepustakaan dapat membantu pengkaji melengkapkan setiap kekurangan yang terdapat pada kajian ini.

3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual

Kaedah analisis tekstual sangat penting dilakukan kerana dapat mengkaji mengenai tajuk-tajuk kajian yang telah dilakukan. Analisis tekstual dilakukan melalui pembacaan teks secara teliti. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk mengetahui dan memahami isi kandungan yang terdapat dalam teks tersebut. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah membuat kaedah analisis tekstual terhadap cerpen *Antologi Sejадah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Berdasarkan cerpen *Antologi Sejادah Ibadah* ini, pengkaji mendapatkan cerpen ini sesuai untuk dikaji kerana ia sesuai dengan penggunaan teori Pengkaedahan Melayu yang telah dikemukakan oleh Hashim Awang (1989).


Cerpen *Antologi Sejادah Ibadah* merupakan karya Radzemah Bolhassan yang diterbitkan oleh Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM) pada tahun 2013. Cerpen *Antologi Sejادah Ibadah* ini, mempunyai 149 halaman bercetak dengan 12 buah cerpen di dalamnya. Cerpen *Antologi Sejادah Ibadah* ini, terdiri daripada *Adam Menari, Bening Cahaya Maulid, Cahaya Kasih, Di Ambang Kepasrahan, Fajar Yang Suram, Galang Ganti, Meniti Batas Waktu, Mengkal, Sampan Hanyut, Sejادah Ibadah, Selangkah Menuju Syurga* dan *Utusan Memori*. Dalam pada itu, kajian ini mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu iaitu pengkaedahan keagamaan. Menerusi pengkaedahan keagamaan pengkaji menggunakan ketiga-tiga pendekatan tersebut iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Sebagai analoginya, teks ini dijadikan bahan kajian kerana pergolakan hidup yang dialami oleh masyarakat bagi meneruskan kehidupan. Di samping itu, cerpen ini kaya dengan nilai-nilai moral dan unsur Islam yang dapat membantu pengkaji dalam pembentukan perilaku khayalak pembaca yang positif. Oleh hal yang demikain, teks ini dilihat sesuai untuk pengkaji melakukan kajian berkenaan unsur yang terdapat dalam cerpen *Antologi Sejادah Ibadah* ini.

3.4 Pendekatan Teori

3.4.1 Latar Belakang Teori Pengkaedahan Melayu

Menurut Abd. Rahim Ismail & Khairuddin Mohammad (2017), ada menyatakan bahawa teori Pengkaedahan Melayu dihasilkan disebabkan oleh kelemahan serta kekurangan dalam teori pengkaedahan kritikan Barat. Hal ini menyimpulkan bahawa teori dan kritikan Barat tidak bersesuaian untuk diaplikasikan menerusi karya sastera Melayu. Dengan perkataan lain ia menggambarkan berlakunya ketidakadilan iaitu berat sebelah. Jika diteliti dengan lebih mendalam terdapat perbezaan yang ketara melalui persepsi sejarah Melayu dengan Barat. Oleh hal yang demikian, para sarjana berganding bahu dalam mencipta sesebuah teori yang sesuai untuk diaplikasikan oleh masyarakat Melayu yang mempunyai nilai jati diri kearah kemelayuan yang menerapkan unsur alam.

Oleh hal yang demikian, lahirnya sebuah teori tempatan yang diperkenalkan oleh Hashim Awang iaitu teori Pengkaedahan Melayu. Beliau merupakan seorang profesor dan pengkritik sastera tanah air. Sehubungan dengan itu, beliau telah mengetengahkan teori Pengkaedahan Melayu semasa berlangsungnya Seminar Antarabangsa Kesusasteraan Melayu yang bertempat di Universiti Kebangsaan Malaysia. Teori ini mula diperkenalkan pada 29 Oktober hingga 1 November 1989. Menerusi teori ini memaparkan tentang kekayaan bangsa Melayu yang penuh dengan adat sopan dan lemah-lembut. Hal ini demikian Hashim Awang membina teori Pengkaedahan Melayu. Berdasarkan teori ini ia mengemukakan dua pengkaedahan yang diikuti dengan tiga pendekatan. Oleh itu, dapat dilihat menerusi gambar rajah dibawah:-




Rajah 3.4.1: Teori Pengkaedahan Melayu

Berdasarkan rajah di atas, teori Pengkaedahan Melayu terbahagi kepada dua iaitu pengkaedahan alamiah dan pengkaedahan keagamaan. Menerusi pengkaedahan alamiah ia merangkumi pendekatan firusat, pendekatan gunaan dan pendekatan moral manakala, pengkaedahan keagamaan merujuk kepada pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Dalam konteks ini, hasil gabungan pendekatan teori ini menyimpulkan bahawa masyarakat Melayu memaparkan keakraban dengan alam yang berpandukan agama sebagai asas akidah tauhid seorang hamba. Di samping itu, ia dijadikan sebagai pegangan atau panduan hidup oleh masyarakat Melayu. Sehubungan dengan itu, Hashim Awang memainkan peranan bagi menyampaikan ilmu menerusi pendekatan-pendekatan yang digunakan bagi melahirkan masyarakat Melayu yang bertunjangkan kepada agama dan pegangan hidup.

3.4.2 Teori Pengkaedahan Melayu

Menerusi kajian yang dijalankan ini pengkaji mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu iaitu Pengkaedahan keagamaan yang meliputi pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Pada realitinya, memang tidak dapat dinafikan bahawa pengkaedahan keagamaan melengkapkan teori Pengkaedahan Melayu. Ekoran daripada itu, dapat memperjelaskan dan memperincikan hal-hal yang berkaitan keagamaan menerusi teori ini. Hal ini demikian kerana ia didasarkan pada keimanan dan bersendikan akidah agama bersumberkan al-Quran dan al-hadis. Dalam pada itu, ia mempertonjolkan kebesaran dan keagungan sifat-sifat Allah disamping mempertingkatkan nilai ketakwaan dan ketaatan kepada Allah SWT. Oleh itu, pengkaedahan keagamaan dipecahkan kepada tiga pendekatan dan ia saling berhubung antara satu sama lain, iaitu:



Rajah 3.4.2: Pengkaedahan Keagamaan

3.4.2.1 Pendekatan Dakwah

Umumnya mengetahui bahawa pendekatan dakwah berunsurkan tentang ketakwaan yang memperjelaskan tentang kemurnian agama Islam yang dapat mewujudkan sifat-sifat kesucian bagi mengabdikan diri kepada Allah SWT (Abd. Rahim Ismail & Khairuddin Mohamad, 2017). Oleh hal yang demikian ia diperjelaskan melalui kebesaran dan keagungan Allah SWT menerusi agama Islam.

Dalam pada itu, karya sastera menegaskan tentang ciri-ciri kemuliaan, keagungan, dan ketinggian Maha Pencipta. Seterusnya, karya sastera juga dapat memimpin manusia untuk mengenal Pencipta dengan lebih dekat sehingga menambahkan perasaan kecintaan, kehormatan, dan kekerdilan manusia disisi-Nya. Melalui pendekatan dakwah ini, karya sastera berfungsi sebagai alat dalam menyerlahkan kemurnian dan kemuliaan Islam. Dengan erti kata yang lain menurut Hashim Awang (2002), menyimpulkan bahawa pendekatan dakwah dapat menarik minat golongan muslim dan bukan muslim untuk mendalami serta menghayati kesucian agama Islam bagi menjawab persoalan yang timbul mengenai kemurniaan dan kelebihan agama Islam. Oleh itu, sastera dilihat sebagai wadah pengembangan Islam, keunggulan, dan keagungan Allah SWT.

3.4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Melalui pendekatan kemasyarakatan Hashim Awang (2002), menganggapkan bahawa sastera berfungsi sebagai satu alat yang memberikan pendedahan mengenai persoalan yang diajukan mengenai agama. Hal ini demikian kerana untuk memperolehi kebaikan dan keadilan yang terdapat pada persoalan yang diutarakan mengenai pegangan Islam. Oleh itu, antara persoalan yang sering dikemukakan berkaitan dengan kemungkaran, ketidakadilan, penipuan, dan juga rasuah yang berlaku dalam kalangan


masyarakat. Berdasarkan masalah tersebut dapat diketahui puncanya dan sebab ia berlaku dalam kalangan masyarakat. Dalam konteks ini dapat mengambarkan keimanan masyarakat yang tidak kukuh seperti lemah. Justeru itu, persoalan yang dikemukakan dengan tujuan untuk memberikan pengajaran kepada masyarakat agar mengisi kekosongan jiwa dengan keadilan dan kebaikan yang seiring dengan tuntutan agama Islam. Pendek kata, pendekatan kemasyarakatan yang dipamerkan ini dengan tujuan untuk mendidik masyarakat ke arah kesejahteraan hidup bermasyarakat, meningkatkan ketakwaan serta mengukuhkan keimanan dengan mendalami al-Quran dan Sunnah.

3.4.2.3 Pendekatan Seni

Berdasarkan pendekatan seni ia berpandukan kepada al-Quran dan hadis yang merangkumkan unsur-unsur keindahan sastera. Hashim Awang (1997), mengklasifikasikan keindahan karya sastera mengenai nilai-nilai etika Islam yang diamalkan seharusnya tidak bertentangan dengan akidah dan ajaran Islam. Hal ini demikian kerana beliau meletakkan asas Islam berpandukan al-Quran dan hadis. Antara unsur-unsur keindahan sastera yang digambarkan melalui pendekatan seni ini ialah terdiri daripada unsur-unsur pembinaan karya. Misalnya, terdiri daripada bentuk visual, bentuk dalaman, gaya bahasa, tema, watak dan perwatakan, sudut pandangan, amanat serta pemikiran yang dibawa. Dalam pada itu, penelitian ini dilakukan berdasarkan komponen-komponen bagi bagi mengukuhkan asas keimanan, ketakwaan, dan kecintaan kepada sang pencipta.

Tegasnya, menerusi pendekatan-pendekatan yang dikemukakan melalui teori Pengkaedahan Melayu ini, ia bersesuaian dengan budaya masyarakat Melayu kerana ia mencerminkan keperibadian masyarakat Melayu serta dapat memperkuatkannya melalui teori ini. Hal ini demikian kerana, teori Pengkaedahan Melayu berjaya dalam memenuhi kriteria karya teks sastera bagi melaksanakan kritikan terhadapnya.

3.4.3 Kerangka Konseptual



Rajah 3.4.3: Kerangka Konseptual

3.5 Penutup

Secara ringkasnya, metodologi kajian merupakan sumber penting bagi mengetahui dan membincangkan mengenai kaedah yang akan digunakan oleh pengkaji. Dengan adanya kajian metodologi ini, segala kajian yang dilakukan oleh pengkaji akan lebih kukuh kerana terdapat bukti-bukti yang jelas untuk diperkuatkan. Dalam pada itu, melalui reka bentuk kajian pengkaji menggunakan reka bentuk kualitatif bagi mencapai persoalan dan objektif kajian. Pengkaji telah menghuraikan dengan lebih mendalam mengenai pengumpulan data secara kualitatif dalam pelbagai bentuk data iaitu kajian kepustakaan, analisis teks, dan teori. Di samping itu, melalui metodologi kajian ini pengkaji mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu dan memfokuskan kepada pengkaedahan keagamaan. Hal ini demikian kerana, pengkaji mengkaji mengenai unsur Islam melalui cerpen *Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa teori Pengkaedahan Melayu ini amat sesuai diaplikasikan dalam kajian ini.

BAB 4

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

4.1 Pengenalan

Pada bahagian bab ini pengkaji membincangkan mengenai analisis dan dapatan kajian yang terkandung pada objektif kajian. Objektif kajian telah dirangka oleh pengkaji sebanyak tiga objektif kajian. Objektif yang pertama ialah untuk mengenalpasti unsur Islam yang terdapat dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Manakala objektif kedua pula, untuk menganalisis masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan sehingga mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT dan objektif ketiga adalah mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT melalui *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Dalam konteks ini juga, memerihalkan tentang teori Pengkaedahan Melayu yang diaplikasikan bagi menyokong dapatan kajian tersebut. Secara ringkasnya, hal ini secara tak langsung akan menjelaskan mengenai tatacara dalam bab ini agar pembaca lebih memahami tentang penyusunan keputusan atau hasil dapatan dan perbincangan bagi setiap objektif kajian yang dijalankan.

4.2 Unsur Islam Yang Terdapat Dalam Cerpen *Antologi Sejadaah Ibadah* Karya Radzemah Bolhassan

4.2.1 Pendekatan Dakwah

Umumnya, mengetahui bahawa pendekatan dakwah merupakan satu wadah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan serta memaparkan sifat-sifat kesucian dan kemurniaan agama Islam (Abd Rahim Ismail & Khairuddin Mohamad, 2017). Berdasarkan unsur Islam yang terdapat dalam cerpen *Antologi Sejadaah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan pengkaji akan menerangkan dari sudut pendekatan dakwah. Antaranya:

4.2.1.1 Konsep Bersalam

Maksud konsep bersalam ialah menzahirkan rasa hormat kepada orang yang lebih tua daripada usia kita dengan berjabat tangan dan menunduk sebagai tanda hormat (Muhammad Fathi Noordin, 2019). Dalam pada itu, konsep bersalam merupakan satu amalan yang amat dituntut dalam Islam dan juga menjadi satu budaya dalam masyarakat Islam di Malaysia (Ahmad Syamil, 2017). Selain itu, menurut pandangan Muhammad Wa'iz Md Norman (2021), menyatakan bahawa bersalam tangan ini adalah salah satu kaedah untuk menguatkan tali persaudaraan sesama manusia. Justeru itu, bersalam semasa bertemu merupakan adab-adab Islam serta merupakan akhlak yang terpuji (Muhammad Mushfique Ahmad Ayoub, 2019). Lanjutan daripada huraiyan yang telah dinyatakan di atas jelaslah bahawa konsep bersalam merupakan unsur Islam yang diterapkan dalam cerpen *Antologi Sejadaah Ibadah*. Oleh itu, bersalaman merupakan satu amalan mulia yang perlu dijadikan sebagai rutin dalam kehidupan harian. Tambahan pula, dapat mengeratkan ukhuwah dan hubungan silaturrahim antara satu sama lain.

Sehubungan dengan itu, terdapat sunah dalam bersalaman iaitu dengan menggenggamkan sedikit tapak tangan orang yang disalamkan sambil tersenyum memandangkan wajah mereka. Hal ini kerana dapat menggambarkan bahawa agama Islam menganjurkan sifat cinta dan kasih sayang di antara mereka yang bersalaman. Rasulullah SAW bersabda:

مَا مِنْ مُسْلِمٌ يَلْتَقِيَانِ فَيَتَصَافَّهَا نَ إِلَّا عُفِرَ لَهُمَا قَبْلَ أَنْ يَقْتَرَقَا

“Tidaklah dua orang Muslim yang bertemu kemudian saling berjabat tangan, kecuali dosa keduanya akan diampuni sebelum berpisah”.

(Riwayat al-Tarmizi, Abu Dawud, Ibn Majah dan Ahmad).

Berdasarkan pernyataan di atas bersalaman merupakan akhlak yang mulia kerana ia dapat mengugurkan dosa antara satu sama lain. Tambahan pula, Islam sangat menitikberatkan adab-adab dalam melaksanakan tugasan harian termasuklah adab dalam berkomunikasi sesama manusia sama ada mereka Islam atau bukan Islam. Menurut Mohd Izhar Ariff Mohd Kashim (2016) menyatakan bahawa hormati hubungan dengan bukan Islam dengan menghulurkan salam. Hal ini kerana Islam menganjurkan melakukan kebaikan tanpa mengira agama, kaum dan budaya masing-masing. Hal ini bersesuaian dengan unsur Islam yang dikaji oleh pengkaji menerusi teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan dakwah. Lantaran itu, konsep bersalaman dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Utusan Memori* berdasarkan petikan di bawah:

Petikan 1

“Perempuan itu mendekati Mayang sambil menghulurkan salam, Mayang akur dengan setiap yang berlaku. Dengan senyuman perempuan itu pun berbicara dengan Mayang”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 147)

Menerusi petikan cerpen *Utusan Memori* di atas, membuktikan bahawa terdapat konsep bersalaman berdasarkan petikan tersebut. Hal ini secara tidak langsung menggambarkan bahawa unsur Islam diterapkan berdasarkan petikan cerpen tersebut. Misalnya, mereka memulakan sesuatu dengan menghulurkan salam sebagai tanda perkenalan. Hal ini merupakan amalan seorang muslim apabila berjumpa dengan saudara mereka supaya dapat mengeratkan hubungan silaturrahim antara mereka. Hal ini bersesuaian dengan pandangan Wadi Jannah (2014), ada menyatakan bahawa bersalaman dapat membentuk perasaan mengormati dan dihormati serta kasih sayang sesama Islam. Manakala daripada sudut pandangan Islam pula ia dapat mengugurkan dosa antara mereka. Menyedari hakikat di atas jelaslah bahawa konsep bersalaman merupakan tanda sapaan melalui perbuatan antara satu sama lain di samping bermaaf-maafan antara satu sama lain.

Rentetan daripada itu, unsur Islam berdasarkan konsep bersalaman dapat dilihat menerusi pendekatan dakwah. Pendekatan dakwah yang digambarkan dapat meninggalkan kesan kepada masyarakat kerana ia mempertonjolkan mengenai kesucian dan kemurniaan agama Islam (Hashim Awang, 2002). Justeru itu, unsur Islam yang dipamerkan menerusi konsep bersalaman dapat membuktikan bahawa agama Islam mempunyai akhlak yang terpuji yang dapat meningkatkan nilai ketakwaan dan kecintaan kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, unsur Islam berkenaan bersalaman hendaklah diterapkan dalam kehidupan seharian umat Islam.

Seterusnya, konsep bersalam juga terdapat pada cerpen *Selangkah Menuju Syurga*. Hal ini kerana pengkaji mendapati terdapat unsur Islam berdasarkan petikan cerpen tersebut. Dalam hal ini bersalaman antara muslim yang mahram sangat dianjurkan dalam agama Islam kerana ia dapat mengeratkan ukhuwah sesama mereka. Lanjutan daripada itu, menurut Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2022), ada menyatakan mengenai hukum bersalaman dengan berlainan jantina atau dikenali sebagai ajnabi

adalah haram di antara lelaki dengan wanita yang bukan mahramnya. Bertitik tolak daripada pernyataan di atas dari sudut pandangan Islam pula, Allah memberikan pahala yang besar kepada orang yang bersalaman. Hal ini dapat dilihat melalui sabda Nabi Muhammad SAW iaitu:

"Sesungguhnya seorang Muslim itu jika bertemu saudaranya kemudian bersalaman oleh kedua-duanya, maka gugurlah dosa-dosa mereka seperti berguguran daun-daun dari pokok yang kering ditiup oleh angin kencang, melainkan kedua-duanya diampuni semua dosa mereka meskipun banyak seperti buih di lautan."

(Hadis Riwayat Thibrani)

Berdasarkan pernyataan di atas bersalaman antara muslim sangat dianjurkan dalam agama Islam kerana ia dapat menzahirkan perasaan hormat kepada orang yang lebih tua di samping dapat mengugurkan dosa antara mereka. Oleh itu, konsep bersalam dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Petikan 2

"Zaihan pergi dulu mama, papa." Tanpa ciuman tangan, Zaihan Sari berlalu. Bukan Zaihan marah tetapi Zaihan tidak mahu menitis air mata di hadapan mereka berdua yang asyik mencari kemenangan yang tidak sudah itu".

(Radzemah Bolhassan, 2013: 127)

Menerusi petikan cerpen *Selangkah Menuju Syurga* di atas ada memaparkan mengenai unsur Islam iaitu konsep bersalam. Berdasarkan pernyataan di atas konsep bersalam yang di sampaikan oleh Zaihan Sari ialah tidak mencium tangan kedua-dua orang tuanya disebabkan kerana kecawa akan pertelingkahan yang berlaku antara kedua orang tuanya terhadap masa hadapannya. Hal ini disebabkan kerana ibu bapanya tiada persefahaman sehingga bercerai menyebabkan Zaihan Sari merasakan dirinya tersisih daripada orang tua mereka. Selain itu, berdasarkan petikan di atas ia memaparkan tentang seorang anak yang taat terhadap orang tua mereka dengan meminta izin sebelum mengundurkan diri. Walaupun, ia kecawa terhadap sikap yang ditunjukkan oleh kedua-dua ibu bapanya dia tetap menghormati kedua-dua orang tua

mereka. Disingkapkan di sini bahawa terdapat unsur Islam mengenai konsep bersalaman berdasarkan petikan di atas melalui cerpen *Selangkah Menuju Syurga*. Menyedari hakikat di atas konsep bersalam menurut Islam adalah bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim antara anak dan ibu bapa. Hal ini kerana ia dapat perolehi keberkatan dan keredhaan ibu bapa di atas setiap keputusan yang dilakukan olehnya.

Pendek kata, unsur Islam mengenai konsep bersalam yang diterapkan berdasarkan kedua-dua buah cerpen di atas dapat menzahirkan rasa hormat kepada orang yang lebih tua daripada usia kita. Hal ini bersetujuan dengan pendekatan dakwah yang dikaji oleh pengkaji. Hal ini kerana dapat membuktikan mengenai kesempurnaan dan kemuliaan sifat keagungan Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Di samping itu, unsur Islam yang diterapkan bertujuan untuk menambahkan rasa kecintaan, ketakwaan dan keesaan yang lebih besar dan suci kepada Allah SWT. Jelaslah bahawa konsep bersalaman terkandung pada unsur Islam yang dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT menerusi kehidupan seharian.

4.2.1.2 Konsep Patuh Kepada Agama

Konsep patuh kepada agama bermaksud seseorang muslim hendaklah menjalani kehidupan mereka berlandaskan ajaran al-Quran dan sunah Rasulullah SAW bagi melahirkan rasa syukur dia atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT (Taufiq Yap Yun Hin, 2019). Hal ini juga bertepatan dengan pandangan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2020) yang menyatakan bahawa patuh kepada agama merupakan jiwa yang mempunyai rasa kesyukuran dan takut kepada Allah akan bertambah serta menjauhi perkara yang dilarang. Dalam pada itu, sifat seperti berbohong, menyusahkan orang lain, mengutuk dan mencerca, kedekut, sompong dan sebagainya adalah perbuatan yang tidak disukai manusia maka ia bukanlah ajaran Islam (Ahmad Shadan

Al-Hadrami, 2020). Selain itu, menurut Idris (2022) ada menyatakan mengenai patuh pada ajaran Islam iaitu bekerja dengan penuh amanah dan ikhlas. Selanjutnya ialah, apabila kita berpegang kepada ajaran agama maka ia dapat membentuk sebuah kehidupan yang sejahtera (Aswadi Alias, 2017). Menyedari hakikat di atas jelaslah bahawa konsep patuh kepada agama hendaklah berlandaskan al-Quran dan hadis. Hal ini dikatakan demikian kerana ia merupakan sumber rujukan utama bagi umat Islam.

Lanjutan daripada huriahan yang telah dinyatakan di atas jelaslah bahawa unsur Islam sangat menitikberatkan tentang kepatuhan kepada ajaran agama. Hal ini demikian kerana ia dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Selain itu, konsep patuh kepada ajaran agama juga dapat mendisiplinkan diri masyarakat dalam menempuh liku kehidupan. Di samping itu, patuh kepada ajaran agama dapat melahirkan umat Islam yang bertamadun dan mempamerkan tingkah laku yang sopan serta mengikut Sunnah Rasulullah SAW. Dalam konteks ini juga patuh kepada ajaran agama mempunyai ganjaran syurga daripada Allah SWT. Oleh hal yang demikian jelaslah bahawa patuh kepada ajaran agama sangat dituntut oleh setiap agama. Justeru itu, berdasarkan petikan cerpen Bening Cahaya Maulid di bawah ada memaparkan mengenai patuh kepada ajaran agama. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Petikan 3

“Rasa bersyukur kerana bersuamikan Hamdan yang begitu memahami, walaupun sebelum ini mereka bukanlah seperti pasangan kekasih yang lain. Mereka berkahwin atas pilihan keluarga. Berkat restu itu, Suria amat bersyukur kerana Hamdan merupakan seorang suami yang bertanggungjawab dan sepanjang masa, Hamdan tergolong dalam golongan manusia yang patuh pada ajaran agama. Cuma Suria resahkan ialah sejak akhir-akhir ini Hamdan jarang mahu berjemaah. Sembahyang seorang diri kerana mahu cepat dan ringkas, seolah-olah dialah lelaki yang paling sibuk. Malah dia adalah lelaki yang paling diharapkan untuk mengurus perkara di pejabatnya, sedangkan dia hanya seorang kerani biasa”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 16)

Berdasarkan cerpen *Bening Cahaya Maulid* di atas memaparkan tentang unsur Islam berkaitan dengan patuh kepada ajaran agama. Hal ini dikatakan demikian kerana Suria sangat bersyukur apabila berkahwin dengan suaminya Hamdan kerana ia tergolong pada golongan yang patuh pada ajaran agama dengan melaksanakan solat sama ada bersendirian atau berjemaah. Hal ini memang sejajar dengan perwatakan yang dipertonjolkan oleh Hamdan seiring dengan tanggungjawab yang dilaksanakan. Tegasnya, berdasarkan cerpen di atas ada menyatakan tentang kepatuhan hambanya terhadap pencipta dengan mendirikan sembahyang dan menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan baik.

Bertitik tolak daripada pernyataan di atas jelaslah bahawa konsep patuh kepada agama dapat dilihat menerusi pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan dakwah mempunyai persoalan tentang kemurniaan dan kelebihan agama Islam yang dapat menimbulkan daya tarikan yang lebih besar dan mendalam terhadap kesucian agama Islam, baik daripada kalangan insan muslim maupun bukan muslim (Hashim Awang, 2002). Justeru itu, unsur Islam bertujuan untuk menambahkan rasa kecintaan, ketakwaan, dan keesaannya kepada Allah SWT menerusi konsep patuh kepada ajaran agama. Oleh itu, jelaslah bahawa kepatuhan kepada ajaran agama berdasarkan petikan cerpen di atas dapat, meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.

4.2.1.3 Konsep Solat Jumaat

Maksud konsep solat Jumaat ialah menjalankan tanggunjawab sebagai seorang muslim dengan mengikut perintah Allah SWT bagi menunaikan sembahyang Jumaat di masjid dan ia diperintahkan oleh Allah SWT terhadap kaum lelaki (Abdullah Umar, 2016). Dalam pada itu, hukum menunaikan sembahyang Jumaat di masjid adalah wajib ke atas lelaki yang mencapai umur baligh. Sebagaimana yang kita maklumi terdapat tujuh syarat untuk diwajibkan menunaikan solat Jumaat antaranya seperti beragama Islam, baligh,

berakal, merdeka, lelaki, sihat tubuh badan dan bermukim di tempat solat Jumaat yang akan didirikan (Tengku Ibrahim Helmi, 2020). Di samping itu, umum mengetahui bahawa jumlah bagi menunaikan solat Jumaat tidak terhad tetapi tidak kurang daripada 40 orang jemaah di sesuatu tempat atau kariah tersebut (Iskandar Zulkarnain, 2021). Oleh itu, berdasarkan unsur Islam yang terdapat pada petikan di bawah, jelaslah bahawa sembahyang Jumaat adalah diwajibkan ke atas lelaki yang melepas syarat-syarat wajib bagi menunaikan solat Jumaat. Hal ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT.

Allah SWT berfirman:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذَا نُودِي لِلصَّلَاةِ مِنْ يَوْمِ الْجُمُعَةِ فَاسْعُوا إِلَى ذِكْرِ اللَّهِ وَدَرُوا الْبَيْعَ
ذِلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: “Wahai orang-orang yang beriman! Apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi (ke masjid) untuk mengingati Allah (dengan mengerjakan sembahyang Jumaat) dan tinggalkanlah berjual-beli (pada saat itu), yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui (hakikat yang sebenarnya).”

(Surah al-Jumu'ah : 9)

Berdasarkan firman Allah SWT menerusi surah al-Jumu'ah ayat 9 ada menyeru umat Islam untuk menjalankan tanggungjawab sebagai seorang mukmin dalam menunaikan solat Jumaat. Dalam pada itu, menerusi surah ini juga ada menyatakan mengenai segera mengerjakan sembahyang. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan tujuan untuk memperingati Allah SWT. Sehubungan dengan itu, mengerjakan solat di awal waktu mempunyai banyak kelebihan dan fadilatnya. Tegasnya, berdasarkan penerangan di atas jelaslah bahawa konsep solat Jumaat melatih umat Islam agar bersatu padu dan saling mengenali dan merapatkan ukhuwah antara umat Islam. Lanjutan itu, konsep solat Jumaat dapat dilihat menerusi cerpen *Bening Cahaya Maulid* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 4

“Namun sekarang, Suria semakin tertekan kerana sudah tiga minggu Hamdan tidak balik ke rumah pada hari Jumaat. Selalunya Hamdan akan balik untuk mandi dan bertukar pakaian untuk menunaikan sembahyang Jumaat di masjid yang jaraknya tidak jauh dari rumah mereka”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 16)

Berdasarkan petikan cerpen *Bening Cahaya Maulid* di atas ada memaparkan mengenai solat Jumaat. Hal ini menunjukkan bahawa menunaikan sembahyang Jumaat diwajibkan ke atas orang muslim kerana ia banyak fadilat yang akan diperolehinya. Hal ini kerana hari Jumaat merupakan hari yang mulia dan penghulu bagi segala hari. Lanjutan daripada itu, solat Jumaat dilakukan ke atas golongan lelaki seperti mana yang terdapat pada petikan di atas. Sebagai contohnya, Hamdan akan pulang ke rumah bagi tujuan untuk membersihkan diri sebelum menunaikan solat Jumaat di masjid. Menyedari hakikat di atas jelaslah bahawa konsep solat Jumaat terdapat pada petikan cerpen *Bening Cahaya Maulid* serta ia dapat menzahirkan syiar Islam pada hari kebesarannya iaitu hari Jumaat.

Ekoran daripada itu, maka jelaslah bahawa pendekatan dakwah yang digagaskan oleh Hashim Awang (2002) diaplikasikan dalam petikan ini bertujuan untuk memimpin manusia mengenal pencipta dengan lebih dekat sehingga dapat menambahkan perasaan kecintaan, kehormatan dan kekerdilan manusia disisi-Nya. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa konsep solat Jumaat dapat meningkat nilai ketakwaan, kecintaan dan keimanan kepada Allah SWT.

4.2.1.4 Konsep Dua Kalimah Syahadat

Maksud dua kalimah syahadat didefinisikan sebagai seseorang itu telah mengetahui, menyakini dan bersedia menerima amanah serta mengorbankan apa sahaja yang dimilikinya demi menegakkan syariat Islam (Aiman Khairulddin, 2020). Dalam pada itu, menurut Zalma Hafaz (2012) ada menyatakan bahawa mengucapkan dua kalimah syahadat merupakan rukun Islam. Sehubungan dengan itu, rukun Islam terdiri daripada lima perkara iaitu pertama mengucap dua kalimah syahadah, kedua menunaikan solat lima waktu sehari semalam, ketiga berpuasa di bulan ramadhan, keempat mengeluarkan zakat dan yang kelima menunaikan haji bagi yang berkemampuan (Shawal, 2019). Hal ini jelas memaparkan bahawa mengucapkan dua kalimah syahadat merupakan lambang seorang muslim dan ia digunakan semasa solat, memeluk agama Islam dan melafazkan sebelum meninggal dunia. Mengucapkan dua kalimah syahadat adalah untuk memperakui bahawa Allah SWT merupakan Tuhan dan Nabi Muhammad SAW merupakan pesuruhnya. Disingkapkan disini lafaz kalimah syahadat:

أَشْهُدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهُدُ أَنَّ مُحَمَّدًا رَسُولُ اللَّهِ

Maksudnya: “Aku bersaksi bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan aku bersaksi bahawa Nabi Muhammad adalah utusan Allah”.

Menerusi lafaz kalimah syahadat telah memperakui bahawa Allah SWT sebagai Tuhan dan Nabi Muhammad SAW sebagai utusan-Nya. Dalam pada itu, mengucapkan dua khalimah syahadat dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan melafazkan dan memperakuinya di dalam hati. Oleh itu, konsep dua khalimah syahadat dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Utusan Memori* di bawah.

Petikan 5

“Mak Lijah membuka mata sambil mengucapkan dua kalimah syahadat. Begitu tenang, tetapi dia masih mampu mendengar Mayang yang kemuntahan”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 145)

Berdasarkan petikan cerpen *Utusan Memori* di atas telah membuktikan bahawa konsep dua khalimah syahadat digunakan menerusi petikan ini. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa mengucapkan dua kalimah syahadat merupakan simbol perlambangan umat Islam. Dalam pada itu, syahadah membawa maksud kepada kesaksian (Abu Muhammad Walid Ilias, 2011). Kesaksian menurut definisi kamus arab merupakan aspek penting dalam proses penghakiman kerana ia dijadikan sebagai bahan bukti yang berfungsi untuk menguatkan lagi penghakiman ke atas perkara tersebut. Manakala menurut pandangan agama Islam pula, merupakan gerbang suci bagi seorang manusia untuk memeluk agama Islam. Oleh itu, menerusi petikan cerpen tersebut ucapan kalimah syahadat yang digunakan oleh Mak Lijah semasa menghembuskan nafas terakhir. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa mengucapkan dua kalimah syahadat merupakan unsur Islam yang digunakan bagi menghembuskan nafas terakhir.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa konsep dua khalimah syahadat diaplikasikan menerusi pendekatan dakwah yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Tujuan pendekatan dakwah ini diaplikasikan bagi tujuan untuk meningkatkan ketakwaan, kemuliaan, keagungan, dan ketinggian Maha Pencipta (Hashim Awang, 2002). Di samping itu, terdapat perkara yang membantalkan syahadat iaitu menyekutukan Allah sama ada di dalam aspek zat, sifat, perbuatan atau ibadah (Ahmad Marzuk Shaary, 2021). Oleh itu, sebagai seorang muslim kita hendaklah menjaga syahadat kita dengan tidak menyekutukan Allah SWT agar kebersihan hati dapat dijaga daripada terpesong.

4.2.1.5 Konsep Kesyukuran

Maksud konsep bersyukur ialah merupakan lafaz apabila mendapat rahmat atau sesuatu kebaikan yang diperolehi semasa menghadapi kesukaran (Rahimah Saimin, 2021). Selain itu, menurut Nurhayati (2021) ada menyatakan bahawa bersyukur merupakan berterima kasih kepada Allah SWT atas segala hikmat kurniaan-Nya dengan hati yang tulus dan reda, serta tidak menggunakan nikmat untuk melakukan maksiat terhadap-Nya. Dalam pada itu, hal ini bersepappendat dengan pandangan Iskandar Zulkarnain (2021) mengenai konsep kesyukuran kehadrat Ilahi adalah menzahirkan pujian kepada Allah SWT terhadap nikmat yang dikurniakan. Dalam pada itu, Imam Ghazali (1990) mendefinisikan bersyukur sebagai menerima sesuatu pemberian, sumbangan dan khidmat bakti dengan rasa senang hati. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa konsep bersyukur merupakan lafaz yang dikenakan semasa mendapat sesuatu rahmat dan nikmat rezeki kurniaan Allah SWT. Oleh itu, hal ini dapat dilihat menerusi petikan cerpen di bawah.

Petikan 6

“Hari yang ditunggu hanya tinggal tiga hari lagi dan alangkah bersyukurnya mereka kerana Penghulu Seman telah berjaya meminjamkan perahu lama sahabat karibnya. Maka bertungkus-lumus pula mereka mengatur apa-apa yang seperti akan kebocoran jika ada, mengecat biar nampak ceria akhirnya mereka terus berlatih. Dan Dandan tidak mahu ketinggalan seolah-olah peristiwa malam itu tidak pernah wujud”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 74)

Berdasarkan petikan cerpen *Galang Ganti* di atas terdapat konsep kesyukuran yang dipamerkan. Misalnya, mereka amat bersyukur apabila dapat dipinjamkan perahu oleh penghulu bagi memasuki pertandingan berlumba perahu yang akan diadakan di kampung mereka setelah perahu mereka rosak angkara perselisihan faham antara mereka. Hal ini disebabkan kerana kesuntukan masa mereka terpaksa meminjamkan perahu sahabat lama penghulu. Sehubungan dengan itu, melafazkan kesyukuran

kehadrat Ilahi adalah menzahirkan pujian kepada Allah SWT terhadap nikmat yang dikurniakan (Iskandar Zulkarnain, 2021). Justeru itu, kita hendaklah bersyukur ke hadrat Ilahi kerana seseorang hamba yang bersyukur dapat hidup dalam keredhaan dan rahmat Allah SWT kerana ia sentiasa beramal soleh walaupun ditimpa musibah.

Seterusnya, konsep kesyukuran kehadrat Ilahi dapat dilihat menerusi cerpen *Meniti Batas Waktu*. Hal ini dikatakan demikian kerana konsep kesyukuran membawa maksud kepada berterima kasih kepada Allah SWT atas segala hikmat kurniaan-Nya dengan hati yang tulus dan reda, serta tidak menggunakan nikmat untuk melakukan maksiat terhadap-Nya (Nurhayati, 2021). Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Petikan 7

“Belum sempat kakiku menuruni anak tangga, aku mengintai ke bilik Raduan. Daun pintu aku selak. Kelihatan Raduan berdiri megah menunaikan solat lebih kurang jam 3:30 pagi itu. Jauh di sudut hatiku rasa bersyukur dengan adanya Raduan dalam hidupku”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 83)

Berdasarkan petikan cerpen *Meniti Batas Waktu* di atas mempamerkan mengenai konsep kesyukuran kehadrat Ilahi kerana dikurniakan seorang anak angkat yang soleh, beribadat dan taat kepada perintah Allah SWT. Misalnya, mengerjakan solat pada tengah malam. Dalam konteks ini juga, bersyukur dapat didefinisikan sebagai menerima sesuatu pemberian, sumbangan dan khidmat bakti dengan rasa senang hati (Imam Ghazali, 1990: 731). Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa konsep kesyukuran juga dapat mengabdikan diri kepada allah SWT di samping dapat meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada-Nya. Oleh itu, daripada penerangan di atas jelaslah bahawa seorang ibu menzahirkan kesyukuran kehadrat Ilahi kerana mempunyai anak yang taat kepada agama dengan melaksanakan solat pada waktu malam.

Selain itu, konsep kesyukuran dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Mengkal*. Menurut, Iskandar Zulkarnain (2021) ada menyatakan mengenai konsep kesyukuran kehadrat Ilahi adalah menzahirkan pujian kepada Allah SWT terhadap nikmat yang dikurniakan. Oleh itu, jelaslah bahawa konsep kesyukuran dalam erti kata lain mengucapkan terima kasih setelah mendapat nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT. Justeru itu, konsep kesyukuran ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Petikan 8

“Jemali dan Hasmah menadah tangan tanda kesyukuran kepada Ilahi, semoga anaknya yang hampir telajak itu hidup bahagia. Lain pula ceritanya dengan adik-beradik Rasidin yang tujuh orang itu. Mereka tidak kering gusi apabila memikirkan yang Rasidin akan berkahwin. Hanya mereka yang tahu perangai Rasidin yang akan sompong itu. Segala tidak-tanduknya lebih banyak menyakitkan hati dan mata”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 91)

Berdasarkan petikan di atas, konsep kesyukuran kehadrat Ilahi dapat dilihat menerusi cerpen *Mengkal* yang memaparkan mengenai kehidupan orang kelainan upaya. Hal ini menyebabkan mereka sekeluarga melafazkan kesyukuran kehadrat Ilahi sempena majlis perkahwinan yang akan diadakan. Justeru itu, menurut Nurhayati (2021) bersyukur dapat dikurniakan ketenangan jiwa kerana sentiasa reda terhadap setiap perkara. Dalam pada itu, sifat bersyukur bukan sahaja dilihat sewaktu mendapat sesuatu yang dihajati tetapi juga apabila terselamat daripada sesuatu tragedi menurut Hasan Mohd Ali (1996: 120). Oleh itu, jelaslah bahawa konsep kesyukuran merupakan konsep yang luas bagi menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT.

Tegasnya, konsep kesyukuran ini dapat dilihat menerusi cerpen *Galang Ganti*, *Meniti Batas Waktu* dan juga cerpen *Mengkal*. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan ketiga-tiga buah cerpen ini menerapkan unsur Islam melalui pendekatan dakwah. Oleh hal yang demikian, pendekatan dakwah yang diaplikasikan dalam petikan ini berfungsi sebagai alat dalam menyerlahkan kemurniaan dan kemuliaan Islam dan

juga memaparkan kesucian agama Islam (Hashim Awang, 2002). Di samping itu, pendekatan dakwah juga merujuk kepada karya sastera dapat memimpin manusia untuk mengenal Pencipta dengan lebih dekat sehingga menambahkan perasaan kecintaan, kehormatan, dan kekerdilan manusia disisi-Nya. Tuntasnya, unsur Islam merupakan satu pegangan yang dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian serta memainkan peranan penting dalam membentuk sesebuah kehidupan masyarakat dalam menzahirkan kesyukuran kehadiran Ilahi.

4.2.1.6 Konsep Sedekah

Konsep sedekah dari segi bahasa bermaksud pemberian. Manakala sedekah dari segi istilah pula bermaksud sesuatu pemberian yang bertujuan untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (Iskandar Zukarnain, 2021). Bersangkutan dengan hal ini konsep sedekah juga adalah membelanjakan harta kepada mereka yang memerlukan dengan tujuan semata-mata kerana wujudnya iman bagi orang yang bersedekah (Muhammad Ashraf, 2019). Dalam pada itu, menurut Syafiq (2014) ada menyatakan bahawa sedekah merupakan sesuatu perkara yang dilakukan dengan ikhlas dan bertujuan untuk memberikan sesuatu bantuan atau sumbangan kepada orang yang susah dan kurang berkemampuan bertujuan untuk mengembirakan serta meringankan masalah orang berkenaan. Daripada penerangan di atas dapat disingkapkan disini perbuatan sedekah merangkumi segala amalan atau perbuatan yang baik. Di sini saya ingin tegaskan daripada Abi Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

كُلُّ سُلَامٍ مِنَ النَّاسِ عَلَيْهِ صَدَقَةٌ كُلَّ يَوْمٍ تَطْلُعُ فِيهِ الشَّمْسُ
 تَعْدِلُ بَيْنَ الْاثْتَيْنِ صَدَقَةٌ وَتُعِينُ الرَّجُلَ فِي دَأْبِتِهِ فَتَحْمِلُهُ عَلَيْهَا
 أَوْ تَرْفَعُ لَهُ عَلَيْهَا مَتَاعَهُ صَدَقَةٌ وَالْكَلِمَةُ الطَّيِّبَةُ صَدَقَةٌ
 وَكُلُّ خُطْوَةٍ تَمْشِيهَا إِلَى الصَّلَاةِ صَدَقَةٌ وَثُمِيطُ . الْأَذْيَى عَنِ الْطَّرِيقِ صَدَقَةٌ

Maksudnya: “Setiap ditubuh badan manusia ialah sedekah baginya setiap hari yang terbit padanya matahari, kamu berlaku adil terhadap dua orang (yang bertelingkah) ialah sedekah, dan kamu membantu seseorang menaiki tunggangannya atau kamu mengangkat barang-barang ke atas tunggangannya ialah sedekah dan perkataan yang baik ialah sedekah dan setiap langkah kamu berjalan untuk menunaikan solat ialah sedekah dan kamu mengalihkan sesuatu yang berbahaya yang terdapat di jalan ialah sedekah”.

Berdasarkan petikan di atas mengenai bersedekah. Bersedekah mempunyai banyak cabang dan cara untuk melakukannya. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di atas ada menyatakan bahawa bersedekah setiap tubuh manusia mengandungi sedekah. Lanjutan daripada itu, jika diteliti dengan lebih mendalam bersedekah bertujuan untuk menyucikan harta. Lebih-lebih lagi, kelebihan beramal dengan amalan sedekah ialah dapat menteramkan hati kedua-dua belah pihak. Sehubungan dengan itu, bersedekah merupakan kunci kebaikan dan juga merupakan salah satu unsur Islam yang cuba diterapkan dalam kehidupan seharian. Dalam pada itu, konsep sedekah dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Meniti Batas Waktu*. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 9

“Kalau mahu Duan duduk di sini, jangan paksa abang! Abang tidak suka Duan! Apa yang Su bagi Duan selama ini dengan izin abang sudah cukup baik daripada Duan merempat meminta sedekah di tepi jalan.” Kejam sungguh bicara Khalidi. Aku sebagai isteri tidak mampu menegah bibirnya daripada terus mencerca Raduan. Malah, luluh jiwa kewanitaanku apabila melihat Raduan menitis air mata sambil menuju perlahan ke arahku”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 78)

Berdasarkan petikan cerpen *Menitis Batas Waktu* di atas mengenai sedekah yang mana memerlukan keizinan suami untuk memelihara anak angkat, agar anak angkat tersebut tidak hidup merempat dan meminta sedekah. Menurut Syafiq (2014) sedekah merupakan sesuatu perkara yang dilakukan dengan ikhlas dan bertujuan untuk memberikan sesuatu bantuan atau sumbangan kepada orang yang susah dan kurang berkemampuan bertujuan untuk mengembirakan serta meringankan masalah orang berkenaan. Oleh itu, menerusi petikan di atas konsep bersedekah ialah meminta sedekah dengan tujuan untuk melangsungkan hidup. Namun, ia tidak berlaku disebabkan Suraya memelihara Duan sebagai anak angkat dengan keizinan pihak suami. Menerusi petikan di atas jelaslah bahawa terdapat konsep sedekah berdasarkan petikan di atas.

Ekoran daripada itu, konsep sedekah diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk menambahkan rasa kecintaan, ketakwaan dan keesaan yang lebih besar dan suci kepada Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, jelaslah bahawa sedekah itu datangnya daripada pelbagai segi yang dapat dikongsikan bersama-sama. Justeru itu, sedekah dapat menyuci harta serta dapat menerbit perasaan bersyukur dengan rezeki kurniaan Allah SWT.

4.2.1.7 KonsepTakbiratulihram

Maksud konsep takbiratulihram merupakan perkara wajib dalam solat jika ditinggalkan menyebabkan solat yang dilakukan itu tidak sah atau terbatal (Ahmad Adnan Fadzil, 2008). Hal ini juga bertepatan dengan pandangan Qira'ah Fatwa (2019) menyatakan bahawa untuk menjadikan solat itu sah, seseorang hendaklah menyertakan niat di dalam hati ketika takbiratulihram dan sedar akan tujuannya untuk solat ketika melafazkan takbir itu serta mengingati jenis solat dan fardhunya. Sehubungan dengan

itu, menurut Syed Noor Mohammad Syed Jamal (2021) ada menyatakan bahawa semasa mengangkat takbiratulihram terdapat perkara haram untuk dilakukan misalnya, makan, minum, bercakap dengan orang sebelah dan sebagainya. Manakala perkara makruh pula merujuk kepada melambatkan melafazkan takbiratulihram. Oleh itu, kita digalakkan mengangkat takbiratulihram selepas sebaik sahaja selepas iqamat. Hal ini dikatakan demikian kerana melewatkannya solat tidak digalakkan dalam agama Islam. Jelaslah bahawa konsep takbiratulihram hendaklah disertakan dengan niat solat semasa ingin mengerjakan samada solat fardhu atau solat sunat. Justeru itu, kesemua ini menyumbang kepada hikmah disyariatkan mengangkat takbiratulihram iaitu tanda kita membesar dan mengangungkan Allah SWT dengan mengikut amalan Rasulullah SAW. Hal ini dapat dilihat menerusi hadith Syaikhain berdasarkan petikan hadith di bawah.

Abdullah bin Umar r.a. berkata:

أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَرْفَعُ يَدَيْهِ حَذْوَ مَنْكِبَيْهِ إِذَا افْتَنَحَ الصَّلَاةَ

Maksudnya: “Sunguhnya Nabi SAW adalah baginda mengangkat kedua belah tangannya setentang paras bahu apabila memulakan sembahyang.”

(Hadith Syaikhain)

Menerusi petikan di atas jelaslah bahawa mengangkat takbiratulihram mempunyai caranya tersendiri. Oleh hal yang demikian kita disunatkan untuk mengangkat takbiratulihram dengan mengangkat kedua-dua belah tangan setentang dengan paras bahu sepertimana yang dianjurkan oleh Nabi SAW semasa untuk mengerjakan sembahyang. Hal ini dikatakan demikian kerana nama Muhammad SAW merupakan utusan Allah. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa mengangkat takbiratulihram hendaklah dilakukan secara tertib dan teratur agar ibadah kita diterima oleh Allah SWT. Sehubungan dengan itu, konsep mengangkat takbiratulihram dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Mengkal* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 10

“Satu sebab je kenapa abang tak belasah dia,” bicara Kamil amat dinantikan oleh adik-beradiknya yang enam orang itu. “Bapak kata, anggap dia yang tidak betul. Kurang siuman. Kalau tidak, abang bantai dia. Mana tidak, tengah orang hendak mengangkat takbiratulihram, dia buka radio, buka TV, menari pulak tu,” jelas marah emosi Kamil.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 91)

Berdasarkan pernyataan di atas jelaslah bahawa unsur Islam terdapat pada petikan cerpen *Mengkal* iaitu mengangkat takbiratulihram. Takbiratulihram dilaksanakan semasa mengerjakan solat sama ada yang wajib atau sunat. Maka ia perlu mengangkat takbiratulihram bagi menyempurnakan solat tersebut. Walau bagaimanapun, berdasarkan petikan cerpen di atas menggambarkan sikap kelainan upaya yang dihadapi oleh Rasidin semasa mereka ingin mengerjakan solat. Hal ini demikian kerana ia mempertonjolkan sikap kurang sopan seperti membuka radio, televisyen dan menari semasa mereka sedang solat iaitu mengangkat takbiratulihram. Keadaan ini tentunya, menimbulkan kemarahan serta dapat menghilang khusuk dalam solat. Menerusi petikan di atas jelaslah bahawa konsep takbiratulihram hendaklah dilakukan pada suasana yang tenang yang dapat mengamitkan kekhusukan dalam solat. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat menghilangkan tumpuan semasa mengerjakan ibadah.

Oleh itu, kajian mengenai konsep takbiratulihram ini diaplikasikan dengan menerusi pendekatan dakwah. Hal ini dengan tujuan untuk memerihalkan tentang sifat-sifat kemuliaan, kekuasaan, kehebatan, keagungan dan ketinggian Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa konsep takbiratulihram dapat meningkatkan ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT. Dalam pada itu, kita hendaklah memahami disebalik maksud yang ingin disampaikan menerusi perkataan, perbuatan, dan pergerakan yang dilakukan dalam solat.

4.2.1.8 Konsep Taat Kepada Orang Tua

Maksud konsep taat kepada orang tua ialah merujuk kepada beradab terhadap orang lebih tua atau ibu bapa merupakan satu tuntutan agama yang wajib dilaksanakan serta menjadi contoh teladan untuk diikuti oleh orang lain (Norul Huda Rohmat, 2020). Hal ini dikatakan demikian kerana ibu bapa merupakan orang yang paling berjasa dalam kehidupan seorang anak (Iskandar Zulkarnain, 2021). Di samping itu, menurut Mohd Ajib Ismail (2021) ada menyatakan bahawa Allah SWT memerintahkan umat manusia untuk berbakti kepada kedua-dua ibu bapa kerana pengorbanan yang dilakukan oleh mereka tidak dapat dibalas kerana pengorbanan mereka sangat besar dalam mendidik kita sehingga hari ini. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa konsep taat kepada orang tua merupakan tuntutan kepada agama Islam. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan Surah al-Nisa ayat 36 di bawah.

وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْأُلُوَّينِ احْسَانًا وَبِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَمَى وَالْمَسْكِينَ
وَالْجَارِ ذِي الْقُرْبَى وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ وَابْنِ السَّبَّيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ
إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالًا فَخُورًا

Maksud: "Dan hendaklah kamu beribadat kepada Allah dan janganlah kamu mempersekuatkan Dia dengan sesuatu. Hendaklah kamu berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan kaum kerabat, anak-anak yatim, orang miskin, jiran tetangga yang dekat dan yang jauh, rakan sejawat, orang musafir yang terlantar, dan juga hamba sahya yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang sompong takbir dan membanggakan diri."

(Surah al-Nisa: 36)

Berdasarkan petikan di atas umat Islam hendaklah patuh kepada ajaran yang telah diperintahkan oleh Allah SWT mengenai taat kepada orang lebih tua. Sebagaimana kita ketahui punca berlakunya penderhakaan kepada orang tua disebabkan oleh kurang penghayatan agama dalam kehidupan iaitu tidak mengamalkan

ajaran Islam. Selain itu, terpengaruh dengan hasutan rakan sebaya sehingga mengabaikan nasihat ibu bapa dan tidak menghayati pendidikan agama. Sehubungan dengan itu, kepentingan beradab kepada ibu bapa dan keluarga ialah merupakan satu tuntutan agama yang wajib dilaksanakan. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di atas ada menyatakan bahawa mengenai berbuat baik kepada orang lebih tua dan menghormati kaum kerabat, jiran tertangga, anak yatim dan juga hamba sahaya jika memilikinya. Dalam pada itu juga, kita ditegaskan untuk tidak menyekutu Allah SWT. Justeru itu, konsep taat kepada orang tua dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Sampan Hanyut* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 11

“Kau tak layak tanya mak kenapa!” Anak mata Nazim dan mak bertentangan. Ada kekeruhan di wajah Nazim yang sukar ditafsirkan tetapi Nazim tidak juga berani untuk menempelak mak kerana biarpun Nazim seolah-olah menjadi anak desa yang tetapi ketaatan kepada orang tua tetap luhur, cuma satu Nazim tidak mahu pulang ke kampung halaman”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 107-108)

Berdasarkan pernyataan cerpen *Sampan Hanyut* di atas berlaku perselisihan faham antara anak dan ibu. Walau bagaimanapun Nazim tetap hormat akan ibunya, walaupun ia sudah lama tidak pulang ke kampung halaman. Hal ini demikian kerana keberkatan dan kebahagian hidup seorang anak bergantung kepada keredhaan ibu bapa. Di samping itu, menurut Norul Huda Rohmat (2020) kepentingan beradab kepada orang lebih tua atau ibu bapa merupakan satu tuntutan agama yang wajib dilaksanakan serta menjadi contoh teladan untuk diikuti oleh orang lain. Oleh itu, anak yang derhaka kepada ibu bapa akan mendapat balasan yang buruk dan setimpal dalam kehidupan mereka. Justeru itu, Islam mewajibkan umatnya supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapa dan taat kepada orang tua.

Jika diteliti dengan lebih mendalam unsur Islam melalui pendekatan dakwah dapat dilihat menerusi ketaatan kepada orang tua berdasarkan cerpen *Sampan Hanyut*. Hal ini dikatakan demikian kerana dengan tujuan untuk memaparkan sifat-sifat kesucian dan kemurnian agama Islam (Hashim Awang, 2002). Pendek kata, ketaatan kepada orang tua merupakan unsur Islam yang harus ditaati oleh semua lapisan masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana konsep ketaatan kepada orang tua bertujuan untuk menghormati mereka dalam memberikan nasihat, teguran serta menjadikan ia sebagai satu pengajaran.



4.2.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Pendekatan kemasyarakatan merujuk kepada suatu alat pendedahan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam (Hashim Awang, 2002). Berdasarkan unsur Islam yang terdapat dalam cerpen Antologi *Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan pengkaji akan menerangkan dari sudut pendekatan kemasyarakatan. Antaranya:

4.2.2.1 Konsep Bertudung

Maksud konsep bertudung ialah satu kewajiban bagi melindungi mahkota penting wanita daripada pandangan mata ajnabi atau bukan mahramnya (Nurul Husna Mahmud, 2022). Hal ini juga bertepatan dengan pandangan Rozdan Mazlan (2016) ada menyatakan bahawa imej bertudung atau dikenali dengan hijab merupakan tuntutan agama terhadap kaum wanita. Manakala, menurut Mohd Syah Zali Ramlee (2013) ada menyatakan bahawa bertudung bukan sekadar fesyen semata-mata atau menutupi aurat kepala sahaja tetapi konsep pemakaian tudung yang sebenar adalah menutupi seluruh anggota badan perempuan dari hujung rambut hingga ke paras dada mereka. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa golongan wanita hendaklah menutup aurat dengan memakai tudung mengikut ketetapan syariat yang telah ditetapkan. Dalam pada itu, gaya pemakaian tudung yang dipamerkan tidak mempunyai halangan jika ia melepas syarat-syarat menutup aurat yang betul. Hal ini dikatakan demikian kerana disebabkan untuk menjaga penghormatan wanita dengan menutup aurat secara sempurna. Oleh itu, konsep menjaga kehormatan diri dapat dilihat menerusi firman Allah SWT. Justeru itu, ia bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah al-Nur ayat 31.

Firman Allah SWT:

وَقُل لِّلْمُؤْمِنَاتِ يَعْصُمْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا
مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَلِيَضْرِبْنَ بِخُمُرِهِنَّ عَلَى جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبَدِّيْنَ زِينَتَهُنَّ

Maksudnya: “Dan katakanlah kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka, dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka...”

(Surah al-Nur: 31)

Berdasarkan penerangan di atas jelaslah bahawa kehormatan wanita sangat dititik beratkan dalam agama Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana golongan wanita merupakan golongan yang lemah dan sentiasa ditindas. Oleh itu, menerusi surah al-Nur ayat 31 di atas telah menjelaskan Allah SWT telah mengangkat kaum wanita setinggi-tinggi-Nya. Dalam pada itu, Allah SWT juga meletakkan garis panduan bagi golongan wanita untuk menutup aurat demi menjaga kehormatan dirinya. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk melindungi anggota badan wanita daripada menjadi tatapan golongan lelaki. Justeru itu, kehormatan yang dipamerkan adalah yang zahir sahaja seperti tangan dan muka. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa aurat golongan wanita sangat dititik beratkan daripada pandangan ajnabi. Oleh hal yang demikian konsep bertudung dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Adam Menari* di bawah.

Petikan 12

“Kami dari mahkamah. Bersama-sama kami adalah dua orang anggota polis dan ini adalah wakil daripada Pihak Menuntut.” Segera anak mata Laili melirik ke arah tanda nama yang tergantung di tudung sebelah kiri Sauna, wanita asing baginya itu. Biarpun kedatangan mereka mendebarkan, tetapi pembuka bicara Suana sedikit sebanyak mengawal keadaan. Namun di dalam hati, hanya Allah sahaja yang tahu kerana untuk kali ini sudah banyak peristiwa pahit melanda keluarga mereka. Bukan sekadar pihak mahkamah malah mana-mana jawatan, organisasi mahupun pihak ‘along’. Yang pasti ia melibatkan hutang? Wang! Ayah”!

(Radzemah Bolhassan, 2013: 2)

Berdasarkan petikan cerpen *Adam Menari* di atas terdapat unsur Islam yang diterapkan seperti konsep bertudung. Hal ini dikatakan demikian kerana imej bertudung atau dikenali dengan hijab merupakan tuntutan agama terhadap kaum wanita (Rozdan Mazalan, 2016). Dalam pada itu, cerpen ini mengisahkan tentang kegagalan seorang bapa mengalaskan tanggungjawab. Lantaran itu, menyebabkan kehidupan mereka sekeluarga berada dalam keadaan yang menakutkan. Hal ini timbul disebabkan keegangan seorang bapa untuk melunaskan hutang sehingga mendatangkan banyak kemudarat kepada mereka. Oleh hal yang demikian, menyebabkan pihak mahkamah bertindak bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi. Namun begitu, masalah ini dapat diselesaikan dengan kehadiran Sauna yang banyak membantu mereka dalam menangani masalah ini. Perwatakan yang dipertonjolkan oleh Sauna sedikit sebanyak dapat mengurangkan kebimbangan mereka. Dalam pada itu, mereka menyerahkan keputusan kepada pihak mahkamah dengan pasrah agar permasalahan yang dihadapi oleh mereka dapat diselesaikan dengan segera.

Lanjutan daripada huraiyan yang telah dinyatakan di atas, jika diteliti dengan lebih mendalam imej bertudung yang dipamerkan oleh Sauna merupakan salah satu unsur Islam yang dipertonjolkan. Hal ini demikian kerana ia menjelaskan tentang etika pemakaian seorang wanita muslim. Oleh hal yang demikian, wanita muslim diwajibkan memakai tudung yang bersesuaian dengan tuntutan agama. Hal bertujuan kerana untuk memelihara maruah wanita daripada pandangan ajnabi. Jelaslah bahawa perwatakan imej bertudung yang dibawa oleh Sauna sedikit sebanyak dapat membantu meredakan masalah kerana perwatakannya seiring dengan imej yang dipertonjolkan. Pendek kata, perwatakan yang dipertonjolkan oleh seseorang dapat melambangkan ketakwaan bagi pemakainya. Dalam pada itu, etika pemakaian menurut Islam dapat memberi perlindungan bagi seorang wanita menjaga kehormatan dirinya daripada sebarang kebinasaan serta dapat mengelakkan fitnah ke atas diri mereka (Ain Norman, 2022).

Oleh itu, jelaslah bahawa konsep bertudung yang dipamerkan menerusi petikan di atas melambangkan seseorang itu beriman dan bertakwa kepada Allah SWT.

Tegasnya, menerusi konsep bertudung di atas mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan yang digagaskan oleh Hashim Awang (1989). Dengan erti kata yang lain, teori pengkaedahan keagamaan ini menerusi pendekatan kemasyarakatan bertujuan sebagai alat pendedahan bagi menyampaikan kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat yang selari dengan tuntutan agama Islam (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, jelaslah bahawa Islam telah menerangkan garis panduan dalam imej bertudung berlandaskan kepada syariat yang telah ditetapkan bagi menjaga kehormatan wanita. Hal ini demikian kerana untuk untuk memperkuuhkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

4.2.2.2 Konsep Isteri Yang Taat

Maksud konsep isteri yang taat ialah hanya dituntut untuk mentaati suami dengan melakukan kebaikan selagi mana ia tidak menjelaskan pegangan agama atau perkara yang tidak memudaratkan diri sendiri (Mahani Ishak, 2019). Dalam pada itu, menurut Sihabuddin Muhaemin (2015) ada menyatakan bahawa kunci kebahagiaan bukan hanya terletak pada kebijaksanaan suami, tetapi juga terletak pada ketaatan isteri. Sehubungan dengan itu, isteri yang taat bakal memperolehi ganjaran yang besar di akhirat iaitu dijanjikan syurga. Selain itu, menurut Alang Ibn Shukrimun (2022) ada menyatakan bahawa taat adalah salah satu makna kesetiaan dan juga merupakan lambang kasih sayang. Hal ini dikatakan demikian kerana tiada ketaatan kepada makhluk yang lebih besar perlu diberikan oleh sang hawa melainkan kepada suaminya. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa isteri hendaklah taat kepada suami selagi mana suaminya mengikut pegangan agama yang betul dan tidak memudaratkan kepada dirinya. Oleh itu, berdasarkan surah al-Nisa' ayat 34 di bawah ada menyatakan

mengenai isteri yang soleh dan taat kepada suami. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ

“Wanita (isteri) solehah adalah yang taat lagi memelihara diri ketika suaminya tidak ada kerana Allah telah memelihara mereka.”

(Surah al-Nisa': 34)

Berdasarkan petikan surah al-Nisa' ayat 34 di atas ada menyatakan mengenai wanita yang soleh iaitu wanita yang taat kepada perintah suami serta wanita yang menjaga dan memelihara maruahnya. Oleh itu, jelaslah bahawa wanita yang soleh merupakan wanita yang dikasihi oleh Allah SWT. Dalam pada itu, konsep isteri yang taat dapat dilihat menerusi petikan cerpen Adam Menari berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 13

“Entah apa sebenarnya yang berlaku dalam rumah tangga itu sehingga seorang isteri yang taat, mengorbankan anak-anak yang tidak berdosa, mengorbankan masa kemerdekaan yang sepatutnya mereka kecapai sama seperti rakyat Malaysia yang lain, mengorbankan wang gaji Puan Rabiah setiap bulan hanya untuk membayar hutang Basir.”

(Radzemah Bolhassan, 2013: 6)

Menerusi petikan cerpen *Adam Menari* di atas memaparkan mengenai unsur Islam iaitu konsep seorang isteri yang taat kepada suaminya. Hal ini dikatakan demikian kerana ia sanggup mengabaikan dirinya sendiri bagi melunaskan hutang suaminya. Situasi ini seolah-olah menggambarkan kesempitan hidup yang dialami oleh mereka sehingga pihak isteri sanggup mengorban wang gajinya bagi menyara kehidupan mereka sekeluarga. Hal ini demikian kerana sikap suaminya yang tidak bertanggungjawab dalam mengalaskan tanggungjawab sebagai ketua keluarga. Keadaan ini tentunya membebangkan isterinya bagi menyelesaikan hutang yang ditinggalkan oleh suaminya. Dalam konteks ini, jelas menunjukkan bahawa terdapat

seorang isteri yang taat dan bertanggungjawab dalam mengalaskan tanggungjawab yang telah ditinggalkan oleh suaminya. Di samping itu, ia memaparkan kegigihan seorang isteri dalam membayar hutang bagi pihak suaminya. Sehubungan dengan itu, menurut Mahani Ishak (2019), ada menyatakan bahawa seorang isteri yang taat berlandaskan agama Islam hanya dituntut untuk mentaati suami dengan melakukan kebaikan selagi mana ia tidak menjaskan pegangan agama atau perkara yang tidak memudaratkan diri sendiri. Oleh itu, jelaslah bahawa dalam Islam sangat menitikberatkan kebajikan seorang wanita.

Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas terdapat unsur Islam yang ditampilkan berdasarkan petikan tersebut yang bertujuan untuk mencari konsep kebaikan dan keadilan terhadap ketaatan seorang isteri. Hal ini bertepatan dengan pandangan Hashim Awang (2002) menerusi pendekatan kemasyarakatan iaitu bertujuan untuk mengajak melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan mengikut landasan-landasan Islam yang benar dan betul agar golongan wanita yang tertindas dapat diselamatkan dengan memberi dorongan dan nasihat. Oleh itu, jelaslah bahawa pendekatan kemasyarakatan bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam hidup bermasyarakat.

4.2.2.3 Konsep Perkahwinan

Maksud konsep perkahwinan pada bahasa ialah himpunan atau cantuman manakala pada istilah syarak ialah akad yang menggunakan lafaz nikah yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dan wanita (Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed, 2010). Lanjutan itu, menurut Mohamad Aniq Aiman Alias (2022) ada menyatakan bahawa perkahwinan adalah salah satu ibadah yang mana merupakan kepada asas kepada kewujudan sesebuah keluarga. Manakala, menurut Hanis Hasinea (2016) ada menyatakan bahawa perkahwinan merupakan satu ikatan suci antara dua

individu yang bukan berdasarkan cinta, keseronokan atau memenuhi naluri sahaja. Hal ini dikatakan demikian kerana perkahwinan dapat mencegah daripada melakukan maksiat dan juga dijaminkan oleh Allah memperolehi rezeki kepada orang yang berkahwin. Jelaslah bahawa perkahwinan merupakan ikatan suci yang dapat menghindari daripada melakukan maksiat. Dalam pada itu, perkahwinan dapat dilangsungkan menggunakan wali hakim dengan syarat-syarat tertentu. Justeru itu, daripada Aisyah R.A Nabi SAW bersabda:

“Jika mereka berselisih, maka Sultan atau Rajalah wali bagi orang yang tidak ada wali”.

(Riwayat Abu Daud, Ahmad dan At-Tirmizi).

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa riwayat Abu Daud, Ahmad dan At-Tirmizi menyatakan tentang wali hakim. Dalam konteks ini, wali hakim digunakan bagi melangsungkan pernikahan yang tidak mempunyai wali. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa unsur Islam yang terdapat dalam petikan ini sangat menitikberatkan kebijakan wanita agar maruah wanita terus terpelihara daripada sebarang fitnah. Oleh itu, konsep perkahwinan ini dapat dilihat menerusi cerpen *Sampan Hanyut* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 14

“Bertahun abang tak ada, hidup juga orang di kampung ni. Gembira juga Aina dengan mak. Kalaulah payah sangat abang nak walikan Aina boleh tangguhkan perkahwinan dan mohon wali hakim. Islam tak pernah memberatkan kalau dah walinya orang seperti abang.”

(Radzemah Bolhassan, 2013: 111)

Berdasarkan petikan cerpen *Sampan Hanyut* di atas terdapat mengenai konsep perkahwinan. Disingkapkan disini bahawa konsep perkahwinan yang dinyatakan menerusi petikan di atas ialah mengenai perkahwinan menggunakan wali hakim. Hal ini berlaku disebabkan perselisihan faham antara adik beradik sehingga membawa kepada

pertengkaran menyebabkan adiknya mengambil jalan singkat untuk berkahwin dengan menggunakan wali hakim. Menyedari hakikat di atas, pernikahan berwalikan hakim menurut pandangan Islam dibenarkan dengan syarat-syarat tertentu. Umumnya mengetahui bahawa terdapat lima rukun nikah iaitu bakal suami, bakal isteri, wali, dua orang saksi dan sighah (ijab dan qabul) (Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed, 2010). Dalam pada itu, Islam tidak membebankan umatnya dengan permasalahan yang dihadapi. Oleh itu, berdasarkan petikan di bawah pernikahan wali hakim dibenarkan disebabkan wali enggan mewakilkan perempuan tersebut. Oleh itu, wali hakim merupakan wali yang diberi kuasa oleh sultan atau pemerintah untuk mengahwinkan seseorang perempuan.

Ekoran daripada itu, berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa terdapat unsur Islam yang diaplikasikan dengan menggunakan teori Pengkaedahan Melayu melalui pendekatan kemasyarakatan. Hal ini kerana Islam memaparkan kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti mana yang dituntut dalam Islam (Hashim Awang, 2002). Dalam pada itu, dengan adanya wali hakim dapat menyelamatkan maruah wanita. Justeru itu, tujuan pengaplikasian pendekatan kemasyarakatan ini bertujuan untuk mendedahkan dengan jelas, benar dan berani permasalahan mengenai kemungkarhan, ketidakadilan, penipuan, kepuraan, penindasan dan segala permasalahan yang dianggap punca kepada kepincangan masyarakat dan meruntuhkan keimanan umat Islam. Oleh itu, jelaslah bahawa pendekatan kemasyarakatan digunakan untuk bagi mencapai kesejahteraan hidup bermasyarakat.

4.2.2.4 Konsep Rezeki

Maksud konsep rezeki ialah pemberian ataupun kurniaan samada bersifat duniawi ataupun agama, serta boleh dimanfaatkan maka itu adalah rezeki (Mohd Asri Zainul Abidin, 2021). Dalam pada itu, menurut pandangan Wan Abdul Kadir (1993) konsep nasib dan rezeki itu bukan sahaja dibina berlandaskan kepada nilai Islam, malahan konsep ini diterangkan sebagai *world-view* yang dibina adalah berbeza antara satu masyarakat dengan masyarakat lain. Manakala, menurut Liyana Akmal (2015) ada menyatakan bahawa umat Islam hendaklah sentiasa bersangka baik kepada Allah SWT mengenai kurniaan rezeki kerana Allah SWT telah menetapkan rezeki setiap makhluknya di muka bumi ini. Seterusnya, menurut Fatimah Syarha Mohd Noordin (2020), ada menyatakan bahawa setiap saat adalah rezeki. Maksudnya di sini rezeki merupakan kurniaan Allah SWT kepada hamba-hambanya. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT melalui surah Ali ‘Imran, ayat 37.

Allah SWT berfirman:

“...Sesungguhnya Allah memberikan rezeki kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya dengan tidak dikira.”

(Surah Ali ‘Imran, ayat 37)

Berdasarkan petikan surah Ali ‘Imran pada ayat 37 di atas ada menyatakan mengenai rezeki. Rezeki merupakan sesuatu pemberian yang dikurniakan kepada setiap hamba-hamba-Nya. Dalam pada itu, rezeki yang diperolehi oleh setiap hamba-Nya berbeza. Hal ini kerana konsep rezeki sangat luas dalam Islam ia meliputi kepada aspek makanan, minuman, zuriat, pekerjaan, masa lapang, keluarga, kesihatan dan kesejahteraan. Oleh hal yang demikian jelaslah bahawa rezeki kurniaan Allah SWT luas dan berbeza-beza bagi setiap hamba-Nya. Justeru itu, konsep rezeki ini dapat dilihat menerusi petikan cerpen di bawah.

Petikan 15

“Risau juga Dandan tentang hal itu, tetapi apa hendak dikata selagi Husin tidak sedarkan diri. Setiap hari bercakap besar, kasar. Al-maklumlah ada ikatan saudara dengan penghulu kampung. Namun,dalam diam Dandan cuba memahami hati dan perasaan anak muda kampung yang sering ditempelak oleh Husin dan orang seusia. Dandan perlu bersabar malah jangan jadi batu api. Cukup menyahut cabaran untuk berlumba parahu seperti tahun-tahun lepas dan kalau menang, adalah rezeki tambahan untuk belanja isteri dan tiga orang anak yang mahukan makanan dan minuman setiap hari”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 62)

Menerusi petikan cerpen *Galang Ganti* di atas ada memaparkan mengenai konsep rezeki. Dalam konteks ini, dapat dilihat bahawa mereka berserah kepada takdir yang telah diaturkan oleh Allah SWT dan berharap agar mereka dimurahkan rezeki. Namun demikian, suatu hakikat yang tidak boleh dikesampingkan ialah Allah SWT menciptakan makhluk-Nya di atas muka bumi ini dengan mengurniakan rezeki bagi setiap makhluk-Nya daripada pelbagai bentuk. Dengan perkataan lain Allah SWT tidak sekali-kali akan membiarkan makhluk-Nya hidup tanpa kurniaan rezeki. Dalam pada itu, berdasarkan cerpen *Sampan Hanyut* ini, Dandan lebih memilih untuk berserah kepada Allah SWT mengenai rezekinya agar tiada permusuhan antara mereka mengenai pertandingan berlumba perahu itu. Dalam pada itu, berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa konsep rezeki sangat luas dan merupakan kurniaan Allah SWT kepada hamba-hambanya tanpa mengira sama ada mereka itu beriman atau sebaliknya. Oleh itu, berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa masyarakat tersebut menyerahkan sebulat-bulatnya rezeki kepada Allah SWT.

Selain itu, unsur Islam mengenai rezeki kurniaan Allah SWT dapat dilihat melalui petikan cerpen *Meniti Batas Waktu*. Menurut, Liyana Akmal (2015) ada menyatakan bahawa umat Islam hendaklah sentiasa bersangka baik kepada Allah SWT mengenai kurniaan rezeki kerana Allah SWT telah menetapkan rezeki setiap makhluknya di muka bumi ini. Justeru itu, konsep rezeki dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Meniti Batas Waktu* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 16

“Dengan adanya Duan, kita tak sepi. Bertahun lamanya kita menunggu, tidakkah abang berasa bersyukur adanya Duan? Ini semua rezeki Duan. Sekarang, Su mengandung anak kita. Takkanlah Duan terus disisih. Bagi Su, ini semua rezeki Duan.”

(Radzemah Bolhassan, 2013: 78)

Berdasarkan petikan cerpen *Meniti Batas Waktu* ini mereka dikurniakan rezeki anak sempena mengambil anak angkat. Mereka bersyukur di atas kurniaan rezeki yang diberikan oleh Allah SWT. Di samping itu, mereka beranggapan semua ini merupakan rezeki anak angkatnya “Duan”. Tindakan yang diketengahkan di atas bersifatkan keadilan diantara anak sendiri dengan anak angkat agar tidak timbul persengketaan berat sebelah. Oleh itu, jelaslah bahawa rezeki bagi setiap manusia dikurniakan berbeza-beza. Menerusi petikan di atas jelaslah bahawa mereka dikurniakan rezeki anak, setelah bertahun menanti.

Jika diteliti dengan lebih mendalam pendekatan kemasyarakatan sesuai diaplikasikan menerusi cerpen *Sampan Hanyut* dan juga *Meniti Batas Waktu*. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi pendekatan kemasyarakatan ini mempamerkan mengenai kebaikan dan keadilan dalam hidup bermasyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, berdasarkan petikan di bawah jelaslah bahawa rezeki kurniaan Allah SWT haruslah selari dan adil antara satu sama lain supaya kepincangan masyarakat dan keruntuhan keimanan umat Islam dapat dipelihara dengan baik. Oleh itu, rezeki kurniaan Allah SWT sangat luas untuk diterokai dan dapat mengelakkan berlakunya permasalahan antara masyarakat.

4.2.2.5 Konsep al-Quran Dan Hadis

Maksud konsep al-Quran dan hadis ialah menjadi rahmat buat sekalian alam melalui ajaran yang termaktub di dalamnya dan ilmu pengetahuan yang terkandung di dalamnya (Muhammad Fahmi Md Ramzan & Murfarhana Mohd Daud, 2021). Dalam pada itu, menurut Nor Hayati Fatmi Talib, Bani Hidayat Mohd Shafei, Mohd Huzairi Awang & Hajarul Bahti Zakaria (2020) ada menyatakan bahawa al-Quran dan as-Sunnah telah memberikan sumbangan yang besar terhadap peradaban dan ketamadunan manusia, antara sumbangan terbesar adalah merujuk kepada kehidupan berakidah yang sebenar, panduan melalui peraturan dan undang-undang dalam menjalani kehidupan sehari-hari yang dinamakan syariat dan juga aspek pembinaan keperibadian manusia iaitu akhlak. Selain itu, menurut Hasan Al-Banna (1999) ada menyatakan bahawa ayat-ayat al-Quran yang termaktub di dalam sebuah kitab yang disebut sebagai mushaf al-Quran, telah menjadikannya suatu perlumbagaan bertulis yang paling agung dalam sejarah peradaban manusia. Oleh itu, jelaslah bahawa al-Quran dan hadis dijadikan sebagai panduan dalam menjalani kehidupan.

Sehubungan dengan itu, jika diteliti dengan lebih mendalam terdapat keistimewaan al-Quran iaitu bahasa al-Quran sangat indah sehingga tidak boleh ditandingi. Hal ini kerana kandungan al-Quran lengkap mengandungi semua perkara aspek kehidupan (Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed, 2010). Dalam pada itu, al-Quran merupakan wahyu yang diturunkan oleh Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW melalui Malaikat Jibril. Manakala hadis pula, merupakan interpretasi Nabi SAW kepada umatnya sebagai panduan dalam memahami hukum syarak. Pendek kata, kesilapan dalam memahami nas ataupun teks hadis akan mengundangkan kekeliruan dalam kefahaman syariat Islam. Hal ini bertepatan dengan pandangan Muhamad Hapizi Sulaiman (2020), ada menyatakan bahawa kesilapan dalam memahami nas ataupun teks hadis akan mengundangkan kekeliruan dalam kefahaman

syariat Islam. Di samping itu, kandungan yang terdapat pada al-Quran sesuai dengan fitrah manusia. Oleh itu, kita hendaklah wajib mengambil pengajaran daripada kitab suci al-Quran sebagai panduan hidup. Justeru itu, menerusi cerpen *Bening Cahaya Maulid* terdapat mengenai konsep al-Quran dan hadis. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan cerpen di bawah.

Petikan 17

“Kasihan Hamdan... mengejar sesuatu yang baik tetapi melupakan yang wajib. Kenapa harus Hamdan lupa diri sedangkan orang sepertinya perlu bijak dalam banyak perkara? Manakan tidak, cakapnya sekali dengar macam cakap alim ulama. Berapi-api tetapi bagi Suria pula memang bersekolah agama penuh, dapat mengenal asal-usul bicara yang sebeginitulah boleh menyebabkan ramai umat Islam yang gagal mengawal emosi sehingga setiap apa yang dikerjakan oleh mereka tidak berlandaskan al-Quran dan hadis. Semuanya mengikut logik akal, tidak dengan bijaksana maka jadilah huru-hara”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 19)

Berdasarkan petikan cerpen *Bening Cahaya Maulid* di atas jelaslah bahawa mengandungi konsep al-Quran dan Hadis. Hal ini bermakna al-Quran merupakan kitab suci yang dijadikan sebagai rujukan utama. Dalam pada itu, menerusi petikan cerpen di atas kita hendaklah mengikut landasan al-Quran dan hadis sebagai sumber rujukan dan panduan hidup. Hal ini dikatakan demikian kerana al-Quran dan hadis mengandungi semua aspek kehidupan yang dapat dirujuk dan dijadikan panduan. Hal ini bertepatan dengan pandangan Muhamad Hapizi Sulaiman (2020), ada menyatakan bahawa kesilapan dalam memahami nas ataupun teks hadis akan mengundangkan kekeliruan dalam kefahaman syariat Islam. Oleh itu, jelaslah bahawa umat Islam hendaklah merujuk al-Quran dan hadis sebelum menyampaikan dalil-dalil al-Quran agar akhlak tidak terpesong ke arah lembah dosa.

Pendek kata, daripada penerangan di atas jelaslah bahawa pengkaji menerapkan pedekatan kemasyarakatan berdasarkan petikan tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana kehidupan berlandaskan al-Quran dan hadis dapat merungkaikan kekeliruan yang dihadapi di samping dapat dijadikan sebagai panduan hidup (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, jelaslah bahawa pendekatan kemasyarakatan yang digunakan bertujuan untuk meningkatkan ketakwaan dan mengukuhkan iman dan mensejahterakan dalam membahagiakan umat manusia.

4.2.2.6 Konsep Menziarahi Jenazah

Maksud konsep menziarahi jenazah, adalah mengucapkan takziah kepada keluarga jenazah dan mengucapkan kata-kata yang boleh mengurangkan perasaan dukacita kepada keluarga jenazah (Mohamed Mat Daud & Mohd Farhad Mohamed, 2010). Manakala, menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat* (2015) jenazah merupakan adalah jasad orang mati. Justeru itu, menurut Muhammad Soulhiey Zeckry (2019) ada menyatakan bahawa kematian adalah perkara yang akan dilalui oleh semua makhluk. Mati merupakan jambatan yang menghubungkan di antara kehidupan iaitu dunia dan kehidupan akhirat, setiap yang bernyawa pasti akan mati. Dalam pada itu, menurut Haikal Hamid (2022) ada menyatakan mengenai konsep menziarahi iaitu mengambil berat tentang kepentingan mengeratkan hubungan silaturrahim. Dalam konteks ini, kita perlulah mengikut adab-adab yang telah digariskan oleh Islam agar ziarah tersebut tidak menyentuh sebarang sensitiviti kepada keluarga si mati. Selain itu, jenazah dikategorikan seseorang yang telah meninggal dunia yang sudah terputus masa kehidupannya dengan alam dunia (Sadiliy 1982: 36). Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa terdapat konsep menziarahi jenazah yang perlu dipatuhi dengan tujuan untuk mengeratkan hubungan silaturrahim dan berpesan supaya bersabar atas kematian kerana setiap yang hidup pasti akan mati.

Sabda Nabi SAW:

“Tidak ada seorang mukmin yang memberikan tazkiyah (kegembiraan) kepada saudaranya dalam satu musibah, kecuali Allah akan memberikan kepadanya dari pakaian kehormatan pada hari kiamat”.

(Hadis Riwayat Ibnu Majah)

Menerusi hadis riwayat Ibnu Majah ada menyatakan mengenai musibah. Hal ini dikatakan demikian kerana apabila seseorang itu ditimpa musibah seperti kematian, tiada yang dapat mengembirakan selain kata-kata dorongan dan semangat daripada orang sekelilingnya. Lanjutan daripada huraian yang telah dinyatakan di atas terdapat adab-adab menziarahi jenazah. Antara adab menziarahi jenazah ialah mengucapkan takziah kepada keluarga jenazah, mengucapkan kata-kata yang boleh mengurangkan perasaan dukacita keluarga jenazah dan berpesan supaya bersabar atas kematian serta mendoakan supaya jenazah mendapat keampunan daripada Allah SWT. Hal ini bertepatan dengan pandangan Azrin Wahid (2021), ada menyatakan bahawa tentang menghiburkan keluarga si mati dengan menganjurkan supaya mereka bersabar terhadap takdir Allah dan mengharapkan pahala dari-Nya. Berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa apabila ditimpa musibah tiada perkara lain melainkan ucapan dan dorongan bagi menguatkan semangat. Justeru itu, unsur Islam yang diterapkan dalam kajian ini ialah mengenai konsep menziarahi jenazah. Konsep menziarahi jenazah dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Di Ambang Kepasrahan* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 18

“Ibu seperti orang hilang akal. Meraung-raung walaupun dia tahu jenazah adik belum selesai diuruskan. Ramai orang tidak setuju dengan cara Narimah. Setelah Nenek Itam membela anaknya, setelah diambil alih tugas yang berat bagi Karim, Narimah menuduh Nenek Itam pula”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 48)

Berdasarkan petikan cerpen *Di Ambang Kepasrahan* dapat dilihat mengenai konsep menziarahi jenazah. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat dijadikan sebagai iktibar kepada masyarakat dan memberi keinsafan kepada seseorang bahawa kematian merupakan kepastian untuk semua makhluk yang bernyawa. Selain itu, dapat mengeratkan hubungan silaturrahim dengan keluarga jenazah dan dapat menunaikan hak sebagai seorang Islam ke atas orang Islam yang lain. Di samping itu, adab-adab menziarahi jenazah telah boleh meratapi jenazah tersebut. Hal ini disebabkan kerana dipengaruhi oleh emosi dan membahaya kesihatan. Oleh itu, konsep menziarahi jenazah hendaklah dipatuhi agar keluarga si mati redha akan kematian tersebut.

Menyedari hakikat di atas jelaslah bahawa konsep menziarahi jenazah terdapat pada petikan di atas. Justeru itu, pendekatan kemasyarakatan digunakan melalui kajian ini. Pendekatan kemasyarakatan merujuk kepada persoalan mengenai kemungkaran, ketidakadilan, dan rasuah (Hashim Awang, 2002). Hal ini menyebabkan berlakunya punca kepincangan masyarakat di samping menunjukkan keimanan masyarakat yang lemah. Justeru itu, pendekatan kemasyarakatan ini bertujuan untuk mencapai kesejahteraan hidup bermasyarakat, pengukuhan iman, dan ketakwaan kepada jalan Allah SWT. Oleh itu, Islam menganjurkan umatnya mengikuti adab-adab menziarahi jenazah yang telah digariskan.

4.2.3 Pendekatan Seni

Menurut Hashim Awang (1997) pendekatan seni digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya. Dalam pada itu, keindahan tersebut terbatas kepada nilai-nilai etika Islam, iaitu keindahan yang tidak bertentangan dengan akidah dan ajaran Islam. Berdasarkan unsur Islam yang terdapat dalam cerpen Antologi *Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan pengkaji akan menerangkan dari sudut pendekatan seni. Antaranya:

4.2.3.1 Konsep Berzikir

Maksud konsep berzikir ialah merupakan amalan yang disyariatkan dalam Islam serta banyak disebutkan di dalam al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW. Peranan zikir sangat luar biasa kerana ia boleh membersihkan dan menyucikan jiwa manusia serta dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT (Mohammad Fahmi Abdul Hamid & Ishak Sulaiman, 2018). Sehubungan dengan itu, menurut Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed (2010) ada menyatakan bahawa zikir bermaksud mengingati Allah dengan lisan, perbuatan dan hati. Hal ini bermakna zikir dengan lisan menyebut perkataan “la ilaha illallah”, manakala zikir dengan perbuatan dilakukan dengan menunaikan segala perintah Allah SWT, dan zikir dengan hati pula, ikhlas kerana Allah dalam mengerjakan ibadat. Di samping itu, menurut Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2021), ada menyatakan memperbanyak ucapan zikir merupakan refleksi dalam pemahaman bahawa tiada Tuhan selain Allah dalam ibadat. Oleh itu, berdasarkan pernyataan di atas jelaslah bahawa berzikir dapat mengingati Allah serta dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT.

Lanjutan daripada huraian yang dinyatakan di atas terdapat beberapa hikmah dalam berzikir. Antara hikmah berzikir ialah mendapat ketenangan jiwa, mendapat ganjaran pahala, dikasihi Allah SWT, dan sentiasa mengingati Allah serta menjadikan kita khusuk. Dalam pada itu, terdapat adab-adab semasa berzikir iaitu berkeadaan bersih dan suci daripada segala hadas semasa berzikir. Selain itu, menyebut lafaz zikir dengan betul serta memahaminya. Misalnya, berzikir dengan lafaz-lafaz yang terdapat di dalam nas al-Quran dan as-Sunnah dengan menggunakan suara yang perlahan. Oleh itu, umat Islam hendaklah mengikut konsep dan adab-adab berzikir dengan betul agar memperolehi pahala dan daripada sumber yang dijamin kesahihannya dan tidak boleh dipertikaikan. Justeru itu, menerusi petikan cerpen *Bening Cahaya Maulid* terdapat mengenai konsep berzikir. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Petikan 19

“Tahniah! Anak lelaki. Mudah-mudahan kelahiran bayi Encik Hamdan membawa seribu rahmat. Lahirnya saja pada hari seluruh umat Islam di dunia ini berzikir, berselawat ka atas Nabi Muhammad,” ujar Doktor yang bernama Hafiz itu”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 22)

Berdasarkan petikan cerpen *Bening Cahaya Maulid* di atas ada memaparkan mengenai konsep berzikir. Hal ini demikian kerana kelahiran bayi Encik Hamdan semasa seluruh umat Islam sedang berzikir dan berselawat bersempena menyambut Maulidur Rasul. Hal ini merupakan satu hikmah dan anugerah yang tidak ternilai yang dikurniakan oleh Allah SWT. Di samping itu, menurut Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2021), ada menyatakan memperbanyak ucapan zikir merupakan refleksi dalam pemahaman bahawa tiada Tuhan selain Allah dalam ibadat. Tambahan pula, ia dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Oleh itu, jelaslah bahawa kelahiran bayi Encik Hamdan membawakan tuah kepada mereka sekeluarga kerana dilahirkan semasa manusia sedang melaungkan zikir-zikir Allah.

Ekoran daripada itu, konsep berzikir hendaklah diamalkan oleh umat Islam tanpa mengira waktu dan masa. Dalam pada itu, berzikir dapat melahirkan ketenangan pada hati dan jiwa penzikir. Justeru itu, disingkapkan disini bahawa konsep berzikir diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan seni. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat unsur-unsur keindahan pada pendekatan seni yang digagaskan oleh Hashim Awang (1997). Misalnya, unsur keindahan yang digunakan pada petikan di atas ialah seribu rahmat. Hal ini menunjukkan dengan kelahiran bayi Encik Hamdan membawa seribu rahmat kepadanya kerana ia dilahirkan semasa umat Islam sedang berzikir dan berselawat ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Oleh itu, jelaslah bahawa seribu rahmat merupakan unsur keindahan bahasa yang digunakan pada petikan cerpen tersebut, dengan tujuan untuk menyampaikan maksud disebalik kejadian yang berlaku.

4.2.3.2 Konsep Dosa

Maksud konsep dosa ialah balasan buruk kerana melakukan larangan Allah SWT dan meninggalkan surahan-Nya yang melibat orang yang mencapai umur baligh, digelar sebagai “Asi” (Muhamad Arifikhwan Mohd Sabri, 2009). Manakala, menurut Nur Qamarina Ramlan (2013) dosa ialah balasan buruk daripada Allah SWT kerana tidak patuh kepada perintah-Nya. Dalam pada itu, seseorang dikatakan berdosa apabila melakukan kesalahan dengan sengaja. Selain itu, menurut pandangan Fadly Samsudin (2019), yang menyatakan bahawa menjadi satu nikmat buat seorang hamba apabila dapat menitis air mata kerana takutkan Allah SWT serta mengenangkan dosa yang pernah dilakukan. Rentetan itu, menurut Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed (2010) ada menyatakan bahawa dosa besar merupakan kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan diberikan amaran oleh Allah SWT dengan azab yang keras di akhirat. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa dosa akan dihitung pada hari akhirat kelak dengan balasan yang setimpai. Oleh itu, umat Islam digalakkan melakukan solat sunat taubat agar diampuni dosa-dosa yang pernah dilakukan.

Lanjutan daripada itu, konsep dosa dapat dikategorikan kepada dua iaitu dosa besar dan dosa kecil. Disingkapkan disini bahawa dosa besar merupakan kesalahan yang dikenakan hukuman tertentu di dunia dan diberikan amaran oleh Allah SWT dengan azab yang keras di akhirat. Antara dosa besar ialah melibatkan membunuh, minum arak, berzina, mencuri dan derhaka kepada ibubapa. Manakala dosa kecil pula, melibatkan kepada kesalahan yang tidak diberi amaran azab yang keras di akhirat dan tidak diperuntukkan hukuman tertentu di dunia. Contohnya, ingkar arahan guru, melihat aurat yang bukan muhrim, bercakap perkara yang tidak memberikan faedah. Ekoran daripada itu, jelaslah bahawa terdapat dua kategori dosa yang membawa kepada kemurkaan Allah SWT (Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed, 2010). Menyedari hakikat di atas konsep dosa dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Utusan Memori* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 20

“Mayang apakah dosa mak sehingga kau buat mak begini? Kau tahu segala penderitaan mak. Sapututnya kau bantu mak, tetapi kini sekali lagi harapan mak roboh,” ucap Mak Lijah semasa Mayang menghadap cermin. Azhar sudah lama dimamah malam”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 140)

Berdasarkan petikan cerpen *Utusan Memori* di atas ada memaparkan mengenai konsep dosa. Hal ini dikatakan demikian kerana ia mengenangkan akan dosa yang pernah dilakukannya sehingga menyebabkan ia mengalami penderitaan dalam menempuh kehidupannya. Dalam pada itu, dosa merupakan balasan buruk (azab) kerana tidak patuh kepada perintah Allah SWT. Hal ini bertepatan dengan pandangan Fadly Samsudin (2019), yang menyatakan bahawa menjadi satu nikmat buat seorang hamba apabila dapat menitis air mata kerana takutkan Allah SWT serta mengenangkan dosa yang pernah dilakukan. Oleh itu, jelaslah bahawa berdasarkan petikan cerpen di atas ada menyatakan mengenai dosa.

Pendek kata, daripada penerangan di atas jelaslah bahawa terdapat konsep dosa menerusi cerpen tersebut. Selain itu, terdapat pendekatan seni yang digunakan iaitu dari segi aspek unsur-unsur keindahan (Hashim Awang, 1997). Misalnya, Azhar sudah lama dimamah malam". Hal ini bermakna terdapat unsur keindahan gaya bahasa yang digunakan bagi melambangkan Azhar telah lama tidur. Hal ini jelaslah bahawa berdasarkan petikan di atas memaparkan tentang keindahan gaya bahasa yang digunakan bagi menyampaikan maksud tersurat dan tersirat.

4.2.3.3 Konsep Doa

Maksud konsep doa dari segi bahasa perkataan doa bererti panggilan atau meminta pertolongan, manakala dari segi istilah ia lebih difahami sebagai permohonan daripada seorang hamba kepada Allah SWT untuk menunaikan hajatnya (Mohamad Razif, 2018). Selain itu, menurut Maahad al-Tahzib (2021) ada menyatakan bahawa doa ialah permohonan seseorang hamba terhadap Allah secara terus bagi menyelesaikan segala masalah rohani dan jasmani, dunia dan akhirat sama ada untuk dirinya sendiri atau untuk saudara mara, sahabat handai dan seterusnya untuk kaum muslimin dan muslimat. Dalam pada itu, menurut Murshid (2019), ada menyatakan mengenai doa iaitu merujuk kepada alat untuk hambanya berhubung terus dengan Maha Pencipta seluruh makhluk alam ini. Disingkapkan di sini bahawa doa adalah suara hati untuk disampaikan oleh Allah SWT agar segala hajat yang dihajati diperkenankan. Justeru itu, menurut Zahazan Mohamed (2019), ada menyatakan mengenai doa melalui Surah al-Mukmin ayat 60. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Allah SWT bersabda:

"Berdoalah kepada-Kupasti Aku kabulkan."

(Surah al-Mukmin: 60)

Berdasarkan surah al-Mukmin ayat 60 di atas ada menyatakan mengenai doa. Iaitu berdoalah kepada Allah SWT dan pasti Allah SWT akan makbulkan samada di dunia ataupun di akhirat. Dalam pada itu, kita hendaklah berdoa memohon kebaikan dan keampunan disisi-Nya dengan penuh ketulusan hati dan dengan penuh pengharapan. Oleh itu, berdasarkan petikan di bawah ada memaparkan mengenai konsep doa menerusi cerpen *Utusan Memori*. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Petikan 21

“Sungguh mulia hati seorang ibu. Dalam rasa marah, Mak Lijah masih menadah tangan untuk mendoakan agar Mayang akan berubah juga nanti. Walau bagaimanapun, perasaan kecewa itu memang ada kerana Mayang sengaja untuk membunuh Azhar. Mayang membiarkan tubuh kerdil Azhar tergolek-golek dimamah dek tangga. Mak Lijah semakin kecewa apabila melihat Mayang selamba semasa mayat Azhar dimandikan dan dikebumikan”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 143)

Berdasarkan petikan cerpen *Utusan Memori* di atas memaparkan mengenai konsep doa. Mak Lijah berdoa kehadrat Ilahi agar Mayang berubah suatu hari nanti dengan satu penyesalan terhadap dosa yang pernah dilakukan. Mak Lijah tidak pernah berputus asa dalam berdoa agar doanya dapat dimakbulkan oleh Allah pada suatu hari kelak. Menurut Murshid (2019), ada menyatakan mengenai doa iaitu merujuk kepada alat untuk hambanya berhubung terus dengan Maha Pencipta seluruh makhluk alam ini. Hal ini demikian kerana perhubungan manusia dengan Allah SWT melibatkan dengan berdoa dan yakin Allah akan membantu dengan memberikan jalan keluar daripada kesesatan. Dalam pada itu, doa seorang ibu merupakan mustajab kerana doa daripada seorang ibu didengari oleh Allah SWT tanpa dihisab. Hal ini disebabkan kerana kekecewaan yang dihadapi oleh seorang ibu apabila melihat anaknya membunuh cucunya tanpa menerbitkan perasaan bersalah. Hal ini menyebabkan Azhar jatuh tangga tanpa pengawasaan daripada Mayang sehingga meninggal dunia. Oleh itu,

disebabkan kelalaian Mayang menjaga Azhar menyebabkan Azhar meninggal dunia sehingga menimbulkan kekecewaan dalam diri Mak Lijah.

Ekoran daripada itu, terdapat kelebihan doa seorang ibu iaitu lebih ikhlas dan tulus untuk anaknya maka doa itu diperkenankan atau dimakbulkan oleh Allah SWT. Selain itu, berdasarkan petikan di atas terdapat mengenai pendekatan seni iaitu “Mayang membiarkan tubuh kerdil Azhar tergolek-golek dimamah dek tangga”. Hal ini bermakna ia memaparkan mengenai unsur keindahan bahasa. Menurut Hashim Awang (1997), menyatakan bahawa unsur keindahan bahasa hendaklah tidak bertentangan dengan akidah dan ajaran Islam. Ekoran daripada itu, jelaslah bahawa pendekatan seni memfokuskan kepada unsur-unsur keindahan samada merujuk kepada unsur keindahan luaran atau unsur keindahan dalaman.

Seterusnya, konsep doa dapat dilihat menerusi cerpen *Meniti Batas Waktu*. Dalam pada itu, konsep doa ialah merujuk kepada alat untuk hambanya berhubung terus dengan Maha Pencipta seluruh makhluk alam ini (Murshid, 2019). Justeru itu, doa adalah penting kerana ia dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan dan keimanan kepada Allah SWT. Oleh itu, menerusi cerpen *Meniti Batas Waktu* di bawah ada memaparkan mengenai doa.

Petikan 22

“Aku membuka mata. Rasa sakit serta-merta hilang apabila jururawat mempamerkan bayi lelaki yang baru aku lahirkan. Setelah 15 tahun menanti, baru hari ini doa kami dimakbulkan. Baru kini aku rasa diri ini seorang wanita sejati”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 80)

KELANTAN

Berdasarkan petikan cerpen *Meniti Batas Waktu* di atas mengandungi konsep doa. Hal ini menggambarkan situasi pasangan suami isteri yang dikurniakan Cahaya mata setalah sekian lama menunggu akhirnya doa mereka dimakbulkan oleh Allah SWT. Keadaan ini tentunya, mengembirakan pasangan suami isteri tersebut kerana hampir 15 tahun mereka menanti cahaya mata. Oleh itu, disini dapat disingkapkan bahawa doa seseorang hamba-Nya didengari oleh Allah SWT dan dimakbulkan pada waktu yang tepat. Bertitik tolak daripada pernyataan di atas doa merupakan senjata umat Islam maka berdoalah kepada Allah SWT dengan penuh khusyuk dan rendah diri agar doa itu dimakbulkan oleh Allah SWT.

Sehubungan dengan itu, pendekatan seni yang dipertonjolkan melalui petikan di atas mengenai “baru kini aku rasa diri ini seorang wanita sejati”. Hal ini demikian kerana simbolik seorang wanita perpegang teguh kepada adanya zuriat daripada keturunannya melambangkan dirinya sempurna sebagai seorang wanita. Dalam hal ini juga memaparkan tentang keindahan unsur gaya bahasa yang digunakan bagi melambangkan sesuatu makna sepertimana yang termaktub dalam pendekatan seni. Justeru itu, jelaslah bahawa menurut Hashim Awang (1997) pendekatan seni digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya.

4.2.3.4 Konsep Hari Kiamat

Maksud konsep hari kiamat merujuk kepada hari pembalasan dan hari perhitungan (Noraneez Ismail, 2020). Hal ini demikian kerana pada hari kiamat akan adanya kemasuhan alam, kebangkitan semula, mahsyar dan dihisab. Dalam pada itu, menurut Abdul Kosim, Tajudin Nur, Fuad Wahab & Wahya (2018) ada menyatakan bahawa hari kiamat merupakan rahsia Allah dan tidak ada makhluk yang mengetahuinya. Bahkan, Nabi dan Rasul hanya dapat memberikan tanda-tanda datangnya hari kiamat. Hari kiamat digambarkan sebagai hari kehancuran segala yang ada di dunia ini. Semua

makhluk akan mati kecuali memang yang dikehendaki-Nya untuk tetap hidup. Manakala, menurut Mohd Ramli (2003), ada menyatakan bahawa beriman kepada hari kiamat merupakan salah satu daripada rukun iman yang keenam, dan menjadi perkara utama dalam akidah Islam, malahan sebagai unsur terpenting dalam keimanan kerana Allah SWT sering menghubungkan tuntutan keimanan kepada-Nya dengan hari kiamat. Jelaslah bahawa hari kiamat akan muncul tetapi kemunculannya tiada siapa yang tahu melainkan Allah SWT.

Dalam pada itu, terdapat beberapa kesan apabila beriman kepada hari kiamat. Ia dapat dipecahkan kepada tiga bahagian iaitu akidah, ibadah dan juga akhlak Islamiah. Merujuk kepada segi akidah ia memerihalkan tentang meninggalkan maksiat kerana yakin bahawa semua amalan akan dibentangkan oleh Allah SWT di hari kiamat kelak. Manakala dari segi ibadah pula merujuk kepada sentiasa memperbanyakkan amalan soleh kerana yakin Allah SWT akan menghitung amalan manusia dan yang terakhir mengenai akhlak Islamiah. Akhlak Islamiah merujuk kepada bersungguh-sungguh untuk melakukan kebaikan supaya mudah untuk melalui titian sirat. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa terdapat kesan apabila beriman kepada hari kiamat dan ia juga dapat mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Oleh hal yang demikian konsep beriman kepada hari kiamat dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Adam Menari* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 23

“Memang dunia hampir kiamat. Golongan adam seperti Basir terlalu asyik menari sehingga uban di kepala disangkanya salji. Zuriat yang lahir hanya dipandangnya dengan mata, bukannya hati.”

(Radzemah Bolhassan, 2013: 10)

Berdasarkan petikan cerpen *Adam Menari* di atas jelaslah bahawa mengandungi konsep hari kiamat. Hal ini dikatakan demikian kerana sikap suaminya yang suka berfoya-foya tanpa mengira akan kematian dan juga hari kiamat. Hal ini menyebabkan ia terus leka dengan duniawi tanpa memikirkan tentang hari akhirat. Justeru itu menurut, Noraneez Ismail (2020) menyatakan bahawa hari kiamat merujuk kepada hari pembalasan dan hari perhitungan. Dengan adanya, konsep beriman kepada hari kiamat ia membuktikan bahawa terdapat kewujudan hari kehancuran bagi seluruh alam semesta dan kebangkitan semula dimana kekal abadi bagi tujuan untuk menerima pembalasan sama ada syurga atau neraka.

Sehubungan dengan itu, pendekatan seni yang cuba disampaikan melalui petikan ini ialah menggambarkan keindahan dalam sastera iaitu keindahan yang melandaskan dirinya kepada nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran dan fahaman agama Islam (Hashim Awang, 1997). Dalam pada itu, menerusi cerpen di atas nilai keindahan yang dipamerkan dari segi penggunaan gaya bahasa iaitu “uban di kepala disangkanya salji”. Hal ini memaparkan bahawa seseorang itu telah berada di fasa tua. Iaitu perlakuannya tidak seiring dengan umurnya menyebabkan ia terus leka dan lebih mencintai duniawi berbanding hari akhirat kelak. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa penggunaan nilai keindahan berdasarkan cerpen di atas bertujuan untuk menyampaikan maksud tersurat disebalik mana tersirat. Misanya, apabila beriman kepada hari kiamat dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT di samping dapat mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah. Pendek kata, daripada penerangan di atas jelaslah bahawa beriman kepada hari kiamat dapat memberikan kesedaran kepada umat Islam untuk insaf dan mengingati akan hari pembalasan yang mana akan menerima buku catatan amalan.

4.3 Masalah Sosial Yang Dihadapi Oleh Rentetan Kehidupan Dapat Mewujudkan Rasa Kecintaan Kepada Allah SWT

4.3.1 Pendekatan Dakwah

Menurut Hashim Awang (2002) ada menyatakan bahawa pendekatan dakwah berkaitan dengan kekuasaan, kemuliaan, kehebatan dan keagungan Allah SWT. Berdasarkan masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan dapat mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT pengkaji akan membincangkan dari sudut pendekatan dakwah. Antaranya:

4.3.1.1. Melafazkan Kesyukuran

Maksud melafazkan kesyukuran ialah berterima kasih kepada Allah SWT atas segala nikmat kurniaan-Nya dengan hati yang tulus dan reda, serta tidak menggunakan nikmat untuk melakukan maksiat terhadap-Nya (Nurhayati, 2021). Dalam pada itu, menurut Afiq Rahim (2018) ada menyatakan bersyukur merupakan ucapan berterima kasih kepada sesama manusia lebih cenderung kepada menunjukkan perasaan senang menghargai, manakala bersyukur kepada Allah SWT lebih cenderung kepada pengakuan bahawa semua kenikmatan adalah pemberian dari Allah SWT. Selain itu, menurut Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed (2010) terdapat tiga cara bersyukur kepada Allah SWT, pertama melalui lisan (lidah) iaitu memuji Allah dengan berzikir dan bertasbih. Kedua secara amalan (tubuh badan) iaitu menggunakan nikmat yang dikurniakan untuk kebaikan seperti bersedekah, solat dan mengeluarkan zakat. Manakala yang ketiga pula, melalui hati iaitu sentiasa mengingati Allah, ikhlas, reda dan sebagainya. Berdasarkan pernyataan di atas jelaslah bahawa melafazkan kesyukuran merupakan satu nikmat kurniaan Allah SWT dan juga merupakan rezeki yang perlu disyukuri.

Sehubungan dengan itu, melafazkan kesyukuran merupakan suatu amalan yang patut dijadikan sebagai rutin kerana tidak terkira akan nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya. Oleh itu, masalah sosial yang dihadapi akibat rentetan kehidupan dapat mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT dengan memperbanyak melafazkan kesyukuran kehadrat Ilahi. Justeru itu, melafazkan kesyukuran dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Utusan Memori* di bawah.

Petikan 24

“Enam tahun Mayang dipenjarakan. Mayang telah mengambil pengalaman lama yakni sebelum dia dihumbangkan ke dalam penjara sebagai banduan hidup. Mayang bekerja semula sebagai pekerja kilang. Mayang amat bersyukur kerana masih ada yang memberi dia peluang di muka bumi ini. Dia masih ada manusia yang sudi mengisi kekosongan hidupnya. Masih ada yang sudi berkongsi hidup dengannya”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 146)

Berdasarkan petikan di atas menggambarkan keperitan hidup yang dialami oleh Mayang selepas kematian Mak Lijah. Hal ini demikian kerana Mak Lijah merupakan tempat Mayang bergantung dan menerima pelbagai nasihat. Kini Mayang hidup sebatang kara selepas dipenjarakan akibat kesilapan besar yang pernah dilakukannya. Bertitik tolak daripada pernyataan di atas Mayang mula bersyukur kerana masih diberi peluang oleh Allah SWT untuk bertaubat di atas dosa-dosa lampauanya. Hal ini bertepatan dengan menurut pandangan Huda Hussain (2020), ada menyatakan bahawa manusia perlu bersyukur kerana Allah masih memberi nikmat dan peluang untuk memperbaiki diri. Jelaslah bahawa berdasarkan petikan cerpen *Utusan Memori* di atas memaparkan mengenai melafazkan kesyukuran kehadrat Ilahi setelah diberi peluang untuk merasai nikmat hidup.

Tegasnya, berdasarkan pernyataan di atas dapat dilihat menerusi pendekatan dakwah yang digunakan bagi mempertonjolkan kebesaran Allah SWT dan kemulian, keagungan dan ketinggian Maha Pencipta dalam mengampunkan dosa-dosa yang dilakukan oleh hambanya (Hashim Awang, 2002). Dalam pada itu, ia merupakan

pendekatan dakwah yang mana untuk mempertingkatkan takwa serta memaparkan sifat-sifat kesucian dan kemurniaan agama Islam (Hashim Awang, 1997). Oleh itu, jelaslah bahawa pendekatan dakwah ini digunakan dalam menangani masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan yang dapat mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT.

Seterusnya, melafazkan kesyukuran dapat dilihat menerusi cerpen *Utusan Memori*. Hal ini dikatakan demikian kerana bersyukur merupakan satu nikmat pemberian oleh Allah SWT. Menurut Imam Ghazali (1990: 731), bersyukur dapat didefinisikan sebagai menerima sesuatu pemberian, sumbangsan dan khidmat bakti dengan rasa senang hati. Di samping itu, bersyukur juga dapat dizahirkan dengan melafazkan kalimah “alhamdulillah” sebagai tanda kesyukuran kehadrat Ilahi. Jelaslah bahawa bersyukur boleh dilakukan secara hati, lisan, dan perbuatan. Rentetan daripada itu, dapat dilihat melalui firman Allah SWT terhadap manusia yang bersyukur melalui surah Ali-Imran ayat 144.

Firman Allah SWT:

“Dan (sebaliknya) Allah memberi balasan pahala kepada orang yang bersyukur (dengan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya).”

(Ali-Imran: 144)

Berdasarkan kenyataan di atas umat Islam hendaklah sentiasa bersyukur kehadrat Ilahi kerana dengan bersyukur mendapat balasan pahala yang dikurniakan oleh Allah SWT. Hal ini dikatakan demikian kerana ia merupakan satu nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT terhadap hamba-hamba-Nya yang tiada bandingan. Di samping itu, dengan melafazkan kesyukuran dapat menjauhi diri daripada melakukan perbuatan dosa, dapat mengambil iktibar dari sejarah kaum terdahulu, serta pangkat, kedudukan dan kekayaan tidak dapat menghalang Allah untuk menurunkan azabnya. Jelaslah bahawa hikmah daripada sangat besar ganjarannya daripada Allah SWT. Oleh

itu, melafazkan kesyukuran dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Utusan Memori*. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Petikan 25

“Walau bagaimanapun, Mak Lijah tetap berada dalam kedudukan yang stabil. Dia tidak akan menyebelahi Mayang sekiranya Mayang benar-benar bersalah apabila Mak Aji Silah, Kak Bedah dan beberapa orang jiran mengadu bahawa Mayang yang agak miang dan menunjuk-nunjuk itu. Namun, dengan rasa syukur Mak Lijah menerima kerana masih ada orang yang sudi memberi perhatian. Mak Lijah akan membuang rasa marah sekiranya aduan itu menjelma di lubuk hati, Cuma yang pasti dia sedikit terluka dan hairan dengan perbezaan Mayang di belakang dan di depan nata Mak Lijah”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 137-138)

Berdasarkan petikan di atas menjelaskan berkenaan melafazkan kesyukuran kepada Allah SWT. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Mak Lijah bersyukur kerana mempunyai jiran yang mengambil berat mengenai kehidupan mereka sekeluarga. Hal ini dimana Mak Lijah berfikiran terbuka apabila mendapat teguran daripada jirananya mengenai sikap Mayang semasa ketiadaannya dirumah. Walaupun Mak Lijah kecewa, ia tetap menasihati Mayang agar berkelakuan sopan. Menyedari hakikat di atas jelaslah bahawa terdapat ucapan melafazkan kesyukuran kepada Allah SWT setelah mengetahui akan perlakuan anaknya semasa ketiadaannya di rumah. Hal ini dapat dilihat menerusi sikap Mak Lijah yang yang bertegas mengenai kehidupan anaknya, Mayang. Hal ini disebabkan kerana dia tidak mahu anaknya melakukan dosa semasa ketiadaannya di rumah. Selain itu, ia sentiasa menitipkan ilmu berkaitan pendidikan akhirat buat anaknya

Lanjutan itu, melafazkan kesyukuran dapat dilihat menerusi pendekatan dakwah. Pendekatan dakwah yang diaplikasikan dalam kajian ini bertujuan untuk menambahkan rasa kecintaan, ketakwaan, dan keesaan yang lebih besar dan suci kepada Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Dalam pada itu, menerusi petikan tersebut juga, terdapat pengajaran yang boleh diteladani di samping ia dapat meningkatkan keimanan dan

ketakwaan kepada Allah SWT. Jelaslah bahawa melafazkan kesyukuran kepada Allah SWT merupakan satu nikmat yang tiada tandingi.

4.3.1.2 Menikmati Rezeki

Maksud menikmati rezeki merujuk kepada rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada semua hambanya adalah berbeza-beza, tambahan pula rezeki tersebut merupakan satu ujian bagi manusia untuk menguruskan harta yang diperolehi dan ke arah menginfaqkannya (Khairul Asyraf Mohd Nathir, 2021). Hal ini bertepatan dengan pandangan Ahmad Syukri Yusoff (2015), ada menyatakan mengenai rezeki milik Allah adalah ujian buat hamba-hambanya sama ada rezeki itu digunakan pada jalan Allah atau sebaliknya. Manakala, menurut Mohd Asri Zainul Abidin (2014) ada menyatakan bahawa rezeki bermaksud pemberian ataupun kurniaan sama ada bersifat duniawi ataupun agama. Segala yang boleh dimanfaatkan, samada boleh dimakan atau tidak boleh dimakan maka itu rezeki. Jelaslah bahawa menikmati rezeki kurniaan Allah SWT dapat dinikmati bersama dan ia datang daripada pelbagai bentuk serta berbeza-beza.

Ekoran daripada itu, Allah SWT melapangkan atau menyempitkan rezeki seseorang bertujuan untuk menguji hambanya terhadap rezeki yang diperolehi. Di samping itu, apabila seseorang dimurahkan rezeki oleh Allah SWT bukan bermakna Allah SWT cinta akan kepadanya dan begitu juga dengan sebaliknya. Dalam pada itu, masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan dapat mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT itu merupakan salah satu rezeki dan ujian daripada Allah SWT. Disingkapkan disini bahawa menikmati rezeki kurniaan Allah dapat dilakukan bersama-sama agar rezeki itu dapat dikongsi kepada orang yang memerlukan. Oleh itu, hal ini dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Utusan Memori*, berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 26

“Peristiwa itu cukup menggemparkan. Mak Lijah terpaksa menebalkan muka setiap pagi dan petang untuk menuju ke kampung seberang, dia terpaksa melalui keaiban. Apakah daya di seberang sana itulah ada rezeki untuknya”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 139)

Berdasarkan pada petikan di atas ada menyatakan mengenai rezeki. Misalnya, “diseberang sana itulah rezeki untuknya”. Hal ini memaparkan tentang rezeki kurniaan Allah SWT sangat luas dan ia boleh didapati dimana-mana sahaja. Pendek kata, berdasarkan petikan cerpen di atas Mak Lijah gigih mencari rezeki demi menyara kehidupan mereka sekeluarga, walaupun banyak halangan dan rintangan yang mendatang. Oleh itu, berdasarkan petikan di atas memerihalkan mengenai nikmat rezeki kurniaan Allah SWT sangat luas untuk hamba-hambanya. Dalam pada itu, Mak Lijah sekeluarga menikmati rezeki tersebut dengan berlapang dada. Hal ini dikatakan demikian kerana itu merupakan rezeki untuk mereka sekeluarga. Justeru, Mak Lijah bersyukur di atas kurniaan rezeki yang diberikan oleh Allah SWT.

Dalam pada itu, berdasarkan nikmat rezeki kurniaan Allah SWT ini dapat dilihat menerusi pendekatan dakwah. Hal ini demikian kerana masalah sosial yang dihadapi dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT seperti mana dengan rezeki kurniaan Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Hal ini saling berkaitan kerana ia menonjolkan kebesaran Allah SWT terhadap hamba-hambanya sehingga dapat menambahkan rasa kecintaan, kehormatan dan kekerdilan manusia disisi-Nya. Dalam pada itu, ia dapat melahirkan kesyukuran di atas kurniaan rezeki yang diberikan oleh Allah SWT. Sehubungan dengan itu, dapat memaparkan kekerdilan manusia di sisi-Nya dengan memanjatkan doa agar diberkati dan dimurahkan rezeki. Tegasnya, nikmat rezeki dalam konteks ini merujuk kepada segala sesuatu yang dikurniakan oleh Allah untuk keperluan rohani dan jasmani dalam menjalani kehidupan seharian.

4.3.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Menurut Hashim Awang (2002) ada menyatakan bahawa pendekatan kemasyarakatan dianggap sebagai alat pendedahan segala macam persoalan yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut oleh agama Islam. Berdasarkan masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan dapat mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT pengkaji akan membincangkan dari sudut pendekatan kemasyarakatan. Antaranya:

4.3.2.1 Bertawakal Kepada Allah SWT

Maksud bertawakal kepada Allah SWT ialah bergantung nasib dan mempercayai diri sendiri serta bertawakkal kepada Allah SWT (*Kamus Dewan*, 2010: 1462). Dalam pada itu, menurut Aisyah Jamilah Moh Shin (2021) ada menyatakan bahawa tawakal adalah manifestasi keyakinan di dalam hati yang memberi motivasi kepada manusia dengan kuat untuk menggantungkan harapan kepada Allah SWT. Manakala, menurut Khairul Anuar Mohamad (2020) ada menyatakan bahawa tawakal kepada Allah adalah sebesar-besar ibadat yang mendekatkan diri kepada Allah SWT. Di samping ia menjadi syarat kepada iman dan Islam kerana peringkat tertinggi dalam melakukan amal soleh adalah tawakal. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa tawakal merupakan satu ibadat dan ia perlu bersikap berserah dengan berusaha yang sehabis baik mungkin. Misalnya, seseorang itu telah berusaha bersungguh-sungguh dalam sesuatu perkara lalu penghujungnya adalah berserah harapan kepada Allah SWT. Hal ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT menerusi surah At-Tawba ayat 5.

Allah SWT telah berfirman:

“Katakanlah: Tidak sama sekali akan menimpa kami sesuatu pun kecuali apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dialah pelindung yang menyelamatkan kami dan kepada Allah jualah orang yang beriman bertawakal.”

(Surah At-Tawba: 5)

Berdasarkan pernyataan di atas dapat disimpulkan bahawa berserah kepada Allah SWT adalah sesuatu perkara yang sangat baik dan digalakkan di sisi agama Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana, Allah SWT sangat suka kepada hamba-Nya yang bergantung harapan kepada-Nya dengan bersungguh-sungguh. Walau bagaimanapun, berserah kepada Allah SWT atau bertawakkal kepada Allah SWT perlulah dengan keadaan rela dan menjadi pilihan kita bukan sebaliknya ataupun terpaksa berserah kepada Allah SWT. Namun demikian, Nabi Muhammad SAW juga mengajarkan kita untuk bertawakkal kepada Allah SWT dari segi apapun urusan mahupun dunia dan akhirat. Oleh itu, bertawakkal haruslah diterapkan di dalam kehidupan masyarakat setalah berusaha bersungguh-sungguh dan berserah harap kepada Allah SWT. Oleh itu, berserah kepada Allah SWT atau dikenali dengan tawakal dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Adam Menari* di bawah.

Petikan 27

“Jadi kakak hanya berserah kepada Allah SWT. Berdoa apa yang terbaik untuk kami. Biar sahaja orang cakap kakak bodoh tetapi apabila kakak fikir dan terus fikir, mereka yang tipu oleh Basir termasuk ‘along’ yang kononnya kuat itu lagi bodoh kerana Basir dapat menggunakan wang tanpa dibayar walau sesen pun!”

(Radzemah Bolhassan, 2013: 11)

Berdasarkan petikan tersebut, dapat dilihat mengenai berserah diri kepada Allah SWT di atas perkara yang menimpa dirinya dengan menggantikan melalui doa dan berharap kepada Allah SWT agar berakhiran dengan sesuatu yang baik. Menerusi petikan tersebut, walaupun mereka ditipu mereka berserah dan bertawakkal kepada Allah SWT dengan harapan terdapat sinar baru untuk mereka sekeluarga keluar daripada kepompong hutang. Hal ini disebabkan oleh hutang suaminya menyebabkan mereka sekeluarga diburu oleh pihak along bagi menuntut hutang tersebut. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa ia berserah sebulat-bulatnya kepada Allah kerana Allah maha perancang buat hamba-hamba-Nya yang mengalami kesempitan hidup.

Tuntasnya, berserah kepada Allah SWT adalah sesuatu perkara yang beriman kepada Allah SWT. Justeru itu, berserah atau bertawakal kepada Allah SWT iaitu tidak mengeluh ataupun mempersoalkan sesuatu perkara. Hal ini dapat membuktikan bahawa kasih dan sayangnya Allah SWT kepada hamba-Nya. Dalam pada itu, ia juga dapat dilihat menerusi pendekatan kemasyarakatan mengenai sastera berfungsi sebagai alat pendedahan tentang segala persoalan yang bertujuan untuk mendapatkan kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat dan ia selari dengan tuntutan agama Islam (Hashim Awang, 2002). Pendek kata, ia dapat mencapai kesejahteraan hidup bermasyarakat, pengukuhan iman dan ketakwaan kepada Allah SWT. Hal ini dapat dilihat menerusi pendekatan kemasyarakatan yang bertujuan untuk mendapatkan kebaikan dan keadilan yang selari dengan kehendak Islam.

4.3.2.2 Menerima Takdir Allah SWT

Maksudnya, setiap manusia haruslah menerima takdir daripada Allah SWT. Sekiranya takdir itu buruk, anggaplah itu adalah ujian daripada Allah SWT kepada hamba-Nya untuk menguji kemampuan dan kesabaran (Huzili Hussin, 2022). Manakala menurut Latifah Arifin (2018) ada menyatakan bahawa bersangka baik, reda terima takdir adalah ujian buatannya untuk melihat sejauhmana keyakinan dan keimanannya. Dalam pada itu, menurut Mohammad Hasnol Abu Bakar (2018) ada menyatakan kita perlulah beriman dengan ketentuan takdir Allah SWT. Setiap daripada kita selain mempunyai takdir yang cenderung kepada perkara yang baik-baik kita juga diuji dengan qadar yang buruk. Hal ini dikatakan demikian kerana, kesabaran dan ujian setiap manusia adalah berbeza dan tidak sama sekali. Besarnya ujian seseorang itu dan sabarnya menerima takdir ketentuan Allah maka tinggilah darjatnya disisi Allah SWT.

Sehubungan dengan itu, setiap kehidupan yang berlaku sememangnya ada pro dan kontra. Namun demikian, yang paling utama kita janganlah menilai baik buruk manusia dengan mata kasar dan luaran sahaja serta menggunakan teori semata-mata sahaja. Hal ini kerana, kita sebagai manusia hanya mampu merancang tetapi Tuhan yang menentukan segalanya. Walau bagaimanapun, kita sebagai manusia haruslah menerima ketentuan Allah SWT sebagai takdir setelah berusaha dengan bersungguh-sungguh. Oleh itu, hal ini dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Utusan Memori* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 28

“Ya Tuhan... Aku terima takdir-Mu. Mungkin dengan kematian Azhar memberi rahmat di sebaliknya. Supaya Azhar tidak terus dibelenggu oleh dosa-dosa orang lain sebelum ini. Sehingga akan menjadi seperti Mayang. Itulah rahmatNya.” Mak Lijah cuba memujuk hati kecilnya.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 141)

Berdasarkan petikan di atas merupakan petikan cerpen *Utusan Memori*. Hal ini dapat digambarkan melalui watak Mak Lijah yang menerima takdir Allah SWT iaitu menerima kematian Azhar dengan redha dan mengharapkan rahmat daripada Allah SWT. Hal ini merupakan qada dan qadar yang sudah tertulis oleh Allah SWT kepada setiap umatnya. Manakala ajal, maut itu semua rahsia Allah, dan kita sebagai manusia haruslah menerima ketentuan Allah SWT. Oleh itu, menerusi cerpen di atas jelaslah bahawa Mak Lijah redha menerima kematian cucunya, Azhar secara tiba-tiba disebabkan kelalaian Mayang dalam menguruskan keperluan anaknya.

Menyedari hakikat di atas jelaslah bahawa menerima takdir Allah SWT dapat dilihat menerusi pendekatan kemasyarakatan yang mengamalkan falsafah amar makruf nahi mungkar iaitu mengajak manusia untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan segala larangan-Nya (Hashim Awang, 2022). Misalnya, menerima takdir kematian yang telah tersurat dengan kerelaan hati. Oleh itu, berdasarkan petikan tersebut ada

menyatakan mengenai pendekatan kemasyarakatan yang bertujuan untuk memperkuatkan keimanan masyarakat yang lemah. Dalam pada itu, kita mestilah menerima takdir Allah SWT dengan redha kerana ia dapat memberi ketenangan kepada si mati. Justeru itu, qada dan qadar adalah merupakan rukun iman yang wajib diikuti oleh setiap masyarakat yang menganut agama Islam.

4.3.2.3 Menzahirkan Keinsafan

Maksud menzahirkan keinsafan ialah menyedari keadaan sebenar sehingga menerbitkan perasaan keinsafan dalam diri (Abdul Rahman A Samad, 2019). Dalam pada itu, menurut Nur Mohammad Hadi Zahalan (2020), ada menyatakan bahawa insaf membawa kepada keimanan dengan melakukan ibadah. Seterusnya, menurut Wan Ibrisam Fikry Wan Ismail (2013) ada menyatakan bahawa keinsafan merupakan kesedaran yang hadir secara tiba-tiba sehingga mewujudkan perasaan takut akan dosa-dosa silam serta menginsafi ke atas perbuatan yang pernah dilakukan. Pendek kata, keinsafan merupakan penyesalan terhadap dosa-dosa lampau yang menjadi dorongan untuk berubah dalam mengejarkan rahmat dan berkat Allah SWT. Dalam pada itu keinsafan juga perlu dilakukan dengan melaksanakan solat sunat taubat bagi memohon keampunan kepada Allah SWT di atas dosa-dosa lampau. Hal ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT:

“Wahai orang yang beriman! Bertaubatlah kepada Allah dengan Taubat Nasuha, moga-moga Tuhan kamu akan menghapuskan kesalahan kamu dan memasukkan kamu ke dalam syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai. Pada ketika Allah tidak akan menghinakan nabi dan orang yang beriman bersama-sama, cahaya (iman) mereka memancar di hadapan dan di sebelah kanan mereka sambil mereka berkata (ketika orang munafik meraba-raba dalam gelap-gelita): Wahai Tuhan kami! Sempurnakanlah bagi kami cahaya kami, dan ampunkanlah kami. Sesungguhnya Engkau Maha Berkua atas setiap sesuatu.”

(Surah At-Tahrim: 8)

Berdasarkan pernyataan di atas jelaslah bahawa, Allah SWT merupakan Maha Pengampun. Justeru itu, kita sebagai manusia haruslah sentiasa bertaubat akan dosa-dosa yang telah dilakukan agar dosa tersebut dapat diampunkan. Namun demikian, kita mestilah menyesal dengan perbuatan yang telah dilakukan agar taubat diterima oleh Allah SWT (Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed, 2010). Seterusnya, kita juga harus meninggalkan segala larangan yang diperintahkan oleh Allah SWT. Berikutnya, kita juga hendaklah berazam tidak akan mengulangi perbuatan lampau dan menginsafi serta merta. Di samping itu juga, Allah menerima taubat hambanya bila-bila masa selagi nyawa dikandung badan. Akhir sekali, kita haruslah bersungguh-sungguh dalam memohon keampunan dan keinsafan serta bersangka baik agar Allah SWT menerima taubat kita. Dalam pada itu, menerusi cerpen *Utusan Memori* memaparkan mengenai menzahir keinsafan berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 29

“Mengandung?” bentak Mayang. Mak Lijah tersentak. Terguriskah Mayang? Ya Allah... Mak Lijah masih mengharapkan agar Mayang insaf biarpun kesalahannya tidak pernah surut. Itulah harapan seorang ibu kepada anak. Tetapi anak?

(Radzemah Bolhassan, 2013: 140-141)

Berdasarkan petikan cerpen *Utusan Memori* di atas jelaslah bahawa terdapat berkenaan menzahirkan keinsafan kepada Allah SWT. Dalam hal ini Mak Lijah berharap agar anaknya, Mayang insaf diatas perbuatannya itu. Selain itu, Mak Lijah berdoa agar suatu hari nanti Allah membuka pintu taubat buat anaknya, untuk berubah ke arah lebih baik dan insaf akan segala dosa yang pernah dilakukan. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa melafazkan keinsafan dapat menerbitkan rasa berdosa dan mendekatkan diri kepada Allah SWT. Oleh itu, umat Islam haruslah bertaubat memohon keampunan daripada Allah SWT setelah melakukan dosa samada dosa besar maupun kecil serta menginsaf atas perbuatan yang telah dilarang dan dilaknat oleh Allah SWT. Justeru itu, taubat adalah merupakan perkara yang disesali dan kembali ke jalan Allah

dengan mentaati-Nya. Dalam pada itu, Allah SWT merupakan Maha Pengampun dan Maha Mengasihani hamba-hambanya. Pendek kata, pintu taubat sentiasa terbuka untuk hamba-hambanya.

Secara ringkasnya, pendekatan kemasyarakatan yang digunakan ini bertujuan untuk menimbulkan keinsafan serta untuk meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menzahirkan cinta, taat, patuh dan ketakwaan manusia kepada-Nya. Selain itu, pendekatan kemasyarakatan ini berfungsi sebagai alat pendedahan tentang segala persoalan yang bertujuan mendapatkan kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat selari dengan kehendak Islam (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, pendekatan kemasyarakatan ini sesuai diaplikasikan bagi menzahirkan keinsafan terhadap dosa-dosa silam kerana ia berfungsi sebagai alat pendedahan yang bertujuan mencari kebaikan dan keadilan sepetimana yang dituntut dalam agama Islam.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

4.3.3 Pendekatan Seni

Menurut Hashim Awang (1997) pendekatan seni bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut dalam agama. Berdasarkan masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan dapat mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT pengkaji akan membincangkan dari sudut pendekatan seni. Antaranya:

4.3.3.1 Sentiasa Bersyukur

Maksud sentiasa bersyukur ialah berasal daripada perkataan syakara bererti pujian atas kebaikan dan Allah adalah zat yang maha mensyukuri bermaksud zat yang memiliki kesempurnaan mutlak dalam membalas amal kebaikan (Zahazan Mohamed (2018). Dalam pada itu, menurut Mohd Shahrizal Nasir (2021) ada menyatakan bahawa kita hendaklah bersyukur tatkala dikurniakan kegembiraan dan bersabar apabila berdepan dengan kesusahan. Selain itu, menurut Hasan Mohd Ali (1996: 120) syukur merupakan suasana suka dan senang kerana sesuatu nikmat yang diperolehi. Di samping itu, menitikberatkan keseronokan indera, tetapi hendaklah mempertingkatkan daya keintelektualan serta sifat kemanusiaan, antaranya ketika hendak menggambarkan watak yang sedang mengalami perkembangan iman dan kesedaran ilmiah, hendaklah diolah dengan cara yang menyakinkan supaya tidak timbul kepura-puraan dan tidak realistik. Menyedari hakikat di atas jelaslah bahawa sentiasa bersyukur merupakan satu kewajipan setiap manusia untuk mengucapkan terima kasih serta menzahirkan kesyukuran kepada Allah SWT di atas nikmat dan kurniaannya.

Disingkapkan disini bahawa setiap orang yang bersyukur Allah akan menambah nikmatnya tidak mengira darjat. Namun demikian, kita sebagai hamba-Nya janganlah sesekali membuat perkara yang diingkari yang boleh mendatangkan kemurkaan

daripada-Nya. Hal ini kerana azab daripada Allah SWT amatlah pedih tidak tertanggung sebagaimana Allah SWT telah berfirman:

“Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu: Sesungguhnya jika kamu bersyukur pasti Aku tambahkan nikmatku kepada kamu, dan sesungguhnya, jika kamu kufur sesungguhnya azabKu amatlah pedih.”

(Surah Ibrahim: 7)

Lanjutan itu, bersyukur dapat dilakukan melalui hati iaitu dengan berzikir dan membaca kitab al-Quran. Seterusnya, kita juga mestilah bersyukur melalui lisan seperti bertahmid iaitu dengan mengucapkan “alhamdulillah”. Akhir sekali, kita juga hendaklah bersyukur melalui amal iaitu dengan bersedekah kepada orang yang memerlukan. Jelaslah bahawa bersyukur dapat dilakukan dengan pelbagai perkara dan ia tidak memfokuskan kepada satu perkara sahaja. Oleh itu, konsep sentiasa bersyukur dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Sejадah Ibadah* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 30

“Haiza sedar oleh kerana kelalaian diri, dia jadi leka, lara selama itu. Syukurlah hidayah Tuhan itu datang kepadanya, itu pun setelah usia sudah begitu lewat senja. Apabila usia memasuki ke angka 40-an, baru hendak sujud di tikar seja dah, baru hendak membaca iqra’, baru hendak kenal tentang fardu ain, fardu kifayah, rukun iman, rukun Islam. Malah yang malangnya ialah baru muh u mengenal apa itu dosa dan pahala”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 115-116)

Berdasarkan petikan cerpen *Sejадah Ibadah* di atas memaparkan mengenai bersyukur. Hal ini dikatakan demikian kerana Haiza menyesal terhadap kelalaianya sebelum ini dalam mentaati perintah Allah SWT. Haiza tetap bersyukur kerana mendapat hidayah daripada Allah SWT walaupun sudah lewat usia. Oleh itu, Haiza bermula dari awal untuk mengenal mengenai Islam secara lebih mendalam di samping melakukan solat sunat taubat bagi memohon keampunan ke atas dosa-dosanya. Jelaslah bahawa berdasarkan petikan di atas mengandungi konsep bersyukur kepada Allah SWT di atas nikmat kurniaan hidayah.

Tegasnya, konsep sentiasa bersyukur ini diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan seni. Pendekatan seni yang dipamerkan di atas mengenai unsur keindahan bahasa yang digunakan bagi menggantikan sudah mencapai usia iaitu “setelah usianya lewat senja”. Hal ini demikian kerana untuk menggambarkan watak yang sedang mengalami perkembangan iman dan kesedaran terhadap Allah SWT. Dalam pada itu, menurut Hashim Awang (1997), pendekatan seni digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya. Oleh itu, jelaslah bahawa pendekatan seni terkandung dalam konsep sentiasa bersyukur ke hadrat Ilahi menerusi cerpen *Sejadah Ibadah*. Dalam pada itu, bersyukur merupakan menzahirkan ucapan terima kasih kepada Allah SWT di atas kurniaan nikmat dan rezeki-Nya.

4.3.3.2 Sentiasa Beristigfar

Maksud sentiasa beristigfar merujuk kepada perbuatan memohon ampun kepada Allah SWT, ia adalah satu bentuk taubat atau kembalinya seorang hamba kepada Allah (Zul Yunus, 2022). Dalam pada itu, beristighfar dengan seikhlasnya, Allah akan pasti akan ampunkan dosa walaupun sebanyak dan sebesar mana dosa yang dillakukan, janganlah berputus asa untuk memohon ampun (Nurul Fatiha, 2020). Selain itu, menurut Hafizah (2022) ada menyatakan bahawa istighfar adalah memohon keampunan dan penghapusan dosa serta berlindungan daripada kejahanan. Jelaslah bahawa beristighfar merupakan satu ibadah yang memohon keampunan dan keredhaan Allah SWT.

Firman Allah SWT:

“Sehingga aku berkata (kepada mereka) ‘Mohonlah keampunan kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia Maha Pengampun. (Jika kamu melakukan demikian), Dia akan menurunkan hujan lebat yang mencurah-curah kepada kamu. Dia akan memperbanyakkan harta-benda serta anak-anak kamu, dan Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebun serta mengadakan sungai-sungai bagi kamu.’”

(Surah Nooh: 10-13)

Berdasarkan pernyataan di atas ada memaparkan mengenai beristighfar kepada Allah SWT dan ia merupakan simbolik kepada memohon keampunan kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, beristigfar Allah akan mengampun dosa-dosa hamba-Nya serta melimpahkan rezeki hamba-Nya. Namun demikian, kita sebagai umat-Nya janganlah mendustakan nikmat-Nya yang telah diberikan. Walau bagaimanapun, beristigfar semata-mata juga tidak cukup untuk mendapat kerahmatan Allah SWT, jika tidak menunaikan perkara wajib dengan sempurna. Secara ringkasnya, sentiasa beristigfar kehadrat Ilahi dapat menyelesaikan masalah. Oleh itu, kita sebagai umat Islam hendaklah sentiasa beristighfar kepada Allah SWT. Sebagai tamsilnya, ia dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Sejadah Ibadah* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 31

“Astaghfirullahalazim...” mainan bibirnya kini. Menggantikan laungan dan lolongan suara kurang merdu di beberapa pusat hiburan.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 116)

Berdasarkan petikan cerpen *Sejadah Ibadah* di atas, ada memaparkan mengenai beristighfar. Hal ini dikatakan demikian kerana Haiza mengantikan suara alunan muzik yang bermain dimindanya dengan mengalunkan istighfar kepada Allah SWT bagi mengampunkan dosa-dosanya. Hal ini disebabkan kerana kelalaianya dalam beribadat kepada Allah SWT semasa usianya masih muda. Oleh itu, setalah Haiza mendapat hidayah daripada Allah SWT, Haiza telah berubah sepenuhnya dengan meninggalkan kerjaya yang dicintainya pada dahulu kala dan kini mengfokuskan kepada pendidikan ilmu akhirat. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa terdapat konsep sentiasa beristighfar kepada Allah SWT dalam memohon keampunan.

Ekoran daripada itu, menerusi konsep sentiasa beristighfar diaplikasikan menerusi pendekatan seni. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan seni memfokuskan unsur-unsur keindahan dalam sastera berlandaskan al-quran dan hadis.

Keindahan tersebut terbatas kepada nilai-nilai etika Islam, iaitu keindahan yang tidak bertentangan dengan akidah dan ajaran Islam (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, pendekatan seni yang dipertonjolkan menerusi petikan cerpen di atas ialah “astagfirullahhalazim...” mainan bibirnya kini”. Hal ini memaparkan keindahan dari segi gaya bahasanya yang digunakan untuk menyatakan zikir-zikir Allah. Hal ini kerana ia dikaitkan dengan alam pencipta (Hashim Awang, 1997). Justeru itu, jelaslah bahawa beristigfar kepada Allah SWT dapat mengampunkan dosa di samping dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Pendek kata, beristighfar merupakan satu ibadat dan amalan yang dilakukan oleh orang muslim untuk menambahkan pahala daripada bercakap kosong. Manakala, daripada pandangan sudut agama Islam ia dapat menggugurkan dosa-dosa.

4.3.3.3 Menzahirkan Keinsafan

Maksud menzahirkan keinsafahan ialah mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan berjanji untuk tidak mengulangi lagi (Niezam Zaidi, 2022). Manakala menurut Nur Mohammad Hadi Zahalan (2020) ada menyatakan bahawa insaf dapat meningkatkan keimanan dengan melakukan ibadah. Selain itu, menurut Norsiah (2017) ada menyatakan bahawa untuk menuju ke jalan Allah SWT mempunyai pelbagai liku dan hendaklah dilakukan dengan penuh kesabaran dan keinsafan. Hal ini dikatakan demikian kerana iman seseorang mempunyai pasang dan surutnya. Oleh itu, jelaslah bahawa untuk menzahirkan keinsafan memerlukan satu perjuangan yang hebat dengan sentiasa memohon keampunan dengan melakukan solat sunat taubat. Walau bagaimanapun, setiap umat Islam haruslah bertaubat memohon keampunan daripada Allah SWT setelah membuat dosa tidak kira dosa besar maupun kecil serta menginsafi atas perbuatan yang telah dilarang dan dilaknat oleh Allah SWT. Dalam pada itu, taubat adalah merupakan perkara yang disesali dan kembali ke jalan Allah dengan mentaati-Nya kerana Allah Maha Pengampun dan Maha Mengasihani hamba-hamba-Nya.

Berdasarkan petikan di bawah ada menyatakan mengenai keinsafan seorang hamba. Sehubungan dengan itu, kita haruslah bersungguh-sungguh dalam memohon keampunan dan keinsafan serta bersangka baik agar Allah SWT menerima taubat kita. Justeru itu, konsep melafazkan keinsafan dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Sejадah Ibadah* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 32

“Air mata keinsafan terus menahan jiwanya. Mana tidak, baru sebaris ilmu agama diperdengarkan sudah selautan dosanya itu menghimpit corong rasa tetapi dia harus kuat semangat. Oleh sebab itu, Haiza cuba sebaik mungkin untuk menerima kenyataan setiap hari.”

(Radzemah Bolhassan, 2013: 116)

Berdasarkan petikan cerpen *Sejادah Ibadah* di atas mengambarkan keinsafan yang diharungi oleh Haiza. Hal ini dikatakan demikian kerana wujudnya perasaan insaf dalam jiwa apabila mendengar mengenai ilmu agama yang disampaikan sehingga menimbulkan perasaan berdosa. Perkara ini merupakan sesuatu perkara yang baik dalam sesi agama Islam kerana terkenang akan dosa-dosa lampau dan hadir rasa keinsafan dalam jiwa. Menurut pandangan Islam, apabila kita bertaubat dan insaf akan perbuatan dosa-dosa lalu maka Allah akan mengampunkan umatnya (Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed, 2010). Oleh itu, berdasarkan petikan cerpen di atas Haiza hendaklah sentiasa melakukan solat sunat taubat dan memohon keampunan daripada Allah SWT di atas dosa-dosa silamnya.

Justeru itu, berdasarkan cerpen di atas ada menyatakan tentang pendekatan seni iaitu “selautan dosa”. Hal ini dapat dilihat mengenai unsur keindahan gaya bahasa yang dipamerkan bagi menyatakan dosa yang dilakukannya tidak dapat dihitung. Dalam pada itu, menurut Hashim Awang (1997), ada menyatakan bahawa keindahan yang dimaksudkan itu perlu berteraskan keimanan, ketakwaan, dan kecintaan kepada Allah SWT. Oleh itu, pemikiran mesej yang dibawa pada pendekatan seni sangat menarik

untuk dihayati. Berdasarkan cerpen *Sejadah Ibadah* telah memaparkan masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan dapat mewujudkan rasa kecintaan kepada kepada Allah SWT. Jelaslah bahawa masalah sosial tersebut telah membuka pintu hidayah buatnya untuk bertaubat ke jalan Allah SWT.

4.3.3.4 Mensyukuri Hidayah Allah

Maksud mensyukuri hidayah Allah SWT adalah merupakan petunjuk daripada Allah SWT kepada umatnya untuk bertaubat akan dosa-dosa lampau serta mengejar amal ibadah dan meninggalkan larangan-Nya (Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed, 2010). Dalam pada itu, menurut Wan Farhan (2011) ada menyatakan bahawa hidayah ialah orang yang mendapat petunjuk daripada Allah SWT, daripada seorang yang kufur menjadi seorang yang beriman dan taat pada perintah Allah SWT. Selain itu, menurut pandangan Tajorudin Abdul Rahman (2013) ada menyatakan bahawa hidayah merupakan petunjuk Allah ke jalan kebenaran kepada orang yang dikehendaki-Nya. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa hidayah ataupun petunjuk daripada Allah SWT tidak semua yang mendapatinya. Hal ini hanya orang-orang yang tertentu dipilih oleh Allah SWT. Di samping itu, hidayah Allah telah membuka ruang dan peluang dalam menikmati dan mengkепapi kemanisan dalam beribadat. Hal ini dapat dilihat menerusi firman Allah SWT di bawah.

Allah SWT berfirman:

“Sesiapa yang mendapat hidayah, maka sesungguhnya faedah petunjuk yang didapatinya itu hanya terpulang kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang sesat maka sesungguhnya kesan buruk kesesatannya hanya ditanggung oleh dirinya juga. Dan seseorang yang berdosa, tidak akan memikul dosa perbuatan orang lain. Dan tidaklah Kami mengazab sesiapapun sebelum Kami mengutuskan seorang rasul (untuk menerangkan yang benar dan yang salah).”

(Surah Al-Israa: 15)

Berdasarkan kenyataan di atas jelaslah bahawa hidayah merupakan milik Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang terpilih. Hal ini dapat dilihat menerusi surah Al-Israa ayat 15. Menerusi surah ini juga ada memaparkan mengenai azab Allah serta mengenai dosa dan pahala. Dalam konteks ini juga memaparkan bahawa hidayah yang dikurniakan oleh Allah hendaklah digunakan sebaik yang mungkin agar ia tidak terpesong sehingga menyebabkan dicampak ke lembah dosa. Seterusnya, berdasarkan firman Allah SWT juga menyatakan bahawa hidayah Allah merupakan satu petunjuk buat hambanya menuju jalan yang lurus. Oleh itu, jelaslah bahawa hidayah Allah dianugerahkan kepada orang-orang yang terpilih serta dilapangkan dadanya untuk melaksanakan segala tuntutan agama Islam. Rentetan itu, mensyukuri nikmat hidayah Allah merupakan satu kejayaan yang besar kepada manusia. Justeru itu, mensyukuri hidayah Allah dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Sejadah Ibadah* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 32

“Memang semuanya tidak akan kembali seperti masa dirinya dilahirkan; putih, bersih. Namun, hidayah yang hadir ini tidak ternilai sehingga Haiza nekad untuk mencari kembali kain putihnya yang sudah bertukar hitam. Mampukah dia dengan hanya berbekalkan dosa-dosa lampau untuk mencari pahala-pahala yang entah dari mana harus dikutipkan itu?”

(Radzemah Bolhassan, 2013: 117-118)

Menerusi petikan cerpen *Sejadah Ibadah* di atas telah membuktikan bahawa hidayah Allah itu, hanya terpilih kepada insan yang tertentu. Misalnya, dapat dilihat dari segi perwatakan Haiza setelah mendapat hidayah daripada Allah SWT. Hal ini telah membuktikan Haiza telah meninggalkan kerjaya yang diminati pada suatu ketika dahulu demi mencari keredhaan Allah SWT. Sehubungan dengan itu, hidayah Allah SWT hadir tidak mengira darjah serta tidak mengira cara bagaimana sekalipun. Keadaan ini tentunya satu penghabaran yang baik kepada Haiza untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Dalam pada itu, Haiza bersungguh-sungguh untuk berubah dan

memanfaatkan hidayah Allah SWT yang telah dikurniakan kepadanya. Maksudnya disini telah membuktikan bahawa seorang yang kufur menjadi seorang yang beriman dan taat pada perintah Allah SWT setelah dikurniakan hidayah. Malah ia lebih baik daripada orang yang mentaati perintah Allah SWT kerana dalam dirinya telah ada satu penyesalan yang sebenar yang membawa keinsafan terhadap dosa-dosa lampauanya.

Lanjutan itu, terdapat pendekatan seni yang digunakan bagi petikan cerpen tersebut iaitu "Haiza nekad untuk mencari kembali kain putihnya yang sudah bertukar hitam". Hal ini demikian kerana hidayah Allah SWT telah mengembalikan cahaya keimanan dalam dirinya untuk berubah ke jalan yang benar. Dalam pada itu, dapat dilihat penggunaan unsur keindahan bahasa dalam petikan tersebut. Oleh hal yang demikian menurut Hashim Awang (1997), ada menyatakan bahawa pendekatan seni memfokuskan kepada unsur-unsur keindahan dalam sastera yang berlandaskan al-Quran dan hadis. Keindahan tersebut terbatas kepada nilai-nilai etika Islam, iaitu keindahan yang tidak bertentangan dengan akidah dan ajaran Islam. Secara ringkasnya, jelaslah bahawa masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan dapat mewujud rasa kecintaan kepada Allah SWT serta dapat mensyukuri menikmati hidayah kurniaan Allah SWT.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

4.4 Mengetengahkan Kaedah Dalam Mempertingkatkan Nilai Ketakwaan Kepada Allah SWT Melalui Cerpen *Antologi Sejадah Ibadah* Karya Radzemah Bolhassan

4.4.1 Pendekatan Dakwah

Menurut Hashim Awang (2002) pendekatan dakwah bertujuan untuk menambahkan rasa kecintaan, ketakwaan, dan keesaan yang lebih besar dan suci kepada Allah SWT. Di samping, sastera dilihat sebagai wadah pengembangan Islam, keunggulan, dan keagungan Allah SWT. Berdasarkan pendekatan dakwah terdapat beberapa cara untuk mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT melalui cerpen *Antologi Sejادah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Antaranya:

4.4.1.1 Nilai Taubat

Maksud nilai taubat merujuk kepada berhentinya daripada melakukan maksiat dan menyesal atas kesilapan yang telah dilakukan dan berazam untuk tidak mengulangi lagi serta terus mendekatkan diri kepada Allah SWT (Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed, 2010). Dalam konteks ini juga, bertepatan dengan pandangan Hasan Jali (2020) ada menyatakan bahawa taubat merupakan penyesalan terhadap dosa lampau dan berjanji tidak akan mengulangi lagi serta kembali taat kepada Allah. Selain itu, menurut Al-Ghazali (2015) ada menyatakan bahawa taubat itu kembali mengikuti jalan yang benar dari jalan sesat yang telah ditempuhnya. Dalam pada itu, menurut Wan Roslili Abd Majid (2003) ada menyatakan bahawa taubat perlu dilakukan dengan ikhlas serta bersungguh-sungguh agar dosa-dosa lampau diampuni oleh Allah SWT. Tegasnya, nilai taubat merupakan salah satu cara yang diketengahkan oleh pengkaji untuk meningkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dengan berazam agar tidak mengulangi lagi akan dosa-dosa tersebut dan bertaubat kepada Allah. Hal ini dikatakan

demikian kerana Allah SWT maha pengampun dan maha pemurah dengan membuka pintu taubat untuk hamba-hamba-Nya beribadat kepada-Nya dengan syarat menyesali akan dosa-dosa lampau. Oleh itu, Allah sememangnya mengasihi dan mencintai hamba-Nya yang sentiasa bertaubat dan berusaha menjauhi dosa dan maksiat serta meninggalkannya untuk menjadi seorang hamba yang lebih baik daripada sebelumnya.

Sehubungan dengan itu, nilai taubat dapat dilihat menerusi dalil tentang pensyariatan taubat. Maksudnya di sini terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis Nabi SAW yang menjadi dalil tentang pensyariatan taubat, antaranya firman Allah SWT dalam Surah al-Nur ayat 31:

وَتُوْبُوا إِلَى اللَّهِ جَمِيعًا أَيُّهُ الْمُؤْمِنُونَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ

Maksudnya: “Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah wahai orang-orang yang beriman supaya kamu beruntung.”

(Surah al-Nur: 31)

Berdasarkan petikan di atas ada menyatakan mengenai nilai taubat kepada Allah SWT. Menurut Al-Nawawi (2016) ada menyatakan bahawa taubat dari semua dosa adalah wajib. Sehubungan dengan itu, ia perlu dilakukan dengan segera sama ada dosa besar atau dosa kecil. Oleh itu, tindakan yang diketengahkan di atas dapat mewujudkan perasaan takut terhadap azab Allah dan berazam untuk tidak mengulangi lagi. Malah, memperbanyakkan amal ibadat untuk bekalan akhirat. Dalam pada itu, nilai taubat kepada Allah dapat dilihat melalui petikan cerpen *Bening Cahaya Maulid* di bawah:

Petikan 33

“Yang penting sebenarnya ialah abang adalah imam, Su dan anak kita ini adalah makmumnya,” ujar Suria seraya memegang tangan Hamdan. Ketika itu barulah Hamdan sedar bahawa sebenarnya dia sudah agak jauh meninggalkan yang wajib.

“Maafkan abang, Su.”

“Bertaubatlah kepada Allah.”

(Radzemah Bolhassan, 2013: 23)

Berdasarkan petikan cerpen *Bening Cahaya Maulid* di atas ada memaparkan mengenai perihal taubat. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Hamdan yang menyesal terhadap dosa-dosanya yang meninggalkan perkara wajib. Menyedari hakikat di atas isterinya, Suria telah menasihati suaminya agar bertaubat dan kembali kepada jalan Allah SWT dengan melakukan solat sunat taubat. Hal ini bertepatan dengan pandangan Abu Jaib (2015) ada menyatakan taubat bermaksud penyesalan dan pencabutan dosa maksiat yang dilakukan berserta berazam untuk tidak mengulangi semula. Oleh itu, jelaslah bahawa Allah SWT membuka pintu taubat buat hambanya mengikut landasan agama yang benar.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa nilai taubat merupakan salah satu cara untuk mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Hal ini dapat digambarkan menerusi pendekatan dakwah berdasarkan petikan cerpen *Bening Cahaya Maulid*. Disingkapkan di sini bahawa pendekatan dakwah bertujuan untuk menyampaikan sifat-sifat kesucian agama Islam demi mencambahkan perasaan cinta terhadap Ilahi (Hashim Awang, 2002). Hal ini dikatakan demikian kerana ia menambahkan rasa kecintaan, ketakwaan dan keesaan yang lebih besar dan suci kepada Allah SWT. Pendek kata, teori Pengkaedahan Melayu yang diaplikasikan ini dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dengan melaksanakan solat sunat taubat. Begitu juga dengan bertaubat kepada Allah SWT, kerana ia dapat menyucikan jiwa daripada dibelenggu dengan dosa-dosa silam. Oleh itu, dalam agama Islam mengalakkan umatnya melakukan solat sunat taubat. Hal ini demikian kerana Allah SWT lebih suka kepada umat-Nya yang beribadat kepada jalan yang diredhai-Nya.

Ekoran daripada itu, nilai taubat dapat dilihat menerusi cerpen *Sejadah Ibadah*. Disingkapkan di sini bahawa taubat adalah kembali kepada ketaatan dari semua bentuk kemiskinan mahupun kembali dari nafsu kepada yang hak lagi benar (Anwar Fuad Abi Khazam, 2015). Dalam pada itu, terdapat syarat taubat yang perlu dipatuhi, antaranya berjanji tidak akan mengulangi lagi dan sentiasa dalam keadaan ikhlas dan bersih kerana ia berkemungkinan untuk kembali kepada masa lampau itu tinggi. Sehubungan dengan itu, terdapat ciri-ciri orang yang bertaubat iaitu insaf atas kesalahan yang telah dilakukan, memohon keampunan daripada Allah SWT, mendekatkan diri kepada Allah SWT, melakukan segala perintah yang disuruh Allah dan meninggalkan segala yang dilarang, dan berhati-hati dalam menjalani hidup sesuai dengan syariat. Menyedari hakikat di atas, jelaslah bahawa dengan bertaubat dapat membeli ketenangan jiwa serta dapat meningkatkan iman dan taqwa kepada Allah SWT. Dalam pada itu, Hadis Nabi SAW menyatakan:

“Penyesalan itu adalah taubat.”

(Hadis Riwayat Ibnu Majah dan Ibnu Hibban)

Berdasarkan pernyataan petikan hadis di atas jelaslah bahawa penyesalan itu adalah taubat. Hal ini dikatakan demikian kerana ia merupakan kunci kepada pintu taubat agar manusia menyedari akan kesalahan yang pernah dilakukan dengan melakukan solat sunat taubat. Oleh itu, umat Islam hendaklah sentiasa bertaubat kepada Allah SWT agar di angkat keampunan terhadap dosa-dosa lampau. Di samping itu, nilai taubat dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Sejadah Ibadah* di bawah:

Petikan 34

“Haiza, Haiza, apa nak jadi dengan kau ni. Kata dah taubat, tapi nampaknya masih separuh jalan,” Haiza berbisik kepada dirinya. Dalam pada yang sama, Haiza sebenarnya cuba memberi motivasi kepada diri.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 115)

Menerusi petikan cerpen *Sejadah Ibadah* di atas memaparkan mengenai tingkah laku Haiza yang cuba memberi motivasi kepada dirinya. Disingkapkan disini bahawa Haiza cuba untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan melakukan solat sunat taubat. Dalam hal ini taubat merupakan penyesalan terhadap dosa-dosa lampau. Hal ini bertepatan dengan pandangan Anhar Opir (2021), ada menyatakan bahawa terdapat tiga syarat yang menyebabkan taubat diterima iaitu meninggalkan maksiat, menyesali perbuatan maksiat dilakukan dan berazam dengan sesungguhnya bahawa tidak akan mengulangi perbuatan itu selama-lamanya. Oleh itu, berdasarkan petikan cerpen di atas ada memaparkan mengenai nilai taubat iaitu penyesalan terhadap dosa-dosa lampau dan berjanji untuk tidak mengulanginya lagi.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa terdapat nilai taubat yang cuba diketengahkan oleh pengkaji bagi meningkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Menerusi nilai taubat ini diaplikasikan dengan pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan dakwah bertujuan untuk mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT serta memerihalkan tentang sifat-sifat kemuliaan, keesaan, kekuasaan, kehebatan, keagungan dan ketinggian Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Oleh itu, jelaslah bahawa menerusi nilai taubat ini dapat meningkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dalam pada itu, memohon keampunan daripada Allah SWT dengan memperbanyak melakukan solat sunat taubat agar dosa-dosa terdahulu diampunkan oleh Allah SWT. Hal ini dikatakan demikian kerana Allah SWT maha pengampun lagi maha penyayang terhadap hamba-hamba-Nya dengan membuka pintu keampunan kepada hamba-hamba-Nya yang menyesal terhadap dosa yang pernah dilakukannya.

4.4.1.2 Nilai Bersyukur Kepada llahi

Maksud nilai bersyukur kepada llahi ialah menzahirkan rasa penghargaan atas sesuatu nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT (Johari Yap, 2020). Manakala, menurut Mohd Shahrizal Nasir (2019) ada menyatakan bahawa apabila bersyukur dalam hidup mendapat rasa kecukupan nikmat kurniaan Allah SWT akan menjadikan hati sentiasa tenang. Tambahan pula, bersyukur juga di definisikan sebagai menerima sesuatu pemberian, sumbangan dan khidmat bakti dengan rasa senang hati (Imam Ghazali, 1990: 731). Dalam pada itu, menurut Muhammad Naufal Durokhman (2018) menyatakan bahawa nilai bersyukur hendaklah diterapkan dalam kehidupan seharian dengan melafazkan ucapan “alhamdulillah” pada setiap kali mendapat nikmat yang kita sendiri tidak terjangka kerana nikmat yang kita ada itu semuanya datang daripada Allah SWT. Berdasarkan pernyataan di atas jelaslah bahawa bersyukur merupakan suatu nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya. Hal ini demikian kerana bersyukur merupakan sifat seorang hamba yang tunduk dan taat kepada Tuhan-Nya.

Sehubungan dengan itu, nilai bersyukur dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Mengkal*. Hal ini dikatakan demikian kerana bersyukur merupakan salah satu kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Oleh itu, umat Islam hendaklah sentiasa bersyukur di atas nikmat rezeki yang dikurniakan oleh Allah SWT. Dalam konteks ini juga bersyukur dapat dilakukan dengan melalui hati, lisan dan juga perbuatan. Di samping itu, bersyukur merupakan suatu penghargaan dan pujian kepada Allah SWT setelah mendapat nikmat daripada-Nya. Pendek kata, nilai bersyukur haruslah diterapkan dalam kehidupan seharian agar kita sentiasa mensyukuri nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT. Berdasarkan petikan di bawah ada memaparkan mengenai nilai bersyukur kepada llahi. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah:

Petikan 35

“Jemali dan Hasmah menadah tangan tanda kesyukuran kepada llahi, semoga anaknya yang hampir telajak itu hidup bahagia. Lain pula ceritanya dengan adik-beradik Rasidin yang tujuh orang itu. Mereka tidak kering gusi apabila memikirkan yang Rasidin akan berkahwin. Hanya mereka yang tahu perangai Rasidin yang seakan-akan sompong itu. Segala tidak-tanduknya lebih banyak menyakitkan hati dan mata”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 91)

Berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa nilai bersyukur terkandung pada cerpen *Mengkal*. Hal ini dapat dilihat menerusi pasangan suami isteri yang dikurniakan anak kelainan upaya. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka bersyukur ke hadrat llahi di atas perkahwinan anaknya. Dalam konteks ini, anak mereka merupakan golongan yang tergolong daripada golongan kelainan upaya menyebabkan setiap pergerakkan anaknya perlu diawasi kerana perwatakan yang dipertonjolkan oleh Rasidin tidak seiring dengan umurnya. Oleh itu, mereka bersyukur ke hadrat llahi kerana anaknya selamat berkahwin dengan pilihan hati. Berdasarkan petikan di atas ada mengambarkan mengenai bersyukur kepada llahi setelah mendapat nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT. Di samping itu, nilai bersyukur dapat menjadikan benteng kepada sifat-sifat mazmumah yang lain seperti hasad dengki, mengadu domba, fitnah-memfitnah serta riak dan tabkbur.

Jika diteliti dengan lebih mendalam bersyukur kepada Allah SWT dapat dilihat menerusi pendekatan dakwah kerana ia dapat meningkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Hal ini demikian kerana bersyukur merupakan menzahirkan rasa nikmat di atas rezeki kurniaan Allah SWT. Oleh itu, jelaslah bahawa bersyukur kehadrat llahi dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dan mendorong orang sekelilingnya untuk berbuat baik sesama insan. Berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa bersyukur kepada llahi merupakan pendekatan dakwah. Hal ini demikian kerana ia dapat mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan menzahirkan kesyukuran tersebut.

Selain itu, nilai bersyukur dapat dilihat menerusi cerpen *Fajar Yang Suram*. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Dalam pada itu, sifat bersyukur adalah perasaan berterima kasih kepada Tuhan atas segala nikmat kurniaan yang diberikan. Nilai bersyukur sangat penting dan ia perlu sentiasa ada dalam diri masing-masing. Sehubungan dengan itu, sifat bersyukur bukan sahaja dilihat sewaktu mendapat sesuatu yang dihajati tetapi juga apabila terselamat daripada sesuatu tragedi menurut Hasan Mohd Ali (1996: 120). Hal ini dapat dilihat menerusi Firman Allah SWT:

Maksud: “Oleh itu, ingatlah kamu kepada-Ku supaya Aku membalsas kamu dengan kebaikan dan bersyukurlah kamu kepada-Ku dan jangan kufur”.

(Surah al-Baqarah: 52)

Menerusi firman Allah SWT di atas jelaslah bahawa nilai bersyukur merupakan suatu kewajipan yang perlu dilakukan. Hal ini dikatakan demikian kerana bersyukur adalah menzahirkan ucapan terima kasih kepada Allah SWT di atas rezeki kurniaannya. Dalam pada itu, dengan bersyukur dapat menghindari daripada melakukan sesuatu perkara yang tidak mendatangkan sebarang faedah dan manfaat yang akan diperolehi. Selain itu, nilai bersyukur dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Fajar Yang Suram* di bawah:

Petikan 36

“Petang itu kau ke tepi bukit. Syukurlah kerana Sunang belum melakukan perbuatan yang membahayakan alam pada saat itu. Namun, dadaku tetap berdebar. Aku pasti Sunang akan melakukan juga nanti”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 56)

Berdasarkan petikan cerpen *Fajar Yang Suram* di atas ada memaparkan mengenai nilai bersyukur ke hadrat Ilahi. Hal ini dikatakan demikian kerana ia melafazkan kesyukuran kehadrat Ilahi di atas perbuatan Sunan yang tidak berjaya melakukan perbuatan yang membahayakan nyawa masyarakat. Hal ini disebabkan

kerana daerah mereka yang didiami mempunyai masalah jerebu yang teruk sehingga mereka terpaksa berada di kawasan rumah masing-masing. Dalam pada itu, Sunan berkeras untuk membakar hutan walaupun telah ditegah. Oleh disebabkan Sunan tidak berjaya membakar hutan, lalu ia melafazkan kesyukuran kehadrat Ilahi kerana telah memberi perlindungan kepada mereka daripada wabak yang berbahaya yang menyerang kampung halaman mereka.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa nilai bersyukur diaplikasikan berdasarkan cerpen di atas dengan menggunakan pendekatan dakwah. Menurut Hashim Awang (2002), ada menyatakan bahawa pendekatan dakwah ini bertujuan untuk menimbulkan dan meningkatkan rasa cinta, taat, patuh dan ketakwaan manusia kepada Allah SWT. Dalam konteks ini hikmah bersyukur pula, dikurniakan ganjaran pahala oleh Allah SWT atas kesungguhan menjalankan perintah Allah SWT, hidup dalam keredhaan dan rahmat Allah SWT kerana sentiasa beramal soleh dalam kehidupan, dimurahkan rezeki dan bertambah nikmat kerana sentiasa redha dengan qada dan qadar Allah SWT. Jelaslah bahawa berdasarkan petikan di atas terkandung nilai bersyukur ke hadrat Ilahi dengan penuh nikmat dan lafazkan kesyukuran kehadrat Ilahi.

4.4.1.3 Nilai Bertafakur

Maksud nilai bertafakur adalah bersendirian atau merenung untuk memikirkan sesuatu dengan bersungguh-sungguh (Nazirah Nordin, 2012). Dalam pada itu, hal ini bertepatan dengan pandangan Rahma Indina Harbani (2021) ada menyatakan bahawa bertafakur kepada Allah SWT merupakan renungan dalam mengingati Allah melalui segala ciptaan-Nya. Selain itu, menurut Fakir Abdillah (2010) ada menyatakan bahawa tafakur seumpama ibadah utama yang mengatasi segala ibadah. Misalnya, tafakur sesaat lebih tinggi nilai daripada ibadah setahun, 70 tahun dan seribu tahun. Daripada

penerangan di atas jelaslah bahawa nilai bertafakur sangat bernilai dan menjadi satu renungan akan dosa-dosa silam sehingga menimbulkan rasa keinsafan dalam diri masyarakat.

Sehubungan dengan itu, nilai bertafakur dapat dilihat menerusi cerpen *sejадah Ibadah*. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT. Selain itu, ia juga mewujudkan satu suasana yang dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan selalu beristigfar dan menginsafi akan dosa-dosa lampau yang pernah dilakukan. Dalam erti kata lain, nilai bertafakur merupakan satu ibadah yang dapat mengingati keagungan dan kekuasaan Allah SWT. Justeru itu, dalam mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dapat dilihat menerusi cerpen *Sejадah Ibadah*. Hal ini dapat dilihat berdasarkan petikan di bawah:

Petikan 37

“Buat seketika malam ini, Haiza bermenung panjang memikirkan tentang kiriman sejадah setelah bertafakur lama sementara menunggu detik waktu untuk mengerjakan solat tahajaud. Walaupun masih merangkak-rangkak, tetapi Haiza nekad yang masanya sudah benar-benar cemas”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 121)

Berdasarkan pernyataan di atas membuktikan bahawa cerpen *Sejادah Ibadah* mengandungi nilai bertafakur kepada Allah SWT. Hal ini dapat digambarkan melalui perwatakan Haiza selepas menerima kiriman sejадah. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat membuka pemikiran Haiza untuk berubah ke arah kebaikan yang menuju jalan keredhaan Allah SWT. Disingkapkan disini bahawa Haiza bertafakur kepada Allah SWT demi diampunkan segala dosa-dosa yang pernah dilakukannya. Oleh itu, jelaslah bahawa berdasarkan petikan tersebut membuktikan terdapat nilai tafakur yang dapat mengamit seseorang insan untuk berubah ke arah kebaikan.

Pendek kata, nilai bertafakur kepada Allah SWT dapat dilihat menerusi pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat meningkatkan nilai ketakwaan serta menambahkan rasa kecintaan terhadap Allah SWT. Sehubungan dengan itu, pendekatan dakwah ini bertujuan untuk memerlukukan tentang sifat-sifat kemuliaan, keesaan, kekuasaan, kehebatan, keagungan dan ketinggian Allah SWT sebagai pencipta alam (Hashim Awang, 2002). Jelaslah bahawa bertafakur kepada Allah SWT dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Dalam pada itu, dengan bertafakur kepada Allah SWT dapat mengingati Allah sebagai pencipta langit dan bumi. Hal ini demikian kerana untuk mendekatkan diri kepada Sang Pencipta.

4.4.1.5 Nilai-Nilai Moral Dalam al-Quran

Maksud nilai-nilai moral dalam kitab suci al-Quran ialah dapat menggambarkan bahawa mengenai kalam Allah yang mengandungi mukjizat yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW melalui perantaraan Malaikat Jibril (Wan Rohani, 2012). Menurut, Ahmad Hafiz (2022), ada menyatakan bahawa membaca al-Quran merupakan ibadah yang paling afdal, kerana dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT yang paling agung dan pahalanya cukup besar dan mulia. Dalam pada itu, menurut Mohamed Mat Daud & Mohd Farhan Mohamed (2010), menyatakan bahawa ajaran yang terkandung pada al-Quran sesuai dengan fitrah manusia. Oleh itu, disingkapkan disini bahawa al-Quran merupakan panduan dan dijadikan sebagai sumber rujukan kepada umat Islam.

Justeru itu, berdasarkan petikan cerpen *Utusan Memori* ada menggambarkan mengenai nilai-nilai moral dalam al-Quran yang dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan umat Islam. Hal ini dikatakan demikian kerana al-Quran merupakan kitab suci yang menjadi pedoman umat Islam. Sehubungan dengan itu, dalam mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dapat dilihat menerusi nilai-nilai moral yang terkandung dalam al-Quran. Oleh itu, berdasarkan

petikan cerpen *Utusan Memori* di bawah ada memaparkan mengenai nilai-nilai moral yang terkandung pada al-Quran.

Petikan 38

“Mengaji al-Quran sudah berapa kali khatam. Wirid-wirid pun Mak Lijah memaksa Mayang menghafalkannya. Sembahyang Mak Lijah keraskan agar terlaksana. Adab-adab lain hampir setiap malam Mak Lijah tazkirahkan buat Mayang. Hal ini kerana Mayang sahaja zuriatnya. Anak tunggal hasil perkongsian hidup dengan Daim, suaminya. Orang yang telah menjadikan Mak Lijah seumpama hamba di tanah merdeka”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 136-137)

Berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa nilai-nilai moral terkandung dalam petikan cerpen *Utusan Memori*. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Mak Lijah. Mak Lijah merupakan seorang ibu yang taat kepada perintah Allah SWT dan mengamalkan nilai-nilai moral yang terkandung dalam al-Quran dalam mendidik anaknya, Mayang. Menerusi petikan tersebut, Mak Lijah sangat menitikberatkan mengenai agama dalam kehidupan Mayang. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan cerpen di atas mengenai kegigihan Mak Lijah dalam mendidik anaknya untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT. Misalnya, dengan mengaji al-Quran, berwirid, sembahyang dan juga memberikan tazkirah sebagai bekalan hidup. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas jelaslah bahawa nilai-nilai moral dalam al-Quran dijadikan sebagai panduan dalam kehidupan di samping dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT.

Ekoran daripada itu, dapat dibuktikan bahawa nilai-nilai moral dalam al-Quran diterapkan dalam kehidupan seharian dan ia bertepatan dengan pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Tambahan pula, pendekatan dakwah merupakan wadah dalam mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Pendek kata, pendekatan dakwah ini diaplikasikan bertujuan untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan

kepada Allah SWT serta dapat menimbulkan daya tarikan yang lebih besar dan mendalam terhadap kesucian agama Islam.

Seterusnya, nilai-nilai moral dalam al-Quran merupakan salah satu cara dalam mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Hal ini dikatakan demikian kerana al-Quran merupakan kitab suci bagi umat Islam di samping ia terkandung pelbagai nasihat, teguran, kisah-kisah terdahulu dan sebagainya. Selain itu, nilai-nilai moral dalam al-Quran dapat mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT serta mendapat kemanisan dalam beribadat. Jelaslah bahawa nilai-nilai moral dalam al-Quran memberikan manfaat kepada si pembaca dan pengamalnya.

Di samping itu, terdapat beberapa keitimewaan al-Quran, antaranya bahasa al-Quran sangat indah sehingga tidak boleh ditandingi, sesuai dibaca sepanjang zaman hingga hari kiamat, menjadi penawar pelbagai penyakit oleh Allah SWT dan kandungan al-Quran lengkap mengandungi semua aspek kehidupan. Sehubungan dengan itu, jelaslah bahawa membaca al-Quran mempunyai banyak fadilat kepada umat Islam. Lantaran itu, nilai-nilai moral dalam al-Quran dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Bening Cahaya Maulid* di bawah:

Petikan 39

“Suria duduk bertafakur dia atas sejadah setelah selesai sembahyang maghrib sendirian. Tidak lama kemudian Suria membaca al-Quran, surah *Mariam*. Namun, hatinya tidak begitu tenang kerana menunggu kepulangan Hamdan yang pagi tadi berjanji untuk pulang awal”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 20)

Berdasarkan pernyataan di atas ada memaparkan mengenai surah *Mariam* menerusi cerpen *Bening Cahaya Maulid*. Setiap surah yang terkandung pada al-Quran mempunyai manfaatnya yang tersendiri begitu juga dengan surah *Mariam*. Pada kebiasaannya surah *Mariam* dibaca oleh ibu mengandung bagi tujuan untuk

memudahkan proses bersalin. Sehubungan dengan itu, kitab suci al-Quran hendaklah membacanya secara istiqamah agar kesannya melekat pada hati dan jiwa pembaca. Hal ini dikatakan demikian kerana ia merupakan nilai-nilai moral dalam al-Quran yang dapat dijadikan sebagai ikutan umat Islam.

Pendek kata, nilai-nilai moral dalam al-Quran yang dikenang dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dapat dilihat menerusi pendekatan dakwah. Pendekatan dakwah yang dijalankan bertujuan untuk menambahkan rasa kecintaan kepada Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Dalam pada itu, ayat suci al-Quran dapat diaplikasikan dalam kehidupan kita sehari-hari sebagai nilai-nilai moral dan juga sumber panduan serta rujukan umat Islam. Hal ini kerana al-Quran merupakan kitab suci yang tidak boleh ditandingi maka pendekatan dakwah ini tercapai untuk umat Islam hidai bersama-sama. Di samping menjadi wadah untuk mempertingkatkan takwa serta memaparkan sifat-sifat kesucian dan kemurnian agama Islam.

4.4.1.6 Nilai Mengerjakan Solat

Maksud nilai mengerjakan solat dari segi bahasa ialah doa atau memohon kebijakan dan pujian serta dari segi istilah syarak pula merujuk kepada ibadah yang tersusun dari beberapa perkataan dan perbuatan dimulai dengan takbir dan disudahi dengan salam dengan mengikut syarat-syarat yang tertentu, manakala menurut ulama tasawwuf pula solat bermaksud menghadap jiwa kepada Allah SWT secara mendatangkan rasa takut kepada-Nya dan melahirkan di dalam jiwa rasa keagungan, kemuliaan, kebesaran, kesempurnaan dan kekuatan-Nya (Nura Haiku, 2016). Sebagai lanjutan daripada itu, menurut Iskandar Zulkarnain (2021) ada menyatakan bahawa ibadat yang paling utama bagi setiap Muslim adalah solat kerana ia merupakan tiang agama dan menjadi penghubung antara hamba dengan

Penciptanya. Dalam pada itu, menurut Mohd Rizal Azman Rifin (2019) ada menyatakan bahawa solat adalah ibadat yang menduduki tempat tertinggi. Menyedari hakikat di atas jelaslah bahawa solat wajib dilaksanakan oleh Umat Islam di samping dapat mencegah daripada melakukan kemungkaran.

Sehubungan dengan itu, nilai mengerjakan solat wajib dilaksanakan ke atas umat Islam yang melepassi syarat sah solat iaitu beragama Islam, suci daripada hadas kecil dan hadas besar, suci seluruh anggota badan, pakaian dan tempat, menutup aurat, menghadap kiblat, dan mengetahui tentang masuknya waktu solat sama ada yakni atau jangkaan melalui ijтиhad atau bertaqlid kepada orang yang tahu mengenainya. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas jelaslah bahawa solat merupakan tiang bagi agama Islam kerana setiap waktu yang didirikan solat merupakan tiang agama manakala sebaliknya menyebabkan berlakunya keruntuhan iman terhadap seseorang. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Sejадah Ibadah* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 40

“Di pelukya sebuah entah kiriman siapa itu, lantas mengajak batinya berwuduk dan mengerjakan solat bersandarkan kepada pengalaman itu semasa awal usia remaja. Merangkak-rangkak dia membaca surah *al-Fatiḥah*; hanya surah itu yang dia ingat menjadi wajibnya di dalam solat tetapi itulah kali pertama keikhlasan hadir bersama Ilahi setelah begitu jauh membuang-Nya”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 121-122)

Berdasarkan petikan cerpen *Sejадah Ibadah* di atas berkenaan nilai mengerjakan solat. Hal ini memaparkan mengenai watak Haiza yang mendapat petunjuk dan hidayah Allah untuk kembali kepada jalan yang benar. Justeru itu, Haiza memulakan dengan melakukan solat walaupun bacaannya masih merangkak-rangkak. Dalam konteks ini, ia melakukan solat pada permulaannya dengan membaca surah yang wajib. Misalnya, surah *al-Fatiḥah* adalah wajib dibaca semasa solat, jika meninggalkannya

menyebabkan solat tidak sah. Oleh itu, berdasarkan petikan di atas terdapat nilai mengerjakan solat yang cuba digarapkan oleh pengkaji menerusi kajian ini.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa nilai mengerjakan solat dapat dilihat menerusi pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana pendekatan dakwah diaplikasikan bertujuan untuk menambahkan rasa kecintaan, ketakwaan kepada Allah SWT. Oleh itu, jelaslah bahawa teori yang digagaskan oleh Hashim Awang (2002), dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Hal ini dikatakan demikian kerana solat merupakan tiang agama bagi agama Islam dan disingkapkan disini mengerjakan solat dapat membentuk akhlak mulia dalam diri umat Islam.

Seterusnya, mengerjakan solat tahajud juga dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, solat tahajud merupakan amalan bangun malam untuk beribadat kepada Allah SWT. Menurut Nurul Fatiha Muah (2022), ada menyatakan bahawa tahajud ialah solat sunat yang dikerjakan pada waktu malam selepas waktu Isyak setelah bangun daripada tidur walaupun sebentar sehingga sebelum masuknya waktu subuh. Dalam pada itu, menurut Azlan Shaiful Baharum (2020) ada menyatakan bahawa solat tahajud merupakan solat sunat yang ditunaikan pada malam hari iaitu waktu yang utama seperti malam dan waktu yang sangat mustajab untuk berdoa. Manakala, menurut Abdul Rahman (2018) ada menyatakan bahawa tahajud merupakan berjagalah di waktu malam untuk beribadat kepada Allah SWT. Berdasarkan pernyataan di atas jelaslah bahawa solat sunat tahajud merupakan solat sunat yang dilakukan pada waktu malam dengan tujuan untuk mencari keredhaan Allah SWT.

Sehubungan dengan itu, nilai mengerjakan solat yang diketengahkan dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT ialah mengerjakan solat sunat tahajud. Solat sunat tahajud mempunyai banyak fadilat kepada pengamalnya.

Antaranya doa dimakbulkan oleh Allah SWT, mendapat kemuliaan disisi Allah SWT, memperoleh balasan syurga di akhirat, memberi ketenangan kepada jiwa dan menjadi hamba Allah SWT yang bersyukur. Oleh itu, umat Islam digalakkan untuk melakukan solat sunat tahajud kerana pada waktu ini merupakan waktu yang mustajab untuk berdoa. Justeru itu, nilai mengerjakan solat dapat dilihat menerusi petikan cerpan *Fajar Yang Suram*. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Petikan 41

“Pukul 4:00 pagi, aku sudah bangkit daripada tidur. Solat tahajud aku kerjakan bersama kesuraman api pelita. Selalunya cahaya bulan dan bintang menemani, tetapi pagi ini cahaya asli itu tersekut kerana panasnya tangan manusia sehingga jerebu melanda. Hebatkah manusia”?

(Radzemah Bolhassan, 2013: 52-53)

Berdasarkan pernyataan di atas jelaslah bahawa terdapat nilai mengerjakan solat iaitu mengerjakan solat tahajud. Menerusi pernyataan di atas ia melaksanakan solat sunat tahajud pada pukul 4:00 pagi di mana segelintar umat Islam diulik lena mimpi. Dalam kesuraman pagi, ia tidak lupa mendoakan mengenai kampung halamannya yang ditimpa wabak jerebu sehingga segala aktiviti yang berkaitan luar rumah terpaksa ditunda. Berdasarkan petikan tersebut jelaslah bahawa terkandung mengenai nilai mengerjakan solat. Oleh itu, umat Islam digalakkan melakukan solat sunat bagi menampung kekurangan pada solat waktu.

Rentetan daripada itu, jelaslah bahawa untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dapat dilihat menerusi pendekatan dakwah. Hal ini dikatakan demikian kerana ia berfungsi sebagai alat dalam menyerlahkan kemurniaan dan kemuliaan Islam yang menjadi wadah kepada pengembangan Islam, keunggulan, dan keagungan Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Dalam pada itu, ia dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT yang seiring dengan pengaplikasian pendekatan dakwah. Oleh itu, jelaslah bahawa nilai mengerjakan solat

diaplikasikan menerusi pendekatan dakwah ini dengan tujuan umat Islam dapat menzahirkan dan mengamalkan kesucian dan kemurniaan agama Islam dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

4.4.1.7 Nilai Keampunan

Maksud nilai keampunan ialah memohon keampunan daripada Allah SWT dan ia merupakan ciri-ciri orang yang bertakwa kepada Allah SWT (Iskandar Zulkarnain, 2021). Dalam pada itu, menurut Huzili Hussin (2021) ada menyatakan bahawa kita hendaklah bersungguh-sungguh memohon keampunan kepada Allah SWT, kerana masih belum terlambat untuk memohon keampunan-Nya agar diangkat segala dosa-dosa yang pernah dilakukan dalam sedar dan tidak sedar. Selain itu, menurut Ahmad Syukri Yusoff (2015) ada menyatakan bahawa Allah SWT maha pengampun dengan memberi ampun kepada orang yang bertaubat serta beriman dan beramal soleh. Berdasarkan kenyataan di atas jelaslah bahawa Allah SWT maha pengampun terhadap hamba-hamba-Nya dengan membuka pintu taubat buat hamba-Nya.

Sehubungan dengan itu, nilai keampunan hendaklah dipohon kehadrat Allah SWT agar mengampunkan dosa-dosa yang lampau dengan menyesali akan dosa tersebut. Dalam pada itu, nilai keampunan hendaklah sentiasa dipohon semasa berdoa kerana kita tidak mengetahui akan dosa yang pernah dilakukan secara tidak sengaja. Secara ringkasnya, nilai keampunan merupakan suatu perkara yang patut diamalkan selepas menunaikan solat fardhu atau sunat. Justeru itu, nilai keampunan dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Utusan Memori*. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan di bawah.

Petikan 42

“Perasaan kesal sentiasa bertapak di hati Mayang. Tidak jemu-jemu Mayang sujud ke llahi memohon ampun dan meluahkan segala perasaannya”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 147)

Berdasarkan petikan cerpen *Utusan Memori* di atas memaparkan mengenai nilai keampunan. Hal ini memerihalkan mengenai Mayang yang tidak jemu memohon keampunan daripada Allah SWT terhadap dosa-dosa silamnya. Di samping itu, ia menzahirkan kekesalan terhadap dosa yang pernah dilakukan olehnya. Dalam pada itu, ia meluahkan isi hatinya melalui berdoa kepada Allah SWT agar pintu pengampunan dibuka kepadanya. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas jelaslah bahawa nilai keampunan di pohon oleh Mayang terhadap dosa-dosa silamnya itu, agar diangkat dan diampunkan oleh Allah SWT. Di samping itu, Mayang berazam untuk tidak akan mengulangi dosa yang dilakukan kerana takut akan seksaan Allah SWT.

Lanjutan daripada itu, jelaslah bahawa untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dengan memohon keampunan daripada Allah SWT dapat dilihat menerusi pendekatan dakwah. Pendekatan dakwah ini bertujuan untuk melihat sastera sebagai wadah pengembangan Islam, keunggulan, dan keagungan Allah SWT (Hashim Awang, 2002). Selain itu, pendekatan ini diharapkan dapat menimbulkan dan meningkatkan rasa cinta, taat, patuh dan ketakwaan manusia kepada Allah SWT. Hal ini dikatakan demikian kerana Allah SWT pengampun segala dosa-dosa hamba-Nya yang bertaubat. Selain itu, melakukan dosa merupakan suatu kezaliman kepada diri sendiri. Oleh itu, setiap orang Islam wajib memohon keampunan Allah SWT atas dosa yang dilakukan dan mengakui dosa yang dilakukan merupakan antara sebab mendapat keampunan Allah SWT. Justeru itu, orang yang memperoleh keampunan Allah SWT ialah orang yang beruntung.

4.4.2 Pendekatan Kemasyarakatan

Menurut Hashim Awang (2002) pendekatan kemasyarakatan merupakan wadah untuk mendedahkan menjelaskan mengenai kemungkaran, ketidakadilan, penindasan yang membawa kepada keruntuhan keimanan umat Islam. Berdasarkan pendekatan kemasyarakatan terdapat beberapa cara untuk mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT melalui cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Antaranya:

4.4.2.1 Nilai Keinsafan

Nilai keinsafan merujuk kepada kesedaran terhadap kesalahan yang telah dilakukan (Abdul Rahman A Samad, 2019). Hal ini bertepatan dengan pandangan Amir Hisham Akaludin (2016) bahawa nilai keinsafan dapat memperkuuhkan iman seseorang terhadap Allah SWT berlandaskan pegangan al-Quran dan hadis. Sehubungan dengan itu, Mohd Rizal Azman Rifin (2019) ada menyatakan bahawa setiap dosa yang dilakukan akan dipersoalkan di hadapan Allah pada hari akhirat kelak, bersangkutan hal itu kita sebagai hamba Allah hendaklah sentiasa bertafakur dan mengingati akan dosa yang dilakukan sehingga dapat menimbulkan keinsafan dalam diri mengenai dosa-dosa silam dan bertaubat agar tidak mengulanginya lagi. Rentetan daripada itu, menurut Nur Mohammad Hadi Zahalan (2021) ada menyatakan bahawa keinsafan dapat meningkatkan keimanan dengan melakukan ibadah agar dosa-dosa lampau dapat diampunkan oleh Allah SWT. Daripada penerangan di atas, jelaslah bahawa nilai keinsafan hendaklah wujud dalam diri seseorang hamba kepada Tuhan-Nya agar takut untuk mendekati perkara yang dapat menjerumuskan kearah dosa dan azab Allah SWT. Berdasarkan petikan cerpen *Utusan Memori* di bawah terdapat mengenai nilai keinsafan.

Petikan 43

“Sejak hari itu, Mayang sebatang kara. Mayang ingin insaf, tetapi Mayang ditimpa masalah berat. Perutnya buncit lagi. Dia tidak tahu kemanakah harus dibawa badannya yang kotor itu? Tanpa dorongan orang seperti Mak Lijah, sekali lagi Mayang berfikiran bodoh”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 145)

Menerusi petikan cerpen *Utusan Memori* di atas menggambarkan bahawa terdapat nilai keinsafan terhadap diri Mayang. Hal ini dikatakan demikian kerana Mayang telah insaf di atas ketelanjurannya melakukan dosa sehingga dia hilang tempat untuk bergantung setelah kematian Mak Lijah. Justeru itu, keinsafan membawa maksud kepada kesedaran (Abdul Rahman A Samad, 2019). Ekoran daripada itu, cerpen *Utusan Memori* ini bertujuan untuk meningkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dengan memaparkan kisah Mayang yang melakukan dosa sehingga menerbitkan perasaan ingin insaf. Disebabkan hal ini Mayang mula insaf dan mendekatkan diri kepada Allah SWT untuk mencari keredhaan-Nya.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa nilai keinsafan memberikan kesedaran kepada masyarakat untuk berubah ke arah yang lebih baik. Di samping itu, nilai keinsafan merupakan hidayah Allah untuk hamba-Nya berubah ke jalan yang diredhai-Nya. Hal ini bertepatan dengan pandangan Nur Mohammad Hadi Zahalan (2020) yang menyatakan keinsafan membawa kepada peningkatan iman dengan melakukan ibadah. Dalam pada itu, berkat doa seorang ibu untuk melihat anaknya suatu hari nanti berubah ke jalan yang lebih baik. Menyedari hakikat di atas, Mayang mula berubah dengan mendekatkan diri kepada Allah SWT dengan melaksanakan solat sunat taubat agar Allah mengampunkan segala dosa-dosa yang pernah dilakukannya sebelum ini. Bertitik tolak daripada kenyataan di atas meminta keampunan daripada Allah SWT dapat melapang hati dan merasakan lebih tenang serta yakin dengan kehidupan baru. Hal ini demikian kerana Allah SWT maha mendengar setiap rintihan doa daripada seorang hamba-Nya. Ekoran daripada itu, dapat membersihkan jiwa dan

rohani seorang muslim untuk berubah kearah kebaikan demi mendapat rahmat Allah SWT. Memandangkan keadaan yang sedemikian masyarakat perlulah memantapkan pengukuhan keimanan terhadap Allah SWT dengan mempertingkatkan ibadah dan menzahirkan kesyukuran di atas nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT. Kesemua ini dapat menyumbang kepada kemanisan semasa beribadat.

Pendek kata, nilai keinsafan dapat dilihat menerusi pendekatan kemasyarakatan yang digagaskan oleh Hashim Awang (2002), dengan tujuan untuk mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat dan pengukuhan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT. Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa teori pengkaedahan Melayu berdasarkan pendekatan kemasyarakatan sangat akrab dengan kehidupan masyarakat kerana ia mempersoalkan mengenai masalah yang dihadapi oleh masyarakat dengan tujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan seperti mana yang dituntut oleh agama Islam. Dalam konteks ini, jelaslah bahawa nilai keinsafan dapat mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Hal ini bertepatan dengan pandangan Mohd Faiz Othman (2016), ada menyatakan bahawa setiap manusia tidak terlepas daripada melakukan dosa maka bertaubatlah dan keluar daripada jalan tersebut dan kembali kepada jalan Allah SWT.

4.4.2.2 Nilai Mengabdikan Diri Kepada Allah SWT

Nilai mengabdikan diri kepada Allah SWT merujuk kepada penyerahan diri kepada Allah dan menerima segala ketentuan yang telah ditentukan oleh-Nya (Che Dan, 2010). Tindakan yang diketengahkan di atas bersesuaian dengan pandangan Sayyid Qutb (2021) yang menyatakan bahawa pengabdian diri kepada Allah SWT merupakan akar tunjang kepada sesebuah agama Islam. Dalam pada itu, menurut Mohd Ajib Ismail (2021) ada menyatakan bahawa setiap insan perlu menginsafi tanggungjawab dalam mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan cara memperkuuhkan jati diri daripada

aspek akidah, syariah dan akhlak bagi mendepani badi kehidupan yang semakin mencabar. Selain itu, menurut Nur Iftitah Rozlan (2021), ada menyatakan bahawa sebagai orang Islam, kita perlulah sedar tujuan kita diciptakan adalah untuk mengabdikan diri dan berusaha sedaya upaya bagi merapatkan diri kepada Allah SWT. Menyedari hakikat di atas jelaslah bahawa nilai mengabdikan diri kepada Allah SWT hendaklah dipupuk dalam diri manusia agar ia dapat melahirkan kemanisan dalam beribadat. Berdasarkan surah al-Zariyat ayat 56 ada memaparkan mengenai mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan melakukan ibadat menerusi petikan di bawah:

وَمَا حَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Maksudnya: Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

(Surah al-Zariyat: 56)

Berdasarkan petikan di atas memaparkan mengenai matlamat penciptaan manusia semata-mata untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan mentauhid dan melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangannya. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap perlakuan dan perbuatan manusia akan dihitung pada hari akhirat kelak. Oleh itu, setiap amal ibadat yang dilakukan hendaklah dilakukan dengan penuh keikhlasan dan pengharapan daripada-Nya. Dalam pada itu, mengabdikan diri kepada Tuhan adalah asas beragama. Misalnya, melakukan segala kewajipan beribadah, membuat yang makruf dan meninggalkan yang mungkar hanyalah permulaan kepada perkara lebih luas mengenai pengabdian kepada Tuhan. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa kewujudan manusia dicipta dengan tujuan untuk melakukan ibadah kepada Allah SWT dengan meninggalkan secara larang-Nya dan mengikuti segala perintah yang ditetapkan oleh-Nya. Menyedari hakikat di atas nilai

mengabdikan diri kepada Allah SWT dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Fajar Yang Suram* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 44

“Petang nanti Sunang nak datang lagi, adahal katanya!” Aku hanya tersenyum mendengar penjelasan bapa. Aku dan bapa memang jarang berbual. Bapa lebih banyak menghabiskan masa dengan solat dan mengaji. Bagiku, perwatakan bapa tidak memudaratkan perhubungan kami kerana aku faham hakikat itu. Mungkin bapa cuba mengabdikan diri sepenuhnya kepada Ilahi. Lebih-lebih lagi dalam usianya sekarang. Lagipun bagiku, kemesraan kami tetap wujud setiap kali aku solat dan mengaji. Aku berasaskan kehangatan kasih bapa kerana bapa yang mengajar aku semua perkara itu”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 55)

Menerusi petikan cerpen *Fajar Yang Suram* di atas jelaslah membuktikan bahawa mengabdikan diri kepada Allah SWT dapat meningkatkan keimanan kepada Allah SWT. Hal ini demikian kerana orang beriman merupakan kekasih Allah dan ia dapat mencapai kesejahteraan dalam hidupnya seperti mana yang digambarkan berdasarkan petikan di atas. Sebagai contoh mereka menghabiskan masa dengan mendirikan solat dan membaca al-Quran dengan penuh khusyuk agar amalannya diterima oleh Allah SWT. Sehubungan dengan itu, merujuk kepada perkara di atas umat Islam hendaklah patuh pada ajaran Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya. Hal ini dikatakan demikian kerana untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT di samping dapat menikmati kemanisan beribadat. Dengan erti kata yang lain, menurut Che Dan (2010), ada menyatakan bahawa mengabdikan diri kepada Allah SWT merujuk kepada penyerahan diri kepada Allah dan menerima segala ketentuan yang telah ditentukan oleh-Nya. Justeru itu, mengabdikan diri kepada Allah SWT memaparkan tentang kepatuhan seorang hamba dalam beribadat tanpa mengira waktu dan masa. Hal ini dikatakan demikian kerana demi mengejarkan keredhaan Allah semata-mata.

Seterusnya, cerpen *Utusan Memori* juga memaparkan tentang nilai mengabdikan diri kepada Allah SWT. Justeru itu, menurut Nur Iftitah Rozlan (2021), ada menyatakan bahawa sebagai orang Islam, kita perlulah sedar tujuan kita diciptakan adalah untuk mengabdikan diri dan berusaha sedaya upaya bagi merapatkan diri kepada Allah SWT. Dalam pada itu, berhenti daripada melakukan dosa dan menyesal atas kesilapan yang telah dilakukan dan berazam tidak mengulangi lagi serta terus mendekatkan diri kepada Allah SWT. Sehubungan dengan itu, menurut Yamin Cheng (2015), ada menyatakan bahawa mengabdikan diri kepada tuhan adalah asas beragama kerana melakukan segala kewajipan beribadah, membuat yang makruf dan meninggalkan yang mungkar. Berdasarkan pernyataan di atas jelaslah bahawa mengabdikan diri kepada Allah SWT dapat membuka jalan ketakwaan dan mendapat ketenangan jiwa.

Bertitik tolak daripada itu, pengabdian diri kepada Allah SWT dapat dilakukan dengan pelbagai cara. Antaranya seperti solat, mengeluarkan zakat, berpuasa, mengerjakan haji bagi berkemampuan, melakukan jihad kepada jalan Allah SWT, mengadakan tahlil, berzikir, membaca al-Quran dan lain-lain lagi. Hal ini ia tidak terhad kerana ia merangkumi semua aspek kehidupan dan semua perbuatan dengan niat kerana Allah SWT. Berdasarkan pernyataaan di atas jelaslah bahawa mengabdikan diri kepada Allah SWT terdapat pelbagai cara dengan syarat dilakukan kerana Allah SWT. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Utusan memori* berdasarkan petikan dibawah:

Petikan 45

“Ingin Mayang mengulangi kembali dunia remajanya. Mayang ingin sekali menjadi seperti Nita, seorang wanita yang baik dan sabar. Sehingga dalam diam Mayang mencemburui Nita setelah Nita berkahwin dengan seorang lelaki pilihan keluarga. Sempat juga Mayang mendengar bahawa Nita hidup bahagia bersama keluarga. Namun, itu semua adalah khayalan. Tidak mungkin terjadi ke atasnya yang sudah tercemar ini, tetapi hanya dia boleh mengabdikan diri kepada Allah”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 146)

Berdasarkan petikan cerpen *Utusan Memori* di atas jelaslah bahawa terdapat nilai mengabdikan diri kepada Allah SWT. Dalam konteks ini, ia memaparkan tentang dosa silam yang mengamit dirinya untuk berubah dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Hal ini dikatakan demikian kerana hidupnya pada seketika dulu, bergelombang dengan melakukan dosa. Sehubungan dengan itu, ia menggunakan nikmat kesihatan yang dikurniakan oleh Allah SWT untuk mengabdikan diri kepada jalan yang direhái Allah SWT. Oleh itu, berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa mengabdikan diri kepada Allah SWT dapat memperolehi banyak fadilat yang membuka jalan ke syurga.

Secara ringkasnya, nilai mengabdikan diri kepada Allah SWT menerusi cerpen *Fajar Yang Suram* dan *Utusan Memori* diaplikasikan dengan menggunakan pendekatan kemasyarakatan. Hal ini dikatakan demikian kerana menerusi pendekatan ini memaparkan mengenai melakukan kebaikan dan mencegah melakukan kemungkaran sebagaimana yang ditegah oleh syarak. Sehubungan dengan itu, hal ini bertepatan dengan padangan Hashim Awang (2002), iaitu mengamalkan falsafah amar makruf nahi mungkar untuk mengajak melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan dengan mengikut landasan-landasan Islam yang benar dan betul. Di samping itu, pendekatan kemasyarakatan dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengabdikan diri sepenuhnya terhadap-Nya. Tegasnya, terdapat pelbagai cara untuk mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT salah satunya dengan mengabdikan diri kepada Allah SWT.

4.4.2.3 Nilai Keimanan Kepada Qada dan Qadar Allah SWT

Nilai keimanan kepada qada dan qadar Allah SWT bermaksud kepercayaan pegangan hidup yang kukuh tidak hanya tersemat dihati tetapi ia disertakan dengan ketaatan dan amalan terhadap suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya yang telah diperintahkan (Khalil Rahman, 2008). Dalam konteks ini juga bertepatan dengan pandangan Burhanuddin Jalal (2016) mengenai bukti beriman kepada Allah SWT menerusi kepada patuh dan tunduk kepada segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Dalam pada itu, menurut pandangan Engku Ahmad Zaki Engku Alwi (2021) ada menyatakan bahawa iman merupakan harta yang paling berharga bagi seseorang muslim. Hal ini dikatakan demikian kerana iman bertindak sebagai piawaian yang menentukan martabat seseorang manusia di sisi Allah SWT. Sehubungan dengan itu, menurut Nik Hasnah Ismail (2015) ada menyatakan bahawa mereka sepatutnya melihat ujian musibah itu bukan perosak kepada keimanan seseorang tetapi menjadi tali yang mengukuhkan iman dan keyakinan terhadap kebesaran Allah SWT. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa nilai keimanan seseorang tidak dapat diukur dan ditandingi kerana ia mempunyai tahap keimanan yang berbeza. Jelaslah bahawa keimanan berkait rapat dengan fitrah kejadian manusia sebagai makhluk ciptaan Allah SWT.

Ekoran daripada itu, menyentuh tentang nilai keimanan kepada qada dan qadar Allah SWT dapat dilihat menerusi rukun iman yang keenam iaitu beriman kepada qada dan qadar Allah. Dalam konteks ini, qada membawa maksud kepada perkara yang terjadi ke atas manusia seperti suka dan duka, kaya dan miskin. Manakala qadar pula merujuk kepada ketetapan dan ketentuan daripada Allah SWT atas setiap makhluknya. Justeru itu, menurut Umar Mukhtar Mohd Noor (2015), ada menyatakan bahawa hukum menolak qada dan qadar Allah ialah boleh menjerumus kepada kekufuran. Oleh itu, berdasarkan pernyataan di atas jelaslah bahawa umat Islam hendaklah beriman kepada

qada dan qadar Allah sebagaimana yang diperintahkan pada rukun iman keenam. Lanjutan itu, berdasarkan petikan cerpen *Selangkah Menuju Syurga* di bawah ada memaparkan mengenai nilai keimanan kepada qada dan qadar Allah SWT.

Petikan 46

Malah Zaihan Sari merasakan semua itu kembali tipis kerana papa dan mama, masing-masing sudah punya teman istimewa. Jadi, Zaihan Sari sebenarnya sedang berusaha memujuk hatinya yang luka itu daripada terus terluka. Walaupun pada permulaan perceraian mama dan papa telah menyebabkan Zaihan Sari memberontak, tetapi kemudahan usia serta ilmu pengetahuan yang menjadi pedoman akhirnya dia mampu menerima ini semua sebagai qada dan qadar daripada Allah.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 126)

Berdasarkan petikan cerpen *Selangkah Menuju Syurga* di atas memaparkan mengenai nilai keimanan kepada qada dan qadar Allah SWT. Hal ini dapat dilihat menerusi watak Zaihan Sari redha akan ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Hal ini dapat disimpulkan oleh Rifan Aditya (2021), ada menyatakan bahawa beriman kepada qada dan qadar Allah merupakan percaya dan yakin dengan sepenuh hati bahwasanya Allah SWT memiliki ketetapan, kehendak, dan keputusan untuk semua makhluk-Nya. Dalam pada itu, menurut Umar Mukhtar Mohd Noor (2015), ada menyatakan bahawa hukum menolak qada dan qadar Allah ialah boleh menjerumus kepada kekufuran. Oleh hal yang demikian Zaihan Sari cuba menerima qada dan qadar Allah yang telah ditetapkan kepada kedua orang tuanya. Keadaan ini tentunya, mengambil sedikit masa untuk dia pulih daripada perasaan kecewa. Dalam pada itu, Allah telah menguji hambanya dengan tujuan untuk melihat ketaatannya terhadap ketentuan Allah SWT. Sehubungan dengan itu, Allah menguji hanya insan yang terpilih dan akan dibalas dengan ganjaran syurga. Di samping itu, ia memaparkan sifat redha yang ada pada orang yang beriman dan ia tidak dimiliki oleh orang-orang munafiq iaitu orang yang menentang ketetapan Allah SWT. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa menerima ketentuan qada dan qadar Allah banyak hikmah yang akan diperolehi.

Menyedari hakikat di atas ternyata jelaslah bahawa nilai keimanan kepada qada dan qadar Allah SWT terdapat pada pendekatan kemasyarakatan berdasarkan cerpen *Selangkah Menuju Syurga*. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat meningkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT menerusi mendalami rukun iman keenam. Oleh hal yang demikian pendekatan kemasyarakatan ini bertujuan untuk kesejahteraan masyarakat dan pengukuhan iman dalam diri masyarakat (Hashim Awang, 2002). Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa pendekatan kemasyarakatan juga mengamalkan falsafah amar makruf nahi mungkar iaitu mengajak melakukan kebaikan dan meninggalkan kejahatan mengikut landasan-landasan Islam yang benar dan betul.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

4.4.3 Pendekatan Seni

Menurut Hashim Awang (1997) pendekatan seni bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat seperti yang dituntut dalam agama. Di samping itu, pendekatan seni digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya. Pendekatan ini menilai aspek unsur keindahan dalam karya sastera. Berdasarkan pendekatan seni terdapat beberapa cara untuk mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT melalui cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Antaranya:

4.4.3.1 Nilai Keikhlasan

Nilai keikhlasan menurut *kamus Dewan* (2015) didefinisikan sebagai hati suci, tidak menipu atau berpura-pura. Justeru itu, keikhlasan juga dimaksudkan dengan melakukan sesuatu amalan atau kebaikan untuk mendapat reda Allah SWT semata-mata, dalam pada itu menjadi syarat Allah menerima ibadat yang kita lakukan (Nurkhamimi Zainuddin, 2019). Sehubungan dengan itu, menurut pandangan Mohamad Khir Johari (2011), ikhlas adalah rahsia antara Allah dan hamba-Nya, mengenai keikhlasan yang menjadi kunci kepada hati seseorang. Disingkapkan disini bahawa keikhlasan memerlukan hati yang bersih dan perlu memperbanyakkan zikir untuk mengingatkan dan mendekatkan diri kepada Allah SWT secara istiqamah. Hal ini dikatakan demikian kerana nilai sesebuah keikhlasan sangat bernilai di sisi Allah SWT kerana ia dapat menzahirkan kepada keimanan dan ketakwaan seseorang kepada Tuhan.

Justeru itu, nilai keikhlasan dapat dilihat menerusi cerpen *Cahaya Kasih* berdasarkan petikan di bawah. Nilai keikhlasan yang dipertonjolkan itu dengan tujuan untuk mendidik masyarakat untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab serta menjaga tingkah laku dalam melakukan sebarang aktiviti. Di samping itu, nilai keikhlasan juga lahir daripada hati yang dalam bagi menzahirkan keikhlasan seseorang dalam mempamerkan sesuatu. Hal ini dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Cahaya Kasih* di bawah.

Petikan 47

“Jangan main di sini selalu!” Ayat itu yang keluar dari peti suaraku. Namun, itu adalah ucapan ikhlas kerana selama ini aku memang cukup terganggu dengan fiil mereka. Selepas ayat itu aku ucapkan, mereka pun seperti biasa bertempik sambil bertempiaran seperti orang gila. Aku sekadar mengurut dada”.

(Radzemah Bolhassan 2013: 30)

Berdasarkan petikan di atas iaitu berkenaan cerpen *Cahaya Kasih* mengisahkan tentang keikhlasan seorang jiran dalam menegur kelakuan yang tidak sopan jirannya. Teguran ini bersifat untuk mengeratkan silaturrahim dan menjaga kelakuan semasa berhadapan dengan orang yang lebih tua. Dalam pada itu, keikhlasan membawa maksud kepada perbuatan yang dilakukan bertujuan kerana Allah semata-mata. Hal ini bertepatan dengan Huzili Hussin (2019), ada menyatakan bahawa ikhlas merupakan suatu amalan yang dilakukan untuk mendapat keredhaan daripada Allah semata-mata. Tegasnya, berdasarkan petikan di bawah terdapat nilai keikhlasan dalam bertutur yang dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Di samping itu, nilai keikhlasan dalam bertutur dapat meluntur masyarakat untuk menjadi seseorang yang lebih baik daripada sebelumnya.

Tegasnya, nilai keikhlasan yang diterapkan dalam diri manusia dapat menzahirkan nilai ketakwaan, keimanan dan kecintaan kepada Allah SWT dengan merujuk kepada aspek unsur keindahan dalam karya sastera. Begitu juga dengan nilai

keikhlasan dalam bertutur seharian. Disingkapkan disini bahawa pendekatan seni yang digunakan ini berkisarkan cerpen *Cahaya Kasih*. Hal ini dikatakan demikian kerana ia menzahirkan keikhlasan melalui percakapannya. Hal ini dapat dilihat melalui petikan cerpen di atas iaitu “ayat itu yang keluar dari peti suaraku”. Berdasarkan ayat tersebut, mengandungi pendekatan seni iaitu keindahan gaya bahasa yang dituturkan melalui percakapannya. Rentetan daripada itu, menurut Hashim Awang (1997), ada menyatakan bahawa pendekatan seni digunakan untuk meneliti nilai-nilai estetika yang ada padanya. Oleh itu, bertitik tolak daripada pernyataan di atas dapat diungkapkan bahawa nilai keikhlasan dalam bertutur ia lahir dari sanubari demi mendapat keredhaan Allah SWT semata-mata. Berdasarkan pendefinisian dan pendapat tokoh tersebut, dapatlah difahami bahawa sesuatu perbuatan itu dapat dikatakan ikhlas jika perbuatan itu dilakukan semata-mata kerana Allah tanpa mengharapkan balasan. Malahan ia dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT.

4.4.3.2 Nilai Kesyukuran

Nilai kesyukuran membawa maksud kepada perasaan bersyukur apabila mendapat dikurniakan rezeki oleh Allah SWT (Nik Hasnah Ismail, 2015). Manakala menurut Aisyah Abdul Hamid (2022) ada menyatakan bahawa nilai kesyukuran adalah perkataan terima kasih adalah kuncinya dalam menzahirkan kesyukuran kepada seseorang. Seterusnya, menurut Mirgain & Cordova (2007) ada menyatakan bahawa kesyukuran membawa banyak kebaikan dalam diri masyarakat yang mewujudkan perasaan positif. Di samping itu, menurut Malawati Adnan (2011) ada menyatakan bahawa menzahirkan perasaan dan perlakuan yang dilahirkan secara ikhlas atas segala nikmat yang diterima. Bersangkutan hal ini dapat di simpulkan bahawa nikmat yang dikurniakan oleh Allah SWT hendaklah disyukuri agar ia menjadi satu wadah keberkatan dalam menjalani kehidupan. Menyedari hakikat di atas, nilai kesyukuran dapat dilihat menerusi petikan *Meniti Batas Waktu* berdasarkan petikan di bawah.

Petikan 48

“Kami bertindak lebih cepat daripada pihak berkuasa. Malah kereta kesayangan Khalidilah bermandikan darah orang tua Raduan. Syukurlah kerana Puan Zaharah selamat melahirkan Raduan biarpun melalui pembedahan. Malangnya sebaik sahaja tangisan Raduan ke udara, Encik Harun meninggal dunia. Lebih malangnya, sehari usia Raduan, emaknya pula meninggal dunia”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 79)

Berdasarkan petikan cerpen *Meniti Batas Waktu* di atas memaparkan nilai kesyukuran kehadrat Ilahi kerana selamat melahirkan anak. Malangnya, ibu umurnya tidak panjang setelah melahirkan Raduan, Puan Zaharah meninggal dunia kerana mengalami kecederaan semasa kemalangan. Oleh disebabkan itu, Suraya mengambil peluang untuk menjaga Raduan sebagai anak angkat mereka sebelum diberikan kepada pihak berkuasa. Dalam pada itu, menurut Imam al-Ghazali (1995), nilai kesyukuran membawa maksud kepada keikhlasan manusia menghargai dan menyanjung tinggi sumbangan, pemberian dan khidmat bakti yang telah diberikan oleh seseorang dalam usaha memberi pertolongan kepada diri mereka. Berdasarkan petikan di atas jelaslah bahawa nilai kesyukuran membawa erti yang besar kepada Suraya dalam menjalani kehidupannya seharian. Di samping ia dapat berkongsi rezeki bersama-sama dengan anak yatim.

Rentetan daripada itu, berdasarkan petikan cerpen *Meniti Batas Waktu* ini dapat dilihat menerusi pendekatan seni yang diaplikasikan oleh pengkaji melalui teori Pengkaedahan Melayu. Sebagai contoh, pendekatan seni yang digunakan ialah mengenai tangisan Raduan ke udara. Dengan adanya, pendekatan seni ini ia dapat memfokuskan berkenaan unsur-unsur keindahan dalam sastera yang berlandaskan al-Quran dan hadis (Hashim Awang, 1997). Keindahan tersebut merupakan keindahan dari segi gaya bahasa digunakan bagi melambang suara tangisan bayi. Unsur-unsur keindahan yang diterapkan bertujuan untuk memperkayakan bahasa di samping melambangkan kecintaan kepada Allah SWT terhadap rezeki yang dikurniakan oleh-

Nya. Pendek kata nilai bersyukur hendaklah diterapkan dalam diri masyarakat agar bersyukur dengan rezeki yang diberikan oleh Allah SWT.

Seterusnya, nilai kesyukuran dapat dilihat menerusi petikan cerpen *Fajar Yang Suram*. Hal ini dikatakan demikian kerana ia dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT dengan melafazkan kesyukuran kehadrat-Nya. Selain itu, nilai kesyukuran dapat dilihat menerusi pandangan Musetah Mashod (2010), yang menyatakan bahawa manusia hendaklah bersyukur dan berterima kasih dengan apa yang dimiliki terutamanya kepada Tuhan. Oleh itu bolehlah dikatakan bahawa terdapat nilai kesyukuran yang dilafazkan berdasarkan petikan cerpen *Fajar Yang Suram* menerusi petikan di bawah.

Petikan 49

“Qanvij tidak kulupakan. Kuceritakan tentang bahaya penyakit itu, Begitulah kani. Bertukar-tukar cerita. Seperti kata Qanvij, “Tunggulah, isu itu akan reda.” Alhamdulillah, Tuhan tidak memanjangkan kekeruhan di hati manusia Sayangnya, manusia tidak mengambil iktibar. Apabila lenyap sesuatu musibah, mereka bangkit semula. Ada pihak yang bangga kerana mereka mampu menghalang kejadian itu daripada terus berleluasa. Ada juga pihak yang menjelir lidah kepada keluarga mangsa. Kononnya tidak tahu menjaga keselamatan keluarga. Namun yang tersingkap dihatiku, tidak terfikirlah oleh manusia bahawa itu satu gertakan daripada Allah Yang Maha Esa? Namun, sayangnya perkara seperti itu tidak termaktub dalam hati seluruh umat”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 52)

Berdasarkan petikan *Fajar yang Suram* di atas mengenai tentang wabak penyakit yang melanda kampung mereka. Hal ini menyebabkan mereka sukar untuk keluar daripada rumah untuk menerusi aktiviti harian. Hal ini disebabkan kerakusan tangan manusia dalam menerokai hutan sehingga hutan tersebut dicaras, ditebang dan juga dibakar. Hal ini menyebabkan berlakunya pencemaran alam seperti jerebu yang teruk sehingga menjadikan kesihatan masyarakat seperti saluran pernafasan menjadi sesak kerana menghidu jerebu yang tebal. Di samping itu, ia dapat mengancam keselamatan nyawa masyarakat. Dalam pada itu, ia memaparkan mengenai kesyukuran

kepada Ilahi, misalnya “alhamdulillah” setelah semuanya beransur pulih. Rentetan itu, segelintir masyarakat mengambil mudah mengenai bencana ini dan memandang serong serta menuding jari tanpa usul periksa. Oleh itu, berdasarkan petikan tersebut pihak berkuasa hendaklah memainkan peranan penting bagi mengelola masalah ini agar ia dapat dibendung dan di atasi segera dan tidak diulangi lagi pada masa akan datang.

Bertitik tolak daripada pernyataan di atas jelaslah bahawa terdapat nilai kesyukuran berdasarkan cerpen di atas menerusi pendekatan seni. Misalnya, “satu gertakan daripada Allah Yang Maha Esa”. Hal ini memaparkan mengenai maksud tersirat disebalik kejadian yang berlaku di kampung mereka dan patut dijadikan sebagai iktibar. Dalam pada itu, gaya bahasa yang diterapkan melalui pendekatan seni ini dapat menyampaikan mesej yang tersirat dan yang tersurat kepada para pembacanya. Pendek kata, pendekatan seni menjadi karya sastera sebagai persoalan pokok yang dapat menggambarkan keindahan dalam sastera iaitu keindahan yang berlandaskan dirinya kepada nilai-nilai estetika Islam dan tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran dan fahaman Islam (Hashim Awang, 1997). Pendek kata, nilai kesyukuran yang dinyatakan di atas dapat meningkatkan nilai ketakwaan, keimanan dan kecintaan kepada Allah SWT.

4.4.3.3 Nilai Berdosa

Nilai berdosa merujuk kepada kewujudan perasaan berdosa dan ia dapat diampunkan oleh Allah SWT dengan lahirnya perasaan kesal atau keinsafan yang ada pada jiwa dengan melakukan solat taubat (Mohd Asri Zainul Abidin, 2019). Hal ini juga bersesuaian dengan pandangan Mohd Aizat Shamsuddin (2019) yang menyatakan bahawa umat Islam akan mendapat pengampunan kecuali golongan yang bukan saja terang-terangan melakukan dosa, bahkan berbangga dengan tindakannya. Selain itu, nilai berdosa dapat didefinisikan sebagai balasan buruk kerana melakukan larangan

Allah SWT serta meninggalkan suruhan-Nya (Abd Aziz Harjin, 2010). Rentetan itu, jelaslah bahawa lahirnya nilai berdosa disebabkan oleh kekilafan seseorang yang berlaku sama ada dalam keadaan sedar atau sebaliknya. Oleh itu, bersangkutan dengan kewujudan perasaan berdosa dapat dilihat menerusi surah Ali 'Imran ayat 135-136.

وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَاحشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفِرُوا لِذُنُوبِهِمْ وَمَنْ يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ
وَلَمْ يُصْرُوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ (135)
أُولَئِكَ جَزَاؤُهُمْ مَغْفِرَةٌ مِنْ رَبِّهِمْ وَجَنَّاتٌ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ خَالِدِينَ فِيهَا وَنِعْمٌ أَجْرُ
الْعَالَمِينَ (136)

Maksudnya: “Dan mereka yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka ingat kepada Allah lalu memohon ampun dosa-dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah, dan mereka juga tidak meneruskan (perbuatan buruk) yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya). Orang-orang yang demikian sifatnya, balasannya adalah keampunan dari Tuhan mereka, dan syurga-syurga yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, mereka kekal di dalamnya; dan yang demikian itulah sebaik-baik balasan (bagi) mereka yang beramal”

(Surah Ali 'Imran: 135-136).

Berdasarkan pernyataan di atas ada menyatakan mengenai perbuatan dosa akan diampunkan dengan memohon keampunan kehadrat Ilahi dan juga melakukan solat sunat taubat. Di samping itu, berdasarkan petikan di atas ada memaparkan mengenai Allah SWT Maha Pengampun dan Maha Penyayang buat hamba-hamba-Nya. Justeru itu, nilai berdosa dapat ditampuni dengan melakukan sedekah, ibadat-ibadat sunat dan juga berzikir. Oleh itu, setiap manusia juga mempunyai dosa yang memerlukan pengampunan Allah SWT. Sehubungan dengan itu, nilai berdosa dapat dilihat menerusi petikan cerpen di bawah.

Petikan 50

“Sebenarnya ibu kecewa. Rasa berdosanya kepada adik tidak dapat ditebus. Dia tidak sempat mendakap adik. Kalau boleh, ingin rasa hatinya membicarakan kepada adik bahawa dia yang bersalah, tetapi tidak berkesempatan. Juga bukan silap orang lain kerana ibu sendiri telulu ego untuk melawat adik di hadapan orang ramai. Akan tetapi, disebabkan bisikan syaitan dan tinta hitam pada hatinya, ibu telah menterbalikkan fakta”.

(Radzemah Bolhassan, 2013: 48)

Menerusi petikan cerpen *Di Ambang Kepasrahan* di atas memaparkan mengenai nilai berdosa seorang ibu terhadap anaknya yang telah meninggalkan dunia. Hal ini disebabkan sifat ibunya yang keras kepala dan bersikap pilih kasih antara anaknya sehingga salah seorang daripada anaknya tersisih dari segi kewangan, persekolahan dan juga kasih sayang. Dalam pada itu, berdasarkan petikan di atas menyatakan bahawa ibunya kecewa dan berdosa setelah sekembalinya anaknya kepada Maha Pencipta. Hal ini disebabkan kerana sifat keegoan yang terdapat pada dirinya sehingga ia tidak menziarahi anaknya sedang terlantar sakit walaupun berkali-kali diberi dorongan oleh jiran tetangga untuk pergi menziarahinya. Rentetan daripada itu, anaknya tidak dapat diselamatkan kerana menghidap penyakit barah pada tahap akhir. Oleh itu, ibunya kecewa dan merasa berdosa di atas sikap dan layanannya terhadap anaknya itu. Hal ini juga disebabkan oleh bisikan syaitan yang lahir pada hati manusia.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa terdapat pendekatan seni yang memaparkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT. Dalam pada itu, pendekatan ini menilai aspek unsur keindahan dalam karya sastera agar ia tidak bertentangan dengan akidah serta ajaran dan fahaman agama Islam (Hashim Awang, 1997). Misalnya, pendekatan seni yang digunakan ialah “tinta hitam pada hatinya” yang merujuk kepada permasalahan hati yang dialami oleh ibunya terhadap kebaikan yang dipertonjolkan oleh anaknya. Ekoran daripada itu, jelaslah bahawa terdapat pendekatan seni yang dapat mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT menerusi terbitnya nilai berdosa dalam diri setelah melakukan kekilafan.

4.5 Penutup

Kesimpulannya, pada bahagian bab empat ini pengkaji membincangkan mengenai keputusan dan perbincangan yang diperolehi berdasarkan objektif kajian. Objektif kajian yang dijalankan oleh pengkaji terdapat tiga objektif iaitu untuk mengenalpasti unsur Islam yang terdapat dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan, untuk menganalisis masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan sehingga mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT, dan mengetengahkan kaedah dalam mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT melalui *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Dalam pada itu, pengkaji mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan keagamaan. Menerusi pengkaedahan keagamaan ini, pengkaji menggunakan ketiga-tiga pendekatan tersebut, iaitu terdiri daripada pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan menjelaskan kesimpulan secara keseluruhan mengenai unsur Islam dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan iaitu satu pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Bahagian ini penting kerana ia merupakan bab terakhir dalam projek penyelidikan. Dalam pada itu, pada bahagian ini pengkaji akan merumuskan kembali dapatan kajian yang diperolehi berdasarkan cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Sehubungan dengan itu, rumusan dan saranan dalam bab ini merupakan hasil dapat kajian. Justeru itu, cadangan dan kebaharuan yang digunakan bertujuan untuk menambahbaik terhadap implikasi yang berlaku. Di samping itu, pengkaji akan menjelaskan pendekatan yang digunakan berdasarkan analisis-analisis yang telah dijalankan oleh pengkaji.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.2 Rumusan

Secara keseluruhannya, keputusan kajian ini menunjukkan mengenai pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu menerusi cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* Karya Radzemah Bolhassan. Hal ini demikian kerana tajuk pada kajian pengkaji mengenai unsur Islam dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan iaitu satu pengaplikasian teori Pengkaedahan Melayu. Bersangkutan dengan ini, pengkaji dapat menghimpunkan tentang unsur Islam yang terdapat pada teks *Antologi Sejadah Ibadah* dengan menggunakan pengkaedahan keagamaan. Pendek kata, tujuan kajian ini dijalankan untuk menyenaraikan unsur Islam yang terdapat pada petikan cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan.

Seterusnya, kajian yang dijalankan ini menggunakan sebanyak tiga objektif kajian iaitu yang pertama untuk mengenal pasti unsur Islam yang terdapat dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan, kedua untuk menganalisis masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan sehingga mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT dan yang ketiga kaedah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT melalui *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Jika diteliti dengan lebih mendalam pada kajian ini juga pengkaji akan menghubungkait antara objektif kajian dengan pengkaedahan keagamaan yang diaplikasikan oleh pengkaji. Hal ini demikian kerana untuk mendapatkan dapatan analisis yang benar dengan teori Pengkaedahan Melayu.

Rentetan itu, objektif kajian yang pertama digunakan bertujuan untuk memaparkan unsur Islam yang terdapat dalam cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Dalam erti kata yang lain, unsur Islam menggambarkan elemen-elemen yang berkaitan dengan agama Islam. Sebagai contoh unsur Islam yang pengkaji perolehi melalui analisis pada objektif kajian yang pertama ialah konsep bersalam,

konsep patuh kepada agama, konsep solat Jumaat, konsep dua khalimah syahadat, konsep kesyukuran, konsep sedekah, konsep takbiratulihram, konsep taat kepada orang tua, konsep bertudung, konsep isteri yang taat, konsep perkahwinan, konsep rezeki, konsep al-Quran dan Hadis, konsep menziarahi jenazah, konsep zikir, konsep dosa, konsep doa dan konsep hari kiamat. Berdasarkan dapat yang diperolehi pengkaji akan menerapkan elemen teori pengkaedahan keagamaan yang meliputi pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni dalam setiap analisis dengan mengikut pecahan pendekatan teori tersebut. Tegasnya, unsur Islam ini bertujuan untuk memaparkan elemen-elemen yang berkaitan agama Islam yang terdapat pada petikan teks tersebut.

Selanjutnya, objektif kajian yang kedua pula, meliputi aspek masalah sosial yang dihadapi oleh rentetan kehidupan sehingga mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT. Hal ini dapat dilihat menerusi objektif kajian yang kedua, yang mana turut mengaplikasikan pengkaedahan keagamaan yang meliputi aspek pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan, dan pendekatan seni. Antara dapat kajian yang diperolehi berdasarkan objektif yang kedua ini pula ialah melafazkan kesyukuran, menikmati rezeki, bertawakal kepada Allah SWT, menerima takdir Allah SWT, menzahirkan keinsafan, sentiasa bersyukur, sentiasa beristigfar, dan mensyukuri hidayah Allah. Secara ringkasnya, disini mengambarkan masalah sosial yang dihadapi dapat membentuk jiwa manusia untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT sehingga dapat mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT.

Lanjutan daripada itu, objektif yang terakhir iaitu objektif yang ketiga pula, tentang kaedah untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT melalui *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Berdasarkan objektif ini juga, pengkaji mengaplikasikan pengkaedahan keagamaan yang meliputi tiga aspek tersebut iaitu yang terdiri daripada pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan, dan

pendekatan seni. Dalam pada itu, hasil dapat kajian yang diperolehi oleh pengkaji pada bahagian ini ialah nilai taubat, nilai bersyukur, nilai bertafakur, nilai-nilai moral dalam al-Quran, nilai mengerjakan solat, nilai kemapunan, nilai keinsafan, nilai mengabdikan diri kepada Allah SWT, nilai keimanan kepada qada dan qadar Allah, nilai keikhlasan, nilai kesyukuran, dan insan berdosa. Tegasnya, pada objektif ketiga ini bertujuan untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT.

Pendek kata, menyentuh mengenai analisis-analisis yang telah diperoleh terdapat banyak unsur Islam yang diaplikasikan berdasarkan kajian ini. Hal ini dapat diterapkan melalui kehidupan kita seharian kerana ia dapat meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT. Di samping ia didasari pada keimanan dan bersendikan kepada akidah agama yang bersumber kepada al-Quran dan hadis. Hal ini bertepatan dengan pengkaedahan keagamaan yang menggalakkan umatnya membésarkan sifat-sifat keagungan Allah SWT sebagai tunjang kehidupan. Dalam pada itu, melalui pengkaedahan keagamaan ini juga bertujuan untuk mendapatkan kebaikan dan keadilan dalam kalangan masyarakat yang selari dengan kehendak Islam. Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa masalah sosial yang dihadapi tidak mempunyai halangan untuk berubah malah, masalah sosial yang dihadapi tersebut dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

5.3 Perbincangan

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji ini, didapati bahawa kurang penghayatan agama Islam dalam kalangan masyarakat disebabkan oleh kelemahan iman yang dihadapi oleh kalangan masyarakat. Hal ini berpunca daripada sikap individu tersebut yang kurang memberikan penghayatan tentang kalam Allah SWT. Oleh itu, penerapan unsur-unsur Islam memainkan peranan penting dalam sesebuah institusi kekeluargaan kerana dapat membentuk sebuah keluarga yang beriman dan bertakwa pada jalan Allah SWT. Justeru itu, masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat dapat dibendung dengan mudah dengan menerapkan unsur-unsur Islam dalam jati diri kalangan masyarakat.

Daripada penerangan di atas jelaslah bahawa masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat akibat rentetan kehidupan dapat dipupuk dan dibendung. Hal ini dikatakan demikian kerana segelintir masyarakat kurang penghayatan agama dalam meneruskan kehidupan sehari-hari. Lantaran itu, masalah sosial berlaku secara berlarutan sehingga sukar dibendung dalam kalangan masyarakat. Sepatutnya, masyarakat seharusnya berganding bahu dalam menggalaskan tanggungjawab yang telah diberikan oleh Allah SWT dengan penuh amanah dan jujur. Oleh yang demikian, masalah sosial yang dihadapi oleh masyarakat boleh diatasi dengan memberikan motivasi dan bimbingan secara berkala. Berdasarkan kajian ini sesuai dengan pandangan Ros Anita Karini Mohamed & Abdul Halim Ali (2021) yang menyatakan bahawa kurangnya penghayatan agama menyebabkan berlakunya masalah sosial terhadap masyarakat dan ia perlu dibimbingi agar ia tidak berlarutan di kemudian hari.

Dalam pada itu, untuk mempertingkatkan nilai ketakwaan kepada Allah SWT hendaklah dipupuk bermula daripada kecil lagi. Hal ini kerana melentur buluh hendaklah dari rebungnya. Dalam hal ini, dengan adanya pelbagai kempen kepimpinan dapat menarik minat masyarakat dalam mewujudkan rasa kecintaan kepada Allah SWT. Hal ini kerana iman seseorang muslim ada pasang dan surutnya. Oleh itu, setiap masalah yang dihadapi mempunyai jalan penyelesaiannya. Contoh yang ketara yang paling dekat dengan kita ialah sentiasa memberi teguran serta menasihati untuk berubah dan bertaubat bagi mencari jalan keredhaan-Nya.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

5.4 Cadangan

Pada bahagian ini pengkaji akan menyarankan beberapa cadangan untuk dilaksanakan pada masa akan datang. Antara cadangannya ialah memartabatkan cerpen kepada orang ramai agar orang ramai tertarik dan meminati untuk membaca karya sastera. Hal ini demikian kerana ia semakin dilupakan oleh kalangan masyarakat terutamanya pada masa kini. Hal ini bermakna kajian terhadap cerpen haruslah diteruskan dan diperbanyak lagi supaya dapat menambahkan rujukan untuk generasi yang akan datang serta menjadikannya sebagai bahan rujukan dalam sesebuah kajian. Selain itu, kebanyakkan masyarakat kini yang terlibat dalam bidang sastera lebih cenderung untuk memilih karya picisan kerana ia lebih menghiburkan dan lebih seronok untuk dibaca. Hal ini demikian kerana ia memaparkan unsur-unsur romantik yang melibatkan dalam percintaan yang sesuai dengan perkembangan jiwa remaja. Dalam pada itu, bahasa yang digunakannya juga mudah untuk difahami berbanding dengan karya cerpen.

Cadangan yang selanjutnya, ialah memperbanyak dalam penerbitan karya sastera. Hal ini demikian kerana ia dapat menarik minat masyarakat untuk membaca karya tersebut serta mendorong masyarakat untuk menceburi diri dalam bidang sastera terutamanya mengenai cerpen. Dalam pada itu, Pihak Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Institusi Terjemahan Buku Malaysia (ITBM) dan banyak lagi, haruslah memainkan peranan dan berganding bahu dalam memupuk minat masyarakat untuk membaca cerpen. Dalam konteks ini, jelaslah bahawa cadangan yang dikemukakan ini mampu untuk menarik minat masyarakat untuk mengkaji mengenai cerpen.

Rentetan daripada itu, cadangan yang dapat dikemukakan ialah dengan menubuhkan persatuan dan bekerjasama dengan mana-mana pihak syarikat dalam NGO atau Badan bukan kerajaan untuk menarik minat masyarakat untuk membaca karya-karya cerpen yang telah dihasilkan. Di samping itu, persatuan yang ditubuhkan itu, hendaklah memainkan peranan untuk mempromosikan karya sastera ini di mata dunia. Misalnya, mengadakan seminar dan pameran mengenai sastera. Secara ringkasnya, berdasarkan cadangan ini mampu untuk menarik minat masyarakat untuk membaca karya sastera seperti cerpen.

Dalam pada itu, pihak media massa hendaklah memainkan peranan dalam menyiar artikel-artikel terkini. Hal ini demikian kerana peranan media massa merupakan satu platform yang menyiar isu semasa yang dapat menarik minat pembaca untuk menceburi bidang ini. Sehubungan dengan itu, dengan adanya platform ini memudahkan masyarakat untuk mencari atau melayari karya-karya sastera. Oleh itu, jelaslah bahawa pihak media massa memainkan peranan penting dalam menarik minat masyarakat untuk menceburi bidang sastera. Pendek kata, cadangan yang dikemukakan ini dapat dipertimbangkan untuk generasi akan datang.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

5.5 Penutup

Kesimpulannya, kajian yang dijalankan ini berfokus kepada cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan yang meliputi dua belas buah cerpen. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu menerusi pengkaedahan keagamaan. Hal ini kerana ia bertepatan dengan tajuk kajian yang dijalankan oleh pengkaji mengenai unsur Islam yang terdapat pada petikan cerpen *Antologi Sejadah Ibadah* karya Radzemah Bolhassan. Dalam pada itu, pengkaji menggunakan ketiga-tiga pendekatan berdasarkan setiap objektif kajian iaitu pendekatan dakwah, pendekatan kemasyarakatan dan pendekatan seni. Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk menyampaikan mengenai unsur Islam yang terkandung pada petikan teks *Sejadah Ibadah* yang dapat meningkatkan keimanan dan ketakwaan seseorang terhadap agama Islam. Pendek kata, kajian seperti ini haruslah diteruskan agar bidang sastera dapat diperkembangkan lagi oleh generasi masa akan datang. Hal ini demikian kerana ia dapat membentuk jati diri seseorang ke arah yang lebih baik di masa hadapan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BIBLIOGRAFI

- A. Wahab, A. (2009). Perkembangan Cerpen Melayu: Dari Cerita Moyang Ke Dewan Sastera. *Sari* 27, 109-123.
- Ab. Rahim, N. S. (2022). *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa karya Ramli Abdul Halim: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Final Year Project Thesis, Universiti Malaysia Kelantan.
- Abd. Rahim, I., & Khairuddin, M. (2017). *Kesusasteraan Melayu*. Bangi, Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.
- Abdul Razak, P. (2015). Perwatakan "Abdulkadir" dalam Dua Cerpen Thai: Suatu Perbandingan. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, Volume 8, No. 2, 245-256.
- Abdul, R. J., Shamsudin, O., & Norzila, M. Y. (2011). Keberkesanan Cerpen Dalam Mempertingkatkan Prestasi Penulisan Karangan Bahasa Melayu Dalam Kalangan Murid. *Journal Pendidikan Bahasa Melayu*, 45-57.
- Ahmad Azwadie, A., & Mawar, S. (2018). Avant-Garde dalam Cerpen Marsli N.O. *Jurnal Wacana Sarjana*, Vol. 2 (2), 1-12.
- Ahmad, M., & Hamidi. (2020). Konsep Taubat Menurut Perspektif Islam. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development*, 100-108.
- Ani, O. (2012). Tulisan Jawi: Pemikiran Penyair dalam Puisi Melayu Moden Dari Perspektif Teori SPB4K. *Jurnal Peradaban Melayu*, Vol. 7.
- Ariff, M. (2009). *Analisis Kesesuaian Pemilihan Teks Bagi Genre Cerpen Dan Novel Komponen Sastera Dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Asmiaty, A. (2021). Hubungan Etnik di Sabah. Satu Kajian Terhadap Cerpen-Cerpen Terpilih Penulis Sabah. *PENDETA Journal Of Malay Language, Education and Literature*, 12 (2), 44-54.
- Asmiaty, A., & Roziah, A. (2021). Dunia Hampir Bergabung dalam Kumpulan Cerpen Laron oleh Jasni Mat Lani: Satu Bacaan Realisme Magis. *Akademia*, 91 (1), 15-23.
- Aswadi, A. (1 Julai, 2017). *Keagamaan, Kerohanian Penting Bagi Identiti Negara*. Retrieved from Berita Harian.
- Awang, H. (1998). *Kritikan Kesusasteraan: Teori dan Penulisan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Boh Phaik, E., & Goh Sang, S. (2013). Kehilangan Makna dalam Penterjemahan Chengyu ke dalam Bahasa Melayu. *Kajian Malaysia*, Vol. 31, No.1, 79-96.
- Burhanuddin, J. (25 Februari, 2016). *Lapan Nilai Bentuk Akhlak Mulia*. Retrieved from Berita Harian.

- Che Abdullah, C. Y. (2018). *Bedar Sukma Bisu daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Abdullah, C. Y. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu*, 17 (2), 328-341.
- Eiffa Yuhanis, R. (2022). *Unsur Nilai Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu Oleh Hashim Awang (1989)*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, UMK.
- Elavarassan, M. S., & Nordiana, H. (2021). Analisis Elemen Menjana Minda Falsafah Pendidikan Kesasteraan Melayu Dalam Teks Cerpen Moden Kesusteraan Melayu Komunikatif. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)*, 45-55.
- Elavarassan, M. S., & Nordiana, H. (2021). Analisis Elemen Menjana Minda Falsafah Pendidikan Kesasteraan Melayu Dalam Teks Cerpen Moden Kesusteraan Melayu Komunikatif. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)*, 11 (2), 45-55.
- Engku Ahmad, Z. E. (15 November, 2021). *Ukuran Keimanan Kepada Allah*. Retrieved from Harian Metro.
- Farra Humairah, M., & Nik Rafidah, N. M. (2016). Pemikiran Kerohanian Dalam Cerpen Kanak-Kanak Pilihan Mutakhir Dan Kesan Positif Kepada Kanak-Kanak. *Journal Of Malay Language, Education and Literature*, 35-5.
- Hadijah, J., Nor Shahida, M. S., & Farra Humairah, M. (2020). Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu Dalam Kumpulan Cerpen Melamar Rindu Oleh Osman Ayob Melalui Dakwah Islamiah. *Jurnal Dunia Pengurusan UPSI*, 4, 1-11.
- Hamdani, & Syaheeda. (2019). *Ruang Peribadi Wanita Dalam Cerpen Terpilih Oka Rusmini: Satu Bacaan Ginokritik*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Hashim, A. (1997). *Kritikan Kesusteraan Teori dan Penulisan*. Kuala Lumpur: Bahasa dan Pustaka.
- Hashim, A. (2002). Teori Pengkaedahan Melayu dan Prinsip Penerapannya. *Seminar Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*, (pp. 20-23). Riviera Bay Resort.
- Huzili, H. (7 Disember, 2019). *Nilai Ikhlas Mendasari Akhlak*. Retrieved from Sinar Harian.
- Jamiah, M., Aizan Sofia, A., Siti Fardaniah, A. A., Chong Tseau, T., Arena, C. K., Mohd Nasir, S., . . . Idris, F. (2017). Cerpen Mikro: Wacana Kreatif dalam P&P Pembangunan Belia (SPKM 2023). *AHTLHE Vol. 9, No. 2*, 13-26.
- Johari, Y. (2015). *Pantun Peribahasa Melayu: Analisis Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu*. (PhD Thesis). Universiti Sains Malaysia.

- Kamus Dewan. (2007). *Edisi ke-4*. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, Cet. 4., Tahun 2015.
- Komathy, V. (2021). *Tanda Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Karya M. Ramaiah*. (PhD Thesis). Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Latha, M. (2015). *Nilai Kemanusiaan Dalam Kumpulan Cerpen Mu.Anbuhelvan Dari Perspektif Teori Moral*. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Lau, Y. L. (2009). *Kajian Metafora Kata Nama Dan Kata Sifat Dalam Cerpen Bahasa Mandarin*. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mahani, I. (15 Oktober, 2019). *Taat Suami Selagi Tidak Melanggar Syarak, Bahayakan Nyawa*. Retrieved from Berita Harian.
- Maizatul Akma, S. (2022). *Unsur Budaya Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Maniyarasan, M. (2015). Suara Kemanusiaan Dalam Cerpen-Cerpen Tamil Malaysia Karya S. Vadiveloo Yang Berlatarkan Zaman Penjajahan British dan Jepun. *Jurnal Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya*.
- Mastura, O. (2022). *Nilai-Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Srengenge Karya Shahnon Ahmad: Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Mawar, S. (2019). Didaktisme Ismaili dalam Cerpen Melayu Mutakhir. *Akademika 89 (Isu Khas/ Special Issue)*, 55-67.
- Md. Salleh, Y. (2021). *Kamus Kesusastraan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mior Muhamad Saiful, N. M., Nik Rafidah, N. M., & Arbe'e, S. (2012). Refleksi Penyataan Psikologi Abnormal dalam Cerpen-Cerpen Remaja. *International Journal of the Malay World and Civilisation*, 30 (1), 55-56.
- Mohamad Aniq, A. A. (2022). Konsep Perkahwinan Menurut Perspektif Fiqh dan Undang-Undang Islam di Malaysia. *Seminar Warisan Nabawi Kali Kelapan*. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Mohamed Nazreen, S. H., Rohaya, M. A., & Muhammad Wafi, R. (2021). Impak Perintah Kawalan Pergerakan Terhadap Golongan Miskin: Satu Analisis Cerpen Kuncitara. *Malaysian Journal Of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 6 (2), 1-8.
- Mohamed, M. D., & Mohd Farhan, M. (2010). *Pendidikan Islam*. Kota Bharu, Kelantan: Naluri Creative.
- Mohd Ajib, I. (28 Ogos , 2021). *Menghayati Erti Sebenar Kemerdekaan* . Retrieved from Harian Metro.

- Mohd Firdaus Che Yaacob. (2021). *Nilai-Nilai Murni Dalam Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu Kelantan Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus, C. Y. (2018). *Nilai-Nilai Murni dalam Naratif Lisan di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pengkaedahan Melayu*. Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus, C. Y. (2022). Akal Budi Dalam Cerita Rakyat Di Tumpat, Kelantan: Satu Penelitian Terhadap Pengkaedahan Alamiah. *Jurnal Melayu*, Vol. 21 (1), 129-144.
- Mohd Firdaus, C. Y., & Nasirin, A. (2017). *Penerapan Nilai Murni Dalam Cerita Rakyat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu: Analisis Nilai Kasih Sayang Dan Nilai Keadilan Dalam Masyarakat Melayu*. (PhD Thesis). Universiti Malaysia Kelantan.
- Mohd Firdaus, C. Y., & Normaliza, A. R. (2016). Nilai Baik Hati Menerusi Cerita Rakyat Melayu Terhadap Masyarakat Melayu Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business and Social Development*, 4 (2), 48-57.
- Mohd Syah, Z. R. (2013). *Fesyen Pemakaian Tudung Di Kalangan Remaja: Satu Kajian Di Jitra*. Fakulti Sains Sosial Gunaan, Open University Malaysia.
- Mohd Zikri Ihsan, M. Z., Shamsudin, O., Abdul, R. J., Zabil, & Azhar Md., S. (2019). Penggunaan Peta Pemikiran dalam Pembelajaran Cerpen KOMSAS Tingkatan Lima. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu (JPBM)*, Vol. 9, Bil. 1, 47-55.
- Muhammad Fahmi, M. R., & Nurfarhana, M. D. (2019). Jonsep Keluhuran Al-Quran Sebagai Perlembagaan Hidup Dan Manifestasinya Terhadap Rahmat Sekalian Alam. *Borneo Akademika*, Volume 3 (2), 23-30.
- Muhammad Izzat Farhan, M. A. (2021). *Kedinamikan Citra Masyarakat Dalam Novel-Novel Remaja Terpilih: Satu Penelitian Pendekatan Kemasyarakatan*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Muhammad Syauqi, M. Z. (2022). *Transkripsi Lagu Rakyat Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Analisis Nilai-Nilai Murni Berdasarkan Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan, UMK.
- Murogaiah, & Annadurai. (2014). Cerpen-Cerpen Tamil Malaysia (1986' 2000): Satu Kajian Tema. *Sarjana*, Volume 29, No.1, 67-82.
- Nadia, I., & Kamariah, K. (2019). Aspek Dakwah Dalam Novel Suriati Berdasarkan Pendekatan Dakwah Teori Pengkaedahan Melayu. *Malay Literature*, 32 (1), 116-144.
- Naizalaila, M. (2019). *Analisis Cerpen Terpilih Karya Zurinah Hassan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Nik Hasnah, I. (27 Disember, 2015). *Musibah, Nimat Pengukur Nilai Keimanan Mukmin*. Retrieved from Berita Harian.

- Nor Hayati, F. T., Mohd Huzairi, A., & Hajarul Bahti, Z. (2010). Al-Quran dan As-Sunnah Teras Ketamadunan Manusia. Seminar Pengajian Islam Menjana Keintelektualan Ummah. Universiti Sains Islam Malaysia.
- Nor Muhammad, S. N. (2022). *Unsur Mitos Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nor'Ain, A. H. (2019). *Peleraian Konflik Melalui Pendekatan Dakwah Dalam Drama Terpilih Noordin Hassan*. Final Year Project Thesis, Universiti Malaysia Kelantan.
- Noraini, A. S. (2016). *Padi Sebagai Tanda Dalam Peribahasa Melayu*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norazilah, B., Nor Azlili, H., & Nik Norazira, A. A. (2022). Manifestasi Budaya Peradaban Melayu Dalam Novel Kasyaf Ain: Suatu Aplikasi Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal of Law, Government and Communication, Volume 7*, 192-208.
- Norazimah, Z., & Mazarul Hasan, M. H. (2020). Citra Emosi Wanita Dalam Cerpen dan Rasa Kepada Khayalak. *International Journal of Social Science Research, Vol. 2, No. 1*, 121-133.
- Norfazila, A. (2020). Aspek Pemikiran Kreatif Dalam Kumpulan Cerpen Cerita Monyet, Anjing, dan Pohon Ginkgo Karya Jasni Mat Lani. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language (IJHPL), Volume 3*, 32-44.
- Normaizatul Anis, A., & Halis Azhan, M. H. (2019). Pemikiran Islam Dalam Konteks Sosioekonomi Dalam Kumpulan Cerpen Cahaya Pelita Nurani. *Jurnal Pengajian Melayu, Jilid 30*.
- Norsuhaida, I. (2019). *Pengaruh Pendidikan Formal dalam Cerpen Nisah Haron dan Aidil Khalid Berdasarkan Kerangka Konseptual Kata Kunci*. Ijazah Master Sastera, Universiti Putra Malaysia.
- Norzatul Iqma, M. N. (2020). *Nilai Kemelayuan dalam Himpunan Drama Melayu Popular Terpilih di Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Final Year Project Thesis, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Anis, I. N. (2022). *Nilai Budi Dalam Cerita Asal-Usul Melalui Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan*. Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Nur Muhammad, H. Z. (28 Mac, 2020). *Peringatan Agar Insaf*. Retrieved from Harian Metro.
- Nur Safiah, A. R. (2020). *Nilai-Nilai Kepahlawanan Menerusi Sajak-Sajak Terpilih Dalam Antologi Suara Wirawan Negara Bangsa Karya Ramli Abdul Halim: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, UMK.
- Nur Safiah, M. Z. (2020). *Nilai-Nilai Keislaman Menerusi Cerpen-Cerpen Terpilih Dalam Seuntaian Rindu Firdaus Karya Ana Balqis: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

- Nur Samsiah, M., & Mohd Firdaus, C. Y. (2021). Adat Dalam Teromba Masyarakat Melayu di Negeri Sembilan: Satu Penelitian Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Language Education And Applied Linguistics (IJLEAL)*, 11 (1), 48-48.
- Nur Samsiah, M., Mohd Firdaus, C. Y., & Nasirin, A. (2021). Citra Masyarakat Dalam Naratif Lisan: Satu Pendekatan Teori Pengkaedahan Melayu. *Journal Of Business and Social Development*, 9 (2), 93-106.
- Nur Shahirah, O. (2020). *Akal Budi Orang Melayu Dalam Cerita Rakyat Himpunan 366 Cerita Rakyat Malaysia: Satu Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu*. Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Nur Syazwani, B., & Zubir, I. (2020). Syair Duka Dalam Pelayaran Ke Mekah: Satu Analisis Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Melayu*, Bil. 19.
- Nurkhamimi, Z. (1 Februari, 2019). *Ikhlas Jauh Daripada Sifat Riyak*. Retrieved from Harian Metro.
- Nurul Husna, M. (22 Mac, 2022). *Hijab Sepadan Bentuk Muka*. Retrieved from Harian Metro.
- Nurul Nasuha, M. R., & Zubir, I. (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sarjana*, 2 (2), 1-15.
- Nurul Nasuha, M. R., & Zubir, I. (2018). Hikayat Nabi Adam: Satu Kajian Teks dan Analisis Berdasarkan Pengkaedahan Keagamaan. *Jurnal Wacana Sastera*, Vol. 2 (2), 1-15.
- Nurul Nuraina, A., & Nur Nafisah, A. (2020). Merungkai Sindrom Mediokriti dalam Cerpen Popular Karya Nadia Khan. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Vol. 17, No. 5, 180-201.
- Osman, A., Roslan, C., & Tian Rusmawati, R. H. (2020). Analisis Dakwah Dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Rejab F.I. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 8 (2), 49-59.
- Ponniamah, M. M. (2016). *Kebudayaan Masyarakat Tamil Malaysia Dalam Antologi Cerpen Re. Karthigesu*. (PhD Thesis). Universiti Putra Malaysia.
- Pramilah A/P, K. (2021). *Citra, Perjuangan dan Kedudukan Wanita Dalam Cerpen Terbitan Akhbar Makkal Osai*. Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Qira'ah, F. (7 Januari, 2019). *Niat Di Hati Ketika Takbiratulihram*. Retrieved from Harian Metro.
- Qurratul 'Ain, A. R., & Mawar, S. (2020). Perenungan Diri Dari Sisi Pendekatan Seni Dalam 77 Tuju: Siri Ingatan Kepada Kawan Karya Zaen Kasturi. *Malay Literature*, 33 (1), 123-148.
- Radzemah, B. (2013). *Kumpulan Cerpen Sejadah Ibadah*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan & Buku Malaysia.

- Ros Anita Karini, M., & Abdul Halim, A. (2021). Realiti Sosial Watak Wanita Dalam Cerpen “Ka-manakah Terbangnya Si Burong Senja” Daripada Lensa Taklif. *International Journal Of Humanities, Philosophy and Language*, 4 (16), 47-56.
- Rosanita, H. (2018). *Psikologi Kanak-Kanak dalam Cerpen-Cerpen Terpilih Zaharah Nawawi*. Ijazah Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia.
- Roslan, C. (2021). Analisis Karakteristik Dalam Analogi Cerpen Sewangi-Wangi Tulang Karya Muhd. Mansur Abdullah. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 9 (1), 20-32.
- Shamsudin, A. B. (2006). *Analisis Takmilah Cerpen Pemenang Hadiah Sastera Islam*. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Norsyahira, M. S. (2022). *Unsur Didaktik Dalam Teks Seuntaian Naratif Lisan Di Lembangan Sungai Pengkalan Datu, Kelantan: Satu Penelitian Pendekatan Moral*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Siti Nur Anis, M. A., Nordiana, A. J., Sudirman, K., Farah Atikah, S., Suraya, S., & Ainul Wahida, R. (2021). Nilai Kemanusiaan Dalam Novel Atas Lantai Takdir Karya Fida Rohani. *International Symposium On Cultural Heritage* (p. 52). Kelantan: Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.
- Supaya, V. A., & Annamalai, M. D. (2020). Bilai Kemanusiaan Dalam Kumpulan Cerpen Tamrai Ilaikal Karya Paavi Mengikut Perspektif Teori Tirukkural. *Journal of Education and Social Science*, Vol. 16, Issue 1.
- Syaidul Azam, K., & Arbai'e, S. (2017). Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Terpilih A. Aziz Deraman: Analisis Teori Pengkaedahan Melayu. *International Journal Of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*, 7, 47-63.
- Taufiq Yap, Y. H. (7 Mac, 2019). *Muslim Patuh Ajaran Islam Sebenar*. Retrieved from Harian Metro.
- Theng, Y. C. (2015). *Realisme Dalam Cerpen-Cerpen Dua Penulis Mahua Di Malaysia*. Tesis Ijazah Sarjana Sastera, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak.
- Tuan Rusmawati, R. H. (2017). *Alam Perlambangan Dalam Cerpen-Cerpen Pilihan S. Othman Kelantan*. (PhD Thesis). Universiti Sains Malaysia.
- Tuan Siti Nurul Suhadah, T. A., & Mohd Firdaus, C. Y. (2020). Akal Budi Dalam Naratif Lisan Penduduk Kota Bharu, Kelantan: Satu Penelitian Kemasyarakatan. *PENDETA Journal Of Malay Language, Education and Literature*, 11 (2), 126-140.
- Veno A/L Supaya, M. D. (2020). Nilai Kemanusiaan Dalam Kumpulan Cerpen Tamrai Ilaikal Karya Paavi Mengikut Perspektif Teori Tirukkural. *Journal of Education and Soscial Sciences*, Vol. 16.
- Wan Khairul Faiz, W. K. (2019). *Analisis Cerpen-Cerpen Terpilih Di Dalam Kumpulan Cerpen Bidadari Burung Dengan Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan.

- Wan Nurzafirah, W. Z. (2019). *Analisis Cerpen Terpilih A. Samad Said Menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu*. Tesis Ijazah Sarjana Muda, Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan, Kelantan.
- Yamin, C. (2 April, 2015). *Agama: Hidup Berlandaskan Kebendaan Jadikan Manusia Rakus*. Retrieved from Berita Harian.
- Yusmilayati, Y. (2020). Wanita Dan Cinta Dalam Kumpulan Cerpen Masitah. *Jurnal Melayu*, 19 (2), 306-320.
- Zul Fadli, M. K., & Shaiful Bahri, M. R. (2020). Patriotisme Dan Sejarah Dalam Cerpen Nazel Hashim Dan Ismail Sarbini: Satu Perbandingan. *International Social and Humanities Journal*, 3 (4), 17-30.
- Zulkarnain, I. (2021). *Pendidikan Islam*. Petaling Jaya, Selangor: Sasbadi Sdn. Bhd.

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

BIODATA PENULIS



Siti Munirah Binti Sayuti adalah nama penulis. Penulis merupakan penuntut tahun akhir Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian (Elektif Kesusasteraan Warisan). Dilahirkan pada 23 November 1999. Penulis merupakan anak kelima daripada tujuh beradik yang berasal dari Kelantan. Penulis mendapat pengajian awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Tangok. Seterusnya, penulis telah melanjutkan pengajian ke peringkat sekolah menengah iaitu di Sekolah Menengah Kebangsaan Badak. Kini, penulis menyambung pelajaran di Universiti Malaysia Kelantan dengan jurusan Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan. Akhir sekali, tanpa bantuan daripada pensyarah, rakan-rakan dan ibu bapa pastinya penulis tidak dapat untuk menyelesaikan projek penyelidikan ini dengan jayanya.